



LAPORAN TAHUNAN 2016



KANDUNGAN

2

TRANSFORMASI TERBUKTI BERJAYA

4

MEREALISASIKAN SEMANGAT KERAJAAN UNTUK RAKYAT

6

PENYAMPAIAN MELALUI DISIPLIN DALAM TINDAKAN
TINJAUAN TAHUN 2016

26

NTP

LAMPIRAN

PERBELANJAAN 2016

228

TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PWC

229

PRESTASI NTP 2016

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

230

PERUTUSAN PERDANA MENTERI



TRANSFORMASI TERBUKTI BERJAYA

Rakyat Malaysia sekalian,

Tahun 2016 sememangnya bakal tercatat dalam lembaran sejarah sebagai tahun yang menyaksikan perubahan geopolitik besar-besaran dan ketidakpastian ekonomi global yang berterusan. Namun, saya berbesar hati menyatakan bahawa Malaysia masih terus dilimpahi rahmat kestabilan dan trajektori pertumbuhan yang kekal positif.

Semua ini seiring dengan genapnya enam tahun pelaksanaan Program Transformasi Negara (NTP), sekali gus membuktikan bahawa keputusan penting yang telah kita ambil sejak tahun 2010 berjaya meletakkan kita pada laluan yang kukuh untuk menjulang status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Saya berbesar hati melaporkan bahawa menerusi usaha untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan usaha memangkinkan pelaburan sektor swasta menerusi Program Transformasi Ekonomi (ETP), Kerajaan terus mengotakan janji-janji yang telah dibuat semasa NTP dilancarkan pada tahun 2010.

Antara janji terbesar ialah pembangunan sebuah sistem pengangkutan bertaraf dunia. Di samping pengembangan kapasiti dan penaiktarafan infrastruktur terhadap rangkaian pengangkutan awam sedia ada, pada bulan Disember 2016 kita sama-sama menyaksikan impian saya terhadap sistem pengangkutan awam yang cekap, andal dan selamat untuk rakyat semakin hampir menjadi kenyataan dengan pelancaran projek Transit Aliran Massa (Mass Rapid Transit, MRT) di Lembah Klang.

Projek ini, yang merupakan infrastruktur terbesar yang pernah dilaksanakan oleh Kerajaan, menetapkan satu penanda aras bagi semua rancangan Kerajaan pada masa hadapan, yang mengambil kira keperluan kesalinghubungan dan kualiti kehidupan rakyat. Fasa pertama projek Laluan Sungai Buloh-Kajang juga disiapkan mendahului jadual dan pada kos yang kurang daripada apa yang dirancangkan, sekali gus memperlihatkan bukti yang jelas terhadap kejayaan Kerajaan dalam melaksanakan NTP.

Walau bagaimanapun, bukanlah projek berskala besar sahaja yang berfungsi sebagai hasil transformasi yang ketara. Satu lagi komponen NTP yang amat penting ialah usaha untuk memperoleh pertumbuhan yang mampan dan inklusif menerusi pelbagai pembaharuan asas dalam bidang-bidang seperti kewangan Kerajaan dan pembangunan ekonomi.

Hasilnya, sejak tahun 2010, kita telah mencatat pertumbuhan KDNK yang berdaya tahan tahun demi tahun, pada kadar melebihi dua kali pertumbuhan global. Saya juga berbesar hati memaklumkan bahawa usaha untuk mempelbagaikan sumber hasil Kerajaan telah berjaya mengurangkan sumbangan dari hasil berkaitan minyak dan

gas daripada 41.3% pada tahun 2009 kepada 14.7% pada tahun 2016.

Ini telah dipacu oleh aktiviti pembelagaian ekonomi negara melalui 12 Bidang Ekonomi Utama Negara ETP, seperti yang diumumkan dalam laporan "Tinjauan Tahun 2016" dan bab-bab NTP yang terkandung dalam terbitan ini. Satu perkara yang perlu diambil perhatian ialah selain memulihkan ekonomi kita daripada kegawatan ekonomi pada tahun 2009, kebijaksanaan dan sikap berhemat dalam usaha-usaha Kerajaan jelas terbukti ketika harga minyak jatuh baru-baru ini dan perkembangan luaran ekonomi berada di luar kawalan kita. Hasilnya, ekonomi kita terhindar daripada kelembapan yang ketara dan, kita terus mencapai pertumbuhan KDNK yang stabil 4.2% pada tahun 2016.

NTP telah memainkan peranan yang besar dalam memacu negara kita keluar daripada perangkap pendapatan pertengahan, yang kita alami pada tahun 2009. Pada akhir tahun 2016, PNK per kapita negara telah meningkat kepada US\$10,010, berbanding sasaran pendapatan tinggi yang dianggarkan pada US\$12,272 tahun lepas, menurut anggaran PEMANDU berdasarkan pengiraan PNK per kapita Bank Dunia menggunakan Kaedah Atlas dengan menggunakan maklumat awam yang tersedia pada masa ini. Ini merupakan pencapaian yang membanggakan kerana antara tahun 2010 hingga 2016, jurang Malaysia berbanding dengan pendapatan tinggi berkurangan daripada 33% kepada 18%. Selain itu, transformasi negara turut membantu mewujudkan lebih 2.26 juta pekerjaan dalam tempoh 6 tahun kebelakangan ini.

Pada masa yang sama, Kerajaan telah memperkenalkan langkah yang sukar tetapi perlu, seperti Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan rasionalisasi subsidi. Langkah ini mungkin tidak popular namun amat penting. Dengan kutipan GST berjumlah RM38.5 bilion pada tahun 2016, cukai baharu ini telah mengimbangi kekurangan hasil Kerajaan sebanyak RM30 bilion yang disebabkan oleh kejatuhan harga minyak sebanyak hampir 50%. Ini membolehkan kita menyokong perbelanjaan negara dengan sumber yang terhad dan terus melaksanakan langkah dan program yang semata-mata bertujuan memberi manfaat kepada rakyat.

Rasionalisasi subsidi juga telah berjaya mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan membantu menghapuskan ketirisan. Pada tahun 2016, defisit fiskal Kerajaan terus berkurangan dengan stabil kepada 3.1%, sekali gus memastikan kita berada di landasan yang tepat untuk mencapai bajet yang seimbang menjelang tahun 2020. Ini membolehkan kita memperkenalkan sistem subsidi yang lebih cepak dan bersasar untuk memberikan manfaat kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) misalnya, meringankan beban 7.28 juta isi rumah pada tahun 2016. Sejak tahun 2012, bantuan ini memastikan tiada sesiapa yang tercincir dalam arus transformasi negara.

Dalam mencapai ekonomi yang inklusif, NTP telah menambah baik kehidupan berjuta-juta rakyat, terutamanya penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Kami telah menyiapkan pembinaan 6,041.7 km jalan raya di kawasan luar bandar, berbanding dengan 750 km jalan raya luar bandar yang dibina pada tahun pertama program NTP pada tahun 2010, dan kami terus melaksanakan program pembekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar selain pembinaan dan baik pulih rumah bagi golongan miskin luar bandar. Semua ini telah memberi manfaat kepada 6.2 juta rakyat luar bandar.

Antara kemuncak pencapaian lain termasuklah pembinaan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) di Johor, yang merupakan hab bertaraf dunia bagi aktiviti minyak dan gas hilir yang menarik pelaburan swasta yang besar serta memacu keupayaan minyak dan gas kita untuk bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai. Selain itu, Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) Pembangunan Modal Insan telah merintis jalan ke arah pewujudan tenaga kerja berkemahiran yang akan menyokong aspirasi negara berpendapatan tinggi dan melonjakkan daya saing kita di persada global.

Malaysia telah muncul sebagai model bagi negara-negara lain yang ingin melaksanakan transformasi. Hal yang demikian membuktikan bahawa model transformasi kita merupakan model yang benar-benar berjaya dan menawarkan pengajaran serta iktibar berharga yang boleh dimanfaatkan oleh negara lain.

Selayaknya kita berbangga dengan segala pencapaian ini, namun kerja kita sebenarnya masih jauh daripada selesai. Kerajaan tidak akan berdiam diri sehingga kita berjaya menjulang matlamat negara berpendapatan tinggi, kemampunan yang bertambah baik serta keinklusifan yang meluas dalam ekonomi kita. Sehubungan dengan itu, saya ingin menzahirkan penghargaan yang setulusnya kepada perkhidmatan awam atas dedikasi yang dicurahkan mereka dalam memacu negara untuk mencapai aspirasi kita. Saya yakin bahawa sepanjang tempoh enam tahun yang lepas, perkhidmatan awam telah membina kapasiti dan menerima guna proses yang diperlukan untuk meneruskan program NTP bagi menjulang status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Atas sebab inilah kita merasakan bahawa masanya telah tiba bagi perkhidmatan awam untuk mengambil alih tanggungjawab NTP daripada PEMANDU, yang sehingga tahap ini telah memantau dan mengurus pencapaian transformasi yang dilaksanakan oleh perkhidmatan awam. Sebagaimana yang diumumkan oleh pejabat saya pada bulan Januari 2017, sebahagian daripada kerja transformasi ini telah dipindahkan sepenuhnya kepada perkhidmatan awam yang diterajui oleh Ketua Setiausaha Negara, iaitu Tan Sri Dato' Dr. Ali Hamsa. Kerja-kerja lain yang masih ada akan dipindahkan secara berperingkat hingga tahun 2019.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada PEMANDU atas usaha mereka yang tidak pernah mengenal penat dan jemu dalam memantau NTP sejak dari awal. Terima kasih saya yang setulusnya juga buat rakyat atas sokongan berterusan mereka terhadap inisiatif-inisiatif kami.

Perjalanan transformasi ini sesungguhnya bukanlah senang. Namun, saya terus yakin bahawa menjelang 2020, iaitu dalam tempoh tiga tahun lagi, kita akan bersama-sama menyaksikan kejayaan negara kita yang dikasihi ini dapat menjulang matlamat negara berpendapatan tinggi, yang menawarkan kemakmuran hidup dan peluang yang dapat dikongsi oleh seluruh rakyat Malaysia.

YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA

PERUTUSAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

MEREALISASIKAN SEMANGAT KERAJAAN UNTUK RAKYAT



Saya selaku pengurus Program Transformasi Kerajaan, berbesar hati melaporkan bahawa inisiatif program ini telah terus mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan dapat menangani isu-isu yang dihadapi oleh rakyat pada tahun 2016. Setelah enam tahun program ini dilaksanakan, turut dicapai ialah pembudayaan transformasi secara lebih meluas di semua kementerian dan jabatan Kerajaan yang terlibat.

Pada masa ini, semua rakan sejawat dalam pentadbiran negara dan perkhidmatan awam diseru agar terus komited dalam usaha untuk mencapai aspirasi negara berpendapatan tinggi dan terus memikul tanggungjawab dalam melaksanakan Program Transformasi Negara (NTP). Memandangkan pada tahun 2016 NTP telahpun tiba di persimpangan di mana berlakunya peralihan tugas-tugas PEMANDU kepada penjawat awam dan disusuli dengan penyempurnaan program ini pada tahun 2020.

Pencapaian yang amat ketara NTP telah menjadi bukti akan usaha yang telah disumbangkan oleh penjawat awam demi mewujudkan sistem penyampaian awam yang berkesan, selain memastikan kesejahteraan seluruh rakyat

Malaysia. Antara pencapaian utama yang telah dicapai dengan jayanya ialah pengurangan Jenayah Indeks kepada hampir separuh di antara tahun 2010 hingga 2016.

Dengan catatan penurunan purata 9% setahun, usaha mengurangkan jenayah yang dilaksanakan oleh Kerajaan berjaya menjadikan rakyat berasa lebih selamat, di mana Persepsi Penunjuk Jenayah mencatat penurunan yang nyata dalam kategori "perasaan takut rakyat menjadi mangsa jenayah" pada tahun 2016. Ini juga mencerminkan kejayaan kita dalam melaksanakan pendekatan yang lebih bersasar untuk membanteras jenayah dengan menumpukan usaha terhadap masalah jenayah dan keselamatan yang merupakan antara perkara yang amat dibimbangi masyarakat awam.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa inisiatif 1Malaysia seperti BR1M kekal menjadi salah satu langkah yang bersasaran dan berkesan dalam membantu golongan yang memerlukan, sekali gus meraih pengiktirafan yang meluas berikutnya manfaat yang dijanai oleh inisiatif ini. Pada tahun 2016, sejumlah 7.28 juta isi rumah meraih manfaat daripada RM5.36 bilion dana BR1M yang diberikan oleh Kerajaan

untuk meringankan beban golongan yang berdepan dengan kenaikan kos sara hidup yang tidak dapat dielakkan. Turut juga diperkenalkan beberapa langkah yang memfokuskan kepada pembangunan keusahawanan, seperti program 1AZAM, untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin dan miskin tegar secara mampan. Inisiatif ini membuktikan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan masa depan yang inklusif dan mampan bagi seluruh rakyat Malaysia.

Demi masa depan yang lebih cerah, sistem pendidikan yang berkualiti tinggi menjadi elemen utama untuk para pelajar kita dan perlulah bermula dari tahap pendidikan awal kanak-kanak lagi. Saya berbangga dan gembira melihat kadar enrolmen prasekolah kebangsaan meningkat kepada 85.56% pada tahun 2016, daripada 67% pada tahun 2009, dengan prasekolah kebangsaan mencapai kadar enrolmen hampir penuh bagi kumpulan umur 5+ tahun, iaitu sebanyak 92.1%. Pelajar sekolah pula mencapai prestasi yang lebih baik; dengan sistem band sekolah menunjukkan peningkatan dalam prestasi sekolah. Ini dibuktikan dengan peningkatan dalam skor yang dicapai Malaysia dalam Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (Trends International Mathematics and Science Study - TIMSS) bagi tahun 2015. Sebagaimana yang dilaporkan dalam tahun 2016, pelajar kita menunjukkan skor yang lebih baik dalam penilaian Matematik dan Sains.

Sebagai usaha penambahbaikan terhadap sistem pendidikan kebangsaan, program Sekolah Berprestasi Tinggi telah mengenal pasti sebanyak 132 buah sekolah yang dijadikan model kepada sekolah-sekolah lain dengan terus memperkuatkannya kualiti sekolah-sekolah tersebut. Manakala Program Dwibahasa (DLP) dan Program Imersif Tinggi (HIP) terus menyediakan para pelajar dengan kemahiran Bahasa Inggeris yang merupakan perkara penting untuk menjadikan mereka lebih berdaya saing di peringkat global.

Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk membanteras rasuah, Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (National Consultative Committee on Political Funding - NCCPF) terus berinteraksi dengan kedua-dua pihak parti politik Malaysia ke arah memperkenalkan peraturan bagi pembiayaan, pengurusan dan pelaporan kempen politik. Selaras dengan kepimpinan melalui teladan Kerajaan dalam menolak rasuah, pada tahun 2016 sebanyak 74.4% kes rasuah telah diselesaikan dalam tempoh setahun kes didaftarkan di mahkamah. Ini dapat dicapai menerusi penubuhan 14 buah mahkamah rasuah khas di setiap negeri dan Wilayah Persekutuan.

Selain itu pembangunan pengangkutan awam bandar merupakan antara pencapaian penting Kerajaan pada tahun 2016. Pelancaran Fasa 1 MRT Laluan 1 pada bulan Disember 2016 menandakan kemuncak kejayaan sektor ini pada tahun 2016, melengkapkan penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap tulang belakang rel Greater Kuala Lumpur/Klang Valley dengan Projek Sambungan Laluan LRT.

Aktiviti-aktiviti ini, bersama-sama dengan transformasi perkhidmatan bas dan teksi yang berterusan untuk memastikan kesalinghubungan batuan pertama dan batuan terakhir bagi pengguna, selain cetusan usaha untuk menawarkan sistem pembayaran bersepadu bagi perkhidmatan pengangkutan, memberikan petanda baik terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar yang bertaraf dunia. Sesungguhnya, usaha-usaha ini merupakan penanda yang ketara dalam kembara transformasi Malaysia menuju negara berpendapatan tinggi.

Antara bahagian terpenting NTP ialah inisiatif kami untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat luar bandar. Dari tahun 2010 hingga 2016, usaha ini telah menyaksikan NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar membina 6,041.7 kilometer jalan raya luar bandar baharu dan menyenggara sepanjang 2,378.5 kilometer jalan raya, menyediakan 350,094 buah rumah dengan akses kepada air bersih dan 153,821 buah rumah dengan akses kepada bekalan elektrik di samping membina dan membaik pulih 94,604 buah rumah untuk golongan miskin luar bandar. Semua inisiatif ini telah memberi manfaat kepada sejumlah 6.2 juta orang rakyat Malaysia, sekali gus memastikan semua rakyat Malaysia meraih manfaat daripada usaha-usaha di bawah NTP dan mendapat akses kepada pelbagai peluang yang dicipta dalam ekonomi berpendapatan tinggi.

Hakikatnya, tumpuan diberikan terhadap usaha untuk memastikan tiada rakyat yang ketinggalan dan mewujudkan impak jangka panjang yang merupakan nadi transformasi negara kita. Hasilnya, sejak NTP diperkenalkan, kemiskinan di negara ini hampir berjaya dibasmikan, lebih dua juta pekerjaan baharu diwujudkan dan perubahan yang berkekalan dicetuskan dalam cara Kerajaan menyampaikan perkhidmatan awam. Selama beberapa tahun ini, semua kejayaan ini dicapai dengan mengambil kira kepentingan rakyat dengan penuh kesungguhan.

Melangkah ke fasa terakhir NTP, diharapkan semua Kementerian dan agensi yang terlibat akan meneruskan tekad untuk mewujudkan masa depan yang lebih cerah buat negara kita yang tercinta agar dapat dinikmati bersama oleh generasi yang akan datang. Saya juga berharap agar semua pihak dapat terus merealisasikan semangat sebuah Kerajaan untuk rakyat, yang terus membantu dan mendahuluikan rakyat.



YAB DATO' SERI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

TINJAUAN NTP TAHUN 2016

PENYAMPAIAN MELALUI DISIPLIN DALAM TINDAKAN



DATO' SRI IDRIS JALA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PEMANDU

Ketika kami memulakan Program Transformasi Negara (NTP) pada tahun 2010, Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran daripada ketaksamaan sosioekonomi, kedudukan fiskal yang tidak berkembang dan pertumbuhan ekonomi yang lembap. Enam tahun kemudian, objektif kami masih utuh, iaitu untuk mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 secara menyeluruh dan mampan. Dari tahun ke tahun, Kerajaan gigih menumpukan usaha untuk menetapkan ‘sasaran Olimpik’ dan mencapai KPI ‘mustahil’ yang telah kami tetapkan untuk diri sendiri.

Pada tahun 2009, Malaysia dikatakan “terjerat dalam perangkap pendapatan sederhana” kerana pada tahun-tahun sebelumnya, tiada pengurangan jurang dicapai antara PNK per kapita negara dengan ambang pendapatan tinggi Bank Dunia. Kini, enam tahun selepas pelaksanaan NTP, jelas bahawa Malaysia telah berjaya melepassi perangkap pendapatan sederhana, dengan PNK per kapita USD10,010¹ pada akhir tahun 2016.

¹ Anggaran PEMANDU berdasarkan pengiraan PNK per kapita Bank Dunia (Atlas Method)

MENGAMBIL JALAN YANG JARANG DILALUI MENUJU PENDAPATAN TINGGI, KEMAMPAAN DAN KEINKLUSIFAN

Kerajaan mempunyai matlamat yang jelas ketika memulakan NTP bahawa kami tidak akan menerima guna kaedah yang dilaksanakan oleh banyak negara, iaitu mengejar pertumbuhan dengan mempertaruhkan kedudukan fiskal Kerajaan. Kami terpaksa membuat keputusan yang sukar seperti penarikan subsidi menyeluruh secara beransur-ansur dan pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), yang semuanya bertujuan mengurangkan jumlah pinjaman dan tahap defisit dalam usaha mengukuhkan kedudukan fiskal Kerajaan.

Pada masa yang sama, NTP telah berjaya merancakkan aktiviti ekonomi sekali gus membolehkan sektor swasta memacu pertumbuhan melalui dasar yang mesra perniagaan. Pembaharuan ekonomi yang dilaksanakan melalui NTP berjaya mengagihkan semula sumber pertumbuhan Malaysia. Kita telah mengurangkan pergantungan pada hasil minyak dan gas daripada 41.3% daripada hasil pendapatan kerajaan pada tahun 2009 kepada kira-kira 14.7% pada tahun 2016.


Di samping melonjakkan PNK per kapita ke ambang pendapatan tinggi, ukuran utama transformasi

negara digerakkan ke arah mencapai kedudukan fiskal yang kukuh dan pembangunan yang dipacu sektor swasta yang berkembang pada tahap sederhana untuk mencapai pertumbuhan mampan. NTP turut memfokuskan pengukuhan keinklusifan dalam ekonomi melalui keberhasilan sosioekonomi yang memberikan impak positif pada semua rakyat Malaysia.

Semua ini menuntut tindakan baharu dalam proses Kerajaan dan keberanian untuk menginstitusikan langkah yang tidak popular namun diperlukan untuk menerapkan penghematan dalam perbelanjaan

KERAJAAN KURANG BERGANTUNG PADA HASIL MINYAK

(RM Juta)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



TINJAUAN NTP TAHUN 2016

Kerajaan, selain peningkatan hasil untuk menggerakkan pembangunan sosio dan penambahbaikan untuk rakyat.

Hasilnya ialah pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan. Keputusan yang dibuat oleh Kerajaan terbukti tepat, meskipun berdepan dengan cabaran global yang disebabkan oleh ketidakpastian dalam pasaran utama seperti AS, UK dan Wilayah Eropah serta kejatuhan harga minyak global. Malaysia terus mencapai pertumbuhan KDNK yang stabil pada kadar 4.2% pada tahun 2016, sekali gus mengekalkan trajektori melebihi 4% sejak NTP diperkenalkan pada tahun 2010 dan ada kalanya, mengatasi kadar pertumbuhan global.

Defisit fiskal dikurangkan daripada 6.7% pada tahun 2009 kepada 3.1% pada tahun 2016, dan kerajaan bertekad untuk mencapai sasaran keseimbangan fiskal menjelang tahun 2020.

Kami berpegang pada matlamat yang jelas bahawa kami ingin memastikan pertumbuhan tidak menjelaskan kedudukan fiskal Kerajaan. Kami telah berjaya mengurangkan defisit fiskal daripada 6.7% pada tahun 2009 kepada 3.1% pada tahun 2016. Dengan kadar pengurangan ini, Kerajaan bertekad meneruskan usaha untuk mencapai sasaran keseimbangan fiskal menjelang tahun 2020.



Kami turut mengurus nisbah hutang Kerajaan kepada KDNK secara berhemat. Pada tahun 2016, nisbah hutang kepada KDNK ialah 52.7%, iaitu masih di bawah tahap tertinggi hutang 55% daripada KDNK yang telah ditetapkan sendiri oleh Kerajaan. Malaysia merupakan antara segelintir negara yang menetapkan sendiri tahap tertinggi hutang.

Kehematan fiskal ini disokong




oleh aktiviti ekonomi yang cergas diterajui sektor swasta yang telah meningkatkan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (CAGR) pelaburan sebanyak sekali ganda sejak tahun 2010. Antara tahun 2011 hingga 2016, CAGR pelaburan swasta ialah 10.8% berbanding dengan hanya 5.5% bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010.

Selain itu, bermula dengan nisbah yang hampir sama bagi

jumlah pelaburan yang tercapai di antara pelaburan awam berbanting swasta sebelum pelaksanaan NTP, sejak tahun 2010 sektor swasta telah mendahului pelaburan sektor awam secara beransur-ansur. Pada tahun 2016, sektor swasta menunjukkan penguasaan yang ketara dalam pelaburan terealisasi, mencakup sebahagian besar, iaitu 71% berbanding dengan pelaburan sektor awam sebanyak 29%.

Landskap yang menggalakkan pelaburan swasta telah direalisasikan melalui fokus NTP terhadap Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang diwujudkan untuk meletakkan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi. NKEA mencakup bahagian terbesar KDNK, iaitu RM865.3 bilion atau 70% daripada KDNK negara yang berjumlah RM1.23 trillion pada tahun 2016.

NKEA mencakup bahagian terbesar KDNK, iaitu RM865.3 bilion atau 70% daripada KDNK negara yang berjumlah RM1.23 trillion pada tahun 2016.



TINJAUAN NTP TAHUN 2016

Impak serta-merta pertumbuhan yang dipacu sektor swasta dapat dilihat melalui pewujudan pelbagai peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Sejak tahun 2010, ekonomi negara telah merekodkan 2.26 juta pekerjaan baharu.²

NILAI PNK (RM BILION)	
SEKTOR NKEA	2016
Pertanian	68.1
Kelapa Sawit/Getah	64.9
Minyak, Gas & Tenaga	179.7
Elektrik & Elektronik	57.0
Pemborongan & Peruncitan	181.9
Pendidikan	9.7
Penjagaan Kesihatan	10.9
Kandungan & Infrastruktur Komunikasi	58.1
Pelancongan	73.3
Perkhidmatan Kewangan	64.8
Perkhidmatan Perniagaan	58.6
JUMLAH NKEA	827.2
Industri Lain	367.5
JUMLAH PNK	1,194.6

TRANSFORMASI UNTUK SEMUA

Keinklusifan dan impak sosioekonomi yang seimbang merupakan asas NTP. Menjadi sebuah negara yang membangun tidak bermakna apa-apa jika kita tidak inklusif dalam pembangunan. Kita mahu semua rakyat Malaysia mendapat peluang yang sama tidak kira dalam perniagaan, pendidikan,

pekerjaan atau kualiti kehidupan.

Dengan mengambil kira perkara ini, kesukaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah 40% Terbawah Malaysia (B40) terus menjadi tumpuan utama NTP selaras dengan dasar pertumbuhan Kerajaan. Ini merupakan komitmen yang ditetapkan pada awal NTP, iaitu


untuk meningkatkan pendapatan bulanan kumpulan B40. Kini, min dan median pertumbuhan pendapatan isi rumah B40 telah mele过si jumlah pertumbuhan pendapatan isi rumah Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun (CAGR) pada 12% dan 12.8% masing-masing.³

²Pengiraan pekerjaan baharu berdasarkan definisi dan metodologi PEMANDU, data diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.


³Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014, Jabatan Perangkaan; Laporan dikeluarkan setiap dua tahun; Laporan 2016 akan dikeluarkan pada pertengahan tahun 2017.

Sejak tahun 2009, dalam kalangan semua strata pendapatan, B40 telah menunjukkan peningkatan terbesar dalam pertumbuhan CAGR

Median pendapatan bulanan



Min pendapatan bulanan



CAGR dari tahun 2009-2012

B40 9%

M40 8%

T20 7%

CAGR dari tahun 2012-2014

B40 19%

M40 12%

T20 9%

CAGR dari tahun 2009-2012

B40 9%

M40 8%

T20 7%

CAGR dari tahun 2012-2014

B40 17%

M40 11%

T20 8%

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kami telah berusaha dengan gigih untuk memastikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Setakat ini, pencapaian NTP adalah seperti berikut:

1. Menyiapkan jalan raya di luar bandar sepanjang 6,041.7 km;
2. Menyediakan bekalan elektrik yang andal untuk 153,821 rumah luar bandar;
3. Membekalkan bekalan air bersih untuk 350,094 rumah luar bandar; dan
4. Membina dan membaik pulih 94,605 rumah untuk golongan miskin luar bandar.

Secara keseluruhan, semua langkah ini telah membantu kehidupan lebih 6.2 juta rakyat Malaysia.

Usaha ini sebahagiannya direalisasikan oleh kajian semula Kerajaan terhadap perbelanjaan yang dibuat melalui NTP. Melalui pengurangan subsidi menyeluruh secara beransur-ansur seperti yang dinyatakan sebelum ini, Kerajaan telah berjaya mengalihkan penyaluran dana kepada golongan sasaran yang lebih memerlukan.

Dana ini telah disalurkan kepada individu dan isi rumah berpendapatan rendah melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Selain itu, Program 1AZAM, yang menawarkan bantuan dalam empat

bidang utama - penempatan kerja (Azam Kerja), pewujudan perusahaan perniagaan kecil-kecilan (Azam Niaga), pewujudan pembekal perkhidmatan kecil-kecilan (Azam Khidmat) dan pewujudan peluang dalam pertanian (Azam Tani), telah menyumbang secara signifikan dalam meningkatkan peluang isi rumah berpendapatan rendah untuk kehidupan yang lebih baik.

Inisiatif dan pencapaian ini menjadi bukti terhadap impak NTP yang meluas, sejajar dengan pendekatan program untuk memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan dalam arus transformasi negara untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi.

TINJAUAN NTP TAHUN 2016

MENANGANI TITIK SENTUH UTAMA RAKYAT DAN MEMACU PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA DALAM EKONOMI

NTP pada mulanya diwujudkan dengan matlamat untuk menangani masalah rakyat yang paling mendesak. Ini telah ditangani melalui Tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang dilaksanakan oleh sistem penyampaian Kerajaan dan telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang perlu dipertingkatkan selaras dengan transformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. NKRA ini juga mewakili bidang pembaharuan perkhidmatan awam untuk memastikan keperluan dan jangkaan rakyat dipenuhi dari segi

titik sentuh utama mereka.

Inisiatif NTP ini dilengkapkan oleh 12 NKEA dan ditambah dengan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang merupakan usaha Kerajaan untuk membangunkan tumpuan dan daya saing yang diperlukan oleh ekonomi Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Ini dicapai dengan mengutamakan sektor ekonomi yang paling banyak menyumbang kepada pertumbuhan Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan Keluaran Dalam Negari Kasar (KDNK) sambil mewujudkan pemangkin yang diperlukan untuk

memastikan persekitaran yang mesra perniagaan dan daya saing global dalam kalangan entiti perniagaan tempatan.

Sebagaimana yang diperincikan dalam halaman Laporan Tahunan ini yang berikut, pada tahun 2016, NTP terus mengotakan janjinya seperti yang telah ditetapkan terlebih dahulu dalam Pelan Hala Tuju NTP pada tahun 2010. Berikut ialah ringkasan aktiviti dan paparan utama program NTP bagi tahun 2016.



MENANGANI PENINGKATAN KOS SARA HIDUP

Meskipun kadar inflasi Malaysia kekal rendah (2016: 2.1%), dengan peredaran masa, kos sara hidup akan terjejas oleh kenaikan harga umum. Kadar inflasi yang sederhana, seperti yang telah dinikmati oleh rakyat Malaysia sejak tahun 2010, merupakan satu penunjuk kepada ekonomi yang sihat dan berkembang. Walau bagaimanapun, kos sara hidup tetap terdedah kepada impak daripada faktor luaran seperti harga komoditi dan turun naik mata wang. Kesan buruk ke atas harga boleh menjaskan beberapa kumpulan, seperti golongan berpendapatan rendah dengan lebih teruk berbanding dengan golongan lain.

Oleh yang demikian, NTP telah menggariskan langkah-langkah untuk menyediakan bantuan segera kepada mereka yang paling terkesan dengan peningkatan kos sara hidup dengan memberikan penekanan kepada kumpulan B40. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) ialah inisiatif utama di bawah NKRA ini. Sejak tahun 2012, sejumlah RM19.33 bilion telah disalurkan kepada individu dan isi rumah berpendapatan rendah mengikut keperluan. Pada tahun 2016, RM5.36 bilion telah diberikan kepada 7.28 juta isi rumah.



MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH



Pembasmian kemiskinan adalah penting dalam pembangunan negara menuju negara berpendapatan tinggi. Dengan memberikan tumpuan pada pelbagai faktor yang menyebabkan kemiskinan untuk memastikan golongan miskin tegar dan miskin bandar terus dapat dibawa keluar daripada kancah kemiskinan secara berkekalan, inisiatif NKRA ini menekankan pemerkasaan ekonomi untuk golongan yang memerlukan. Tindakan ini telah menyumbang kepada penurunan dalam tahap kemiskinan negara kepada 0.6% pada tahun 2014 daripada 1.7% pada tahun 2012.

Inisiatif diterajui oleh program 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) yang mencakup tujuh bidang fokus: AZAM

Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja, AZAM Khidmat, AZAM Bandar dan 1AZAM Sabah serta 1AZAM Sarawak yang dikendalikan secara autonomi. Individu yang mengambil bahagian dibekalkan dengan bantuan yang paling sesuai dengan keadaan dan keupayaan mereka untuk meningkatkan kemahiran masing-masing. Peserta kemudiannya akan diberi akses kepada peluang pekerjaan yang menguntungkan atau peluang untuk membuktikan kemahiran keusahawanan mereka. Peserta yang menunjukkan prestasi yang cemerlang juga akan diberi peluang untuk mengikuti program Beyond 1AZAM, yang menyediakan latihan, bimbingan dan pementoran lanjutan. Matlamat utama program ini adalah untuk memberi peserta

1AZAM yang berjaya keupayaan untuk meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 50% daripada projek mereka yang sedia ada sekurang-kurangnya untuk tiga bulan dan memandu mereka ke arah membina perusahaan kecil sederhana (SME) mereka sendiri.

Tahun 2016 telah merekodkan penyertaan 7,016 individu baharu dalam 1AZAM. Seramai 7,758 peserta baharu dan sedia ada telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka melebihi RM300 (lebih 90% daripada pendapatan individu yang terdahulu). Sementara itu, 1,719 peserta Beyond 1AZAM telah meningkatkan pendapatan mereka sekurang-kurangnya 50%.

MENGURANGKAN JENAYAH



Meskipun bandar dan negara yang paling selamat di dunia pun tidak dapat mendabik dada bahawa wilayahnya bebas daripada jenayah, Kerajaan terus berazam untuk mengurangkan kadar jenayah bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman rakyat.

Sejak tahun 2010, NKRA ini telah melaporkan purata penurunan tahunan Jenayah Indeks sebanyak 9%, yang membawa kepada pengurangan keseluruhan sebanyak 47%. Pada tahun 2016, kadar Jenayah Indeks turun sebanyak 2.8%. Sejajar dengan ini, Petunjuk Persepsi Jenayah (Perception of Crime Indicator, PCI), melaporkan penurunan rasa takut di kalangan penduduk Kuala Lumpur terhadap

kemungkinan menjadi mangsa jenayah daripada 80% semasa petunjuk diperkenalkan pada tahun 2015 kepada 61% pada tahun 2016. PCI mengukur persepsi awam terhadap faktor yang paling membimbangkan tentang jenayah dan keselamatan.

Teras aktiviti NKRA ini ialah transformasi pasukan polis melalui inisiatif Kepolisian Moden, pemuliharan penjenayah dadah dan pengurangan residivisme (ulang laku jenayah). Sepanjang tahun 2016, usaha membanteras jenayah juga telah beralih kepada keselamatan sempadan berikutan pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang telah menjadikan negara lebih terdedah kepada jenayah rentas sempadan.



TINJAUAN NTP TAHUN 2016



MEMBASMI RASUAH

Integriti, ketelusan dan akauntabiliti merupakan nilai-nilai yang amat penting bagi sebuah negara berpendapatan tinggi. NKRA ini bertujuan untuk menangani pemberantasan rasuah dalam kalangan sektor awam dan swasta. Meskipun kemahuan politik dan tadbir urus memainkan peranan yang amat penting dalam usaha membanteras rasuah, dengan memastikan kewujudan dan penguatkuasaan perundungan rasuah yang sewajarnya orang ramai juga perlu faham bahawa mereka turut menyumbang terhadap amalan rasuah.

Di sektor awam, NKRA ini telah memfokuskan usaha mentransformasikan pembiayaan politik serta pengurusan, pengawalan dan pelaporan kempen politik. Berikutan penubuhannya pada bulan Ogos 2015, Jawatankuasa Perundingan Kebangsaan mengenai Pembiayaan Politik (National

Consultative Committee on Political Funding, NCCPF) pada bulan Ogos 2015, NCCPF telah mengadakan perbincangan dengan parti-parti politik Malaysia merentas pelbagai perbezaan politik pada tahun 2016 untuk mengumpul maklum balas berkaitan dengan kertas cadangan NCCPF tentang pembiayaan politik. Interaksi ini akan berterusan dengan sasaran untuk memuktamadkan cadangan bagi kelulusan Kabinet dan menyediakan draf rang undang-undang mengenai pembiayaan politik untuk dibawa ke Parlimen.

Satu lagi pencapaian penting dalam usaha untuk membanteras rasuah dalam Kerajaan ialah penyelesaian sebanyak 74.4% kes rasuah dalam tempoh satu tahun selepas pendaftaran di mahkamah, yang diteraju oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ini seterusnya dikukuhkan lagi oleh penubuhan 14 mahkamah

rasuah khas bagi setiap Negeri dan Wilayah Persekutuan.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan usaha-usaha SPRM, NKRA ini telah memberikan penekanan kepada usaha untuk memasukkan peruntukan liabiliti korporat sejarar dengan inisiatifnya untuk membanteras rasuah dalam sektor korporat. Meskipun masih belum dicapai, ini merupakan peluang untuk menjana perubahan bagi SPRM untuk mengambil tindakan terhadap syarikat yang melakukan rasuah. Usaha ini juga meneruskan Ikrar Identiti Korporat (Corporate Identity Pledge, CIP) dan rangka kerja Sistem Integriti Korporat untuk memandu syarikat ke arah menjadikan langkah-langkah pencegahan rasuah sebagai amalan. Sebanyak 800 buah syarikat telah menandatangani CIP.



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

Sistem pengangkutan awam bandar yang selamat, cekap, mampu dibayar dan andal merupakan mercu tanda sebuah negara berpendapatan tinggi. Sebelum NTP diperkenalkan, inisiatif dan perkhidmatan pengangkutan awam bandar adalah tidak bersepada dan tidak memenuhi sepenuhnya keperluan pengangkutan penduduk bandar Malaysia. Keadaan ini telah berubah apabila NTP diperkenalkan, dengan pengenalan pelan pembangunan pengangkutan awam darat yang holistik yang berfokus terhadap pembinaan rangkaian pengangkutan komprehensif yang mempunyai kesalinghubungan batuan pertama dan batuan terakhir.

Pembangunan di bawah NKRA ini merupakan antara pencapaian terbaik NTP, dengan tahun 2016 membawa suatu era baharu pengangkutan awam bandar di Malaysia. Berikutan penyiapan Projek Sambungan Laluan LRT, yang mengembangkan dan menaik taraf rangkaian LRT buat kali pertama sejak pembinaannya pada tahun 1998, pengguna bandar seterusnya meraih manfaat daripada pembukaan fasa pertama Laluan 1 MRT Lembah Kelang. Aktiviti ini dilengkapi inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk mentransformasikan perkhidmatan teksi dan bas bagi rantaian perkhidmatan pengangkutan awam bandar yang menyeluruh. Di

samping itu, langkah-langkah sedang diambil untuk mempertingkatkan sistem pembayaran pengangkutan awam bandar bagi meningkatkan keselesaan dan kemampuan para pengguna.



MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



NKRA ini membawa pembangunan ke kawasan luar bandar melalui penyediaan infrastruktur di kawasan pedalamam dan penawaran program pemerkasaan ekonomi kepada penduduk luar bandar.

Bagitahun2016 sahaja, sepanjang 755.42 km jalan raya baharu telah dibina dan 3,000 rumah telah diberi akses kepada bekalan air bersih. Sementara itu, 3,233 rumah baharu telah dibina, 8,900 rumah dibaiki dan 9,921 rumah disambungkan kepada bekalan elektrik.

Dari segi penyediaan peluang penjanaan pendapatan, NKRA ini melaksanakan program Kampung Abad ke-21, yang diterajui oleh inisiatif Desa Lestari yang membangunkan sektor ekonomi luar bandar menerusi platform koperasi dan projek komersial. Pada tahun 2016, projek Desa Lestari mencapai 100% daripada jumlah 20 kampung yang disasarkan. Satu lagi inisiatif di bawah program Kampung Abad ke-21 ialah Cabaran Perniagaan Luar Bandar (Rural Business Challenge,

RBC), yang menggalakkan usahawan dalam kalangan belia luar bandar. Secara keseluruhan, usahawan RBC telah mencatat 109.35% peningkatan dalam jualan, dengan 43.47% daripada usahawan mencatat pertumbuhan lebih 100% dalam jualan. Projek RBC juga telah berjaya membantu dalam menjana lebih 352 pekerjaan baharu dan mencipta 82 usahawan baharu.

PENDIDIKAN



Inisiatif NTP berhubung dengan pendidikan dilaksanakan melalui usaha-usaha sektor awam (NKRA) dan swasta (NKEA). Hal ini menunjukkan pendekatan holistik Kerajaan dalam memperbaik hasil pendidikan bagi semua rakyat Malaysia daripada usia awal kanak-kanak hingga peringkat tertiari. Sektor pendidikan juga telah dikenal pasti sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi disebabkan keupayaannya untuk menjana pelaburan swasta dan pengeksportan perkhidmatan pendidikan.

Antara pencapaian NKRA Pendidikan termasuklah meningkatkan prestasi pelajar berdasarkan penanda aras antarabangsa seperti kajian Trends International Mathematics and Science (TIMSS). Sejak tahun 2011, Malaysia telah

mencatat peningkatan sebanyak 45 mata dalam kajian terhadap skor Sains kepada 471 dan peningkatan sebanyak 25 mata dalam Matematik kepada 465.

Sementara itu, NKEA Pendidikan telah membantu menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa, dengan 172,886 pelajar antarabangsa, daripada peringkat sekolah antarabangsa sehingga peringkat tertiari, yang direkodkan pada tahun 2016. Seterusnya, UNESCO menarafkan Malaysia sebagai destinasi ke-9 yang lebih disukai bagi pendidikan tinggi dalam kalangan pelajar-pelajar antarabangsa dalam Kajian Mobiliti Pelajar Antarabangsa. Ini menandakan peningkatan daripada kedudukan ke-12 pada tahun 2014. Inisiatif EduCity@Iskandar

negara, satu pusat pendidikan yang bersepada sepenuhnya yang terdiri daripada institut-institut pendidikan tinggi, tempat penginapan pelajar dan kemudahan sukan serta rekreasi terus mendapat tarikan dengan pembukaan Universiti Multimedia Kampus Johor dan University of Reading Malaysian (UoRM), kampus penuhnya di luar negara yang pertama.



TINJAUAN NTP TAHUN 2016



MINYAK, GAS DAN TENAGA

Meskipun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan pada hasil minyak, usaha sektor swasta untuk memanfaatkan potensi industri Minyak, Gas dan Tenaga yang bernilai tinggi terus menjadi pamacu utama ekonomi negara. Usaha ini telah diterajui oleh projek-projek hilir yang besar seperti Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang

(PIPC), yang menempatkan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) dan Terminal Laut Dalam Pengerang (PDT).

PIPC ialah satu-satunya projek pelaburan hilir/infrastruktur yang terbesar di Malaysia, dengan jangkaan jumlah pelaburan sebanyak RM128 bilion daripada pelabur utamanya, iaitu PETRONAS (untuk PIC) dan DIALOG (untuk PDT). PIC terus mencatat kemajuan mengikut jadual

pada tahun 2016 dengan mencapai status penyiapan 50% pada akhir tahun tersebut, manakala DIALOG telah menyiapkan kapasiti penyimpanan stok minyak sebanyak 1.3 juta meter padu di bawah fasa pertama PDT. DIALOG turut mencapai kemajuan mengikut perancangan untuk fasa kedua terminal minyak/petroleum.



PENJAGAAN KESIHATAN

Sektor penjagaan kesihatan merupakan satu lagi pamacu penting bagi ekonomi Malaysia, disokong oleh bidang pertumbuhan baharu yang dimangkinkan oleh NKEA Penjagaan Kesihatan. Inisiatif terus disandarkan pada usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan penyampaian penjagaan melalui pembinaan keupayaan dan kapasiti, penambahbaikan dasar serta promosi khidmat penjagaan kesihatan secara giat dengan kerjasama Kementerian dan agensi yang berkaitan.

Pada tahun 2016, usaha NKEA ini difokuskan pada sektor penyelidikan klinikal, farmaseutikal, peranti perubatan dan pelancongan kesihatan. Penyelidikan klinikal diterajui oleh Clinical Research Malaysia (CRM), yang menempatkan Malaysia sebagai destinasi global pilihan untuk penyelidikan tajaan industri (industry-sponsored research, ISR), selain memungkinkan dan

memudahkan proses ujian klinikal. Pada tahun 2016, CRM telah mencapai titik persimpangan yang sangat penting apabila ujian klinikal Fasa 1 diperkenalkan di Malaysia, sekali gus menandakan peralihan negara ke tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai ujian klinikal.

Industri farmaseutikal mencatat eksport sebanyak RM737.31 juta pada tahun 2016 di samping turut menyediakan platform untuk syarikat tempatan menyertai pasaran baharu. Pada tahun itu, satu Projek Permulaan yang baharu telah diwujudkan melalui perkongsian strategik antara Winthrop (M) Sdn Bhd, iaitu subsidiari Sanofi Aventis Group (Sanofi), dengan Xepa-Soul Pattinson (M) Sdn Bhd (Xepa) yang membenarkan Xepa mengilangkan pelbagai produk Sanofi di dalam negara dan mengeksportnya.

Dalam sektor peranti perubatan, eksport sebanyak RM9.69 bilion dicatat pada tahun 2016. Perkembangan

signifikan yang selanjutnya bagi sektor penjagaan kesihatan termasuklah penubuhan dua makmal Amalan Makmal Piawai Baik (Good Laboratory Practice, GLP), yang akan membantu pembuat peranti perubatan tempatan mengurangkan kos pengujian keselamatan produk mereka. Langkah ini digerakkan ke arah ekosistem holistik untuk menyokong sektor tersebut.

Dari segi usaha mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang paling utama, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (Malaysia Healthcare Travel Council, MHTC) membantu menjayakan urusan beberapa usaha sama awam-swasta serta perjanjian antara Kerajaan. Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam hasil pelancongan kesihatan.

ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E&E)



NKEA E&E memanfaatkan kepakaran dan kelebihan bersaing Malaysia yang terbina sepanjang sejarah negara yang sudah lama berperanan sebagai hab perkilangan. Walau bagaimanapun, di bawah NTP, aktiviti difokuskan pada perniagaan yang bernilai tambah lebih tinggi, seiring dengan transformasi Malaysia untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Meskipun pengilangan komponen elektronik tetap aktif, sektor ini juga semakin beralih ke arah operasi bernilai tinggi, seperti reka bentuk industri,

ujian & pengukuran serta perkakas elektrik.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan 107 projek E&E dengan nilai pelaburan berjumlah RM9.2 bilion, mengatasi sasaran RM6 bilion bagi tahun itu. Daripada bilangan ini, 17 projek mewakili pelaburan baharu yang bernilai RM1.5 bilion, manakala 90 lagi merupakan projek pengembangan/pempelbagaian dengan nilai pelaburan sebanyak RM7.7 bilion. Sebahagian besar pelaburan ini terdiri daripada aktiviti

pengembangan dan pempelbagaian dalam pengilangan produk LED, peralatan rumah, serta wafer dan sel solar.

Hasilnya, eksport E&E Malaysia meningkat sebanyak 3.5% kepada RM287.72 bilion pada tahun 2016, mewakili hampir separuh daripada jumlah eksport negara tahun lepas. Di samping itu, sektor E&E telah merangsang penjanaan 108,920 peluang pekerjaan sehingga akhir tahun 2016. Sebanyak 157,000 pekerjaan lagi dijangka diwujudkan menjelang tahun 2020.

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN




NKEA Perkhidmatan Perniagaan difokuskan pada bidang pertumbuhan baharu yang maju, yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia untuk mewujudkan bidang kbeitaraan yang berdaya saing pada peringkat global. Sehingga kini, inisiatif ini telah membenarkan negara mengasah kepakarannya dalam industri penyumberan luar, pusat data, pembuatan aeroangkasa, teknologi hijau serta pembinaan dan pembaikan kapal.

NKEA Perkhidmatan Perniagaan menyumbang RM56.5 bilion dalam PNK pada tahun 2016, meningkat 9% daripada tahun sebelumnya, meskipun dalam keadaan iklim perniagaan yang lebih lembab dan trend global yang berubah-ubah. NKEA ini juga terus memacu penjanaan pekerjaan dalam industri perkhidmatan bernilai tinggi dan intensif pengetahuan. Misalnya, sebanyak 3,734 pekerjaan telah diwujudkan dalam industri

Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar (SSO) tahun ini. Malaysia juga telah dinobatkan secara berterusan sejak tahun 2004 sebagai lokasi SSO ketiga paling menarik di dunia oleh Indeks Lokasi Perkhidmatan Global AT Kearney.

Kemuncak pencapaian lain yang dicatat oleh NKEA ini pada tahun 2016 termasuklah beberapa pelaburan asing dan pembentukan perjanjian dengan syarikat-syarikat asing: Malaysia Airlines dan Aircraft Propeller Service dari Amerika Syarikat menjalin usaha sama untuk membina kemudahan MRO turboprop pesawat ATR yang pertama di Asia; syarikat Jepun, iaitu Asahi Aero Malaysia Sdn Bhd, membuka kemudahan rawatan permukaan bahagian pesawat yang pertama di Asia Tenggara, bernilai RM18 juta; dan syarikat RUAG Aviation dari Switzerland membuka pusat pembaikan komponen yang baharu seluas 24,000 kaki

persegi, iaitu pusat yang pertama seumpamanya di Asia. Sementara itu, sektor pusat data, yang dipacu oleh permintaan perniagaan untuk penyimpanan dan penggunaan maklumat digital, menyaksikan VADS Bhd memulakan pembinaan pusat data baharu seluas 100,000 kaki persegi di Nusajaya, Johor. Pusat data ini akan dihubungkan dengan kemudahan yang serupa yang bakal dibina di Cyberjaya, Selangor, melalui sambungan optik fiber berkelajuan tinggi 100 Gbps.



TINJAUAN NTP TAHUN 2016



GREATER KUALA LUMPUR & LEMBAH KELANG

Greater Kuala Lumpur dan Lembah Kelang (Greater KL/KV) adalah unik dalam kalangan NKEA kerana ia berfokus pada lokasi geografi yang tertumpu pada ibu kota Malaysia dan pinggir bandar sekitarnya.

Pada tahun 2016, NKEA Greater KL/KV menyaksikan keberhasilan ketara daripada usaha gigih selama enam tahun yang dimulakan sejak pengenalan NTP. Di samping permulaan perkhidmatan MRT Laluan 1, NKEA ini turut merekodkan

penandatanganan perjanjian dua hala antara Kerajaan Malaysia dengan Singapura untuk memulakan laluan Kereta Api Berkelaian Tinggi (HSR) antara kedua-dua negara tersebut. Untuk menempatkan Malaysia sebagai hab aktiviti komersial dan tenaga mahir, InvestKL telah memastikan kemasukan 13 perbadanan multinasional (MNC) baharu, menjadikan jumlah MNC yang mewujudkan operasi serantau mereka di sini sebanyak 64 buah sejak NTP dimulakan; manakala

TalentCorp memudahkan kelulusan lebih 4,000 warga Malaysia mahir untuk kembali bekerja di tanah air dari luar negara. Projek Sungai Nadi Kehidupan, yang cuba dimulakan beberapa kali sebelum NTP diperkenalkan lagi, turut memperlihatkan kemajuan yang menggalakkan dengan komponen pengindahan sungai mula menampakkan hasil dalam menambah baik kualiti air sungai Klang dan Gombak yang ikonik serta anak-anak sungainya.



PERKHIDMATAN KEWANGAN

NKEA Perkhidmatan Kewangan merupakan contoh yang kukuh mengenai penerajuhan aktiviti ekonomi oleh sektor swasta, dibantu oleh Kerajaan dan pengawal selia yang lain.

Pada tahun 2016, sistem kewangan kekal berdaya tahan disebabkan oleh sistem perbankan yang mempunyai modal yang mencukupi dan meskipun berhadapan dengan faktor luaran seperti keadaan pasaran minyak dan komoditi yang lemah. Pasaran modal juga terus teguh mencatat nilai sebanyak RM2.8 trilion.

Pencapaian Perkhidmatan Kewangan pada tahun 2016 yang signifikan termasuklah kemajuan dalam program penukaran perniagaan tunggal insurans dan takaful, serta penerimaguanaan teknologi digital baharu yang kian meningkat dalam perkhidmatan kewangan melalui pengenalan Kewangan Rakan ke Rakan (Peer-to-peer financing).



PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN



NKEA Pemborongan dan Peruncitan menasarkan pemanfaatan pembelanjaan yang kukuh di Malaysia dengan memudahkan pelaburan dalam sektor tersebut dan membantu kedai runcit kecil untuk meningkatkan daya saing mereka. Selain beli-belah secara tradisional dan fizikal, NKEA ini turut menggalakkan pertumbuhan e-dagang.

Sejajar dengan hasrat ini, tujuh pasar raya hiper baharu dan 12

pasar raya besar baharu telah dibuka pada tahun 2016, manakala Lulu Group, sebuah peruncit besar dari Timur Tengah, turut memulakan operasinya pada tahun itu. Dari segi sokongan kepada kedai-kedai runcit kecil, program TUKAR dan ATOM terus mentransformasikan kedai runcit kecil dan bengkel automotif tempatan. Program TUKAR telah mendaftarkan 151 peserta baharu pada tahun 2016, manakala 100 peserta baharu ATOM direkodkan.



KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI



Usaha di bawah NKEA disasarkan bukan hanya untuk melonjakkan aktiviti kandungan komunikasi dan kreatif di Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai, malah usaha yang dilakukan turut cuba memanfaatkan platform digital untuk menjana pendapatan tambahan kepada rakyat Malaysia, terutamanya kumpulan B40.

Pada tahun 2016, aktiviti difokuskan pada pembangunan aplikasi dan kandungan fizikal di samping memperluas kesalinghubungan komunikasi. Bagi mencapai matlamat ini, kabel dasar laut Teluk Bengal untuk meningkatkan kesambungan jalur lebar telah disiapkan pada tahun 2016, manakala kandungan kreatif mencatat pertumbuhan eksport sebanyak 182% kepada RM1.22 bilion. Di samping itu, port jalur lebar berkelajuan tinggi turut ditambah kepada 281,262 buah, yang memanfaatkan pekan dan bandar baharu termasuk Kangkar Pulai,



Johor; Kemasek, Terengganu; Bukit Palah, Melaka; Kota Belud, Sabah; dan Lundu, Sarawak. Liputan jalur lebar juga bertambah baik dengan penambahan 127,546 port yang menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar (SUBB).

TINJAUAN NTP TAHUN 2016



PELANCONGAN

Industri pelancongan terus memanfaatkan kemasyhuran Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka di seluruh dunia dengan memfokuskan peluang pertumbuhan baharu. Negara terus meraih pengiktirafan dan digelar sebagai Destinasi Terkemuka Asia di World Travel Awards 2016 dan Destinasi Mesra Muslim No. 1 oleh MasterCard-Crescent Rating 2016. Industri pelancongan merekodkan 26.7 juta ketibaan pelancong pada tahun 2016, peningkatan daripada 25.7 juta pada tahun 2015, dan mencatat perolehan pelancongan sebanyak RM13 bilion.

NKEA ini menjalankan Makmal

Pelancongan 2.0 pada tahun 2016, dengan mengenal pasti kebudayaan, kesenian, warisan dan pertukangan serta aktiviti mencerap burung, menyelam dan inap desa sebagai bidang baharu untuk dibangunkan. Pada masa yang sama, kluster ekopelancongan dan industri pelayaran persiaran terus menyediakan saluran pertumbuhan yang kukuh. Selain itu, Malaysia telah muncul sebagai salah satu destinasi perniagaan terbaik di rantau ini, dengan menganjurkan acara Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE) yang berakreditasi tinggi.

Kemuncak pencapaian selanjutnya

bagi industri pelancongan pada tahun 2016 termasuklah pengenalan kemudahan kemasukan tanpa Visa dan e-Visa pada bulan Mac 2016, yang disasarkan terutamanya untuk memudahkan perjalanan dari China. Inisiatif ini menyebabkan peningkatan sebanyak 26.7% dalam ketibaan pelancong China pada tahun itu.



MINYAK SAWIT DAN GETAH

Sebagai pengeksport minyak sawit mentah yang kedua terbesar di dunia, dengan kawasan penanaman seluas 5.6 juta hektar daripada 7.9 juta hektar tanah pertanian yang ada, minyak sawit terus menjadi komoditi utama Malaysia. Melalui NTP, industri minyak sawit telah dipersiapkan untuk meraih potensi yang bernilai lebih tinggi di samping mewujudkan peluang untuk pekebun-pekebun kecil. Bagi industri getah, NKEA ini memberikan fokus pada permintaan yang semakin meningkat serta kualiti bekalan.

Hasilnya, negara kita menghasilkan 15.85 juta tan minyak sawit mentah bagi pasaran domestik dan luar negara pada tahun 2016 yang bernilai RM52.2 bilion. Kerajaan turut melaksanakan sepenuhnya pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysian (MSPO) sejajar dengan standard global untuk pematuhan kualiti dan alam sekitar,



dengan 122,521 hektar tanah kelapa sawit dan tujuh kilang minyak sawit diperakurkan pada tahun 2016.

Sementara itu, industri getah mencatat pertumbuhan yang kukuh dalam harga Getah Malaysia Standard gred 20 kepada RM8.71 pada akhir tahun 2016 daripada hanya RM4.81 pada tahun 2015. Walaupun pengeluaran getah dan eksport getah asli mencatat

penurunan, negara kita kekal sebagai pengeluar getah asli yang kelima terbesar di dunia. Malaysia kini terkenal di seluruh dunia kerana produk getahnya yang berkualiti tinggi dan berharga kompetitif. Ini menyumbang kepada pertumbuhan marginal tahun demi tahun sebanyak 0.9% dalam eksport produk getah negara pada tahun 2016, melepassi RM18 bilion.

PERTANIAN



NKEA Pertanian memfokuskan usaha untuk melonjakkan syarikat tempatan ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai melalui penggunaan standard yang lebih baik, pemindahan teknologi dan pemudahan aktiviti yang bernaloi lebih tinggi, serta memanfaatkan model syarikat peneraju untuk memperluas kehadiran eksport di samping menerajui peserta industri yang lebih kecil ke arah mencapai bahagian pasaran yang lebih besar. Kesemua usaha ini akan membolehkan syarikat-syarikat menuntut penentuan harga yang lebih baik, sekali gus meningkatkan pendapatan mereka.

Sektor pertanian mencatat kejayaan cemerlang pada tahun 2016 dengan pemeteraian protokol yang membenarkan eksport sarang burung mentah yang belum dibersihkan dari Malaysia ke China. Protokol yang ditandatangani semasa lawatan YAB Perdana Menteri ke China ini dijangka melonjakkan harga eksport sarang burung di Malaysia antara RM3,000 hingga RM5,000 sekilogram daripada RM1,000 sekilogram sebelum ini. Ini akan membawa manfaat kepada 10,000 penternak sarang burung. Pencapaian lain dalam sektor pertanian termasuklah purata pendapatan yang lebih



tinggi yang diperoleh petani yang terlibat dalam inisiatif penanaman padi estet mini di bawah NKEA ini daripada RM33,500 pada tahun 2012 kepada RM42,000 pada tahun 2016.

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI



Dengan sasaran untuk memungkinkan persekitaran yang kondusif bagi perniagaan di Malaysia demi meningkatkan daya saing global negara kita, SRI ini terus mencatat titik kemajuan termasuk mengeluarkan dua keputusan terhadap syarikat yang didapat bersalah kerana terlibat dalam amalan antipersaingan, susulan tahun kelima penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Dari aspek Standard, penerimanaan standard terus mendapat perhatian dengan peningkatan sebanyak 10% kepada 1,070 bilangan syarikat

yang menerima pensijilan dalam pelbagai standard. Dari segi Liberalisasi pula, susulan liberalisasi 45 subsektor perkhidmatan, Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC), yang memantau proses liberalisasi, terus menambah baik persekitaran pengawalseliaan dengan mengurangkan atau menghapuskan undang-undang, manakala Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) turut mengkaji semula dan mengesyorkan penghapusan pelbagai peraturan bagi sektor pendidikan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan profesional, industri pembinaan dan ICT.



TINJAUAN NTP TAHUN 2016



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

SRI ini memfokuskan peningkatan kemahiran (upskilling) dan pembinaan semula kemahiran (reskilling) kumpulan bakat negara untuk memenuhi keperluan modal insan bagi sebuah negara berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama membolehkan pekerja untuk mendapat pekerjaan tetap berpendapatan lebih tinggi melalui program pembinaan keupayaan dan juga penggubalan undang-undang yang bersesuaian.

Antara usaha yang dilaksanakan termasuk mewujudkan perkongsian antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, Institut Jerman-Malaysia (GMI) dan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia Jerman (MGCI) untuk memperkenalkan Program

Latihan Vokasional Berkembar (PLVB). Program tersebut sedia untuk diperluas dengan pembiayaan seterusnya daripada Kementerian Sumber Manusia, manakala Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menaja sebanyak RM2 juta untuk memperluas program tersebut di negeri itu.

Kemuncak pencapaian lain termasuk momentum berterusan Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (PSMK) dalam menyokong kemampuan pengurusan sumber manusia PKS, di samping program pembinaan kemampuan yang telah menyaksikan penyertaan 33,735 pekerja pada tahun 2016. Program ini telah melayakkan pekerja tersebut memperoleh sijil dan diploma dalam

Sumber Manusia.

Satu kejayaan besar hasil usaha SRI ini ialah pengenalan Perintah Gaji Minimum 2012, yang menginstitusikan gaji minimum bagi pasaran pekerja tempatan untuk meningkatkan kualiti kehidupan pekerja Malaysia, terutama kumpulan yang berpendapatan lebih rendah. Di bawah Perintah ini, gaji minimum bagi pekerja di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan masing-masing ditetapkan sebanyak RM900 dan RM800 pada permulaannya. Pada bulan Julai 2016, gaji minimum ini telah dinaikkan kepada RM1000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan.



PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM

SRI Pembaharuan Kewangan Awam melaksanakan dasar-dasar berkaitan dengan kewangan awam seperti yang disyorkan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) dalam Model Ekonomi Baharu (MEB). Ini bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal Malaysia yang mengalami kelemahan berikutan Krisis Kewangan Asia 1998.

Sejak diperkenalkan, SRI ini telah membantu Kerajaan mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat-peringkat, iaitu daripada 6.4% pada tahun 2009 kepada 3.1% pada tahun 2016. Hasilnya, Kerajaan bertekad meneruskan usaha untuk mencapai bajet seimbang pada tahun 2020.

Beberapa inisiatif telah

dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini, termasuklah pengukuhan pentadbiran dan pematuhan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Usaha ini membolehkan LHDN memungut hasil cukai sebanyak RM2 bilion, manakala JKDM memungut lebih RM150 juta, mengatasi sasaran pungutan lazim mereka.

SRI ini turut menerajui pembangunan dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) untuk menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan. Di samping bertujuan menambah baik tahap kewangan Kerajaan,

GST memperkenalkan suatu jaring keselamatan kepada orang ramai bagi barang dan perkhidmatan awam asas yang dikecualikan daripada GST, seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan. Selain itu, beberapa barang dan perkhidmatan seperti barang keperluan asas isi rumah tertakluk pada GST 0%.



MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN



Diwujudkan untuk menambah baik pencapaian Bumiputera dalam bidang ekuiti korporat, pekerjaan, keusahawanan, modal insan dan pemilikan aset bukan kewangan. Inisiatif ini telah dijalankan melalui Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera yang dipantau oleh Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Sejak tahun 2011, TERAJU telah memperkenalkan 27 program utama yang bertujuan memacu penciptaan kekayaan

dalam kalangan individu, usahawan, IKS, korporat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Bumiputera.

Dari tahun 2011 hingga 2016, Pelan Hala Tuju tersebut telah mencipta RM108 bilion dalam bentuk peluang pekerjaan, pembiayaan dan pelaburan. Program seperti Dana Mudahcara (Facilitation Fund) telah menyediakan geran bagi kos infrastruktur dan peralatan projek. Pada akhir tahun 2016, pembiayaan sebanyak RM1.57 bilion

telah diluluskan, yang menjana pelaburan RM13.18 billion bagi 469 projek. Aktiviti pemangkin ini turut menjana 43,371 peluang pekerjaan. Dalam bidang modal insan, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera menyediakan biasiswa pada peringkat sekolah, pendidikan tertiar dan pensijilan profesional di mana 6,239 pelajar dalam 53 program dikenal pasti sebagai penerima biasiswa pada tahun 2016.

TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM (PSDT)



Dengan sasaran untuk menambah baik kualiti perkhidmatan dan proses perkhidmatan awam, satu siri kajian rintis telah dilaksanakan untuk menguji kemampuan dan keupayaan perkhidmatan awam untuk mencapai hasil positif yang pantas. Projek ini kemudiannya telah dipertingkatkan ke arah memacu standard baharu bagi penyampaian perkhidmatan awam di seluruh negara.

Projek-projek yang dilaksanakan pada tahun 2016 termasuklah inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Projek Perumahan Rakyat/Perumahan

Awam (PPR/PA), Transformasi Lif dan Transformasi Penyenggaraan Jalan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Penjagaan Kesihatan LEAN bertujuan untuk menambah baik kualiti penjagaan kesihatan yang disediakan oleh hospital awam dengan menggunakan sumber sedia ada untuk mempertingkatkan pengalaman pesakit dan memberikan nilai tambah kepada perkhidmatan kesihatan awam. Setakat ini, proses tersebut telah dilaksanakan di 36 buah hospital KKM di seluruh negara dan telah membuktikan keberkesanannya dalam meningkatkan penyampaian

perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital Kerajaan. Pada tahun 2016, 80 projek LEAN telah dilaksanakan di hospital-hospital ini, merekodkan peningkatan purata kualiti masa menunggu pesakit antara 20% hingga 50%. Sementara itu, program Transformasi PPR/Lif KWP telah diperluas kepada lima kawasan PPR/PA, manakala program Transformasi Penyenggaraan Jalan telah menyaksikan penambahaikan terhadap 136km jalan utama dan protokol di sekitar Kawasan Pusat Perniagaan (CBD) KL pada tahun 2016.

TINJAUAN NTP TAHUN 2016

BATUAN TERAKHIR TRANSFORMASI

Seperti yang diumumkan oleh YAB Jabatan Perdana Menteri pada Januari 2017, kita telah mencapai satu lagi kemajuan pada tahun 2016, dengan bermulanya peralihan pengurusan prestasi dan pemantauan KPI kepada pihak perkhidmatan awam.

Sebelum ini, PEMANDU telah memperkenalkan proses transformasi, dan memantau serta menyokong pihak perkhidmatan awam dalam melaksanakan NTP. Pada tahun 2016, adalah diputuskan bahawa beberapa NKRA, NKEA serta SRI akan dipindahkan sepenuhnya kepada perkhidmatan awam bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif transformasi oleh para penjawat awam.

Seiring dengan peralihan ini,

NTP akan diamanatkan kepada Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa dalam tahun 2017. Semenjak pelantikan YBhg. Tan Sri sebagai pegawai tertinggi kerajaan pada tahun 2012, YBhg. Tan Sri seharusnya diberi penghargaan setingginya atas sokongan serta komitmen beliau terhadap NTP. PEMANDU akan meneruskan usaha menyokong Kerajaan dalam pengurusan prestasi serta penyampaian NTP dalam tempoh masa dua tahun selanjutnya bagi memastikan peralihan yang lancar dan berkesan.

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan kerana memberi peluang kepada PEMANDU untuk

memainkan peranan dalam agenda transformasi nasional. Perjalanan ini bukannya bebas daripada cabaran serta kekangan, malah ditambah lagi dengan pandangan negatif daripada sesetengah golongan sinis. Sungguhpun begitu, berdasarkan keputusan yang ditunjukkan setakat ini, saya yakin bahawa Malaysia kekal dalam landasan perjalanan transformasi ini. Saya yakin juga bahawa perkhidmatan awam akan giat meneruskan usaha baik yang telah dimulakan sejak tahun 2010. Saya ingin menggalakkan semua penjawat awam untuk terus meningkatkan taraf amalan transformasi terbaik.

NTP

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR	26
MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH	40
MENGURANGKAN JENAYAH	46
MEMBANTERAS RASUAH	54
MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT	60
MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	66
PENDIDIKAN	70
GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY	86
MINYAK, GAS DAN TENAGA	94
PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN	104
MINYAK SAWIT DAN GETAH	114
PELANCONGAN	122
ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	134
PERKHIDMATAN PERNIAGAAN	140
KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI	150
PENJAGAAN KESIHATAN	158
PERKHIDMATAN KEWANGAN	170
PERTANIAN	180
PEMBANGUNAN MODAL INSAN	188
TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM	198
PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI	206
MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN	218
PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM	226



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

SELANGKAH MENUJU DESTINASI YANG DIHASRATKAN



**DATO' SRI
LIOW TIONG LAI**
Menteri Pengangkutan

Tahun 2016 membawa satu era baharu bagi pengangkutan awam bandar di Malaysia dengan pembukaan Fasa Pertama Transit Aliran Massa (MRT) Lembah Klang Laluan 1, dari Sungai Buloh ke Semantan. Penyiapan MRT merupakan suatu janji yang dikotakan oleh Kerajaan, sekaligus merintis laluan ke arah sistem pengangkutan awam bertaraf dunia untuk bergerak dalam dan di sekitar bandar raya, pastinya akan menjadi suatu pengalaman yang lebih baik berbanding sebelumnya, dengan pelbagai penawaran pilihan pengangkutan yang ada, pada harga yang berpatutan, serta selamat dan mesra alam sekitar.

Usaha Kerajaan untuk meningkatkan rangkaian pengangkutan awam bandar tidak hanya disasarkan untuk membolehkan pergerakan manusia dan barang yang cekap, tetapi juga untuk memudahkan kelestarian alam sekitar dengan menyediakan pelbagai pilihan pengangkutan perjalanan kepada rakyat yang terpaksa berulang-alik ini, akan menambah baik kualiti kehidupan rakyat, sekaligus membolehkan rakyat mengelakkan diri daripada menghabiskan masa yang banyak dalam kesesakan lalu lintas selain menjimatkan kos perjalanan. Dengan pelbagai pelaksanaan projek pada tahun 2016 yang berfokus kepada perkembangan perkhidmatan rel, seperti pelancaran MRT dan Projek Sambungan LRT, di samping langkah-langkah yang diambil untuk menambah baik perkhidmatan bas dan transformasi industri teksi yang sedang dilaksanakan, kami berasa yakin untuk mencapai sasaran sebanyak 40% nisbah mod pengangkutan awam di Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV) menjelang tahun 2030.

Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kesalinghubungan jaringan pengangkutan awam kita, terutamanya dari segi batuan pertama dan terakhir, amat diperlukan bagi menggalakkan permintaan untuk pengangkutan awam. Hal ini akan melengkapkan peningkatan kapasiti yang Kerajaan telah sediakan sepanjang beberapa tahun yang lepas demi memastikan rakyat mempunyai pilihan untuk bergerak di dalam dan di sekitar kawasan bandar.

Setakat ini, kita telahpun menyaksikan impak yang positif hasil daripada peningkatan pengangkutan awam bandar dan saya berharap rakyat akan terus bersama dalam perjalanan yang penuh bermakna ini, ke arah pembinaan rangkaian pengangkutan awam yang boleh dibanggakan oleh seluruh rakyat Malaysia.



GAMBARAN KESELURUHAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara Pengangkutan Awam Bandar (NKRA UPT) telah menyaksikan pelaburan yang besar dibuat sejak tahun 2010 dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di kawasan Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV). Pada tahun 2016, sebanyak RM106.5 juta telah dibelanjakan untuk meningkatkan kesalinghubungan dan kebolehcapaian pengangkutan awam dalam kawasan Greater KL/KV, memperbaiki kapasiti rangkaian, dan meningkatkan kepuasan pelanggan secara keseluruhan. Usaha ini kini telah berjaya direalisasikan dan telah pun menjadi kenyataan. Ianya boleh dilihat pada tahap pencapaian KPI 2016 bagi NKRA UPT iaitu 84%, melebihi pencapaian yang telah dicapai dalam tahun-tahun sebelumnya. Pengangkutan awam di Greater KL/KV juga telah meningkat daripada 10% pada tahun 2009 kepada 20% pada

tahun 2015.

Penduduk di kawasan Greater KL/KV dijangka mencecah 10 juta orang pada tahun 2020, dan pertambahan ini akan mengakibatkan peningkatan kesesakan lalu lintas, yang bukan sahaja menyebabkan kesulitan tetapi juga mengakibatkan kerugian ekonomi akibat kehilangan produktiviti, sisa bahan api dan juga kerosakan alam sekitar. Peralihan kepada penggunaan pengangkutan awam dalam kebanyakan kegiatan harian penduduk bandar dijangka akan meredakan kesesakan lalu lintas serta mengurangkan kesan-kesannya. Pengguna pengangkutan awam juga akan memperolehi ketenangan fikiran tanpa perlu melalui ketidaksesuaian untuk mencari ruang tempat letak kereta serta tekanan lain berkaitan dengan pemanduan kenderaan persendirian. Peningkatan kesalinghubungan antara kebanyakan kawasan pinggir bandar Greater KL/KV dengan Kawasan Pusat Bandar (CBD) juga pastinya akan membolehkan orang ramai yang tidak mempunyai pengangkutan persendirian untuk memanfaatkan

peluang kerjaya di bandar.

Pada tahun 2016, rangkaian pengangkutan awam di Greater KL/KV telah menerima peningkatan kapasiti yang ketara, dengan beberapa projek berimpak tinggi berjaya disiapkan. Selain mempertingkatkan rangkaian rel, yang dilihat sebagai tulang belakang pengangkutan awam Greater KL/KV, NKRA UPT juga telah menambah baik perkhidmatan bas dan teksi, yang menyediakan kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir (*first-and-last-mile connectivity*) yang penting kepada sistem rel, begitu juga infrastruktur lain dan “soft measures” (langkah yang diambil Kerajaan bagi perubahan sikap pengguna) yang dilaksanakan bertujuan meningkatkan daya tarikan pengangkutan awam. Kesemua usaha ini, jelas telah mula membawa hasil yang ketara sebagaimana yang telah dimaklumkan di bahagian awal laporan ini, di mana kadar penggunaan pengangkutan awam bandar telah meningkat dengan ketara di Greater KL/KV iaitu dari 10% pada 2009 kepada 20% pada akhir tahun lepas.

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

MRT PENGGERAK TRANSFORMASI PENGANGKUTAN AWAM DI BANDAR



YAB Perdana Menteri bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr. Ali Hamsa Di Majlis Pelancaran MRT Laluan SBK, Fasa 1

Bayangan: menjelang tahun 2020 dianggarkan seramai 10 juta penduduk akan menghuni Lembah Klang, dan mereka semua akan berulang-alik ke kawasan Greater Kuala Lumpur dengan menaiki kereta. Dengan pertumbuhan yang amat besar ini, dari segi jumlah penduduk dan bilangan kereta, jalanraya yang sedia ada tidak akan dapat menampung semua kenderaan yang keluar masuk ibu kota. Keadaan lalu lintas pasti bertambah buruk dan mungkin juga berlaku kesesakan lalu-lintas berjam-jam lamanya.

MRT Corp menganggarkan seramai 529,000 pengguna akan menggunakan perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Putrajaya sebaik saja projek ini siap dan mula beroperasi sepenuhnya menjelang 2022 kelak, ekoran daripada pembukaan penuh laluan Sungai Buloh-Kajang pada suku ketiga 2017.

"Syarikat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) berpandangan bahawa Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) boleh memberikan penyelesaian kepada permasalahan kesesakan lalu lintas melalui cara mengurangkan kebergantungan pengguna jalan pada kereta mereka untuk pergi dan balik kerja setiap hari," jelas Dato' Sri Shahril Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp.

MRT Corp menganggarkan seramai 529,000 pengguna akan menggunakan perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya sebaik saja projek ini siap dan mula beroperasi sepenuhnya menjelang 2022 kelak, ekoran daripada pembukaan penuh laluan Sungai Buloh-Kajang pada suku ketiga 2017.

Selain memberikan penyelesaian bagi keperluan pengangkutan, Dato Sri

Shahril menyatakan bahawa projek MRT juga dijangka akan mampu menjana sekitar 130,000 peluang pekerjaan baharu, dan selanjutnya akan menjana dan menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar antara RM3 bilion dan RM4 bilion setahun, hasil daripada industri pembinaan dan operasi MRT dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Tambahan lagi, selain memperbaiki sistem perhubungan dan merangsang pertumbuhan ekonomi, projek MRT juga dijangka akan membawa pelbagai manfaat lain seperti peningkatan tahap produktiviti yang lebih tinggi serta mutu kehidupan yang bertambah baik.

"Sebagai contoh oleh kerana tempoh masa perjalanan dapat dikurangkan ekoran dari pengguna yang tidak lagi menghadapi isu kesesakan lalu lintas, tahap produktiviti dijangka meningkat 280 juta jam setahun. Ini dapat ditafsirkan kepada hasil sebanyak RM20 bilion setahun dari segi kos penjimatan masa," jelas Dato' Sri Shahril.

"Projek MRT pasti akan menjadi pemangkin dalam perubahan landskap Pengangkutan Awam Darat di Malaysia. Dengan tahap kebolehpercayaan yang tinggi serta tahap keselamatan dan integrasi yang baik, adalah diharapkan agar sistem MRT akan dapat mengubah pemikiran rakyat untuk menggunakan sepenuhnya sistem pengangkutan awam yang disediakan."

"Saya percaya terdapat dua faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan projek MRT. Pertama, struktur tadbir urus projek MRT yang baik. Dengan kewujudan Jawatankuasa Eksekutif MRT yang



dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah telah berlaku dengan cekap dan pantas, terutamanya dalam bidang yang melibatkan pelbagai pihak dan agensi-agensi Kerajaan.

Beliau menjelaskan bahawa jawatankuasa tersebut adalah dianggotai oleh ketua badan-badan agensi dan pihak berkuasa. Sebarang isu atau masalah berbangkit dapat diselesaikan pada peringkat tertinggi, lantas proses pembinaan MRT dapat diteruskan mengikut jadual. Di samping itu, melalui Project Delivery Partner yang mempunyai kepakaran tinggi dalam pengurusan projek, telah membolehkan pihak kontraktor menyiapkan kerja tepat pada masanya. Tambahan lagi, hubungan baik antara MRT Corp dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), juga merupakan faktor penting yang memastikan projek MRT berjalan lancar.

"Rancangan Pembangunan Rel Bandar (Urban Rail Development Plan - URDP) juga memainkan peranan penting dalam memastikan satu sistem rangkaian rel yang bersepadu dapat dilaksanakan dengan jayanya. Projek MRT merupakan komponen kritikal dalam Sistem Rangkaian Rel Bandar di Lembah Klang. Tambahan pula, SPAD juga merupakan pihak berkuasa yang memberi kelulusan akhir kepada Skim Landasan Kereta Api SBK dan SSP. Justeru, kami perlu bekerjasama dengan mereka bagi mendapatkan kelulusan akhir dengan pantas," Dato' Sri Shahril menjelaskan.

SPAD yang mempengerusikan Jawatankuasa Teknikal MRT sentiasa mengadakan pertemuan dan perbincangan bagi menangani kesemua isu berkaitan dengan projek ini dan menjamin pelaksanaan projek MRT berjalan dengan lancar.

Projek gergasi seperti projek MRT pastilah menghadapi pelbagai cabaran. Antaranya, termasuklah proses pembinaan stesen MRT di kawasan bandar yang maju yang menyebabkan kerja-kerja pembinaan menjadi sukar kerana isu ruang yang terhad. Isu keselamatan juga merupakan isu yang mencabar kerana kerja-kerja pembinaan dilakukan di kawasan di mana orang ramai sentiasa berada, berlalu lalang, 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. MRT



YAB Perdana Menteri menaiki MRT jaluan Sungai Buloh-Kajang

Corp berjaya mengatasi isu keselamatan ini dengan melaksanakan standard penjagaan keselamatan yang tinggi di tapak pembinaan seperti Rancangan Pengurusan Trafik dan program kesedaran kepada orang awam.

"MRT Corp amat menekankan kepentingan Keselamatan, Kesihatan dan Persekutuan (Safety, Health and Environment - SHE). Pada masa ini, industri pembinaan di Malaysia kurang memahami soal SHE ini. Maka, MRT Corp bersama-sama Project Delivery Partner telah mengadakan kerjasama dengan CIDB (Construction Industry Development Board) Malaysia dan NIOSH (National Institute of Occupational Safety and Health) Malaysia untuk mendidik dan memberikan kesedaran mengenai aspek keselamatan dalam projek MRT.

"Kerjasama ini menetapkan penanda aras yang tinggi untuk standard keselamatan dalam industri pembinaan Malaysia. Secara tidak langsung, menjadikan rujukan bagi pemain lain dalam industri pembinaan untuk menjaga tahap keselamatan dalam projek masing-masing," jelas Dato' Sri Shahril.

Melalui pengalaman pembinaan landasan SBK, MRT Corp telah memperkenalkan lima inisiatif utama bagi meningkatkan tahap SHE dalam projek pembinaan KVMRT. Inisiatif-inisiatif itu termasuk Pengurusan Reka Bentuk Pembinaan, Pematuhan Spesifikasi dan Kontrak, Skim Prestasi SHE, Sistem Kelulusan Keselamatan dan Program Ketua Jurulatih. Semua tindakan ini



bukan sahaja bertujuan mengurangkan kejadian kemalangan di tapak pembinaan projek MRT, malah memupuk budaya tanggungjawab terhadap aspek SHE oleh Kontraktor-Kontraktor Pakej Kerja.

Seterusnya, Dato' Sri Shahril berharap projek MRT ini akan menjadi penanda aras khususnya dari aspek pengurusan projek, pelaksanaan projek dan juga isu integriti serta aspek pentadbiran yang efisien dan cemerlang. Projek MRT dibiayai oleh dana rakyat, maka amatlah penting untuk pihak pengurusan projek mengekalkan tahap ketulusan yang tinggi pada setiap masa.

"Akhirnya, kejayaan sesuatu projek ditentukan oleh rakyat. Bagi projek MRT, bukti kejayaan MRT Corp terletak pada pelaksanaan projek yang menepati masa, penggunaan peruntukan seperti yang ditetapkan dan kelancaran operasi sistem landasan kereta api," kata Dato' Dr Shahril.

Artikal sumbangan SPAD dari Land Public Transport Transformation Journey 2010-2015

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR



Majlis Perasmian Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya & Ampang pada Jun 2016

Projek Sambungan LRT (LEP) mencatat purata penumpang harian sekitar 440,000 orang sehari sejak diperkenalkan, peluasan laluan ini merupakan bukti kepada perancangan UPT yang memenuhi keperluan rakyat.



LRT Laluan Kelana Jaya

Usaha-usaha ini ternyata berbaloi dan amat bermakna, sebagaimana yang ditunjukkan oleh keputusan Tinjauan Kepuasan Pelanggan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) 2016 yang dijalankan oleh Ipsos. Tinjauan itu menunjukkan kepuasan pelanggan secara keseluruhan terhadap pengangkutan awam telah meningkat kepada 84% pada tahun 2016 daripada 74% pada tahun 2015, terutamanya disebabkan oleh Projek Peluasan LRT. Yang jelas, peningkatan dalam kepuasan pelanggan juga disumbangkan melalui perkhidmatan teksi yang lebih selesa berikutan penggunaan aplikasi telefon mudah alih. Tinjauan juga menunjukkan

prospek yang positif bagi penggunaan pengangkutan awam, mencatat peningkatan kepada 78% pada tahun 2016 daripada 67% pada tahun 2015 bagi tinjauan kebarangkalian responden untuk menggunakan pengangkutan awam pada masa hadapan.

Dalam usaha untuk memastikan NKRA UPT bukan sahaja memenuhi malah melebihi jangkaan rakyat, banyak penanda aras infrastruktur pengangkutan awam bertaraf dunia dari seluruh dunia telah dijalankan, dan amalan terbaik telah digunakan selepas disesuaikan dengan keadaan tempatan. Umpamanya, Program Transformasi Industri Teksi (TITP) terkini

dilihat berupaya membaik pulih isu sistemik industri sedia ada, merupakan satu contoh pendekatan ini. Pasaran teksi di Malaysia ditanda aras dengan menggunakan penanda aras daripada UK, Singapura, Australia, Dubai dan Indonesia dari segi model perniagaan, penilaian pemandu, akreditasi dan latihan, serta kos kemasukan pasaran. Perubahan serta penambahbaikan kepada peraturan perkhidmatan perkongsian perjalanan sedia ada dan perkhidmatan e-panggilan yang dilaksanakan, pasti akan terus memberikan manfaat kepada rakyat.

Mempertingkatkan Tunjang Utama Rangkaian Rel Pengangkutan Awam

Beberapa projek infrastruktur melibatkan rangkaian rel yang memberikan perkhidmatan di kawasan Greater KL/KV telah siap dan dilancarkan pada tahun 2016, dengan beberapa projek lain lagi sama ada pada peringkat perancangan atau pelaksanaan.

Projek Sambungan Laluan LRT (LEP) yang siap telah dilancarkan sebagaimana yang dijadualkan pada bulan Julai 2016, menghubungkan

Kelana Jaya dan Sri Petaling ke Putra Heights. Sebanyak 23 stesen baharu dan 35km trek rel baharu telah ditambah antara stesen Kelana Jaya dengan Sri Petaling, sekaligus memperluas Laluan Kelana Jaya kepada 46.4km dan Laluan Ampang kepada 44.7km. Dengan catatan purata penumpang harian sekitar 440,000 orang sehari sejak diperkenalkan, peluasan laluan ini merupakan bukti kepada perancangan UPT yang memenuhi keperluan rakyat. LEP juga telah berjaya memperluaskan ketercapaian pengguna kepada rangkaian rel bandar yang lain, termasuk stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) Komuter dan perkhidmatan Bas Rapid Transit (BRT) Sunway.

Sementara itu, fasa pertama laluan MRT 1 Lembah Klang dari Sungai Buloh ke Semantan mula beroperasi pada 16 Disember 2016. Walaupun terdapat beberapa cabaran yang dihadapi, projek mega ini telah mencatat penjimatan sebanyak RM2 bilion daripada kos sasaran awal sebanyak

RM23 billion, dan seluruh laluan Sungai Buloh ke Kajang sejauh 51km mengikut sasaran untuk disiapkan mengikut jadual pada suku ketiga 2017.

Infrastruktur bukanlah satu-satunya penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap rangkaian rel. KTM telah mencatat beberapa kejayaannya yang tersendiri. Perkhidmatan KTM Komuter pada waktu puncak pagi (07:00-09:00 pagi) mencatat kadar ketibaan yang tepat pada masa yang ditetapkan (ditakrifkan sebagai dalam lingkungan margin 10 minit masa ketibaan yang dijadualkan) sebanyak 97% kadar ketepatan, disebabkan penggunaan set tren 6 gerabak baharu di kawasan Greater KL/KV untuk menampung jumlah pengguna yang semakin meningkat. Penambahbaikan yang dimulakan sejak lima tahun yang lalu mengambil pendekatan yang menyeluruh dan menangani isu kapasi KTM Komuter untuk meningkatkan kapasiti dan mengurangkan waktu menunggu penumpang, terutamanya

Walaupun rangkaian rel merupakan tulang belakang kepada pengangkutan awam bandar, rangkaian bus dan perkhidmatan teksi juga merupakan keutamaan yang tinggi di bawah NKRA UPT.



Bas Pengantara Rel MRT (MRT Feeder Bus)

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR



Kereta api MRT di Laluan Sungai Buloh-Kajang

ketika waktu puncak. Kekerapan (*headway*) bagi tren Komuter KTM telah meningkat daripada 45 minit kepada 15 minit, sekaligus menjadikan perjalanan melalui rel sebagai pilihan yang lebih mudah.

Pada 19 Oktober 2016 KTM telah melancarkan sistem Kutipan Tambang Automatik KTM (AFC). Satu kontraktor baharu telah dilantik untuk menyelia pelaksanaan kerja projek dan dipantau secara rapi oleh Pejabat Pengurusan Penyampaian di Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), dan juga Jawatankuasa Pemandu KTMB untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan.

Sistem AFC menggunakan token atau kad nilai simpan (yang dikenali

sebagai KomuterLink) yang boleh dibeli di Tiket Mesin Layan Diri dan kaunter Khidmat Pelanggan di seluruh 53 Stesen KTM Komuter. Sistem baharu ini mampu merakam statistik perjalanan dan data itu akan memberikan KTMB perspektif yang berharga mengenai trend dan corak penumpang. Seterusnya, KTMB akan dapat memberikan keselesaan, kemudahan dan keselamatan yang lebih baik dari segi infrastruktur dan kemudahan di stesen-stesennya. Ini juga akan membantu KTMB dalam mewujudkan program kesetiaan bagi penumpang kerap pada masa hadapan.

AFC juga dijangka akan dapat mengurangkan kehilangan hasil

dengan mengurangkan masalah pengelakan pembayaran tambang (fare dodging). AFC juga dijangka akan menjadikan pengangkutan awam lebih menarik kepada pengguna kereta dengan menjadikan perkhidmatan KTM Komuter lebih mudah. Dengan kehadiran Sistem Pembayaran Umum Bersepadu (ICPS) yang akan menjadi sistem tiket standard di kalangan semua operator kereta api di Lembah Klang, sistem AFC ini, dalam bentuknya sekarang, akan dapat diintegrasikan dengan mudah ke dalam sistem ICPS yang lebih luas, sebaik sahaja sistem tersebut sedia untuk dilancarkan.



Menggiatkan Perkhidmatan Kesalinghubungan Batuan Pertama dan Terakhir

Walaupun rangkaian rel merupakan tulang belakang kepada pengangkutan awam bandar, rangkaian bas dan perkhidmatan teksi juga merupakan keutamaan yang tinggi di bawah NKRA UPT, menyediakan akses kepada ramai penumpang dari kawasan perumahan mereka ke koridor rel, selain menyediakan perkhidmatan dalam lingkungan kawasan tersebut.

Tahun 2016 menandakan tahun pertama operasi bagi Bas Rapid Transit (BRT) Laluan Sunway yang memberikan perkhidmatan kepada 500,000 penduduk bandar Sunway dan Subang Jaya, dan menghubungkan mereka ke KTM Komuter dan perkhidmatan LRT. Laluan sepanjang 5.4km ini melalui 7 stesen, merekodkan pemberian perkhidmatan kepada hampir 6,000 penumpang setiap hari, 50% lebih ramai daripada tahun sebelumnya. Faktor penyumbang utama ialah bermulanya Laluan Sambungan LRT pada Julai 2016 yang meningkatkan kesalinghubungan dan kadar penggunaan pengangkutan awam.

Pasukan projek BRT Sunway juga tidak henti-henti berusaha membuat pemasaran yang memberikan tumpuan kepada pelajar, warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Sebagai contoh, diskaun 50% ke atas tambang diperkenalkan untuk pelajar, malah pasukan projek turut bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi yang berdekatan dengan mengambil bahagian ketika pengambilan pelajar baharu untuk memaklumkan pelajar tentang kelayakan mereka untuk mendapat diskaun tambang di samping memudahkan permohonan dan penerbitan kad BRT.

Hasil dari Penyusunan semula rangkaian bas henti-henti Lembah Klang (Bus Network Revamp) yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, tahap penggunaan bas berhenti-henti (stage bus) Prasarana juga telah mengatasi sasaran KPI yang lebih tinggi bagi tahun 2016, iaitu mencapai tahap konsisten sekitar 80% sepanjang tahun. Ini terhasil dari peningkatan permintaan terhadap bas hasil daripada Projek Sambungan Laluan LRT serta pelancaran Laluan MRT 1, serta pertambahan KPI baharu untuk menangani masalah kekurangan pemandu bas berhenti-henti di kawasan Greater KL/KV. Penyusunan semula rangkaian bas henti-henti Lembah Klang merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir perkhidmatan bas antara rel dengan hab pengangkutan awam yang lain, dan bagi perkhidmatan langsung dalam kawasan Greater KL/KV yang tidak dijangkau oleh perkhidmatan rel. Usaha berterusan untuk meningkatkan liputan kawasan bas (laluan yang sebelum ini kurang mendapat capaian bas), meningkatkan kekerapan, dan meningkatkan prestasi operator bas serta kecekapan rangkaian, akan terus dilaksanakan dan diberikan perhatian utama oleh pihak kerajaan demi keselesaan rakyat.



Bas Rapid berhenti-henti (Rapid Stage Bus)

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

Projek Panel Informasi Hentian Bas juga telah dilaksanakan pada tahun 2016. Melalui projek ini, panel perjalanan bas telah dipasang di beberapa hentian bas terpilih (hentian bas yang berada di dalam jajaran kawasan trafik harian yang tinggi) di kawasan Greater KL/KV. Panel ini membantu rakyat merancang perjalanan mereka dengan lebih berkesan, memandangkan nombor laluan dan maklumat jadual bas dipaparkan pada panel. Sebanyak 3000 panel maklumat disasarkan untuk pemasangan. Walaupun terdapat kelewatan dalam pengeluaran tender bagi fasa pemasangan, namun panel maklumat yang telah berjaya dipasang adalah sebanyak 1,290 pada 31 Disember 2016. SPAD dan MOT telah memantau dengan rapi projek ini bagi memastikan pemasangan diteruskan dan disiapkan pada tahun 2017.

Bagi mempertingkatkan kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir, Program Transformasi Industri Teksi (Taxi Industry Transformation Programme, TITP) telah diperkenalkan untuk mempertingkatkan industri teksi secara menyeluruh, yang merangkumi bukan sahaja tetapi juga golongan teksi berdaftar, tetapi juga perkhidmatan

perkongsian perjalanan/e-panggilan yang belum dikawal selia termasuk Uber dan Grab. Pelancaran TITP adalah berikutan makmal yang dikendalikan oleh SPAD dan PEMANDU pada akhir tahun 2015, yang menghasilkan beberapa cadangan yang diluluskan oleh Majlis Ekonomi pada bulan April 2016 dan mendapat kelulusan secara dasar daripada Kabinet pada bulan Julai 2016.

Cadangan itu termasuk 11 inisiatif di bawah empat bidang utama, iaitu;

- peraturan aplikasi e-panggilan (perkongsian perjalanan);
- peningkatan pendapatan dan kebajikan pemandu teksi;
- peningkatan kualiti perkhidmatan dan tingkah laku pemandu teksi; dan
- semakan tambang teksi untuk industri yang lebih berdaya saing.

Beberapa pemandu teksi dan persatuan operator dilibatkan sepanjang makmal. Lebih 30 mesyuarat dan perbincangan telah dijalankan untuk menguji idea dan inisiatif baharu yang akan meningkatkan industri teksi secara keseluruhannya. Walaupun persatuan teksi menerima baik inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup dan kebajikan mereka, sambutan yang berbeza-beza

diberikan apabila membincangkan langkah mengesahkan perkhidmatan e-panggilan kereta sewa swasta. Walau bagaimanapun, makmal mencadangkan agar perkhidmatan e-panggilan disahkan tetapi pada masa yang sama mencadangkan halangan kemasukan (barriers to entry) bagi teksi dikurangkan selain memastikan klausa yang standard dalam semua kontrak teksi, dan liberalisasi pilihan kendaraan untuk teksi.

Sementara itu, Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS) akan diperkenalkan sebagai teknologi baru untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi. CTSS ialah infrastruktur teknologi yang mengandungi sistem teras dan antara muka aplikasi mudah alih bagi pemandu yang membolehkan pemantauan prestasi bagi penyampaian perkhidmatan teksi. Yang lebih penting, sistem ini akan membantu SPAD menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dan pemantauan berkaitan dengan prestasi dan pengurusan perkhidmatan teksi. Data yang dikumpulkan daripada CTSS akan memudahkan analisis dan perancangan perkhidmatan teksi, sekaligus meningkatkan industri secara keseluruhan.



Taksi 1 Malaysia (TEKSIM)

Menjadikan Pengangkutan Awam Pilihan yang Menarik

Penaiktarafan dan peluasan infrastruktur, di samping peningkatan prestasi dan kualiti perkhidmatan, merupakan komponen penting yang menjadikan pengangkutan awam bandar sebagai pilihan yang bijak dan berdaya maju bagi penumpang di bandar. Pelbagai inisiatif di bawah NKRA UPT juga bermatlamat untuk menjadikan pengangkutan awam bandar pilihan yang menarik dan juga mudah melalui pelbagai faktor penolak (push) dan penarik (pull).

Dari segi inisiatif penarik “pull”, lebih banyak kemudahan Park ‘n Ride telah dibina di lokasi-lokasi strategik di seluruh rangkaian rel Greater KL/KV, dengan jumlah sasaran 7,000 tempat letak kereta menjelang 2020. Tahun 2016 menyaksikan sebanyak 1,547 ruang letak kereta baharu di kemudahan Park ‘n Ride di Taman Paramount, Taman Jaya, Taman Bahagia, UKM dan Nilai.

Pada masa yang sama, Parkway Dropzone sedang dibina di stesen-stesen rel berkapasiti jumlah penumpang tinggi untuk integrasi yang lebih baik dengan infrastruktur yang sedia ada, seperti perhentian bas dengan laluan pejalan kaki berbumbung, untuk menggalakkan perkongsian kereta dan bertindak sebagai kemudahan transit untuk penumpang bas/teksi menaiki perkhidmatan rel. Kemudahan Parkway Dropzone yang pertama telah berjaya disiapkan di Kampung Dato Harun pada 13 September 2016.

NKRA UPT juga telah menerajui penyelesaian dalam menyediakan pelan perjalanan masa sebenar (real time) bagi pengguna pengangkutan awam merancang perjalanan mereka. SPAD telah membangunkan aplikasi Perancang Perjalanan yang



Park 'n Ride di Salak Tinggi.



Park Way Drop Zone di Kampung Dato Harun

disasarkan untuk dilancarkan pada tahun 2017. Perancang Perjalanan ini direka khusus untuk membantu penumpang mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam ke dan dari sesuatu destinasi dalam kawasan Greater KL/KV. Pengguna akan disediakan dengan platform bersepadu termasuk maklumat perkhidmatan pelbagai mod dan operator melalui enjin carian. Aplikasi ini juga akan memaparkan pilihan

yang terbaik untuk perjalanan individu, berdasarkan maklumat masa sebenar sebaik sahaja pengguna memasukkan destinasi mula dan akhir mereka. Pasukan projek kini bekerja keras menangani penambahbaikan dan pembinaan baharu untuk memastikan aplikasi ini bermanfaat kepada orang ramai apabila dilancarkan kelak.

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR



Penumpang menaiki bas Rapid KL


Kapasiti pengangkutan awam sudahpun mencecah 61,978 penumpang sejam sehala (pphpod) pada tahun 2016 dan dijangka meningkat kepada 127,578 pphpd pada tahun 2020, iaitu kapasiti tambahan sebanyak 61%. Peningkatan kapasiti ini mampu mengurangkan keadaan trafik yang sesak di kawasan CBD KL - tetapi ia hanya akan berlaku sekiranya inisiatif penolak "push" dilaksanakan secara berkesan. Sebagai respons terhadap perkara ini, Bengkel Pengurusan Permintaan Perjalanan KL telah dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan termasuk SPAD, pada bulan Mei 2016 untuk merancang

pelaksanaan inisiatif penolak. Ini adalah untuk menyokong matlamat keseluruhan untuk mengurangkan nisbah modal pengangkutan persendirian dalam kawasan CBD KL (terutamanya di sekitar MRR1) ketika waktu puncak pagi sehingga 60% pada tahun 2020. Dengan semua inisiatif penarik "pull" diwujudkan dan sedang dilaksanakan, inisiatif penolak "push" yang ketara adalah perlu untuk memastikan penggunaan pengangkutan awam darat di kawasan CBD KL dan seterusnya membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Bengkel ini telah mencadangkan sembilan inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh DBKL dan SPAD dalam jangka pendek (tiga tahun).

Laporan ini telah diserahkan kepada DBKL, dan hasilnya telah dibentangkan kepada Datuk Bandar. Hasil bengkel juga telah dibentangkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SPAD dan telah menerima sokongan penuh. Berikut itu, lebih banyak perbincangan terperinci perlu diadakan antara DBKL, SPAD dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Pengurusan permintaan perjalanan, meskipun penting bagi kelestarian jangka panjang bandar yang berkembang pesat seperti Kuala Lumpur, bukan sesuatu yang mudah. Sebagai contoh, pada bulan Julai 2016, DBKL telah mengumumkan peningkatan sebanyak 150% kadar bayaran letak kereta DBKL bagi letak



kereta di tepi jalan di Kawasan Pusat Bandar (CBD) yang mencetuskan kontroversi. Walaupun langkah tersebut menerima tentangan dari pihak awam, kenaikan tersebut merupakan satu langkah yang betul, terutamanya memandangkan kenaikan kadar yang terakhir dibuat pada tahun 1984. Pada masa akan datang, apabila kapasiti pengangkutan awam di Greater KL/KV terus berkembang, dan tahap keselesaan pengangkutan awam terus bertambah baik, lebih banyak perhatian perlu diberikan kepada langkah-langkah permintaan perjalanan.

Kapasiti pengangkutan awam sudahpun mencecah 61,978 penumpang sejam sehala (pphpdi) pada tahun 2016 dan dijangka meningkat kepada 125 ,578 pphpd pada tahun 2020

Sumber: Analisis Operasi oleh SPAD.

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR



TINJAUAN MASA HADAPAN

Setelah menumpukan perhatian terhadap bilangan penumpang pengangkutan awam bandar pada waktu puncak pagi sebagai KPI, NKRA UPT akan beralih kepada pemantauan bilangan penumpang harian untuk mendapatkan gambaran yang lebih baik tentang kesan penuh yang dicetuskan oleh usaha NKRA.

Dari segi kesalinghubungan rel, Laluan MRT 1 Lembah Klang akan disiapkan pada Julai 2017, diikuti oleh Laluan 2 pada tahun 2022. Laluan MRT 3 (Circle Line) telah menjalani kajian kebolehlaksanaan, dan keputusannya sedang dikaji. Untuk terus menyediakan kesalinghubungan yang lebih baik dan mengurus permintaan pengguna, langkah pemulihan akan dipertimbangkan dan diambil untuk menangani isu-isu berkaitan dengan projek tertangguh seperti

Projek Peluasan Fleet Monorel Kuala Lumpur (KL Monorail Fleet Expansion Project, KLMFEP), yang penting untuk mengurangkan kesesakan di beberapa stesen Monorel. Kelewatan selama tiga tahun dalam projek peluasan KL Monorel telah mewajarkan pemantauan yang rapi oleh PEMANDU dan Kementerian Pengangkutan (MOT), dan dibawa kepada perhatian YAB Perdana Menteri untuk tindakan serta-merta. Antara kejayaan penting adalah dengan pemeteraian sebuah Perjanjian Tambahan Ketiga yang telah ditandatangani pada 3 Mac 2017 untuk menangani isu-isu kontrak dan memudahkan penyerahan baki enam kereta api bagi projek yang telah dijadualkan pada tahun 2017.

Semua pihak telah bekerja keras untuk memastikan penyiapan projek, dengan pemantauan pelaksanaan

yang berterusan, langkah penyelesaian masalah yang teliti dan mesyuarat penyelarasan yang diadakan setiap dua minggu. Projek Peluasan KL Monorel akan meningkatkan lebih kapasiti kepada perkhidmatan semasa, yang memberikan perkhidmatan kepada penumpang harian sebanyak 63,778 penumpang dan mencatat faktor muatan hampir 89% ketika waktu puncak pagi, dengan permintaan dijangka terus meningkat berikutnya peningkatan jumlah penduduk dan penyiapan projek rel yang lain.

Berikutan kejayaan BRT Sunway, SPAD dan agensi-agensi lain yang berkaitan sedang berusaha ke arah penyiapan tender pembinaan koridor BRT (KL-Klang) pada tahun 2017. BRT koridor KL-Klang akan beroperasi dari Pasar Seni (Central Market) ke bandar Klang, melalui tiga jalan raya utama; iaitu Lebuhraya Persekutuan, Jalan Tun Sambanthan dan Jalan Syed Putra. Laluan tersebut akan merangkum jarak keseluruhan sepanjang 34km dengan 25 stesen di sepanjang laluan. Tidak seperti BRT Sunway, yang mempunyai infrastruktur jalan raya yang dibina khas untuk bas, BRT KL-Klang sebaliknya akan mempunyai lorong eksklusif

untuk laluan bas, di terminal, dan di stesen perantaraan. Lorong eksklusif ini akan beroperasi pada infrastruktur jalan yang sedia ada, walaupun jalan akan dibesarkan untuk menempatkan laluan BRT. BRT KL-Klang akan memberikan perkhidmatan kepada koridor lalu lintas yang sangat penting dan sesak, sekali gus menyumbang ke arah pengurangan kesesakan trafik di Lebuhraya Persekutuan dan peningkatan kesalinghubungan pengangkutan awam dalam seksyen Greater KL/ KV yang sangat padat dan dinamik ini.

Sementara itu, projek Terminal Bersepadu Gombak (ITT) sedang dipantau dengan teliti, dengan interaksi yang berterusan dengan syarikat konsesi, pemilik projek dan pemilik KPI, untuk memastikan kemajuan pembinaan yang ketara bagi tahun 2017. Apabila siap, ITT Gombak akan berperanan sebagai hab bagi semua bas antara bandar yang beroperasi di laluan KL-Pantai Timur, dengan itu mengalihkan kira-kira 750 bas ekspres dari sektor Utara dan Timur yang pada masa ini ditangani oleh hab di pusat bandar sekali gus membantu dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

TITP kini melalui proses pelaksanaan di mana pencapaian yang seterusnya merangkumi pengawalseliaan perkhidmatan e-panggilan. Ini dijangka berlangsung dalam tahun 2017 di mana SPAD akan membentangkan pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat untuk membenarkan berlakunya pengawalseliaan tersebut. SPAD sebagai pelaksana utama UPT NKRA, akan terus mengendalikan TITP pada tahun 2017, dan memastikan bilangan teksi baharu dan juga kenderaan perjalanan menerusi panggilan (ride-hailing vehicles) di jalan raya bertambah.

Di samping hasil yang telah dibincangkan semasa Bengkel Pengurusan Permintaan Perjalanan KL, DBKL dan SPAD juga akan melakukan percambahan fikiran (*brainstorming*) berkaitan dengan pembangunan pelan Pengurusan Permintaan Perjalanan yang menyeluruh untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Greater KL/ KV dan menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan awam bandar.



Sistem Monorel di Kuala Lumpur

MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH



MENYINARI LANGKAH KE ARAH MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH



**DATO' SRI ROHANI
ABDUL KARIM**

Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Bidang Keberhasilan Utama Negara Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) telah mewujudkan satu impak transformatif yang mendalam seterusnya dapat meningkatkan taraf kehidupan golongan miskin tegar dan miskin bandar negara. Melalui penekanan terhadap penyediaan pengupayaan ekonomi kepada yang memerlukan berbanding dengan sekadar penyediaan pemberian, NKRA LIH memfokuskan pelbagai faktor yang menyebabkan kemiskinan untuk memastikan keberhasilan jangka panjang yang mampan.

Pendekatan ini terutamanya amat mustahak seiring dengan usaha gigih Kerajaan ke arah pengurusan kewangan yang berhemah dan pengoptimuman peruntukan sumber ke arah aktiviti yang akan memberikan kesan terhadap perubahan yang berkekalan. Namun begitu, saya berbesar hati melaporkan bahawa kita akan terus berada di landasan yang tepat untuk mencapai sasaran KPI bagi program 1AZAM, yang telah menjadi elemen penting NKRA LIH dalam memangkin perubahan yang bermakna untuk golongan miskin tegar dan miskin bandar di negara kita.

Sejak tahun 2010, kerajaan telah membelanjakan lebih RM1.9 bilion ke atas NKRA LIH bertujuan membebaskan rakyat daripada belenggu kemiskinan dan kemiskinan tegar. Daripada paras kemiskinan sebanyak 3.8% pada tahun 2009, NKRA LIH telah menyaksikan penurunan paras kemiskinan kepada 0.6% pada tahun 2014. Pada tahun 2016, lebih 90% peserta yang menyertai program 1AZAM telah menyaksikan pendapatan tahunan mereka meningkat melebihi RM300.

Memandangkan keadaan ekonomi global yang kian mencabar, terdapat keperluan terhadap satu jaringan keselamatan yang kukuh bagi kumpulan masyarakat yang kurang bernasib baik, bukan hanya untuk kumpulan berpendapatan 40% terendah (B40) di kawasan luar bandar, malah juga di kawasan bandar. Oleh yang demikian, NKRA LIH turut melaksanakan inisiatif yang memperkasakan kumpulan penduduk ini dalam mendapatkan pekerjaan, peluang latihan dan pekerjaan di luar pekerjaan formal, untuk membolehkan mereka menjana pendapatan tambahan.

Pelbagai agensi, terutamanya yang telah sama-sama turun padang dalam melaksanakan program telah menempuh banyak cabaran bersama dengan kumpulan berpendapatan rendah yang nekad untuk menambah baik taraf kehidupan mereka. Sesungguhnya saya amat bersyukur di atas dedikasi dan komitmen mereka dan saya ingin meyakinkan semua bahawa Kerajaan akan terus melakukan yang terbaik untuk mengubah nasib dan kesengsaraan hidup golongan isi rumah berpendapatan rendah ini.

GAMBARAN KESELURUHAN

NKRA LIH merupakan usaha pelbagai agensi yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Rakan agensi lain termasuklah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU). KPWKM telah mengambil tanggungjawab yang lebih besar terhadap NKRA LIH dengan membentuk Jawatankuasa Bersama NKRA sebagai satu alternatif untuk menghimpunkan semua pihak yang berkepentingan untuk berbincang, mengenal pasti dan menyelesaikan masalah dalam melaksanakan inisiatif NKRA. Secara keseluruhannya, NKRA ini telah mencapai 122% KPI yang ditetapkan pada tahun 2016. Pujian harus diberikan kepada ICU selaku pemilik pangkalan data eKasih kerana telah mengambil inisiatif untuk turun padang bagi mengesahkan status individu dan isi rumah B40 dalam usaha untuk memastikan pengagihan dana yang adil dan saksama kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Pada tahun 2016, sejumlah RM66.71 juta telah diperuntukkan kepada semua agensi yang terlibat dalam pelaksanaan NKRA LIH, dengan tumpuan diberikan terhadap kesinambungan program 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) dan program Beyond 1AZAM selain pelaksanaan projek pengupayaan ekonomi bagi kumpulan yang lemah melalui kaedah digital. Usaha difokuskan terhadap inisiatif yang mampu memaksimumkan nilai peruntukan di samping mendapatkan bantuan sektor swasta untuk peserta Beyond 1AZAM bagi mengembangkan perniagaan mereka.

Melalui usaha Kerajaan dalam membasmi kemiskinan, kini kadar golongan miskin dan miskin tegar hanyalah 0.6% daripada populasi, pada tahun 2014 berbanding kadar 3.8% pada tahun 2009. Kerajaan



Peserta 1AZAM Niaga

akan terus berusaha membantu rakyat, terutamanya golongan B40, menyediakan peluang untuk mereka menikmati kehidupan yang lebih baik.

Merangsang Potensi Pendapatan

Program 1AZAM telah mencatatkan kadar penyerapan yang memberansangkan sejak mula diperkenalkan pada tahun 2009. Di bawah tujuh bidang fokus 1AZAM (AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja, AZAM Khidmat, AZAM Bandar serta 1AZAM Sabah dan 1AZAM Sarawak yang dikendalikan secara autonomi), peserta-peserta telah diberi bantuan yang paling bersesuaian dengan keadaan dan kemampuan mereka untuk meningkatkan kemahiran masing-masing. Mereka juga diberi akses kepada peluang pekerjaan atau peluang untuk membuktikan kemahiran keusahawanan mereka.

Program Beyond 1AZAM, yang bermula pada September 2014 sebagai projek perintis, menyediakan latihan, bimbingan dan pementoran lanjutan kepada peserta 1AZAM berprestasi tinggi yang telah menyempurnakan program asas 1AZAM. Matlamat utama program ini adalah untuk melengkapkan semua peserta 1AZAM yang berjaya dengan kemampuan untuk meningkatkan pendapatan mereka daripada projek sedia ada pada tahap 50%. Melalui kemahiran dan kemampuan yang telah terbukti, peserta Beyond 1AZAM ini berpotensi untuk memulakan

perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mereka sendiri.

Pada tahun 2016, sejumlah 7898 orang peserta baharu telah menyertai 1AZAM dan jumlah peserta baharu dan sedia ada seramai 10225 orang telah meningkatkan pendapatan mereka melebihi RM300. Sementara itu, 2329 peserta Beyond 1AZAM telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 50% atau lebih.

Keusahawanan sebagai Wadah Membebaskan Diri daripada Belenggu Kemiskinan

Kerajaan senantiasa komited dalam membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan dan menjalani kualiti kehidupan yang lebih baik. Satu inisiatif jangka panjang Kerajaan untuk membantu individu dalam segmen B40 meningkatkan pendapatan dan membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan adalah melalui usaha yang dilakukan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Amanah Ikhtiar Malaysia merupakan majlis amanah yang dimulakan sejak dahulu lagi, iaitu pada 17 September 1987. AIM menyasarkan pengurangan paras kemiskinan di Malaysia dengan menyediakan bantuan kewangan pinjaman mikro untuk membantu aktiviti ekonomi yang berpotensi

MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

AZAM TANI MENINGKATKAN PENDAPATAN PARA PESERTA



Penghuni Madrasah Tahfiz Raudhatul Baiduri sedang menguruskan penanaman "Rock Melon" yang juga sebahagian daripada projek AZAM Tani

Program AZAM Tani telah mencatatkan kejayaan yang memberangsangkan dalam meningkatkan tahap kehidupan para pesertanya dengan cara pemberian bantuan kepada mereka untuk menaik taraf dan mengembangkan perniagaan. Mohd Jaafar bin Juman dari Tanjung Karang, Selangor yang menjalankan perniagaan buah-buahan adalah di antara mereka yang menerima manfaat melalui program ini. Bantuan daripada program ini membolehkan beliau menaik taraf kanopi dan rak peragaan di gerainya, selain membeli alatan baharu seperti mesin pemeras tebu dan mesin daftar tunai. Hasilnya, pendapatan beliau telah meningkat dari hanya RM1,000 sebulan ke RM10,000 sebulan.

Akrab bin Hassan juga salah seorang peserta AZAM Tani yang memperlihatkan peningkatan pendapatan yang luar biasa melalui perniagaan asas tani/pemprosesan makanan yang mana beliau menghasilkan produk makanan berdasarkan kelapa. Melalui AZAM Tani, beliau memperoleh bantuan dalam bentuk mesin pemprosesan dan pembungkusan dan alatan memasak untuk mengembangkan perniagaannya. Kini pendapatan beliau mencecah RM15,000 sebulan, berbanding RM600 sebelumnya.

Projek-projek komuniti juga dijalankan melalui program AZAM Tani, misalnya di Banting, Selangor, Madrasah Tahfiz Anak Yatim/Miskin Raudhatul Baiduri menjalankan

Projek ini membolehkan madrasah tersebut menjana pendapatan yang tinggi, iaitu sebanyak RM39,000 melalui 6 kitaran penuaan buah sejak Julai 2015.

projek menanam rock melon. Madrasah tersebut menerima bantuan dari segi sistem pembaja-airan, selain biji benih, baja, racun serangga dan sumber-sumber lain yang diperlukan untuk penanaman buah. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga menyediakan latihan berkenaan pertanian dan sistem pembaja-airan kepada pihak pengurusan dan para pelajar madrasah tersebut.

Projek ini membolehkan madrasah tersebut menjana pendapatan yang tinggi, iaitu sebanyak RM39,000, melalui enam kitaran penuaan buah sejak Julai 2015.

AMANAH IKHTIAR MALAYSIA: PUAN MARIAM HUSSIN



Puan Mariam Hussin ialah salah seorang individu yang menerima bantuan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk menceburi perniagaan lampin pakai buang. Sebelum memulakan perniagaannya, beliau mengalami kehidupan yang susah. Demi menampung kehidupan keluarganya, Puan Mariam telah membuat bermacam-macam pekerjaan, sehinggalah berniaga besi buruk. "Apa saja yang boleh buat duit, saya buat," kata Puan Mariam.

Puan Mariam menceritakan bahawa pada masa itu keluarganya tersangatlah miskin sehingga dia tidak mampu membeli lampin pakai buang untuk anak-anaknya yang masih kecil. "Pendapatan saya sebelum tahun 2003 tidak melebihi RM1,000 sebulan pun."

Harga lampin pakai buang yang tinggi merupakan salah satu faktor yang memberi Puan Mariam ilham untuk menceburi bidang ini. "Saya cuba pergi luar negara untuk mencari lampin yang dijual pada harga yang lebih munasabah, yang kemudian boleh dijual semula ke pasaran di sini. Jadi saya mulakan perniagaan saya ini pada tahun 2003; saya pergi ke Korea (Selatan) untuk mencari dan membeli lampin pakai buang buatan Korea dan

mengedarkannya di Malaysia dan ke luar negara."

Puan Mariam banyak dibantu oleh pembekalnya di Korea Selatan apabila beliau membuat keputusan untuk menjadi pengimport eksklusif lampin pakai buang jenama-jenama pembekalnya di Malaysia. "Pengangkutan, makanan, hotel - dari lapangan terbang ke kilang dan kemudiannya ke hotel, dan hari kemudiannya balik ke lapangan terbang, semua diuruskan oleh pembekal saya," Puan Mariam bercerita dengan rasa bangga. Sampai sekarang, beliau masih mempunyai hubungan perniagaan yang erat dengan pembekalnya itu.

Setiap bulan, Puan Mariam mengimpor sehingga lima kontena penuh lampin pakai buang dari pembekalnya. "Kualiti produk dari Korea Selatan ini merupakan yang terbaik di Malaysia," jelas Puan Mariam. Kini, beliau juga mengeksport ke negara-negara jiran seperti Indonesia dan Filipina. Produk lampin pakai buang yang diimport bukan sahaja diedarkan ke kedai-kedai runcit, tetapi juga dipasarkan di atas talian melalui laman-laman web seperti Mudah.com. Malah pada satu masa dulu, beliau juga menjual produknya di pasaraya Tesco.

Puan Mariam amat bersyukur dengan segala bantuan yang telah diberikan oleh pihak AIM. "Amanah Ikhtiar Malaysia adalah satu badan yang banyak membantu peniaga-peniaga kecil seperti saya. Antara bantuan yang AIM berikan kepada saya termasuklah dari segi promosi, latihan dan kursus, penerangan tentang produk saya kepada sahabat-sahabat AIM lain dan juga dari segi kewangan melalui pinjaman. Tambahan lagi, pembayaran pinjaman AIM tidak membebankan. AIM juga memberi peluang kepada sahabat-sahabat AIM untuk mudah berhubung antara satu sama lain."

Setelah menerima bantuan daripada AIM, kehidupan Puan Mariam kini lebih senang. "Alhamdulillah, selepas berniaga lampin pakai buang, keuntungan sebulan saya mencecah RM1 juta. Saya berjaya menghantar semua anak-anak saya hingga ke menara gading tanpa pinjaman, dan mengadakan majlis perkahwinan anak-anak saya di tempat yang mewah, malah memberi setiap anak saya kereta. Saya juga mampu memiliki ladang kelapa sawit. Dan pada hujung Januari 2017, saya akan membawa seluruh keluarga saya pergi menunaikan Umrah." Beliau berasa amat bertuah dapat terlibat dengan AIM, dan dengan berkat izin Tuhan, beliau dapat hidup dengan selesa.

Puan Mariam menasihati individu-individu berpendapatan rendah yang ingin menceburi bidang perniagaan untuk mengambil kesempatan menggunakan kemudahan-kemudahan AIM yang tersedia. "Juallah lampin pakai buang yang merupakan keperluan harian macam beras; lihatlah saya yang dapat menjual sampai lima kontena penuh setiap bulan. Saya yakin bahawa sahabat-sahabat AIM boleh berjaya seperti mana saya telah berjaya."

MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

menjana lebih banyak pendapatan bagi isi rumah berpendapatan rendah. Perkhidmatan yang disediakan oleh AIM secara keseluruhannya telah membantu sejumlah besar usahawan segmen B40 untuk mewujudkan dan membangunkan perniagaan mereka serta mengembangkan PKS melalui pemantauan yang rapi dan latihan yang berterusan.

Sekjak penubuhan AIM pada tahun 1987, badan itu telah

membangunkan pelbagai kaedah inovatif untuk mempertingkatkan lagi kemampuan usahawan segmen B40. Salah satu kaedah yang digunakan oleh AIM dilaksanakan melalui kerjasama dengan beberapa buah universiti. Sejak tahun 2012, AIM dengan kolaborasi bersama AKPK telah bekerjasama dengan Taylor's University dalam penganjuran program celik kewangan bagi usahawan yang bertujuan untuk

mempertingkatkan jualan, pendapatan dan simpanan mereka. Melalui kolaborasi ini, konsep mentor-mentee telah diperkenalkan untuk membolehkan pemilik perniagaan memperoleh pengetahuan bersifat teoretkal dalam usaha mereka untuk mempelbagaikan perniagaan dan mencapai jualan yang lebih tinggi dengan hasrat untuk mengembangkan perniagaan kecil mereka menjadi perusahaan kecil dan sederhana.



PANGKALAN DATA e-KASIH MEMASTIKAN PENGEDARAN BANTUAN YANG EFEKTIF

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk memastikan proses pengagihan dana dan bantuan yang efisien (lebih cekap) diberikan kepada golongan individu dan isi rumah berpendapatan rendah, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri telah membangunkan pangkalan data yang dikenali sebagai e-Kasih. Pangkalan data ini menjadi pusat Bank Data Kemiskinan Kebangsaan yang mengumpul dan menyimpan rekod berkaitan kemiskinan seperti profil lengkap golongan miskin dan miskin tegar (daif), jenis bantuan yang diterima daripada pelbagai badan dan agensi kerajaan, projek atau program ekonomi dan maklumat lain yang berkaitan.

e-Kasih ditubuhkan pada bulan Oktober 2007 sebagai inisiatif baharu untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh kerajaan. "Objektif utama e-Kasih adalah untuk mengelak sebarang pertindihan bantuan / program diberikan dan penyalahgunaan atau penyelewengan bantuan kepada rakyat miskin dan miskin tegar dengan menubuhkan bank data sepusat yang boleh diakses dan digunakan oleh semua agensi dan pihak yang

berkaitan yang terlibat dalam program membasmikan kemiskinan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Bank data sepusat ini boleh digunakan dan dirujuk oleh semua badan dan agensi kerajaan," kata Md Azhan Samat, Pengarah Kesejahteraan Masyarakat di ICU.

Status atau tahap kemiskinan akan secara automatik dihitung oleh sistem berdasarkan pendapatan isirumah dan Garis Kemiskinan Pendapatan (Poverty Line Income -PLI).

Sebelum ini, data yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan telah dikumpul dan disimpan daripada pelbagai sumber pangkalan data yang dimiliki oleh agensi-agensi yang berbeza. Walaupun data ini telah disahkan oleh agensi masing-masing mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan, data tersebut adalah tidak selaras. Seterusnya, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalankan satu banci kemiskinan, mengikut piawaian antarabangsa bagi mengesahkan data ini selanjutnya. Ini telah meningkatkan integriti dan kesahihan data. Data yang disahkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia kemudian dikumpulkan melalui sistem data Banci Kemiskinan Isi Rumah sebelum ia dimuat naik ke dalam

pangkalan data eKasih.

Pangkalan e-Kasih menyimpan maklumat terperinci tentang golongan miskin dan sangat miskin dan data tersebut diguna sebagai asas untuk membuat perancangan membasmikan kemiskinan dan menyalurkan bantuan peringkat kebangsaan. Maklumat yang dikumpul mengandungi butiran tentang program/projek, profil ketua isi rumah (HOH), ahli dalam isi rumah (MOH) termasuk tempat (lokasi), tempat kediaman, tahap pendidikan, kemahiran dan jenis pekerjaan, hakmilik harta, keadaan kesihatan, sumber pendapatan keluarga dan bantuan atau pertolongan yang diterima misalnya BR1M (Bantuan Rakyat1Malaysia), KWAPM (Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin) dan 1AZAM.

Pembentukan pangkalan data e-Kasih merupakan suatu tindakan revolusi meskipun negara sedang pesat membangun, masih lagi terdapat golongan yang memerlukan bantuan. Pangkalan data ini membolehkan bantuan Kerajaan yang sewajarnya dihulurkan untuk membantu mereka yang berkenaan dengan berkesan dan efisien," kata Md Azhan.

Kerajaan senantiasa komited dalam membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan dan menjalani kualiti kehidupan yang lebih baik.



YB Menteri bersama 'Sahabat AIM'

TINJAUAN MASA HADAPAN ►

NKRA ini akan lebih memanfaatkan program pengupayaan ekonomi Kerajaan yang lain di samping bekerjasama dengan agensi bukan kerajaan dan sektor swasta demi memastikan kelangsungan dan keberkesanan program LIH memandangkan keadaan ekonomi masa kini memberikan kesan kepada aspek pembiayaan.

Proses keseluruhan 1AZAM juga akan dipertingkatkan, iktibar yang diperolehi akan diterapkan untuk terus membantu agensi pelaksana pada tahun 2017. 'Graduan' 1AZAM akan

diserapkan sebagai peserta Beyond 1AZAM dalam usaha memupuk sifat keusahawanan di kalangan peserta. Selain itu, agensi-agensi berkaitan yang berusaha ke arah penyampaian berimpak di bawah NKRA ini akan merangka langkah seterusnya bagi para peserta Beyond 1AZAM untuk menempatkan diri mereka secara kukuh di kalangan 40 peratus pertengahan (M40) dan juga dalam segmen 20% berpendapatan tertinggi (T20).


Inisiatif-inisiatif turut akan memberi fokus kepada penyediaan latihan/

sokongan kepada usahawan yang berpotensi untuk membangunkan sektor PKS. Ini memerlukan program latihan dimasukkan dalam maklumat/dokumentasi yang diperlukan oleh pihak bank/pembiaya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh Beyond 1AZAM. NKRA LIH juga akan bekerjasama dengan SME Corp dan beberapa bank yang mengambil bahagian untuk memudahkan pembiayaan mikro kredit kepada peserta yang berjaya dan menyediakan sokongan tambahan seperti latihan pemasaran kepada peserta 1AZAM yang berpotensi dan berjaya.

Sejajar dengan penggunaan ICT yang semakin diberikan penekanan dan bagi meningkatkan pendapatan kumpulan B40 dan M40, program e-usahawan akan diperluas sebagai satu platform untuk memperkembangkan perniagaan kecil. Usaha juga akan dipertingkatkan untuk mendapatkan lebih banyak pendaftaran bagi program eRezeki, memandangkan platform itu juga akan digunakan untuk memantau pendapatan para peserta. Tambahan lagi, aktiviti promosi bagi platform orang-e akan diperhebat untuk menambah bilangan peserta, manakala skop bagi platform orang-e akan diperluas pada tahun 2017.

Memandangkan ketidakpastian iklim ekonomi masa kini yang berterusan, Kerajaan akan memantau rapi kebarangkalian lebih banyak isi rumah terjerumus ke dalam kemiskinan disebabkan oleh pengangguran, pengurangan tenaga kerja dan peningkatan kos sara hidup. Selaras dengan perkembangan ini, Kerajaan juga akan meneruskan interaksi bersama kumpulan isi rumah berpendapatan rendah bukan sahaja untuk membasmi kemiskinan malahan membantu mereka mencari lebih banyak cara untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan ke arah masa depan yang lebih cerah dan mampan.

MENGURANGKAN JENAYAH



**MENJAMIN
KESELAMATAN
DAN KEAMANAN
NEGARA DAN
RAKYAT**



**YAB DATO' SERI
DR AHMAD ZAHID
HAMIDI**

Timbalan Perdana
Menteri Malaysia dan
Menteri Dalam Negeri

Berikutnya pengurangan kadar jenayah yang ketara bagi tempoh enam tahun berturut-turut, sememangnya wajar untuk menjangkakan penurunan kadar jenayah yang lebih perlahan. Ini juga adalah selari dengan pertambahan penduduk serta pembangunan pesat negara. Bersandarkan hakikat bahawa bandar-bandar dan negara-negara paling selamat di dunia juga tidak bebas jenayah sepenuhnya, pencapaian NKRA Mengurangkan Jenayah sehingga hujung tahun 2016 adalah suatu pencapaian yang boleh dibanggakan. Perbandingan antara tahun 2010 dan 2016, Indeks Jenayah telah berkurang dengan kadar 9% setahun dan merekodkan jumlah penurunan keseluruhan sebanyak 47%.

Sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2016, Indeks Jenayah telah menurun pada kadar purata 9% setahun dengan jumlah penurunan keseluruhan sebanyak 47%. Pada tahun 2016, kadar pengurangan jenayah adalah 2.8%. Walaupun angka ini lebih kecil berbanding tahun-tahun sebelumnya, ia bukanlah petunjuk bahawa insiden jenayah semakin meningkat sebaliknya memberi gambaran bahawa semakin ramai di kalangan rakyat yang mengambil inisiatif untuk melaporkan kejadian jenayah. Perkara ini membuktikan rakyat semakin cakna dan waspada di dalam usaha mengurangkan jenayah.

Petunjuk Persepsi Jenayah (*Perception of Crime Indicator, PCI*) yang telah diperkenalkan pada tahun 2015 adalah sejajar dengan usaha memerangi jenayah melalui pendekatan yang lebih tertumpu. Daripada angka 80% pada tahun 2015, PCI telah mencatatkan penurunan ketara kepada 61%. Angka ini melambangkan pengurangan dalam kegusaran dan keimbangan rakyat terhadap kemungkinan menjadi mangsa jenayah sekaligus memberikan isyarat bahawa rakyat berasa lebih selamat.

Teras kepada usaha ini ialah transformasi agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang dilaksanakan secara menyeluruh. Di bawah inisiatif Kepolisan Moden, wawasan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah untuk mewujudkan

pasukan polis berorientasikan perkhidmatan yang bertaraf dunia menjelang tahun 2020 melalui penggunaan teknologi untuk meningkatkan keberkesanannya dan produktiviti. Menerusi penyelarasannya dan proses mudah cara serta amalan kerja yang sudah diterapkan sejak beberapa dekad, anggota polis berupaya memfokuskan usaha membanteras elemen ancaman sedia ada dan berdepan dengan cabaran yang baharu. Di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, kami juga sedang mengubah kaedah pemulihan penagih dadah dan cara mereka dikembalikan semula ke pangkuhan masyarakat dengan menyediakan program pemulihan yang inovatif di mana projek rintis program ini dijalankan di daerah Besut, Terengganu.

Pada tahun 2016, kami juga melaksanakan langkah-langkah untuk mengukuhkan sempadan negara. Peningkatan kesejahteraan sosioekonomi dan kepesatan pembangunan negara turut meningkatkan kerentanan negara kepada unsur jenayah. Pemerdagangan manusia dan pengedaran dadah, selain ancaman pengganas yang menerobos sempadan negara merupakan isu yang sangat serius dan perlu ditangani dengan segera. Saya percaya bahawa Agensi Keselamatan Sempadan yang baru diwujudkan dan Makmal Keselamatan Sempadan yang telah diadakan pada bulan April 2016 mampu memperkuatkan sempadan negara dengan ketara dan mencegah sindiket penjenayah daripada membolosi dan beroperasi di sempadan negara.

Akhir sekali, kita tidak harus melupakan asas kewujudan NKRA Pengurangan Jenayah, iaitu untuk memastikan keselamatan dan keamanan rakyat. Saya percaya bahawa keberhasilan tahun 2016 menunjukkan impak dalam inisiatif pengurangan jenayah yang telah dilaksanakan, dan saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada PDRM dan pihak berkepentingan NKRA yang lain seperti Jabatan Penjara Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) atas kejayaan yang telah dicapai.

GAMBARAN KESELURUHAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara Mengurangkan Jenayah (NKRA Mengurangkan Jenayah) telah berjaya mengurangkan Indeks Jenayah sebanyak 47% dari tahun 2010 hingga 2016, dengan memperlihatkan bilangan kes jenayah menurun dari 209,817 kes pada tahun 2009 kepada 112,354 kes pada 2016. Secara keseluruhannya, NKRA Mengurangkan Jenayah mencapai KPI 118%, melebihi sasaran yang ditetapkan pada 2016. Sepanjang tempoh tujuh tahun yang berlalu, NKRA Mengurangkan Jenayah memfokuskan usaha terhadap pengurangan jenayah, pemulihan penagih dadah, peningkatan kemahiran banduan, kepolsian komuniti dan pelbagai program untuk meningkatkan persepsi orang ramai.

Inisiatif-inisiatif pengurangan jenayah telah dirangka dengan mengambil kira trend jenayah yang sentiasa berubah-ubah serta perkembangan pesat demografi dan struktur sosioekonomi Malaysia. Susulan penurunan kadar indeks jenayah nasional yang semakin mendatar serta PCI yang menunjukkan warga Kuala Lumpur berasa lebih selamat berbanding tahun-tahun sebelumnya, NKRA Mengurangkan Jenayah akan memfokuskan usaha menangani isu-isu yang dikenyalah dalam tinjauan tahunan selaras dengan usaha untuk terus memelihara keselamatan rakyat.

Salah satu cara NKRA Mengurangkan Jenayah mengubah kaedah menangani jenayah adalah melalui inisiatif Kepolisian Moden yang diterajui PDRM. Inisiatif ini bertujuan mentransformasikan pasukan polis menjadi sebuah organisasi berorientasikan perkhidmatan dan celik teknologi serta fokus kepada tugas-tugas terasnya.

Perubahan hala tuju ini turut dibuktikan melalui perubahan pendekatan terhadap pengendalian kes-kes pesalah berkaitan dadah. Penukaran klasifikasi jenayah (*decriminalization*) berkaitan dadah menunjukkan perubahan yang lebih holistik dalam layanannya serta dasar negara terhadap masalah ini. Malah, penjara tidak lagi dianggap

sekadar tempoh hukuman semata-mata tetapi juga sebagai suatu peluang bagi para pesalah untuk bermuhasabah serta mempertingkatkan kemahiran kendiri. Mereka diberikan peluang untuk mengikuti latihan di dalam pelbagai bidang dan kemahiran teknikal yang diiktiraf. Hal ini membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan apabila dibebaskan kelak sekaligus mengurangkan kebarangkalian untuk terlibat semula di dalam jenayah.

NKRA Mengurangkan Jenayah turut berhasrat untuk memperkuatkan keselamatan sempadan memandangkan ancaman dan kejadian keganasan serta pemerdagangan manusia, pengedaran dadah dan penjualan senjata api secara haram semakin meningkat di seluruh dunia. Pasukan keselamatan Malaysia harus bersikap proaktif dalam menghadapi ancaman ini dan memfokuskan usaha pencegahan untuk mengekang jenayah pada peringkat antarabangsa dan merentas sempadan dengan matlamat bukan hanya untuk memastikan Malaysia selamat, tetapi juga untuk melindungi keutuhan ekonomi negara.

Inisiatif-inisiatif NKRA ini untuk mengurangkan jenayah pada tahun 2016 ditanda aras dengan menggunakan beberapa amalan terbaik antarabangsa, iaitu Kepolisian

Inisiatif NKRA telah menumpukan usaha terhadap pengurangan jenayah, program pemulihan penagih dadah, meningkatkan kemahiran banduan, kepolsian komuniti dan program meningkatkan persepsi orang awam terhadap usaha pengurangan jenayah.

MENGURANGKAN JENAYAH



Moden (Pasukan Polis Singapura, Polis Metropolitan London, Pasukan Polis Hong Kong), Inisiatif Rawatan Dadah (Portugal), Keselamatan Sempadan (rangka kerja sempadan AS-Meksiko, rangka kerja sempadan AS-Kanada, Agensi Sempadan UK) dan Persepsi Tinjauan Jenayah (UK, AS).

Mentransformasikan Pasukan Polis

Fasa Pertama bagi 10 inisiatif Kepolisian Moden telah disempurnakan pada 31 Oktober 2016. Pelaksanaan inisiatif ini telah diterajui

oleh Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur serta 24 balai polis di bawah seliaan Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur. Inisiatif ini termasuklah perubahan kaedah pemfailan laporan dari kaedah manual secara tulisan tangan menggunakan borang POL40 (diari balai) dan POL41 (buku laporan polis) yang telah digunakan sejak 30 tahun yang lalu kepada kaedah pemfailan elektronik. Anjakan ini membolehkan butir-butir diri pengadu didaftarkan secara automatik ke dalam Sistem Pelaporan Polis (Police Reporting System, PRS) apabila kad pengenalan dimasukkan ke dalam pembaca kad pengenalan dan sistem biometrik yang disediakan di balai-balai polis.

Program Kepolisian Moden ini turut

memberikan penekanan terhadap tugas-tugas rondaan yang lebih menyeluruh dan berkesan sekaligus meningkatkan kredibiliti serta keyakinan rakyat terhadap pasukan polis.

Hasil pelaksanaan inisiatif Kepolisian Moden, kira-kira 10% tenaga manusia (atau 11,500 anggota polis) dapat ditugaskan semula untuk berkhidmat di lapangan. Penambahbaikan teknologi yang lain akan turut dilaksanakan melalui inisiatif Kepolisian Moden untuk mengurangkan pertindihan tugas, seterusnya memberikan lebih banyak masa kepada anggota polis untuk membuat rondaan dan menjalankan tugas kepolisian teras yang lain.

PDRM turut mengambil pendekatan yang lebih tegas dalam penguatkuasaan undang-undang bagi pelanggaran undang-undang yang lazim. Sehingga bulan Disember 2016, PDRM telah mengeluarkan 1,676,272 saman, dan daripada jumlah tersebut, 665,111 telah dijelaskan. Ini menyumbang kepada hasil Kerajaan yang lebih tinggi dengan jumlah kutipan kira-kira RM81.3 juta. Bagi tahun 2017, NKRA Mengurangkan Jenayah akan berusaha mencapai sasaran yang lebih tinggi bagi kutipan saman (iaitu 40% berbanding 30% pada tahun 2016).

PDRM telah mengambil langkah tegas dalam melaksanakan undang-undang jalan raya di mana setakat Disember 2016, sebanyak 665,111 saman telah berjaya dikutip berbanding dengan 1,676,272 yang dikeluarkan.

Kejayaan NKRA Mengurangkan Jenayah dicerminkan dalam keberhasilan PCI, yang mencatat pengurangan rasa takut orang ramai menjadi mangsa jenayah dan peningkatan rasa selamat dalam kalangan rakyat. Jumlah responden yang mengambil bahagian dalam tinjauan di Kuala Lumpur turut meningkat kepada 14,393, iaitu peningkatan 3.4 kali berbanding dengan 4,200 pada tahun 2015.

Dalam usaha untuk lebih memahami keimbangan orang ramai berhubung dengan jenayah dan keselamatan, NKRA Mengurangkan Jenayah telah membangunkan Indeks Keterlibatan Komuniti (*Community Engagement Index, CEI*). *CEI* ini diwujudkan untuk menstrukturkan semula dan menyelaras cara PDRM berinteraksi dengan rakyat dan usaha ini akan diukur berdasarkan tiga kriteria; peratusan penglibatan (rondaan);

keamatan penglibatan (tempoh interaksi); dan keberkesanan penglibatan (penghargaan). Bengkel-bengkel yang bertujuan mengkaji semula strategi penglibatan semasa, memperkenalkan penambahbaikan dan langkah baharu yang lebih berkesan telah selesai dilanjutkan pada September 2016 dan pada masa ini sedang dalam proses untuk pensindiketan.

NKRA Mengurangkan Jenayah akan terus melaksanakan inisiatif untuk memastikan kadar jenayah kekal rendah dengan mengambil kira peningkatan kadar urbanisasi yang dijangka akan menyumbang kepada peningkatan jenayah jalanan. Inisiatif-inisiatif ini akan turut meliputi peningkatan jenayah bukan indeks seperti jenayah siber dan jenayah berkaitan dengan narkotik. Berikutnya perubahan demografi Malaysia dan trend

jenayah di seluruh dunia dari bulan Januari hingga Disember 2016, sebanyak 17,333 jenayah jalanan telah direkodkan berbanding dengan 16,034 jenayah jalanan bagi tempoh yang sama pada tahun 2015.

NKRA Mengurangkan Jenayah akan menerapkan pendekatan yang lebih komprehensif untuk mengukur kadar jenayah, misalnya melalui pengukuran jenayah bagi setiap 100,000 penduduk, di mana kadar jenayah akan diukur dengan cara membahagikan bilangan kes yang dilaporkan dengan jumlah populasi, dan hasilnya didarabkan dengan 100,000. Inisiatif ini dan juga pelbagai inisiatif NKRA yang lain akan menentukan cara PDRM dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain menangani jenayah pada masa akan datang.

PENDEKATAN BAHARU DI LUAR KOTAK UNTUK MEMBANTERAS PENYALAHGUNAAN DADAH



Prof Dr. B. Vicknasingam, Pengarah Pusat Penyelidikan Dadah di Universiti Sains Malaysia (USM)

Projek Perintis Pemulihan Dadah di Besut adalah satu inisiatif yang menerapkan pendekatan kesihatan awam berdasarkan rawatan untuk memulihkan penagih dadah dengan cara yang baharu demi menangani isu jenayah dengan lebih berkesan.

"Dalam abad ini, penyebab utama jangkitan HIV di Malaysia ialah penggunaan jarum suntikan untuk menyuntik dadah. Kerajaan sedar bahawa masalah ini harus

diatisi dan telah memperkenalkan program mengurangkan bahaya dadah dengan membekalkan dadah methadone dan peralatan suntikan yang bersih kepada penagih dadah. Program ini berjaya mengurangkan jangkitan HIV dalam kalangan penagih dadah. Ini adalah satu contoh jelas penggunaan pendekatan berdasarkan bukti yang berjaya membawa hasil atau kesan yang diingini. Kini kita mesti melangkah setap lagi dengan bukan sahaja menyediakan perkhidmatan mengurangkan bahaya dadah, malah menggalakkan penagih dadah menerima rawatan dan menjalani program pemulihan dan tidak lagi menangkap dan mengurung mereka di dalam penjara," kata Prof Dr. B. Vicknasingam, Pengarah Pusat Penyelidikan Dadah di Universiti Sains Malaysia (USM), bahagian yang menerajui projek di bawah NKRA Jenayah.

Prof Vicknasingam mendapati bahawa model pemulihan yang telah digunakan selama ini di pusat-pusat pemulihan memberi penekanan terhadap aspek disiplin serta pendekatan menghukum penagih dadah.

Model ini yang turut digunakan di negara-negara lain sebagai kaedah utama untuk memulihkan penagih dadah telah terbukti tidak mendatangkan hasil yang diharapkan.

Projek perintis di Besut ini bertujuan untuk membolehkan penagih dadah yang berada di dalam tahanan polis dihantar dengan segera untuk menjalani rawatan, dan tidak dilayan sebagai penjenayah yang dihukum menurut sistem perundangan negara. "Kita akan memasukkan mereka ke dalam program rawatan pesakit luar berdasarkan komuniti," jelas Prof Vicknasingam. "Rawatan kami tidak berbentuk hukuman. Dahulu, pakar perubatan ketika merawat penagih dadah akan menghukum' jika ujian air kencing menunjukkan kesan dadah. Tetapi, melalui program perintis di Besut, penagih dadah akan dipujuk supaya menjalani program rawatan secara berterusan biarpun ujian air kencing masih menunjukkan tanda positif. "Selagi mereka mahu datang untuk sesi-sesi rawatan, kami akan terus berpeluang untuk mendidik dan memberi kaunseling kepada mereka, dan lama-kelamaan mungkin mereka

MENGURANGKAN JENAYAH

akan berubah dan berhenti menggunakan dadah," ujar Prof Vicknasingam lagi.

Projek di Besut ini menggabungkan pendekatan rawatan dengan kaunseling. Pendekatan rawatan ini termasuklah kaedah membekalkan methadone dan buprenorphine kepada penagih dadah heroin manakala pendekatan kaunseling adalah seperti di dalam kes-kes penagih dadah perangsan seperti amphetamine atau lebih dikenali sebagai 'pil kuda'. "Kami mengukur dua parameter. Parameter pertama meliputi pematuhan kehadiran ke sesi rawatan manakala parameter kedua adalah ujian air kencing. Daripada 97 orang penagih di Besut, lebih 80% mempunyai kehadiran melebihi 75%, suatu angka yang cukup memberangsangkan. Malah, kira-kira 55% daripada mereka menunjukkan keputusan ujian air kencing negatif. Pada peringkat permulaan, mereka masih terus menagih dadah walaupun mengikuti sesi rawatan. Tetapi lama-kelamaan, ketagihan mereka terhadap dadah semakin berkurangan."

Kejayaan model yang digunakan dalam projek di Besut ini telah menarik perhatian kerajaan negeri Kedah dan Terengganu untuk turut menggunakan model yang sama di beberapa daerah di negeri masing-masing. Prof Vicknasingam menjelaskan bahawa projek itu juga menyediakan latihan kemahiran kepada pesakit yang berjaya dirawati. "Jika kita sekadar memberi rawatan dan membiarkan penagih dadah terperangkap dalam persekitaran yang sama, ini tidak akan membantu mereka membebaskan diri dari cengkaman ketagihan dadah. Dengan cara memberi latihan kemahiran, penagih dadah akan lebih sibuk dengan hal-hal lain lantas mengurangkan kebergantungan kepada dadah. Mereka juga mempunyai peluang untuk meningkatkan prospek ekonomi persendirian.

Berdasarkan pengalaman, Prof Vicknasingam berpendapat bahawa kebanyakan penagih dadah di Malaysia sebenarnya berasal dari latar belakang keluarga yang bermasalah atau porak peranda dan miskin. Maka, mereka tidak seharusnya dihukum semata-mata kerana cuba mencari 'ketenangan' melalui penyalahgunaan dadah.

Jika kita kaji kawasan tempat tinggal, status sosio-ekonomi, latar belakang keluarga yang bermasalah dan lain-lain, barulah kita akan faham punca seseorang itu terjerumus ke dalam penagihan dadah. Kita juga harus faham bahawa penagihan dadah ialah sejenis masalah kesihatan yang memerlukan masa yang lama untuk pulih." Beliau menegaskan bahawa masalah yang sama dihadapi oleh seorang perokok yang cuba berhenti merokok.

"Berapa ramai perokok yang berjaya untuk berhenti merokok pada percubaan kali pertama? Mungkin kira-kira 10%. Tapi kita mahu penagih dadah berhenti menagih dadah dengan cepat atau serta-merta. Sudah tiba masanya kita mula berfikir di luar kotak dalam menangani masalah dadah ini. Selama ini kita banyak menahan dan mengurung penagih dadah tanpa mendapat kesan yang positif. Selagi kita tidak memberi rawatan yang sewajarnya kepada penagih dadah, mereka akan kekal menjadi penagih dadah. Di Besut, kami memberikan rawatan kesihatan kepada penagih dadah yang ditahan kerana menggunakan dadah dan bukannya penagih dadah yang telah melakukan jenayah lain. Kita harus jelas bahawa mereka masih harus menghadapi pengadilan mahkamah jika mereka melakukan jenayah yang tiada kaitan dengan dadah."

Dua orang pesakit yang mendapatkan rawatan di Besut, iaitu Adam dan Badrul (bukan nama sebenar) telah menggunakan dadah selama dua atau tiga bulan kerana terpengaruh dengan rakan sebaya. Bagi kedua-duanya, program Besut merupakan program pemulihan dadah yang pertama yang mereka jalani. Adam dihantar ke pusat ini atas arahan pihak polis dan kini semakin pulih dari ketagihan. Beliau kini bebas dari dadah dan semakin gembira, turut memberitahu bahawa kesihatannya juga bertambah baik dan selera makan juga pulih. Adam banyak menghabiskan masa dengan keluarganya dan di tempat kerja. Dia sudah tidak lagi membuang masa melepak dengan kawan-kawan yang memperkenalkan dadah kepadanya dahulu. Badrul pula dihantar untuk menyertai program yang dilaksanakan oleh pihak AADK kerana dia sendiri tidak mahu terlibat lagi dengan penyalahgunaan dadah

dan ternyata beliau juga semakin pulih.

Prof Vicknasingam menegaskan bahawa kebanyakan penagih dadah yang ditahan di penjara kerana didapati memiliki sejumlah kecil dadah yang sebenarnya untuk kegunaan sendiri. "Mereka berulang kali ditangkap dan tindakan memenjarakan mereka sebenarnya tidak berguna. Pembayar cukailah yang harus menanggung kos menahan pengguna dadah berkenaan di penjara. Sepatutnya kita harus memberi rawatan kesihatan dan bukannya mengurung mereka tanpa rawatan. Daripada kita memenjarakan "masalah" buat suatu tempoh yang sementara, segala usaha seharusnya ditumpukan ke arah mengurangkan bekalan dadah di pasaran dengan menahan penjual dan pembekal dadah."

MENANGANI KEBIMBANGAN BESAR RAKYAT TERHADAP JENAYAH



Datuk Kamarudin Md. Ali. Naib Pengerusi MCPF

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (*Malaysian Crime Prevention Foundation, MCPF*) merupakan sebuah badan yang sangat unik kedudukannya. Ditubuhkan pada tahun 1993, Pengerusi MCPF ialah seorang Menteri berportfolio dalam Kabinet yang dilantik oleh penaung yayasan iaitu Perdana Menteri Malaysia. Naib Pengerusinya pula ialah Ketua Polis Negara (*Inspector-General of Police*). Berlandaskan struktur ini, Yayasan MCPF bekerjasama rapat dengan badan-badan penguat kuasa undang-undang demi meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat tentang pencegahan jenayah dan pada masa yang sama menggalakkan semua lapisan masyarakat Malaysia agar memainkan peranan aktif dalam mengurangkan kejadian jenayah selaras dengan matlamat NKRA Pengurangan Jenayah. Menurut Naib Pengerusi MCPF, Datuk Kamarudin Md. Ali: "Pihak kami terlibat dalam program-program yang melibatkan pelajar dari peringkat rendah sehingga peringkat pengajian tinggi, dan kami juga terlibat dalam program pemulihan banduan."

MCPF turut terlibat dengan pembangunan Petunjuk Persepsi Jenayah (*Perception of Crime Indicator - PCI*). Menurut Dato' Wong Pui Lam, petunjuk tersebut meliputi tiga bahagian, masing-masing untuk penduduk luar bandar, pinggir bandar dan bandar. Maklumbalas paling ketara diterima adalah daripada penduduk bandar di mana permintaan lebih tinggi. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan PCI berbeza mengikut kawasan.

Sebelum penunjuk PCI diperkenalkan, persepsi awam terhadap undang-undang dan

ketenteraman - serta penguat kuasa - adalah sangat buruk. Dato' Kamarudin menjelaskan, "Pada ketika itu, angka statistik yang dikeluarkan oleh pihak polis sukar diterima oleh orang ramai." Beliau meneruskan, "Persepsi ialah satu hakikat atau kebenaran. Salah satu sebab kenapa rakyat tidak mempercayai angka yang dibentangkan ialah kurangnya keterlibatan polis dalam komuniti." Selanjutnya, untuk mendalami permasalahan berkenaan, pihak MCPF telah turun padang melawat balai-balai polis di serata pelus negara dan menjalankan wawancara dengan kumpulan sasaran serta pelbagai wakil daripada semua lapisan masyarakat.

Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak polis termasuklah memudahkan orang awam mendapat bantuan dan nasihat, serta memupuk keyakinan rakyat terhadap anggota polis, dengan cara berinteraksi dan berkomunikasi lebih kerap sepanjang tahun lalu telah menunjukkan hasil yang menggalakkan. Dato' Kamarudin menyatakan bahawa indeks PCI bertambah baik daripada 80% pada tahun 2015 kepada 61% pada tahun 2016, pengurangan sebanyak 19% dalam kebimbangan terhadap kejadian jenayah. "Saya sudah bertahun melibatkan diri dalam persatuan penduduk di Bangsar sejak awal tahun 2000 ketika saya masih seorang anggota polis. Baru-baru ini ketika saya berbual dengan penduduk di Bangsar, banyak aduan yang diterima bukanlah berkaitan jenayah jalanan seperti seluk poket. Sebaliknya mereka banyak mengadu tentang masalah meletak kereta secara berlapis sehingga menyukarkan lalulintas. Ini jelas menunjukkan fokus penduduk sudah beralih daripada jenayah jalanan."

Yayasan MCPF juga turut memainkan peranan dalam keterlibatan dengan komuniti setempat. "Kami adalah rakan yang boleh dipercayai dan sedia membantu orang ramai. Kami akan membantu. Kami akan memberitahu polis tentang reaksi atau masalah orang ramai. Kami menjadi penghubung antara dua pihak," kata Dato' Wong. Yayasan kini merancang untuk melatih ahli yayasan supaya boleh mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi penduduk di sesebuah kawasan. "Suri rumah, pelajar sekolah, pesara, ahli persatuan penduduk, Rukun Tetangga

dan badan-badan NGO yang lain, mereka semua adalah sumber maklumat yang baik."

MCPF membantu membangunkan indeks PCI dengan menggunakan empat pengukur bagi menunjukkan "signal" (isyarat), "my space" (ruang peribadi saya) "amplifiers" (penguat) dan "service" (perkhidmatan). Orang ramai diminta memberi pandangan mereka tentang indeks PCI. "Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kami sebagai anggota MCPF untuk menjelaskan kepada rakyat bahawa perubahan akan mengambil masa dan semua pihak dalam masyarakat mesti berganding bahu untuk mencegah dan mengurangkan kejadian jenayah," kata Dato' Wong.

Pada pandangan Dato' Kamarudin, inisiatif Kepolisian Moden dan Sentiasa Berada di Serata Tempat (*Modern Policing and Omnipresence*) memainkan peranan yang penting dalam memperbaiki persepsi terhadap indeks PCI pada tahun 2016. "Kami memaklumkan pihak polis bahawa kita semua mesti bersedia untuk berhadapan dengan orang awam dan membenarkan orang ramai untuk mengajukan sebarang soalan tentang segala tindakan yang diambil oleh pihak polis meliputi apa juar kebimbangan mereka." Tambah Dato' Kamarudin lagi, beberapa rundingan meja bulat yang telah diadakan di antara MCPF dan pihak polis di seluruh negara turut disertai oleh pegawai atasan polis.

Dato' Wong turut bersetuju dan menyatakan bahawa beberapa usaha pihak polis untuk 'bertemu dan berkenalan' dengan komuniti setempat adalah progresif dan dapat memperkuatkan imej polis sebagai rakan dan pelindung rakyat, sekaligus mengurangkan rasa takut rakyat terhadap kejadian jenayah kerana mereka percaya dan yakin polis sentiasa ada dan bersedia melindungi rakyat.

"Kami mahu rakyat datang ke balai polis bukan semata-mata untuk melaporkan kejadian jenayah, tetapi juga untuk singgah dan berbual dengan anggota polis yang sedang bertugas di balai sebagai rakan dan ahli dalam komuniti mereka."

MENGURANGKAN JENAYAH



Pendekatan Baharu bagi Pemulihan Penagih Dadah

Pengurangan jenayah tidak sekadar berakhir dengan penangkapan serta penahanan di penjara. Usaha membanteras jenayah wajar memberikan tumpuan kepada menyelesaikan punca sebenar perilaku jenayah contohnya ketagihan dadah. Selaras dengan matlamat ini, NKRA Mengurangkan Jenayah telah mengambil pendekatan yang holistik dan bukan sekadar bersifat menghukum.

Bagi kes penagihan dadah, NKRA Mengurangkan Jenayah telah mengambil beberapa langkah inovatif dalam rawatan dan pemulihan penagih dadah. Langkah-langkah awal telah diambil untuk mengklasifikasi semula kesalahan jenayah terhadap penagih dadah seperti dengan menggantikan metodologi penangkapan, pemenjaraan dan pemulihan secara "cold turkey" kepada metodologi berasaskan kesihatan yang melibatkan komuniti dan penyediaan program rawatan dari awal hingga akhir. Pendekatan ini dirintis di daerah Besut di Terengganu dan usaha ini telah menunjukkan kesan yang

memberangsangkan terhadap pesakit dan komuniti secara keseluruhan. Berdasarkan maklum balas sukarelawan yang terlibat dengan projek perintis ini, 65% sukarelawan telah mendaftar untuk rawatan dan 54% daripada mereka mengekalkan kehidupan tanpa dadah. Pada peringkat nasional, sehingga akhir tahun 2016, 6,144 atau 60% daripada 10,192 Orang Kena Pengawasan (OKP), iaitu penagih dadah yang telah menjalani pemulihan yang ingin terus bebas daripada dadah, kekal bersih tanpa dadah selama sekurang-kurangnya setahun, berbanding dengan 37% pada tahun 2015.

Mencipta Masa Depan yang Lebih Cerah bagi Banduan

Di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, institusi penjara di Malaysia turut menumpukan usaha terhadap mengurangkan kadar penglibatan semula banduan di dalam aktiviti jenayah. Bagi mencapai matlamat ini, para banduan diterapkan dengan ilmu dan kemahiran yang akan membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan apabila dibebaskan

kelak. Pada tahun 2016, Jabatan Penjara Malaysia bekerjasama dengan pengeluar kenderaan berat Syarikat HINO Motors Sales (M) Sdn. Bhd. (HINO Motors) dalam program "Corporate Smart Internship" untuk latihan kemahiran automotif dan pensijilan bagi banduan di Sekolah Henry Gurney (SHG) di Telok Mas, Melaka. Melalui kerjasama ini, kemudahan latihan di SHG telah dinaik taraf sementara HINO Motors turut menyediakan sebuah enjin untuk digunakan dalam latihan para pelatih.

Sepuluh penghuni juvenil yang mendaftar untuk menyertai program yang merangkumi kursus berkaitan dengan keselamatan bengkel dan sistem audio telah dikendalikan oleh empat tenaga pengajar. HINO Motors turut memberikan latihan peningkatan kemahiran kepada tenaga pengajar sebelum program bermula.

Selain daripada itu, di bawah program kemahiran kelolaan Jabatan Penjara Malaysia, seramai 2,125 banduan telah mendapat pensijilan di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-SLDN), Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK-CIDB) dan Program Pemanduan Kenderaan Perdagangan (Metro). Pada tahun hadapan, pertambahan pensijilan untuk kemahiran-kemahiran lain (misalnya kemahiran untuk bekerja di pusat panggilan, pembuatan tekstil dan lain-lain) akan dipertimbangkan.

Sejumlah 2,125 banduan telah selesai menjalani latihan yang sah di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-SLDN), Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK-CIDB) dan Program Pemanduan Kenderaan Perdagangan (Metro).



Pelbagai agensi kerajaan bekerjasama untuk menjaga sempadan negara

TINJAUAN MASA HADAPAN ►

Berikutnya kejayaan NKRA Mengurangkan Jenayah dalam menurunkan Jenayah Indeks sejak tahun 2010, inisiatif-inisiatif akan beralih kepada usaha pengurangan jenayah secara keseluruhan. Langkah ini dilaksanakan sejajar dengan pendekatan lebih holistik yang diambil oleh Kerajaan dalam membanteras jenayah yang bukan hanya mengambil kira statistik jenayah, malah turut mengurangkan rasa takut akan jenayah dan meningkatkan rasa selamat dalam kalangan orang ramai. Pada tahun 2017, pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah akan turun ke lapangan untuk menangani kebimbangan warga Kuala Lumpur secara khusus sepetimana yang diperlihatkan dalam Tinjauan Persepsi Jenayah 2016.

Untuk mencapai matlamat ini, NKRA Mengurangkan Jenayah akan terus mentransformasikan proses dan aliran kerja, struktur serta budaya di tempat kerja bagi agensi pelaksana untuk mewujudkan peningkatan yang mampan dalam kecekapan dan keberkesanannya penguatkuasaan undang-undang dan pencegahan jenayah. NKRA Mengurangkan Jenayah akan turut berusaha menggantikan dasar penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan jenayah yang telah lapuk dan tidak relevan, dengan

dasar yang lebih dinamik, lebih inklusif, lebih teguh dan berupaya menangani isu semasa dengan lebih berkesan.

Keselamatan sempadan juga menjadi salah satu keutamaan NKRA Mengurangkan Jenayah. Dalam Makmal Keselamatan Sempadan yang diadakan pada bulan Mac 2016 yang dihadiri lebih 150 peserta daripada lebih 20 agensi kerajaan, 16 isu besar dan 82 isu kecil telah dikenal pasti meliputi dasar dan proses, jangkuan komuniti dan kerjasama antara agensi; serta pemerkasaan integriti agensi.

Hasilnya, satu rangka kerja keselamatan sempadan telah dibangunkan dengan wawasan untuk melindungi sempadan darat Malaysia daripada penyeludupan manusia dan barang. Berteraskan wawasan ini, makmal telah mengenal pasti 21 inisiatif, dengan enam Kejayaan Pantas, untuk menangani 16 isu yang utama. Inisiatif ini dibahagikan kepada enam bidang fokus, iaitu memperkemas proses dan dasar sempadan, mengubah cara berfikir dan budaya komuniti sempadan, menambah baik infrastruktur fizikal, guna tenaga dan teknologi, memperkasakan keupayaan kakitangan disempadan, memupuk kerjasama yang lebih erat antara agensi, dan menerapkan budaya

yang menekankan integriti. Antara kejayaan yang dicapai termasuklah penubuhan pusat pemeriksaan sehenti, pelaksanaan sistem ganjaran untuk kakitangan yang menunjukkan prestasi yang baik dan mengekalkan standard akreditasi, selain menyelaras kerjasama antara PDRM dan Tentera Diraja Malaysia untuk melakukan rondaan bersama. Tahun 2017 akan melihat pelaksanaan penuh 6 inisiatif Kejayaan Pantas di dua Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaranin dan Keselamatan (*Immigration, Customs, Quarantine Security Complex, ICQS*) yang terletak di Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Rantau Panjang, Kelantan.

Sasaran keseluruhan inisiatif ini adalah untuk meningkatkan dan menyelaraskan perjalanan dan perdagangan yang sah di sembilan lokasi imigresen, kastam dan kuarantine di sempadan utara (Kedah, Perlis, Kelantan, Perak) selain memperkuuhkan keselamatan sempadan utara dan mencegah penyeludupan (*porous entry and exit*) manusia dan bahan dagangan menjelang 2020.

MEMBANTERAS RASUAH



MEMPERTINGKATKAN STANDARD INTEGRITI



DATUK PAUL LOW SENG KUAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Tahun 2016 ternyata merupakan tahun yang dipenuhi peristiwa membanteras rasuah, baik di sektor awam maupun swasta. Pada tahun 2015, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International telah menurun dari tangga 50 ke 54; pada tahun 2016, kita kini berada di kedudukan ke-55 dalam CPI. Meskipun demikian, hakikatnya liputan media antarabangsa tidak banyak membantu negara kita dari segi persepsi masyarakat antarabangsa terhadap tahap integriti di Malaysia.

Gejala rasuah boleh melarat sehingga akar umbi, bukan sahaja dalam agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan korporat, malah dalam masyarakat kita sendiri, golongan muda kita melihat rasuah sebagai suatu kebiasaan. Tidak ada keajaiban terbukti berkesan yang dapat menyelesaikan isu-isu rasuah yang sudah berakar umbi dan sistemik. Walau bagaimanapun, NKRA ini menetapkan sasaran untuk menyampaikan transformasi sebenar dalam cara pembiayaan parti dan kempen politik dikendalikan, dikawal selia, dan dilaporkan. Ini mungkin menjadi penjana perubahan, yang mampu meningkatkan tahap integriti dan ketelusan dalam arena politik.

Untuk tujuan ini, Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) telah ditugaskan untuk menentukan cara yang terbaik bagi menangani isu ini dan membawa cadangan Jawatankuasa kepada Kabinet. Perlu ditekankan bahawa sepanjang 12 bulan, Jawatankuasa telah berunding dan berkomunikasi dengan pihak berkepentingan yang merentasi semua kumpulan masyarakat, termasuk parti-parti politik Malaysia sama ada dalam kerajaan atau bukan kerajaan, pakar antarabangsa dan masyarakat awam untuk melengkapkan cadangan tersebut. Jawatankuasa ini juga telah menerima pandangan bertulis daripada pelbagai pihak mengenai perkara berkenaan dalam tempoh pembangunan cadangan, untuk mencerminkan sudut pandangan negara dengan lebih tepat.

Sementara itu, dalam memerangi rasuah korporat, kemasukan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM berpotensi untuk menjadi satu lagi penjana perubahan besar, walaupun ini masih belum menjadi kenyataan. Jelas sekali, ini merupakan satu lagi bidang yang menampilkan himpunan kerumitan yang tersendiri, tetapi merupakan langkah penting yang perlu diambil.

Kita sedang terlibat dalam satu proses jangka panjang untuk membasi rasuah di negara kita, dengan harapan generasi masa hadapan dapat membesar dan berkembang di Malaysia berdasarkan integriti dan kejujuran.

GAMBARAN KESELURUHAN

Perjuangan memerangi rasuah melibatkan penerapan ketelusan dan akauntabiliti dalam jentera kerajaan dan juga usaha menjunjung integriti dalam badan-badan korporat dan masyarakat, khususnya dalam kalangan belia.

Daripada skor CPI sebanyak 45 pada tahun 2009, NKRA ini menyaksikan peningkatan kepada 50 pada tahun 2015, dan pada tahun 2016, Malaysia mencapai skor 49. Secara keseluruhannya, NKRA ini mencapai 79% KPI yang ditetapkan pada tahun 2016.

Satu pencapaian utama pada tahun 2016 ialah tadbir urus pembiayaan politik yang telah mengorak langkah pada hala tuju yang betul. Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) telah diwujudkan oleh Perdana Menteri pada bulan Ogos 2015 untuk mencadangkan struktur pengawalseliaan yang konstruktif bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan pembiayaan politik. Pada Disember 2016, Jawatankuasa telah mengadakan pelbagai perbincangan khusus dengan parti-parti politik Malaysia yang merentasi pelbagai jurang politik (parti-parti komponen BN, Pakatan Harapan, PAS, IKATAN) untuk mengumpul maklum balas mengenai cadangan Jawatankuasa. Jawatankuasa akan terus berinteraksi dengan semua parti politik utama sebelum membentangkan usul akhir kepada kabinet untuk kelulusan, agar maklum balas dan pertimbangan tambahan yang lain dapat dimasukkan. Setelah diluluskan, rang undang-undang Akta yang dicadangkan akan digubal dan dibawa untuk perbahasan di Parlimen.

Dari segi memerangi rasuah dalam Kerajaan, 74.4% kes rasuah telah diselesaikan dalam tempoh setahun kes itu didaftarkan di mahkamah. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan tugas dengan efisien untuk memastikan kes-kes berjalan dengan lancar dan

sempurna. Penubuhan 14 mahkamah khas rasuah telah membolehkan badan kehakiman Malaysia untuk mendengar dan mengadili kes-kes dalam jangka masa yang lebih pendek. Selain itu, lebih 96.6% isu-isu yang diketengahkan dalam Laporan 2014 Siri 1-3 Ketua Audit Negara telah berjaya ditangani dan diselesaikan dalam tempoh setahun selepas dibentangkan di Parlimen. Ini merupakan pencapaian yang membanggakan dan menyerlahkan keberkesanan SPRM dalam menyiasat kes-kes tersebut selain komitmen NKRA terhadap tadbir urus yang bersih.

Integriti Korporat juga merupakan suatu keutamaan bagi NKRA ini. Kemasukan peruntukan liabiliti korporat ke dalam Akta SPRM, yang memperkasa SPRM untuk memburu syarikat yang melakukan rasuah, masih dalam usaha untuk direalisasikan.

Mentransformasikan Tadbir Urus Pembiayaan Politik

Pembaharuan tadbir urus pembiayaan politik merupakan perkara penting kepada NKRA Membanteras Rasuah sejak NKRA ini diperkenalkan pada tahun 2009. Ini merupakan bidang yang sentiasa mendapat tumpuan umum dan bersifat kritikal sekiranya peranan NKRA ingin diberikan perhatian serius oleh rakyat.

Pada tahun 2012, cadangan telah dikemukakan ke arah penginstitusian garis panduan dan proses pengauditan yang lebih jelas terhadap akaun parti-parti politik, sekali gus meningkatkan ketelusan dalam penggunaan dana parti. Cadangan lain termasuk pengenalan perundangan untuk mengawal selia dan mentadbir dana parti-parti politik, terutamanya semasa kempen musim pilihan raya.

Pada September 2016, JKNMPP mengumumkan 32 cadangan, yang mencakupi tiga bidang utama:

- Pelaksanaan proses pembaharuan
- Keperluan terhadap undang-undang baharu dan kandungannya
- Isu-isu yang lebih luas dan bersifat jangka panjang.

Cadangan-cadangan yang dibuat oleh JKNMPP menangani isu-isu pokok yang sistemik dalam mewujudkan struktur tadbir urus asas untuk mengawal selia pembiayaan politik yang masih belum wujud pada masa ini.

Pada Oktober 2016, usul Jawatankuasa dibentangkan kepada Kabinet, yang menuntut ketelusan lebih tinggi daripada parti-parti politik melalui keperluan pelaporan dan pendedahan derma politik yang ketat. Usul itu merincikan cadangan dalam tiga bidang utama; iaitu pengenalan Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik (PDEA), usaha menangani isu-isu yang lebih luas dan berjangka panjang, dan tumpuan yang lebih tinggi terhadap pelaksanaan yang berkesan.

Pada Disember 2016, Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik telah mengadakan pelbagai perbincangan khusus dengan parti-parti politik Malaysia yang merentasi pelbagai jurang politik.

MEMBANTERAS RASUAH

Cadangan PDEA ini berfungsi sebagai platform yang sesuai untuk mewujudkan sistem yang berkesan bagi pembiayaan politik, meliputi bidang pentadbiran derma politik, perbelanjaan dan pendedahan pembiayaan politik, pembiayaan negeri bagi aktiviti politik, dan hubungan antara politik dengan perniagaan. Akta ini juga akan melengkapkan dan menambah baik undang-undang sedia ada, termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Pilihan Raya Suruhanjaya, Akta Kesalahan Pilihan Raya, Akta Pertubuhan, dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Di samping itu, Jawatankuasa menetapkan sasaran untuk diskriminasi atau penganiayaan penderma parti politik dalam sektor awam dan swasta sebagai jenayah, dan membenarkan pembelaan bagi penderma yang tidak mendapat keadilan. Proses kontrak kerajaan juga akan diperbaharui untuk mengurangkan kemungkinan bantuan politik. Isu-isu yang lebih luas dan bersifat jangka panjang perlu ditangani untuk menunjukkan komitmen yang lebih besar dalam memupuk integriti ke dalam sistem politik.

Cadangan Akta Derma Politik dan Perbelanjaan ini berfungsi sebagai platform yang sesuai untuk mewujudkan sistem yang berkesan bagi pembiayaan politik.

Dalam usaha untuk melaksanakan prosedur yang disyorkan secara berkesan, Jawatankuasa mencadangkan '*grandfathering*', atau memberikan pengampunan, terhadap perbuatan yang lalu - iaitu tiada kesan retrospektif atau '*name & shame*', jangka masa secara beransur-ansur tetapi cepat, dan menggunakan enam prinsip panduan dalam mereka bentuk kaedah, peraturan dan langkah terperinci dalam pembaharuan pembiayaan politik di

Malaysia, iaitu kedaulatan undang-undang, peningkatan penyertaan awam, perlindungan hak awam, ketelusan, akauntabiliti dan integriti, dan persaingan politik yang sihat.

Menghapuskan Peluang Rasuah dalam Sektor Korporat

Ikrar Identiti Korporat (CIP) dan rangka kerja Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) telah dilaksanakan oleh banyak syarikat swasta yang berminat untuk membanteras amalan rasuah dalam organisasi mereka. Walaupun langkah penandaarasan dan penglibatan pihak berkepentingan telah dijalankan, perkenalan peruntukan liabiliti korporat (CLP) ke dalam Akta SPRM masih sedang diusahakan, dengan draf telah sedia untuk diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Sebanyak 800 syarikat, besar dan kecil telah menandatangani CIP, dan sebahagian daripada syarikat ini telah memulakan langkah-langkah pelaksanaan. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil penandatangan CIP yang penting belum lagi melaksanakan langkah-langkah



Perundingan mengenai cadangan JKNPP dengan parti-parti komponen Barisan Nasional pada 5 Disember 2016



Ikrar Integriti Korporat (CIP) penandatangan yang telah menjalani bengkel dalam 10 Inisiatif Pencegahan Rasuah menerima Sijil Penghargaan daripada YB Menteri semasa Persidangan CIP pada 6 Oktober 2016

pencegahan yang konkrit terhadap rasuah, sama ada menganggap CIP hanya sebagai satu perjanjian dasar, atau disebabkan oleh kekurangan pengetahuan mengenai cara untuk mengambil langkah pelaksanaan CIP. SPRM telah menjalankan beberapa bengkel bagi membantu penandatangan CIP dalam pelaksanaan inisiatif ini. NGO seperti Transparency International juga telah bekerjasama secara langsung dengan sektor swasta, menganjurkan pelbagai program untuk meningkatkan tadbir urus syarikat.

Pada tahun 2016, Malaysia bersama dengan 19 delegasi negara lain merentas lima benua, menyertai satu inisiatif oleh British Standards Institution (BSI Group) untuk mewujudkan dan memantapkan ISO 37001, Sistem Standard Pengurusan Anti-Rasuah antarabangsa yang direka khusus untuk membantu organisasi melaksanakan pengurusan sistem anti-rasuah. Keperluan ISO 37001 adalah generik dan bertujuan untuk digunakan oleh semua

organisasi dan unit organisasi, tanpa mengira jenis, saiz dan aktiviti utama organisasi, dan sama ada dalam sektor awam, swasta atau sektor bukan berdasarkan keuntungan.

Standard baharu ini juga merangkumi semua aspek untuk menangani isu-isu rasuah, sama ada yang dimulakan oleh organisasi itu, kakitangan atau rakan perniagaan yang bertindak bagi pihak atau untuk manfaat organisasi itu, dan sama ada rasuah itu merupakan rasuah secara langsung atau tidak langsung (contohnya rasuah ditawarkan atau diterima melalui atau oleh pihak ketiga).

Pada masa ini, Standards Malaysia dan SPRM sedang bekerjasama untuk mengadaptasikan ISO 37001 untuk negara. Ini akan melibatkan penerapan dasar-dasar anti-rasuah, pelantikan pihak untuk memantau pematuhan kepada dasar-dasar ini, latihan dan penilaian risiko, pelaksanaan kawalan kewangan dan komersial, dan pewujudan laporan dan prosedur siasat.

Sebanyak 800 syarikat, besar dan kecil telah menandatangani CIP, dan sebahagian daripada syarikat ini telah memulakan langkah-langkah pelaksanaan.

MEMBANTERAS RASUAH

MRCB MENJADI TELADAN PENUH INTEGRITI



Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) merupakan sebuah syarikat peneraju dalam pembinaan dan harta tanah bandar yang telah lama melaksanakan langkah-langkah Pencegahan Rasuah iaitu sebelum syarikat ini menandatangani CIP (Ikrar Integriti Korporat), termasuk suatu polisi komprehensif yang dikenali sebagai Manual Pencegahan Fraud (Prevention of Fraud Manual) dan polisi perlindungan pemberi maklumat bagi melindungi mereka yang tampil melaporkan tentang individu atau bahagian dalam organisasi yang melakukan aktiviti penipuan atau penyelewengan. "Langkah-langkah berkenaan telah membantu dan memandu pihak pengurusan dan para pekerja untuk mengekalkan standard yang tinggi dalam tata keluaran dan berintegriti ketika berurusan dengan semua para pembekal dan kontraktor kami," jelas En. Samarasam Krishnan, Pengurus Besar Bahagian Integriti dan Disiplin di MRCB.

CIP yang ditandatangani MRCB memperlihatkan pendirian tegas syarikat terhadap isu ketelusan dan integriti serta telah memberikan impak kerana MRCB berterusan melaksanakan penambahbaikan bagi mempertingkatkan proses integriti syarikat. Sebagai contoh, daripada polisi yang menyatakan bahawa "semua hadiah yang diterima mesti diisyiharkan" telah dipertingkatkan kepada "polisi tidak menerima hadiah" samada daripada pembekal kepada wakil MRCB, atau daripada

kakitangan dan pihak pengurusan kepada pihak yang lain. "Kecuali hadiah seperti bunga untuk orang yang sakit di hospital", jelas Samarasam. Beliau percaya perkara kecil sebegini benar-benar dapat memahatkan mesej di kalangan pekerja, terutamanya jabatan beliau yang menyiasat semua keskes yang dibawa ke perhatiannya. Jabatan beliau berhubung rapat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan telah memecat pekerja yang didapati telah melanggar prinsip integriti walaupun sedikit.

Dengan menandatangani CIP secara sukarela, MRCB telah memberikan komitmen secara moral dan etika kepada prinsip-prinsipnya, dan telah mengisyiharkan bahawa ia tidak akan berpihak kepada apa-apa tindakan berbentuk Rasuah. "Kami amat serius berkaitan perkara ini, kami akan bekerja menuju ke arah mencipta persekitaran perniagaan yang bebas dari Rasuah, dan kami akan menegakkan prinsip-prinsip anti-rasuah dalam kesemua urusan kami dengan rakan-rakan niaga dan pihak Kerajaan," jelas Samarasam. MRCB bukan sahaja mengharapkan kesemua pembekalnya untuk menegakkan integriti semasa berurusan dengannya, tetapi polisi anti-rasuahnya juga mengikat syarikat tersebut semasa berurusan dengan pihak-pihak lain samada sebagai pembekal atau kontraktor, terutamanya pegawai-pegawai Kerajaan dan pihak berkuasa lain.

Pada pandangan beliau, meskipun industri pembinaan memang amat terdedah kepada pelbagai amalan yang tidak baik kerana skala operasi yang sangat besar, En Samarasam menyatakan bahawa sepanjang tempoh perkhidmatannya di MRCB, beliau belum pernah menemui kes rasuah berskala besar. "Kami meletakkan proses-proses ini sebagai satu dasar pegangan; kami amat komited terhadapnya dan kami mematuhiinya," jelas beliau. Menurut Samarasam, Pengarah Urusan Kumpulan MRCB, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din, telah

menunjukkan contoh teladan untuk syarikat dengan menunjukkan bahawa beliau juga adalah tertakluk kepada proses-proses, peraturan dan undang-undang yang sama. "Telah beberapa kali Tan Sri mengarahkan saya supaya segera memaklumkan beliau, atas apa jua alasan, sekiranya ada perancangan yang bakal dibuat bercanggah dengan proses-proses integriti, maka beliau tidak akan meneruskan rancangan atau tindakan itu," En Samarasam menceritakan.

CIP telah membantu mengangkat imej MRCB sebagai sebuah syarikat yang telus dan jujur dalam semua urusan perniagaan, sebagai satu inisiatif untuk mengubah persekitaran perniagaan di Malaysia. "Sekali-sekala Tan Sri memanggil saya ke pejabatnya untuk berbincang kaedah terbaik untuk mengurus semua pembekal atau vendor kami kerana masih banyak yang tidak sedar atau faham dasar anti-rasuah kami," kata En Samarasam. Beliau percaya bahawa landskap integriti akan terus melonjak ke hadapan apabila peruntukan liabiliti korporat diluluskan.

MRCB bukan sahaja mengharapkan kesemua pembekalnya untuk menegakkan integriti semasa berurusan dengannya, tetapi polisi anti-rasuahnya juga mengikat syarikat tersebut semasa berurusan dengan pihak-pihak lain samada sebagai pembekal atau kontraktor, terutamanya pegawai-pegawai Kerajaan dan pihak berkuasa lain.



Dr. Mohd Nizam bin Mohd Ali, Pengarah Kanan dan Ketua Pusat Penyelaras Ilmu dan Rundingcara Integriti di Institut Integriti Malaysia (IIM), bercakap kepada PDRM semasa Global Integrity Leadership Course 2016 yang dianjurkan oleh IIM bersama-sama dengan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) dalam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Integriti Action

TINJAUAN MASA HADAPAN ►

Pelaksanaan peraturan dan garis panduan pembiayaan politik merupakan keutamaan tertinggi bagi NKRA ini pada tahun 2017, meskipun menerima tentang politik terhadap usul oleh JKNMPP, yang masih belum dibahaskan di Parlimen. Semua pihak, wajar untuk menerima dan menyokong syor Jawatankuasa dan menyokong pelaksanaan segera inisiatif ini. Inisiatif ini merupakan keperluan, dan jika semua pihak serius untuk mengukuhkan integriti dan mendapatkan kepercayaan rakyat terhadap tadbir urus negara.

Sokongan sektor swasta untuk kemasukan peruntukan liabiliti korporat ke dalam Akta SPRM juga akan menjadi satu lagi keutamaan di bawah NKRA bagi tahun 2017.

Meskipun mencabar, matlamat utama NKRA adalah untuk membina semula keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap institusi politik negara, dan untuk memastikan bahawa golongan muda terlibat dalam usaha menjunjung nilai kejujuran dan integriti dalam semua lapisan masyarakat sejak peringkat awal usia lagi.

Pelbagai seminar akan dianjurkan untuk mewujudkan kesedaran mengenai sistem pengurusan antirasuah ISO 37001 yang juga akan membantu syarikat-syarikat agar lebih bersedia untuk melaksanakan Peruntukan Liabiliti Korporat yang dicadangkan itu. Ini merupakan satu lagi inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah NKRA ini bagi tahun 2017.

MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT



MENYUNTIK PERUBAHAN DALAM KEHIDUPAN MELALUI BANTUAN BERSASARAN



DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana
Menteri Malaysia

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, faktor luaran seperti harga komoditi dan naik turun mata wang telah mempengaruhi sesetengah komponen kos sara hidup rakyat memburukkan lagi situasi kenaikan harga yang lazim berlaku seiring dengan peredaran masa.

Meskipun pendapatan isi rumah semakin meningkat dan mendorong penggunaan swasta yang kukuh, Kerajaan sedar bahawa sesetengah pihak mungkin berasa lebih tersepit akibat kenaikan harga berbanding dengan sesetengah yang lain, walaupun inflasi di Malaysia belum mencapai paras yang membimbangkan sejak NTP diperkenalkan. Kerajaan telah memberikan bantuan segera berdasarkan keperluan kepada rakyat yang paling teruk menerima kesan akibat kenaikan kos sara hidup, khususnya golongan berpendapatan 40% terendah (B40).

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) merupakan program utama inisiatif kami sejak awal lagi, dan sepanjang beberapa tahun ini impaknya terhadap rakyat amat besar. Sejak tahun 2012, sejumlah RM19.33 bilion telah diagihkan. Pada tahun 2016, RM5.36 bilion diagihkan kepada 7.28 juta isi rumah.

BR1M turut diperlengkap oleh program NKRA COL yang lain, yang kini berada di bawah kuasa langsung Pejabat Timbalan Menteri. Melalui program tersebut, pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah serta golongan miskin bandar dan rakyat lain dari kawasan pedalaman dan luar bandar telah mendapat akses kepada kemudahan pada harga yang berpatutan rawatan perubatan asas dan kemudahan awam yang lain.

Penyediaan rumah yang berkualiti dan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana juga terus kekal sebagai satu keutamaan. Program MyDeposit dilancarkan pada bulan April untuk membantu pembeli rumah kali pertama yang layak. Di samping itu, golongan miskin bandar dan golongan lain di bandar turut diberi keutamaan untuk memiliki rumah atau rumah pangsa Projek Perumahan Rakyat (PPR), yang pada masa ini ditawarkan kepada mereka yang berpendapatan kurang RM2,500 sebulan.

Kerajaan memberikan komitmen sepenuhnya untuk menghulurkan bantuan kepada golongan yang paling memerlukan dan memastikan semua rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang mampan.

GAMBARAN KESELURUHAN

Sejak NKRA COL diperkenalkan pada tahun 2011, Kerajaan telah membelanjakan lebih RM23.5 bilion dalam bentuk pelbagai inisiatif yang direka khusus untuk membantu mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh rakyat, terutamanya golongan B40, (i) melalui bantuan segera dan juga bantuan jangka pendek. Terdapat dua saluran utama yang diambil oleh inisiatif NKRA COL, iaitu bantuan kewangan bersasaran secara langsung melalui program-program seperti BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia), BB1M (Baucar Buku 1Malaysia) dan BKAPIM (Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia); dan (ii) peningkatan ketersediaan dan kebolehcapaian kepada kemudahan awam seperti KIM (Klinik 1Malaysia), KR1M (Kedai Rakyat 1Malaysia),

Kerajaan telah membelanjakan lebih RM23.5 bilion dalam bentuk pelbagai inisiatif yang direka khusus untuk membantu mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh rakyat, terutamanya golongan B40, melalui bantuan segera dan juga bantuan jangka pendek.

KFR1M (Kafe Rakyat 1Malaysia) dan KK1M (Kedai Kain Rakyat 1Malaysia). Sepanjang tahun 2016, Kerajaan menjalin kerjasama yang lebih erat lagi dengan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menghulurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan. Satu panel peringkat tinggi yang terdiri daripada enam Kementerian berkaitan turut diwujudkan pada

bulan Januari 2016, seiring dengan usaha Kerajaan untuk terus memastikan pendekatan terfokus dalam menangani isu kos sara hidup. Panel tersebut turut mengambil kira pandangan persatuan pengguna dan NGO yang berkaitan dalam merangka tindakan selanjutnya untuk membantu rakyat.



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

Bantuan Segera untuk Golongan yang Memerlukan

Inisiatif BRIM berusaha untuk membantu isi rumah rakyat Malaysia yang berpendapatan kurang RM4,000 sebulan dengan memberikan bantuan wang tunai secara langsung untuk membantu mereka membeli barang keperluan dasar. Pada tahun 2016, 7.28 juta rakyat menerima antara RM400 hingga RM1,050, bergantung pada tahap pendapatan dan keperluan isi rumah masing-masing, menjadikan keseluruhan pemberian berjumlah RM5.36 bilion, mencapai 100% sasaran KPI bagi tahun 2016.

Jumlah ini telah dinaikkan daripada tahun-tahun sebelumnya untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah menangani kos sara hidup, yang cenderung untuk meningkat sedikit demi sedikit seiring dengan peredaran masa. Meskipun bilangan pemohon pada tahun 2016 berkurangan daripada tahun sebelumnya, Kerajaan telah memperuntukkan RM6.8 bilion untuk BRIM pada tahun 2017, yang

akan disampaikan kepada kira-kira 7 juta isi rumah.

Pada tahun 2017, bantuan wang tunai BRIM kepada penerima yang layak akan ditingkatkan sepertimana dalam Jadual 1:

Meningkatkan Akses kepada Barang Asas

Inisiatif NKRA COL yang lain menyasarkan kumpulan isi rumah tertentu dan keperluan khusus mereka, seperti ibu bapa yang mempunyai anak yang bersekolah dan isi rumah berpendapatan rendah. Inisiatif ini merangkum bantuan wang tunai secara langsung serta program Kerajaan dan sektor swasta yang menawarkan barang dan perkhidmatan yang lebih berpatutan harganya, khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar.

BKAPIM dan BBIM disasarkan untuk membantu isi rumah mengurus perbelanjaan pendidikan. BKAPIM dimulakan pada tahun 2013 dan sehingga tahun 2015, BKAPIM diberikan kepada semua pelajar dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima. Pada tahun 2016, skop pengagihan

BKAPIM dikurangkan untuk memberi tumpuan kepada pelajar Tahun Satu hingga Tingkatan Lima dari golongan isi rumah yang pendapatan bulanannya kurang daripada RM3,000 untuk memastikan bantuan tersebut disalurkan kepada pihak yang berhak. Namun begitu, meskipun BKAPM berjaya mengurangkan beban ibu bapa, program ini tidak akan diteruskan pada tahun 2017 susulan langkah rasionalisasi yang dilaksanakan dalam Bajet 2017.

Sejak tahun 2012, BBIM telah membantu 6.4 juta pelajar peringkat tertiar, termasuk pelajar Tingkatan 6, dalam pembelian buku teks kursus melalui baucar buku bernilai RM250 seorang. Mengikut perancangan, BBIM akan digantikan dengan program Kad Debit Pelajar pada tahun 2017. Kad debit tersebut akan mengandungi nilai RM250, yang boleh digunakan untuk membayar buku, alat tulis, aksesori komputer dan akses Internet. Program baharu ini disasarkan untuk menangani isu sistemik yang dihadapi oleh BBIM sejak pewujudannya, termasuk baucar tiruan dan palsu, pelajar menjual baucar kepada pihak ketiga untuk mendapatkan wang tunai, penebusan melebihi lima baucar oleh pelajar perseorangan, kecurian dan kehilangan baucar serta penebusan baucar yang tidak dibenarkan untuk barang selain buku.

B40 dan kumpulan berpendapatan rendah yang lain, seperti golongan miskin bandar, turut meraih manfaat daripada inisiatif NKRA COL yang direka khusus untuk meluaskan akses mereka kepada perkhidmatan keperluan dasar dan kemudahan awam. Inisiatif ini termasuklah K1M, KR1M, KFR1M, dan KK1M, yang membolehkan segmen berpendapatan rendah membeli barang runcit, makanan, perkhidmatan perubatan dan kain pada harga yang berpatutan.

Sejumlah 179 kedai KR1M di seluruh negara menjual pelbagai barang runcit premium dan berjenama serta 234 jenis barang dari Produk Rakyat 1Malaysia,

Kelayakan

Amaun pembayaran bagi setiap penerima

Isi rumah yang tersenarai dalam pangkalan data e-Kasih (Miskin dan Miskin Tegar)	RM1,200 setahun
Isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan	RM1,200 setahun
Isi rumah yang berpendapatan RM3,000 – RM4,000 sebulan	RM900 setahun
Individu yang berpendapatan RM2,000 atau kurang sebulan	RM450 setahun

JADUAL 1: Kriteria Kelayakan BRIM & Amaun Pemberian Wang Tunai

Pada tahun 2016, 7.28 juta rakyat menerima antara RM400 hingga RM1,050.

AKSES KEPADA PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN PADA HARGA YANG BERPATUTAN



Dengan peningkatan jumlah pesakit berkunjung ke KIM, beberapa KIM telah dinaik taraf menjadi lebih besar dan mempunyai kemudahan yang lebih baik. KIM PPR Muhibbah adalah salah satu daripadanya; ia kini beroperasi dari Pusat Komuniti Muhibbah yang dibina untuk tujuan ini oleh DBKL.

Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Klinik 1Malaysia (KIM) telah memperlihatkan peningkatan bilangan rawatan yang diberi dari 1.23 juta ke 6.47 juta pada tahun 2016. Bermula dengan 53 klinik di seluruh negara, kini KIM telah berkembang kepada 360 cawangan (setakat akhir 2016), menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan pada harga serendah RM1, mensasarkan golongan berpendapatan rendah yang mungkin menghadapi kesulitan untuk menerima rawatan kesihatan asas oleh kerana kos yang tinggi di klinik-klinik biasa.

Antara manfaat KIM termasuklah

lokasinya yang bertumpu di kawasan urban yang mana penduduknya rata-rata mereka yang berpendapatan rendah. "Sejak penubuhannya pada tahun 2010, kami telah menerima banyak maklum balas dari orang ramai. Rakyat menaruh harapan yang tinggi ke atas perkhidmatan yang disediakan KIM dan secara keseluruhannya, mereka berpuas hati kerana KIM terletak dalam lingkungan kawasan kejiranan dan dekat dengan rumah mereka," kata Dr Hayati Mohd Rodzi, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia (MoH). Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga bertanggungjawab

merancang dan merangka belanjawan untuk KIM, selain memaklumkan kepada Kementerian mengenai keperluan sumber manusia yang optimal untuk operasi KIM.

"Bagi mengekalkan kos operasi yang rendah bagi klinik-klinik ini, Kementerian menggalakkan perkongsian sumber antara KIM dengan Klinik Kesihatan Induk yang memantau operasi KIM," jelas Dr Hayati.

Tambahan lagi, MoH telah melaksanakan penempatan dan pengagihan semula pegawai secara meluas demi memastikan KIM mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pelanggan. Selain itu, lanjutan waktu operasi KIM yang lebih panjang daripada waktu bekerja biasa (8 pagi hingga 5 petang), pihak Kementerian menyediakan syif anjal yang mengurangkan waktu bekerja yang panjang di KIM, lantas mewujudkan suasana yang lebih kondusif kepada para pekerja.

Pada masa akan datang, Kementerian merancang untuk meningkatkan kualiti dan skop perkhidmatan yang disediakan di KIM. Ini termasuklah penyambungan rawatan untuk penyakit kronik tidak berjangkit (NCD), terutamanya tekanan darah tinggi dan kencing manis. "Kami juga menghantar Pegawai Kesihatan ke KIM and setakat tahun 2016, sebanyak 100 KIM mempunyai Pegawai Kesihatan yang ditugaskan, terutamanya di negeri Selangor, Kelantan, Sabah dan Sarawak," kata Dr Hayati.

yang juga boleh didapati di 569 kedai bukan KR1M. Barang keperluan lain turut dijual sekurang-kurangnya 15% lebih murah daripada jenama premium yang serupa. Daripada 185 KR1M yang ada pada tahun 2015, enam kedai telahpun ditutup; dua di Melaka dan satu masing-masing di Kedah, Perak, Pahang dan Sarawak, tanpa ada kedai baharu sebagai ganti. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh rasionalisasi belanjawan, selain kegagalan untuk mendapatkan lokasi perniagaan yang strategik pada kos yang berpatutan dari segi sewa,

logistik dan infrastruktur. Namun begitu, RM10 juta telah diperuntukkan buat KR1M bagi tahun 2017, yang akan digunakan untuk membina 25 buah kedai KR1M lagi di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan kedai tersebut pada masa ini. Sebanyak 50 buah kedai lagi dirancang untuk dibina pada tahun 2018 dan 2019, sejajar dengan aspirasi Kerajaan agar sekurang-kurangnya terdapat satu kedai KR1M di setiap kawasan parlimen.

Bukan semua inisiatif NKRA COL diterajui Kerajaan. KFR1M merupakan

inisiatif yang diterajui sektor swasta Pahang untuk menawarkan menu yang berkualiti setanding dengan harganya, yang pada masa ini boleh didapati di empat institut pengajian tinggi awam (UIAM Kuantan, Politeknik Sultan Ahmad Shah, Kolej Matrikulasi Pahang, dan Kolej Poly-Tech MARA Kuantan), serta Kompleks Teruntum di Kuantan. KKIM merupakan satu lagi inisiatif yang dijalankan sepenuhnya oleh sektor swasta, yang bermatlamat menawarkan kain yang berkualiti setanding dengan harganya kepada kumpulan B40. Terdapat 30 kedai

MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT



Salah satu KIM di negara ini yang sering mendapat kunjungan. Terletak di kawasan komersial Taman Masai, KIM ini juga memberi perkhidmatan kepada komuniti sekitar Pasir Gudang

seumpama itu di seluruh Malaysia pada masa ini.

Dalam usaha untuk memberi rakyat akses kepada penjagaan kesihatan yang mampu dinikmati, 356 klinik K1M telah dibuka di seluruh Malaysia, dengan bayaran nominal sebanyak RM1 dikenakan bagi setiap lawatan, manakala warga emas dikecualikan daripada bayaran. KIM disasarkan pada rakyat yang tinggal di kawasan yang kurang membangun, serta golongan miskin bandar. Selain rawatan pesakit luar, perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan di K1M mencakup pembedahan kecil, perkhidmatan yang bertumpukan wanita dan kanak-kanak, penjahitan, pembersihan dan pembalutan luka, serta rawatan untuk penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi dan diabetes. Sejak tahun 2010, sebanyak 26,744,887 lawatan telah dibuat ke klinik K1M. Pada tahun 2016, 20 klinik K1M baharu daripada sasaran 33 buah

untuk tahun itu telahpun memulakan operasi. Ini menjadikan jumlah lawatan ke klinik K1M sebanyak 6.47 juta, iaitu peningkatan sebanyak 6.1% daripada 6.1 juta lawatan pada tahun 2015.

Walau bagaimanapun, peluasan program K1M pada tahun 2016 tergendala akibat kekangan perjawatan, sebagaimana yang dialami di seluruh industri penjagaan kesihatan awam Malaysia. Selain itu, program tersebut tidak berjaya mendapatkan lokasi dengan kadar sewaan yang berpatutan untuk klinik baharu. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan semua K1M mempunyai kakitangan yang secukupnya di samping turut memperluas ketersediaan khidmat penjagaan kesihatan, terutamanya yang berkaitan dengan rawatan dan pengurusan penyakit kronik di lebih banyak klinik K1M di seluruh negara.

Pada tahun 2016, 20 klinik K1M baharu daripada sasaran 33 buah untuk tahun itu telahpun memulakan operasi. Ini menjadikan jumlah lawatan ke klinik K1M sebanyak 6.47 juta, iaitu peningkatan sebanyak 6.1% daripada 6.1 juta lawatan pada tahun 2015.

Menyediakan Rumah untuk Semua

Dalam usaha untuk menyediakan perumahan yang berkualiti, selesa dan mampu milik kepada rakyat, Kerajaan menubuhkan Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KKBPKT) untuk mengurus kualiti dan pengelolaan sektor pembangunan perumahan di Malaysia. Kerajaan komited untuk membantu rakyat dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup dan telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang benar-benar memberikan kesan kepada rakyat, termasuklah penggubalan Dasar Perumahan Negara (DRN).

Pada 6 April 2016, selaras dengan Dasar Perumahan Negara, KKBPKT melancarkan skim MyDeposit untuk membantu individu dan isi rumah berpendapatan sederhana memiliki rumah idaman mereka. Skim ini ditawarkan kepada semua rakyat Malaysia yang berumur lebih 21 tahun dan berpendapatan antara RM3,000 hingga RM10,000. Sehingga kini, 2,776 rakyat Malaysia telah meraih manfaat daripada projek ini.

Satu lagi inisiatif bermakna oleh Kerajaan untuk menyediakan perumahan asas kepada mereka yang memerlukan ialah Projek Perumahan Rakyat (PPR). Inisiatif ini memfokuskan usaha menempatkan semula setinggan dan memenuhi keperluan untuk perumahan yang sesuai bagi isi rumah berpendapatan rendah. Terdapat dua kategori rumah PPR, iaitu PPR Dimiliki dan PPR Disewa. Bagi PPR Dimiliki, rumah teres dan rumah berkembar berkos rendah dibina dan dijual pada harga subsidi antara RM30,000 hingga RM35,000, manakala bagi PPR Disewa, sewa minimum sebanyak RM124 dikenakan kepada penghuni.

Semua rumah yang dibina di bawah kedua-dua kategori PPR perlu menepati spesifikasi perancangan dan reka bentuk tertentu bagi rumah kos rendah, seperti yang ditetapkan



KIM dikendalikan oleh paramedik telatih dan disokong oleh pasukan kakitangan yang berdedikasi.

TINJAUAN MASA HADAPAN

dalam Standard Perumahan Kebangsaan Bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa (CIS2). Setiap unit PPR mempunyai keluasan minimum 700 kaki persegi, terdiri daripada tiga bilik tidur, satu ruang tamu, dapur dan dua bilik air. Dalam kawasan sekitar PPR, penghuni PPR dapat menikmati kemudahan asas seperti dewan komuniti, surau atau ruang solat, ruang niaga, tadika, kemudahan OKU, taman permainan dan kawasan riadah, serta pengurusan sisa. 700 square feet, comprising of three bedrooms, a living room, kitchen and two bathrooms. Within the PPR vicinity, residents of PPRs enjoy basic amenities such as a community hall, praying area, business area, pre-schools, OKU facilities, playground and recreational area, and including waste management.

Pada tahun 2016, perubahan dalam persekitaran ekonomi global membawa cabaran bukan sahaja kepada aktiviti ekonomi negara tetapi juga kepada rakyat. Kerajaan akan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memastikan inisiatif dilaksanakan untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup yang terus-menerus meningkat.

Meskipun orang ramai dan entiti perniagaan telah menyesuaikan diri dengan pelaksanaan GST, dan banyak kesedaran telah diwujudkan tentang bagaimana GST dapat membantu mengekalkan tadbir urus dan pembangunan negara kita, Kerajaan sedar bahawa perhatian masih perlu diberikan kepada banyak aspek kebijakan masyarakat untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

Dalam usaha menyeragamkan harga barang keperluan terkawal

di seluruh negara, Kerajaan akan membuka dan menaik taraf premis Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) sedia ada. Versi mudah alih KR1M turut diperkenalkan di kawasan luar bandar/pedalaman, yang memberikan lebih banyak pilihan produk dengan harga berpatutan kepada rakyat.

Inisiatif Kerajaan di bawah NKRA ini adalah menyeluruh, dengan semua keperluan asas seperti makanan, pendidikan, kemudahan perubatan dan perumahan diambil kira dan diberikan keutamaan dalam peruntukan dana dan penggubalan dasar. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus komited untuk memastikan semua rakyat Malaysia meraih manfaat daripada tadbir urus yang berkesan dan pemberian bantuan yang inklusif.

MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



MEMASTIKAN KETERANGKUMAN DALAM TRANSFORMASI



**DATO' SRI ISMAIL
SABRI BIN YAAKOB**
MENTERI KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN WILAYAH

NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar telah membawa perubahan yang memberi impak besar kepada masyarakat khususnya di luar bandar. Inisiatif ini memastikan segenap lapisan rakyat di seluruh pelusuk negara dapat menikmati kesan positif transformasi.

Sebagai inisiatif yang berteraskan rakyat, NKRA ini telah menyaksikan lebih 6.2 juta penduduk luar bandar menerima manfaat daripada inisiatif-inisiatif pembangunan luar bandar dari tahun 2010 hingga 2016 meliputi pembinaan jalan baharu dan penambahbaikan jalan sedia ada, akses kepada bekalan air bersih serta elektrik dan perumahan untuk golongan miskin luar bandar. Inisiatif ini telah membantu mempertingkatkan taraf kehidupan golongan paling memerlukan di dalam populasi negara kita. Melalui penyediaan semua kemudahan asas ini, masyarakat luar bandar dapat didedahkan kepada dunia yang dipenuhi pelbagai peluang, perkhidmatan dan rangkaian baharu.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah mengatur beberapa inisiatif untuk membantu meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar, seterusnya membantu memodenkan komuniti serta memastikan kemampuan kawasan luar bandar yang kaya dengan budaya dan warisan yang menjadi identiti Malaysia.

Walaupun terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif pembangunan luar bandar, terutamanya dari segi pemerolehan tanah, saya gembira dengan pencapaian yang telah dicapai oleh NKRA ini. Pihak-pihak berkepentingan dalam perkhidmatan awam telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap projek dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, seterusnya menghasilkan impak yang mendalam.

Memandangkan sektor perkhidmatan awam telah membuktikan kebolehannya untuk menerajui setiap aspek NKRA ini, NKRA ini telah diserahkan sepenuhnya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah pada bulan Mei 2016. Dengan pencapaian cemerlang yang telah ditunjukkan setakat ini, serta kemampuan dan kebolehan yang ditunjukkan oleh Kementerian dan pihak-pihak berkepentingan dalam melaksanakan NKRA ini, saya yakin kita mampu meneruskan penyampaian pembangunan luar bandar secara sistematis dan berkesan untuk memastikan Kerajaan dapat mencapai sasaran transformasi nasional untuk semua.

GAMBARAN KESELURUHAN

Berteraskan nilai keterangkuman, NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar merupakan komponen penting dalam memastikan semua inisiatif di bawah transformasi nasional dapat memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia.

Aktiviti-aktiviti di bawah NKRA ini bersifat serampang dua mata. Pertama, untuk memastikan semua rakyat Malaysia, terutamanya yang berada di kawasan luar bandar, mendapat akses kepada kemudahan asas yang membolehkan mereka meneruskan kehidupan sehari-hari; kedua, untuk mencapai taraf hidup yang mampan melalui penyediaan peluang ekonomi. Semua ini dilaksanakan dengan membina dan membaik pulih infrastruktur asas di kawasan luar bandar, serta melalui program Desa Abad ke-21.

Inisiatif-inisiatif ini secara keseluruhannya direka untuk memantapkan keseimbangan sosioekonomi negara, seiring dengan matlamat pembangunan Malaysia untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Ia juga membolehkan semua rakyat Malaysia untuk turut serta melibatkan diri dan memanfaatkan peluang yang terhasil daripada transformasi nasional. Dengan cara ini, NKRA ini menyumbang kepada usaha Kerajaan yang lebih luas untuk memastikan tiada pihak yang ketinggalan apabila negara ini menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kemudahan Asas Memberi Akses kepada Pelbagai Peluang

Sejak tahun 2010, inisiatif-inisiatif di bawah NKRA ini tertumpu kepada meningkatkan taraf kehidupan masyarakat luar bandar di Malaysia dengan pembinaan jalan-jalan luar bandar, akses kepada bekalan air bersih dan elektrik, serta perumahan. Selain merapatkan jurang



Dari tahun 2010 hingga 2016, kerajaan telah membina 6,041.7 km jalan luar bandar baharu dan menyelenggara 2,378.5 km jalan raya.

pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar, aktiviti-aktiviti ini mensasarkan untuk meningkatkan akses masyarakat luar bandar kepada perkhidmatan-perkhidmatan seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan, serta jaringan hubungan dengan bandar-bandar berdekatan untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perdagangan dan ekonomi.

Dari tahun 2010 ke 2016, Kerajaan telah membina 6,041.7 km jalan baharu di kawasan luar bandar dan menyenggara sebanyak 2,378.5 km jalan raya. Selain itu, sejumlah 350,094 isi rumah telah menerima akses kepada bekalan air bersih, manakala 153,821 isi rumah kini menikmati sambungan kepada bekalan elektrik. 94,604 buah rumah juga telah dibina dan dibaik pulih untuk golongan miskin luar bandar. Secara keseluruhannya, aktiviti-aktiviti ini telah memberi manfaat kepada lebih 6.2 juta rakyat yang tinggal di luar bandar.

Sepanjang tahun 2016, 755.42 km jalan raya baharu telah dibina. Angka ini melebihi sasaran 601.5 km yang telah ditetapkan.

Mengambil kira impak Projek Jalan Kampung yang pantas dan besar kepada masyarakat luar bandar, sebanyak RM74 juta telah disalurkan sebagai peruntukan tambahan kepada peruntukan asal sebanyak RM284 juta. Setiap projek di dalam program ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh satu bulan. Di samping impak positif kepada masyarakat setempat, pembinaan jalan kampung juga telah merubah profil ekonomi di kawasan kampung serta pembuka peluang yang lebih luas pada masyarakat luar bandar untuk melibatkan diri dalam industri seperti pertanian.

Akses kepada perkhidmatan bekalan air turut mendapat perhatian. Bagi tahun 2016, Kementerian telah berjaya menyediakan bekalan air bersih kepada 4,429 buah rumah, melebihi sasaran 3,000 buah rumah yang telah ditetapkan. Pencapaian ini adalah hasil kerjasama yang erat serta pemantauan dan penyeliaan yang teliti oleh Kementerian, Jabatan Bekalan Air Negeri dan para penasihat projek, yang memastikan perkembangan fizikal projek ini berjalan lancar; di samping

MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



Taman Rock Melon Ulu Yam di bawah inisiatif cabaran perniagaan luar bandar (RBC)

membuat laporan segera berhubung sebarang isu agar pihak berkuasa tempatan yang berkaitan dapat mengambil tindakan. Selain itu, Jabatan Bekalan Air Negeri juga mengambil inisiatif untuk mengadakan kempen bagi mempromosikan penggunaan air yang dirawat kepada penduduk kampung.

Inisiatif bantuan perumahan oleh Kementerian untuk membina dan membaik pulih rumah bagi golongan miskin luar bandar juga telah melebihi sasaran untuk tahun ini, dengan pembinaan sebanyak 3,233 buah rumah baharu dan pembaikpulihan 8,900 buah rumah berbanding sasaran masing-masing sebanyak 3,055 dan 8,168 buah rumah. Inisiatif ini juga merekodkan penjimatan dari segi kos baik pulih, seterusnya membolehkan lebih banyak projek dilaksanakan.

Sebagai sebahagian daripada usaha Kementerian menyediakan bekalan elektrik yang berkualiti di kawasan luar bandar, 9,921 buah rumah telah menerima sambungan bekalan elektrik pada tahun 2016, melebihi sasaran sebanyak 9,875 buah rumah. Untuk memastikan penyambungan bekalan elektrik yang menyeluruh di kawasan luar bandar, Kementerian menggunakan dua pendekatan. Pendekatan yang pertama adalah meluaskan bekalan elektrik dari grid kuasa sedia ada oleh Jabatan Bekalan Elektrik Negeri dan Negara; manakala sistem-sistem alternatif seperti solar, set penjana elektrik bersaiz sederhana dan tenaga hibrid solar pula digunakan untuk kawasan luar grid seperti pergunungan dan pulau. Projek-projek yang telah disiapkan kemudiannya diserahkan kepada Jabatan

Bekalan Elektrik Negeri untuk tujuan operasi dan penyenggaraan.

Kesemua pencapaian ini berjaya direkodkan walaupun menghadapi beberapa masalah berkenaan pemerolehan tanah, perubahan lokasi projek dan kekurangan data untuk mengenal pasti perkampungan yang sesuai untuk projek-projek tersebut.

Namun begitu, inisiatif-inisiatif ini turut memberikan impak yang penting kepada masyarakat luar bandar. Di samping mempertingkatkan sanitasi asas kepada penduduk kampung melalui akses kepada air bersih, kesalinghubungan elektrik memberi impak kepada penduduk kampung dengan mengurangkan beban kewangan daripada penggunaan penjana elektrik diesel yang melibatkan kos yang tinggi. Ia juga mempertingkatkan kualiti sekolah, menggalakkan guru-guru tinggal di dalam komuniti setempat dan meningkatkan penglibatan mereka di dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Selain itu, pemasangan lampu jalan juga meningkatkan keselamatan di kawasan-kawasan tersebut.

Memperkasa Masyarakat Luar Bandar

Lanjutan daripada usaha untuk meningkatkan taraf kehidupan dan akses kepada infrastruktur asas di perkampungan yang terletak di kawasan terpencil di Malaysia, usaha-usaha Kementerian sejak

tahun 2012 juga menumpukan kepada peningkatan kemampuan perkampungan dan sumber pendapatan penduduknya. Ini telah dicapai melalui program pemerkasaan ekonomi seperti program Desa Abad ke-21, yang diterajui oleh inisiatif Desa Lestari yang bertujuan untuk membangunkan sektor ekonomi luar bandar melalui platform koperasi. Ini dijalankan menerusi projek-projek ekonomi yang dicadangkan oleh penduduk kampung sendiri berdasarkan kemahiran masing-masing dan memberi tumpuan kepada projek-projek mampan yang dapat menjana pendapatan dengan cepat.

Sejak tahun 2010, NKRA ini telah membangunkan Desa Lestari di 73 buah kampung. Pada tahun 2016, Desa Lestari telah mencapai 100% sasaran 20 buah kampung melalui kerjasama sepenuhnya antara Kementerian, agensi-agensi negeri dan kampung-kampung yang terlibat.

Satu lagi inisiatif di bawah program Desa Abad ke-21 adalah Cabaran Perniagaan Luar Bandar (RBC) yang menggalakkan golongan belia luar bandar menceburti bidang keusahawanan. Secara keseluruhannya, usahawan-usahawan RBC merekodkan sebanyak 109.35% peningkatan jualan, dengan 43.47% usahawan mencapai lebih daripada 100% peningkatan jualan. Projek-projek RBC juga telah membantu mencipta lebih daripada 352 pekerjaan baharu dan 82 usahawan baharu. Pada tahun 2016 sahaja, inisiatif ini merekodkan peningkatan pendapatan bagi 19 daripada 23 pemenang RBC 2014, di mana para pemenang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 30%. Pencapaian-pencapaian lain yang direkodkan melalui RBC pada tahun 2016 merangkumi penyiapan infrastruktur fizikal yang tepat pada waktunya untuk usaha-usaha perniagaan tersebut. Para pemenang juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam program-program pemasaran dan promosi untuk produk-produk mereka, seperti melalui Karnival Usahawan Desa, Halal Fiesta Malaysia dan Festival Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA).

Walaupun beberapa cabaran dihadapi dalam pelaksanaan Desa Lestari dan inisiatif-inisiatif RBC, seperti pembangunan sumber manusia, memastikan kemampuan

projek, meningkatkan daya saing produk serta memperbaiki perancangan projek, penglibatan agensi-agensi negeri dan majlis tempatan dalam pelaksanaannya serta pengawasan dan penyeliaan oleh Kementerian telah memastikan projek-projek tersebut terus memberi impak kepada golongan sasaran.



Penyediaan kemudahan asas merupakan tumpuan utama kementerian pada tahun 2016

MELANGKAH KE HADAPAN ►

Kementerian akan terus melaksanakan projek-projek berteraskan rakyat di bawah NKRA, dengan fokus kepada projek-projek jangka pendek yang akan memberi impak secara langsung kepada penduduk luar bandar. Pembinaan jalan utama dan program perumahan untuk golongan miskin luar bandar akan diteruskan dengan peruntukan yang lebih tinggi bagi jalan-jalan di Sabah dan Sarawak, manakala 85% sasaran keseluruhan projek akan dilaksanakan untuk program bantuan perumahan luar bandar, yang dibahagikan kepada pembinaan rumah baharu dan membaik pulih rumah-rumah yang

telah dikenal pasti untuk memberikan impak yang lebih luas. Proses baik pulih rumah oleh jawatankuasa kampung juga sedang dirancang agar memberi lebih nilai untuk wang yang dibelanjakan. Penjimatan kos tersebut akan digunakan untuk menambah bilangan penerima. Bagi rumah-rumah baru, penambahbaikan akan dilakukan ke atas pelan lantai, saiz dan reka bentuk rumah untuk memberikan rumah yang lebih selesa kepada para pemilik.

PENDIDIKAN

MEMPERKUKUH ASAS SEBUAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI



**DATO' SERI
MAHDZIR KHALID**
Menteri Pendidikan

Inisiatif-inisiatif Pendidikan di bawah NTP berperanan penting dalam memastikan pendidikan awam dan swasta di Malaysia dibangunkan secara holistik. Hal ini selaras dengan matlamat negara untuk membangunkan modal insan yang dapat memacu aspirasi Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Memasuki Gelombang 2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, asas kukuh daripada pelaksanaan NTP dan Gelombang 1 PPPM membolehkan Kementerian mempercepat proses penambahbaikan ke arah transformasi yang lebih mantap. Malaysia turut menyokong *Sustainable Development Goals* (2016-2030) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama, selain mendukung pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Selaras dengan matlamat tersebut, NKRA Pendidikan dan PPPM menekankan pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama untuk mentransformasikan sistem pendidikan demi membangunkan golongan individu yang holistik.

Inisiatif-inisiatif yang bermula di bawah NTP sejak tahun 2010 masih diteruskan, bahkan menjadi aktiviti yang diterapkan secara berterusan oleh Kementerian. Langkah ini bertujuan memperkuuh keberkesanan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan dan untuk membuktikan bahawa transformasi dalam bidang pendidikan dapat direalisasikan dengan sokongan dan disiplin yang tepat.

Selain mempercepat penambahbaikan yang terhasil daripada Gelombang 1, Gelombang 2 PPPM juga akan berfokus kepada usaha untuk membawakan perubahan dari segi struktur. Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan merupakan langkah yang berani, seperti transformasi institut pendidikan guru (IPG) agar setanding dengan institusi pengajian tinggi, meningkatkan tahap Kemahiran Berfikir

Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pembelajaran pelajar dan penstrukturkan semula organisasi Kementerian dengan matlamat untuk memperbaiki kapasiti dan keupayaan Kementerian dalam penyampaian perkhidmatan.

Di bawah NKEA Pendidikan, sektor swasta masih memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak yang berkualiti dan mudah diakses. Justeru, Kementerian terus mendukung penglibatan sektor swasta dan pada masa yang sama, mencabar industri untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan.

Setelah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan pihak-pihak berkepentingan, Kerajaan telah meluluskan dan mengumumkan dasar baharu yang mewajibkan kelayakan minimum diploma dalam Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak (ECCE) untuk jawatan guru prasekolah menjelang tahun 2020. Meskipun ketetapan ini bukan suatu keputusan yang mudah, dasar baharu yang menetapkan bahawa pendidik-pendidik ECCE adalah dalam kalangan mereka yang berkelayakan harus dilaksanakan demi kepentingan anak-anak kita selain mengangkat tanda aras pendidikan bagi pemain-pemain industri.

Pada masa akan datang, saya berharap agar syarat-syarat kelayakan dan kriteria pemilihan bagi penjaga kanak-kanak juga ditingkatkan kerana hal ini amat kritikal dalam membantu pembangunan kanak-kanak dari usia yang muda serta melengkapkan mereka dengan keupayaan pembelajaran sepanjang hayat. Bahkan, penawaran pendidikan berkualiti pada pringkat awal umur berupaya merapatkan jurang pencapaian pendidikan antara pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dengan berpendapatan tinggi sebelum pendidikan formal bermula.

Saya yakin, dengan bersandarkan pada langkah-langkah komprehensif yang telah dilaksanakan setakat ini, sistem pendidikan Malaysia bakal menjadi asas yang amat kukuh untuk membangunkan kelompok individu bertaraf dunia dan berakhhlak mulia, yang mampu meraih pendapatan tinggi dan berjaya walaupun berdepan dengan ekonomi global yang kompetitif.



**DATO' SERI HAJI
IDRIS JUSOH**

Menteri Pendidikan Tinggi

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia meningkat menjadi destinasi pilihan bagi pelajar dari luar negara yang ingin melanjutkan pelajaran ke tahap pendidikan tinggi. Dengan mengambil kira 172,886 pelajar antarabangsa pada tahun 2016, kita berada di landasan yang betul bagi mencapai matlamat untuk menarik seramai 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020 seperti mana yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi). Malaysia bakal melakar nama sebagai sebuah hab pendidikan yang tersohor dalam rantau ini, dengan pembukaan 11 cawangan kampus luar negara dari United Kingdom, Australia, dan China (termasuklah institusi dalam senarai kedudukan 100 terbaik dunia). Justeru, fokus kini adalah untuk memperkuuh penjenamaan pendidikan Malaysia menerusi kempen pemasaran yang unik di negara-negara sasaran. Oleh itu, penting untuk kita memanfaatkan reputasi pendidikan Malaysia yang sedang *soaring upwards* (peningkatan berterusan).

Sistem pendidikan tinggi di negara ini menyasarkan untuk melahirkan graduan yang berkualiti serta didorong oleh nilai-nilai murni; golongan profesional, penyelidik, pendidik, usahawan dan pakar inovasi yang berpandangan global dan mampu meningkatkan pembangunan Malaysia. Oleh itu, sasaran NKEA Pendidikan bukan hanya untuk mewujudkan sebuah sektor pendidikan yang mantap, bahkan memastikan pelajar Malaysia yang melalui sistem pendidikan negara mempunyai daya kebolehpasaran dan kebolehgajian yang tinggi. EPP yang berdasarkan kluster disiplin EPP telah mencatatkan kemajuan yang ketara dalam usaha memperbaiki kualiti graduan kita dan meningkatkan output modal insan negara. Di samping itu, kluster-kluster disiplin juga menyumbang kepada sektor-sektor ekonomi utama di Malaysia kerana peranannya dalam membangunkan kepakaran khusus dan memacu pertumbuhan sektor-sektor terbabit.

PENDIDIKAN



Usaha dibawah kluster disiplin NKEA Pendidikan telah menghasilkan graduan yang berkualiti dan berupaya memenuhi keperluan modal insan negara.

GAMBARAN KESELURUHAN

Matlamat utama inisiatif Pendidikan di bawah NTP adalah untuk meningkatkan keberhasilan pelajar agar dapat membangunkan rakyat yang pintar dan berkebolehan dalam pelbagai aspek, dan mampu tampil cemerlang walaupun berhadapan dengan asakan daya saing, sama ada pada peringkat domestik maupun peringkat global dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Serentak dengan itu, sektor pendidikan negara dikenal pasti sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang menawarkan peluang untuk menarik pelaburan swasta dan eksport pendidikan.

Inisiatif ini dilaksanakan melalui NKRA Pendidikan dan NKEA Pendidikan. NKRA Pendidikan berfokus untuk meningkatkan standard sistem pendidikan awam melalui pengukuhan dasar menerusi pembaharuan secara holistik. Usaha yang digiatkan dalam NKRA ini membabitkan aspek penting dalam

sektor pendidikan, termasuklah perangkaan dasar, standard pengajaran dan perkara yang melibatkan golongan pelajar yang meliputi tahun-tahun terawal hingga ke peringkat sekolah menengah bagi memupuk kemahiran dan keupayaan khusus dalam kalangan pelajar yang kelak dapat mewujudkan modal insan yang berkemahiran tinggi.

Sementara itu, NKEA Pendidikan pula menyasarkan perkhidmatan pendidikan swasta, yang bukan sahaja menawarkan pendidikan bertaraf dunia kepada rakyat Malaysia demi membentuk tenaga kerja yang mampu menjana pendapatan tinggi, malah meletakkan Malaysia sebagai sebuah hab pendidikan global. Serentak dengan itu, perkembangan NKEA Pendidikan melalui pembangunan institusi pendidikan yang baharu serta perkembangan tawaran program dan perkhidmatan turut menyumbang kepada aspirasi negara dari segi peluang pekerjaan, pendapatan negara kasar (PNK) dan pelaburan dalam Malaysia.

Dalam sektor pendidikan K-12, pengumuman mengenai syarat kelayakan minimum untuk guru-guru prasekolah yang akan berkuat kuasa mulai tahun 2020 akan

meningkatkan keyakinan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke prasekolah demi mendapatkan pendidikan awal yang berkualiti untuk cemerlang semasa di peringkat sekolah kelak, lantas meningkatkan kadar kemasukan ke prasekolah swasta.

Malaysia juga berjaya menarik penuhungan sekolah antarabangsa, dengan bilangan terkini sebanyak 116 buah sekolah, melebihi sasaran 87 buah sekolah menjelang tahun 2020. Namun begitu, usaha perlu digiatkan bagi mencapai sasaran enrolmen seramai 75,000 di sekolah antarabangsa. Sekolah antarabangsa disarankan untuk memasarkan perkhidmatan pendidikan yang menarik atau menambah baik struktur yuran bagi menggalakkan kemasukan pelajar.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang mengkaji semula kriteria-kriteria kelulusan lesen sekolah antarabangsa baharu bagi memastikan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah antarabangsa tidak terjejas. Bagi sektor pendidikan tinggi pula, pelbagai dialog dan perbincangan telah diadakan dengan institusi-institusi pendidikan tinggi swasta, pertubuhan-pertubuhan pendidikan


kebangsaan dan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menyelesaikan isu-isu yang menghalang usaha menjadikan Malaysia sebuah destinasi pendidikan pilihan yang berdaya saing dalam negara dan pada peringkat antarabangsa.

Berbekalkan tawaran pendidikan yang menarik, sektor pendidikan di Malaysia telah dikenal pasti sebagai sektor eksport utama oleh Majlis Eksport Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Oleh itu, fokus NKEA Pendidikan bagi tahun 2016 dan tahun-tahun seterusnya adalah untuk meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa. Memandangkan mobiliti pelajar antarabangsa di seluruh dunia dijangka akan meningkat kepada 6 juta menjelang tahun 2020, di mana 70% dijangka dari Asia Pasifik, maka usaha sama pelbagai Kementerian dan agensi perlu diselaraskan bagi memastikan sasaran kemasukan 200,000 pelajar antarabangsa menjelang 2020 tercapai.

Sejak tahun 2013, inisiatif pendidikan di bawah NTP turut didukung oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memanfaatkan usaha NTP untuk mempercepat transformasi sistem pendidikan sedia ada serta penambahbaikan dari segi aspirasi pelajar untuk merealisasikan sebuah sistem pendidikan yang kompetitif di tahap global.

Namun, hasil semua inisiatif tersebut mengambil pendekatan jangka panjang dalam usaha memperbaiki landskap pendidikan Malaysia. Justeru, keberhasilannya tidak dapat dilihat dalam masa yang terdekat. Namun begitu, negara sudah mula menyaksikan perkembangan yang memberangsangkan sejak permulaan NTP dan PPPM, sekali gus memberikan keyakinan kepada rakyat bahawa perubahan yang mapan bakal direalisasikan.

Perkembangan yang dimaksudkan ini termasuklah peningkatan dalam tanda aras antarabangsa, contohnya kajian *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) yang menyaksikan pencapaian pelajar Malaysia meningkat secara ketara susulan pelancaran NTP dan PPPM. Kajian ini dibuat setiap empat tahun dan menurut keputusan tahun 2015 yang diumumkan pada 2016, Malaysia memperoleh 465 mata bagi subjek Matematik, peningkatan sebanyak 25



Inisiatif - inisiatif di bawah NTP telah meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

mata sejak 2011. Dalam kalangan 16 negara yang menunjukkan peningkatan dalam subjek Sains, Malaysia merupakan negara yang menyaksikan peningkatan yang paling tinggi dengan mencatatkan pencapaian 471 mata, penambahan 44 mata sejak 2011. Malaysia meletakkan sasaran untuk berada dalam kalangan sepertiga negara teratas dalam penilaian antarabangsa menjelang tahun 2025. Setakat ini, berdasarkan keputusan TIMSS bagi tahun 2015, Malaysia berada dalam kalangan dua pertiga negara teratas kerana daripada 39 negara yang terlibat, Malaysia menduduki tempat ke 22 untuk subjek Matematik, dan tempat ke 24 untuk subjek Sains.

Menurut tanda aras global yang lain iaitu *Programme for International Student Assessment* (PISA), Malaysia menunjukkan peningkatan dalam Matematik, Bacaan dan Sains pada tahun 2015, dengan masing-masing mencatatkan 446, 431 dan 443 mata berbanding 421, 398 dan 420 mata ketika pentaksiran terakhir dibuat pada tahun 2012. Skor Matematik, Bacaan dan Sains, masing-masing telah meningkat sebanyak 25, 33 dan 23 mata.

Antara pencapaian penting yang turut dilakar dalam sektor pendidikan termasuklah kejayaan Malaysia meraih kedudukan tertinggi dari aspek dasar negara yang mengamalkan keterbukaan terhadap pengajian tinggi antarabangsa, seperti yang dinyatakan dalam kertas kajian British Council bertajuk *The Shape of Global Higher Education:*

National Policies Framework for International Engagement. Malah, indeks QS Best Student Cities meletakkan Kuala Lumpur pada kedudukan tertinggi, sebagai bandar yang paling berpatutan untuk didiami oleh pelajar universiti. Secara keseluruhannya, pada tahun 2016, NKRA Pendidikan mencapai 90% KPI yang ditetapkan dan NKEA Pendidikan pula mencapai 118% KPI.

Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran lantaran skop pelaksanaan inisiatif yang begitu luas, Kerajaan tetap yakin bahawa Malaysia telah mengambil langkah dan hala tuju yang tepat untuk meningkatkan sistem pendidikan negara demi membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Malaysia meletakkan sasaran untuk berada dalam kalangan sepertiga negara teratas dalam penilaian antarabangsa menjelang tahun 2025.

PENDIDIKAN



Sejak NTP dilancarkan, kadar enrolmen prasekolah telah meningkat dengan ketara kepada 85.56%.

Pada tahun 2016, kadar enrolmen prasekolah negara meningkat kepada 85.56%, mewakili 865,464 kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun.

Memupuk Tunas Masa Hadapan

Kerajaan menyedari hakikat bahawa usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar perlu bermula dari usia yang muda. Oleh itu, inisiatif di bawah kedua-dua NKRA dan NKEA Pendidikan menyasarkan matlamat untuk meningkatkan enrolmen dan kualiti perkhidmatan penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE), disokong oleh NKEA yang berperanan untuk merangsang penyertaan sektor swasta demi mencapai sasaran tersebut.

Pada tahun 2016, kadar enrolmen prasekolah negara meningkat kepada 85.56%, mewakili 865,464 kanak-kanak berumur 4+ and 5+ tahun. Kadar enrolmen untuk kumpulan umur kanak-kanak 5+ tahun

telah hampir mencapai tahap universal iaitu 92.1%, namun, kumpulan umur 4+ tahun hanya mencatatkan kadar enrolmen 79.4%. Ini disebabkan oleh masalah kekurangan bilik darjah di prasekolah awam dan kesedaran ibu bapa yang rendah tentang manfaat pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak seawal umur 4 tahun.

Sementara itu, NKEA mencatatkan enrolmen sebanyak 439,543 kanak-kanak berumur 4+ and 5+ tahun di prasekolah swasta, bersamaan dengan 52% daripada keseluruhan enrolmen prasekolah. Sebanyak 417 prasekolah swasta dan 239 pusat penjagaan kanak-kanak swasta baharu juga ditubuhkan sepanjang tahun ini, menjadikan jumlah pusat prasekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak swasta masing-masing sebanyak 7,360 dan 3,525.

Selain itu, bagi memastikan penawaran pendidikan prasekolah yang berkualiti, pada


1 April 2016, Kerajaan telah mengumumkan bahawa semua guru prasekolah awam dan swasta mesti memiliki sekurang-kurangnya kelayakan diploma dalam ECCE dan syarat ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2020. Guru baharu perlu mematuhi syarat tersebut bermula Januari 2017 manakala guru-guru prasekolah sedia ada diberikan tempoh tiga tahun untuk meningkatkan kemahiran mereka kepada tahap diploma. Tindakan ini diambil memandangkan kira-kira 80% daripada jumlah guru prasekolah masih belum memiliki kelayakan minimum diploma dalam ECCE.

Lanjut daripada sasaran terhadap pendidikan prasekolah yang berkualiti, 22,975 prasekolah telah mengambil bahagian dalam penilaian Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan selepas standard ini dilancarkan pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 22,549 atau 98% prasekolah didapati berjaya memenuhi standard kualiti minimum yang disyaratkan. Dalam pada itu, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) menjalankan aktiviti-aktiviti pengesahan melalui penilaian kendiri ke atas 543 pusat prasekolah dengan kerjasama pegawai bertugas daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Bahagian Pendidikan Swasta KPM.

Memperkuuh Ekosistem Pendidikan

Sebagai *touchpoint* pendidikan utama bagi pelajar, sekolah memainkan peranan yang kritikal dalam landskap pendidikan bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Melalui NKRA, usaha-usaha difokuskan dengan pemantauan terhadap pencapaian sekolah secara rapi bagi memastikan pendekatan ke arah penambahbaikan.

Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) yang dilancarkan pada tahun 2010 menyediakan sokongan khusus kepada kesemua 10,000 sekolah rendah dan menengah kebangsaan di Malaysia, terutamanya sekolah-sekolah berprestasi rendah, dengan membahagikan pencapaian



Kadar enrolmen prasekolah mengikut kumpulan umur

sekolah kepada tujuh kategori. Pembahagian ini membolehkan Kementerian Pendidikan memfokuskan usaha dan sumber yang perlu untuk membantu sekolah berprestasi rendah (Band 6 dan 7). Selain daripada itu, hal ini dapat memberi kesedaran kepada sekolah tentang prestasi mereka dan sekaligus memberi motivasi untuk memperbaiki band prestasi masing-masing.

Sepanjang tahun ini, banyak sekolah rendah dilihat berjaya memperbaiki band masing-masing. Jumlah keseluruhan sekolah yang berada dalam Band 1 dan 2, iaitu sekolah yang cemerlang di Malaysia, meningkat kepada 3,980 pada tahun 2016 berbanding 3,105 pada tahun 2015. Namun begitu, sekolah menengah mencatatkan penurunan disebabkan pengecualian Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dalam pengiraan untuk penarafan sekolah. Hal ini kerana PT3 merupakan peperiksaan berdasarkan pentaksiran sekolah, justeru sukar untuk dinilai secara objektif untuk tujuan penarafan pada peringkat kebangsaan. Ekoran itu, bilangan sekolah dalam Band 6 dan 7 meningkat kepada 199 secara keseluruhan pada tahun 2016 berbanding 139 pada tahun 2015. Namun begitu, pentaksiran berdasarkan sistem sekolah banyak mengalami perubahan yang ketara dalam tahun-tahun kebelakangan yang membuka peluang untuk menilai semula dan menambahbaik metodologi

penarafan sekolah pada tahun 2017. Oleh yang demikian, penarafan sekolah tidak dijadikan KPI untuk tahun 2017 dan metodologi baharu dibangunkan untuk penarafan sekolah.

Dalam perkembangan lain, Program Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) menyasarkan peningkatan kualiti sekolah-sekolah terbaik di Malaysia, sekali gus menaikkan penarafan untuk semua sekolah dalam negara. Sejak tahun 2015, sebanyak 132 sekolah dikenal pasti sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi. Namun, tiada SBT baharu yang terpilih pada 2016 sebagai usaha memelihara kualiti dan prestij SBT yang sedia ada. Sebaliknya, usaha difokuskan untuk memastikan SBT membantu sekolah-sekolah berdekatan untuk meningkatkan prestasi mereka menerusi kaedah bimbingan dan jalinan.

Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) juga akan terus dilaksanakan dan dipantau rapi. Disebabkan perlaksanaannya sudah memasuki tahun ketujuh dan telah menjalani semakan semula serta penambahbaikan, LINUS akan kekal sebagai komponen penting untuk kurikulum baharu sekolah rendah, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), bagi memastikan pelajar memperolehi kemahiran asas literasi (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) dan numerasi menjelang akhir Tahun 3.

PROGRAM DWIBAHASA

MENDATANGKAN KEBAIKAN UNTUK PELAJAR DAN GURU



*Dr. Logendra Stanley Ponniah,
Dekan Fakulti Pendidikan di
Taylor's Universiti yang telah
membantu pelaksanaan DLP di SK
Convent Bukit Nanas (CBN) 1 & 2*

Seramai 14 orang mahasiswa Tahun 3 dari Fakulti Pendidikan, Taylor's University telah menyertai Bengkel Matematik dan Sains selama 10 minggu bersama-sama murid-murid Sekolah Kebangsaan Convent Bukit Nanas (SK CBN) 1 dan 2 dalam semester kedua tahun 2016 sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menyokong pelaksanaan Program Dwibahasa. Kesemua 14 mahasiswa berkenaan menyertai program ini dengan penuh semangat dan azam untuk mengajar dan belajar pada masa yang sama. Mereka semua berjaya menamatkan bengkel tersebut dengan membawa pulang pengalaman bernilai yang tidak mungkin dapat ditimba daripada pembacaan buku seperti pengurusan kelas dan metodologi pengajaran klinikal, kata Dr. Logendra Stanley Ponniah, Dekan Fakulti Pendidikan Taylor's University Malaysia yang memantau bengkel tersebut.

Murid-murid SK CBN 1 dan 2, dipilih untuk menyertai program ini atas permintaan sekolah yang memerlukan bantuan mengajar murid-murid yang lemah dalam Bahasa Inggeris, khususnya penggunaan bahasa tersebut dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Walau bagaimapun, murid-murid tersebut berminat untuk mengikuti pembelajaran dalam Bahasa Inggeris memandangkan program ini memberi peluang untuk mereka menambah baik penguasaan bahasa melalui pendedahan Bahasa Inggeris yang lebih lama. Kedua-dua sekolah ini juga memenuhi kriteria NTP iaitu sekolah miskin

bandar dalam program DLP.

Mahasiswa fakulti pendidikan dari Taylor's University telah ditugaskan di sekolah berkenaan sebanyak dua kali seminggu, dengan berbekalkan permainan bahasa dan alat bantu mengajar yang direka khas. Murid-murid Tahun 4 yang terpilih bergilir-gilir menyertai bengkel dan guru kelas masing-masing turut hadir untuk membantu mengurus suasana dalam kelas serta turut terlibat dalam proses pembelajaran yang dilalui oleh murid-murid. Prestasi pembelajaran sebelum (pra) dan selepas (pasca) bengkel Matematik dan Sains diuji dan direkod. Keputusan ujian memperlihatkan peningkatan pencapaian yang ketara.

Menurut Dr. Logendra, "Para murid, guru dan Pengetua SK CBN 1 & 2 amat berpuas hati serta gembira dengan keputusan ujian yang positif dan bersedia mengguna pakai metodologi pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris dari perspektif baru." Para guru mendapati bahawa sebelum bengkel 10 minggu berkenaan, murid Tahun 4 menghadapi kesukaran untuk memahami prinsip-prinsip Matematik dan Sains disebabkan penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah, terutamanya dari segi perbendaharaan kata. Tambah Dr. Logendra lagi, "Bengkel berkenaan membuka mata para guru melihat kaedah dan cara baharu serta kreatif yang boleh diterapkan dalam mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris dan beberapa isu yang mesti ditumpukan

"Bengkel berkenaan membuka mata para guru melihat kaedah dan cara baharu serta kreatif yang boleh diterapkan dalam pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris."

semasa mengajar dalam Bahasa Inggeris. Pada masa yang sama, pelajar Taylor's University pula mendapat pendedahan yang bermakna apabila mereka belajar mengendalikan kelas daripada guru-guru sekolah yang hadir semasa bengkel dijalankan".

Meskipun bengkel DLP ini hanyalah suatu program percubaan, namun ia telah membuktikan bahawa prinsip Matematik dan Sains bukan punca kesukaran pembelajaran bagi murid-murid Tahun 4. Sebaliknya, kelemahan dalam bahasa yang menganggu proses pembelajaran mereka. Dengan hasil kajian yang signifikan ini, pihak KPM dan Taylor's University akan menyarankan beberapa cadangan untuk memperbaiki kapasiti pembelajaran Bahasa Inggeris dan keadaan persekitaran bagi murid-murid yang mempunyai tahap penguasaan bahasa yang berlainan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MENAMBAHBAIK LATIHAN PERGURUAN



**Dato' Haji Mahmud Karim, Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru KPM**

Program latihan guru di institusi-institusi pengajian tinggi swasta merupakan yang pertama dalam sejarah Malaysia. Sebagai sebahagian daripada inisiatif Pendidikan NTP, langkah ini merupakan kerjasama sektor awam dan sektor swasta yang pertama dalam menjalankan program latihan guru dengan institusi-institusi swasta yang terpilih seperti SEGI University, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan UCSI University.

Menurut Pengarah Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan, Dato' Haji Mahmud Karim, pihak Kementerian Pendidikan mendapati bahawa institusi swasta dapat memberikan pengalaman kampus yang lebih menyeluruh kepada para guru pelatih yang mungkin berasal dari kawasan desa yang terpencil. Institusi swasta menerima pelajar dari serata dunia dan kehadiran pelajar berbilang bangsa dan budaya akan melahirkan persekitaran pembelajaran yang pelbagai. Para guru pelatih akan berpeluang mempelajari pelbagai jenis

kaedah mengajar dan boleh memanfaatkan perpustakaan yang serba lengkap dan makmal moden dan canggih.

Seramai 73 orang guru pelatih baharu telah dipilih dalam program kerjasama yang pertama antara Kementerian Pendidikan dan institusi pengajian tinggi swasta untuk mengikuti kursus pengajaran Bahasa Inggeris. Syarat kelayakan bagi pemilihan yang dibuat ialah mendapat minimum 5A dalam keputusan peperiksaan SPM. "Mereka akan dilatih menjadi guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah kerajaan di seluruh negara. Semua yuran, kos penginapan dan perbelanjaan makan di institusi swasta bagi 73 orang guru ini ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia," kata Dato' Haji Mahmud Karim.

"Kesemua 73 orang guru pelatih telah berjaya menamatkan latihan pada hujung tahun 2016. Mereka akan ditugaskan ke sekolah rendah kerajaan di seluruh negara mengikut proses penempatan guru seperti biasa; tiada proses khas dalam memperuntukkan guru baharu yang baru tamat latihan ke mana-mana sekolah di bandar atau luar bandar. Tambah Dato' Haji Mahmud lagi, "Semua penempatan ke sekolah dibuat mengikut kekosongan yang ada di sekolah berkenaan sebagaimana dilaporkan oleh pihak sekolah ke Jabatan Pendidikan Negeri. Memenuhi keperluan guru Bahasa Inggeris sememangnya diutamakan oleh Kementerian Pendidikan."

Cabaran utama yang dihadapi oleh program ini ialah dari segi pemilihan guru pelatih yang akan dimasukkan ke institusi swasta. Jawatankuasa pemilihan menghabiskan banyak masa untuk membuat penilaian dari segi kualiti dan keperibadian para pemohon bagi memastikan kesesuaian dan komitmen mereka. Jawatankuasa bertanggungjawab memastikan segala pelaburan Kementerian dalam menaja guru pelatih terpilih akan membawa pulangan yang bernilai dari segi melahirkan guru terlatih yang komited sepenuhnya untuk mengajar selepas tamat pengajian.

Satu lagi cabaran ialah pemilihan institusi pengajian tinggi swasta yang sesuai dan mau bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan.

Cabaran ini berjaya ditangani melalui pendekatan proses kelulusan tiga pihak dalam pemilihan institusi. Ketiga-tiga pihak yang dimaksudkan ialah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).


Memandangkan kohort guru pelatih yang pertama baru sahaja menamatkan latihan, maka masih terlalu awal untuk membuat sebarang penilaian terhadap kualiti dan kemahiran mengajar. Walau bagaimanapun, pada masa hadapan, pihak Kementerian berharap dapat mengadakan forum dan dialog dua hala yang lebih dinamik dengan institusi swasta yang terlibat untuk penambahbaikan kurikulum latihan yang ditawarkan. Dengan cara ini, kurikulum latihan perguruan yang lebih mantap boleh diberi kepada guru pelatih. Memang menjadi harapan Kementerian untuk melihat lebih banyak institusi swasta yang ternama turut terlibat dalam usaha kerjasama ini.

Kementerian Pendidikan menjangkakan kumpulan guru pelatih yang menerima latihan perguruan di institusi swasta berjaya mempelajari banyak falsafah dan kaedah mengajar yang baharu lagi kreatif. Mereka akan mampu untuk melatih murid-murid sekolah berfikir dengan lebih dinamik, daripada terus belajar dengan cara menghafal.

Pada akhirnya, kerjasama seperti ini dapat memanfaatkan kanak-kanak Malaysia dalam menimba ilmu pengetahuan dan mendapat pendidikan yang bermutu. KPM sentiasa komited untuk bekerjasama dengan institusi swasta bagi memperbaiki program latihan perguruan kepada guru-guru pelatih demi membawa perubahan positif dalam sistem pendidikan negara.

"Memenuhi keperluan guru Bahasa Inggeris sememangnya diutamakan oleh Kementerian Pendidikan."

PENDIDIKAN



Tahap imersif untuk 6 Negeri bagi Fasa 1 Program Imersif Tinggi (HIP)
Sumber: Laporan Pemantauan Fasa 1 oleh Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris (ELTC)

Memupuk Pelajar yang Kompetitif pada Peringkat Global

Usaha meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar merupakan tonggak utama dalam NTP yang menyasarkan matlamat untuk meningkatkan keupayaan pelajar agar lebih kompetitif pada peringkat global. Melalui NKRA ini, inisiatif yang dilaksanakan tertumpu kepada dua pendekatan: Program Dwibahasa (DLP) yang memberikan pilihan kepada pihak sekolah untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris atau

Bahasa Melayu kepada pelajar Tahun 1/Tahun 4 dan Tingkatan 1; dan Program Imersif Tinggi (HIP) yang bertujuan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar dengan meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris menerusi aktiviti di dalam dan di luar kelas, kelas tambahan dan program penglibatan.

Kedua-dua program DLP dan HIP dilancarkan susulan makmal Bahasa Inggeris yang dijalankan pada tahun 2015. Program ini dijalankan bagi memastikan pelajar lebih fasih berbahasa Inggeris melalui pendedahan yang lebih banyak kepada bahasa tersebut menerusi aktiviti dalam Bahasa Inggeris dan waktu pembelajaran yang lebih panjang melalui pengajaran dan pembelajaran subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Kajian yang dilakukan ke atas 3,520 pelajar (yang mengikuti DLP dan tidak mengikut DLP) ini memperlihatkan pelajar-pelajar yang terlibat dengan program DLP mendapat manfaat dari segi peningkatan kebolehan berbahasa Inggeris.

Pada tahun 2016, Kerajaan melaksanakan DLP di 378 buah sekolah secara keseluruhannya, merangkumi 132 buah sekolah rendah dan 246 buah sekolah menengah. Dalam pada itu, Cambridge English Language Assessment menjalankan suatu kajian garis asas (baseline) untuk mengukur tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar menerusi penilaian Cambridge English. Keputusan daripada kajian tersebut digunakan untuk mengukur impak program DLP terhadap penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah yang melaksanakan program tersebut berbanding sekolah yang tidak terlibat dengan program DLP.

Kajian yang dilakukan ke atas 3,520 pelajar (yang mengikuti DLP dan tidak mengikuti DLP) ini mendapat pelajar-pelajar yang terlibat dengan program DLP mendapat manfaat dari segi peningkatan kebolehan berbahasa Inggeris. 75% daripada pelajar DLP didapati mencapai sasaran atau melepas tahap sasaran ujian tersebut (60% pada tahap A2 dan 15% pada B1), berbanding 61% pelajar bukan DLP. Dari segi pencapaian keseluruhan, kira-kira 62% pelajar DLP di luar bandar turut mencapai sasaran atau melepas tahap sasaran ujian (57% pada tahap A2 dan 5% pada B1). Walaupun peratusan ini tidak setanding pelajar DLP di kawasan bandar pada 79% (61% pada A2 dan 18% pada B1), namun peratusan tersebut lebih hampir kepada pencapaian pelajar bandar bukan DLP pada 67% (54% pada A2 dan 13% pada B1).

Kajian ini memutuskan bahawa pelajar DLP mencatatkan pencapaian yang lebih baik dari segi bilangan pelajar yang mencapai standard sasaran serta jumlah pelajar di bawah sasaran yang lebih rendah. Profil yang mantap juga dilihat dalam sekolah yang hanya separa terlibat dengan DLP.

Meskipun kajian ini menunjukkan hasil yang menggalakkan, pemilihan sendiri pelajar menunjukkan bahawa sekolah tersebut telah mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang tinggi kerana pelajar mampu menyertai program rintis DLP. Bersandarkan hasil kajian ini, Kementerian akan terus menilai impak program DLP pada tahun hadapan.

Kementerian turut memutuskan bahawa mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) akan

terus disediakan dalam dwibahasa kerana ini merupakan faktor penting demi menjamin kejayaan DLP.

Beberapa sekolah telah memberikan maklum balas kepada KPM dan memohon bantuan sokongan untuk melaksanakan DLP. Dua puluh tujuh sekolah juga telah dikenal pasti sebagai sekolah ‘berisiko’ atas beberapa faktor. Bagi memastikan keberhasilan DLP, PEMANDU telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai institusi dan organisasi swasta untuk membantu sekolah DLP dengan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran tambahan serta latihan untuk guru. Bantuan tambahan juga diberikan kepada para guru menerusi program latihan dalam talian yang dibangunkan oleh English Language Training Centre (ELTC) dibawah Kementerian pendidikan.

Sebagai contoh, Taylor’s School of Education membantu Sekolah Kebangsaan Convent Bukit Nanas 1 (SK CBN 1) dan Sekolah Kebangsaan Convent Bukit Nanas 2 (SK CBN 2) menerusi bengkel Matematik dan Sains selama 10 minggu untuk pelajar Tahun 4. Dengan menggunakan pendekatan pedagogi yang berpusatkan pelajar bagi menggalakkan pembelajaran secara kreatif, pelajar membina kemahiran berkomunikasi yang lebih baik berdasarkan dapatan pentaksiran sumatif yang dijalankan sebelum dan selepas bengkel yang menunjukkan peningkatan skor dalam kedua-dua matapelajaran. Organisasi lain seperti Sri KDU dan Cambridge University Press turut membantu beberapa buah sekolah DLP dengan memfokuskan latihan untuk guru. Untuk menyertai DLP, sekolah-sekolah mesti terlebih dahulu memenuhi beberapa syarat tertentu. Syarat ini sebenarnya membataskan penyertaan sekolah dalam program ini kerana tidak semua sekolah layak menyertai DLP. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk menambah bilangan jam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah, justeru HIP merupakan sebuah platform yang baik bagi membolehkan lebih banyak sekolah menyertai DLP sekali gus meluangkan masa pembelajaran yang lebih banyak bagi aktiviti berbahasa Inggeris.

Persekutuan imersif tinggi bahasa Inggeris ditakrifkan sebagai persekitaran pembelajaran yang merangkumi penggunaan



Sembilan puluh empat sekolah daripada enam negeri terpilih untuk memulakan fasa pertama HIP secara rintis yang bermula pada Mac 2016.

Bahasa Inggeris. Persekutuan ini diwujudkan menggunakan aktiviti-aktiviti Bahasa Inggeris yang menghiburkan, berdasarkan permainan dan simulasi. Perkara ini dapat memberi gambaran untuk senario yang realistik serta tugas yang memberikan peluang kepada pelajar untuk menggunakan kemahiran berbahasa Inggeris serta berinteraksi dengan pelajar lain menggunakan kemahiran yang sama.

Dalam hal ini, 94 sekolah daripada enam negeri terpilih untuk memulakan fasa pertama HIP secara rintis yang bermula pada Mac 2016. Dalam fasa kedua yang dimulakan pada Julai 2016, program ini diperluas kepada 1,106 sekolah di negeri lain. Pada 2017, HIP akan diperluas kepada 5,500 sekolah di negeri lain dan bakal dilaksanakan di kesemua 10,000 buah sekolah Kerajaan menjelang tahun 2018. Pelaksanaan HIP di sekolah yang terlibat didapati begitu menggalakkan, malah berjaya

mencatatkan pencapaian yang ketara. Dalam Fasa 1, tahap imersif tertinggi telah dicatatkan oleh Sarawak dalam kategori enam negeri yang terpilih. Tahap imersif diukur pada empat tahap, daripada tahap 1 yang paling rendah kepada tahap 4 yang paling tinggi.

Hasil data menunjukkan tiada sekolah yang mencatatkan tahap 4 dalam skala imersif HIP setakat ini. Dua puluh satu sekolah merentasi enam negeri (22%) mencatatkan pencapaian pada tahap 3 dalam skala imersif. Kebanyakan sekolah (71 sekolah; 76%) mencatatkan pencapaian tahap 2 dan dua buah sekolah (2%) mencatatkan pencapaian mereka pada tahap 1 dalam skala imersif. Kedua-dua sekolah yang mencatatkan tahap 1 tersebut adalah dari negeri Perak (1 sekolah) dan Sabah (1 sekolah).

Seperti yang diusahakan untuk DLP, PEMANDU turut terlibat dalam sesi perbincangan bersama organisasi swasta,

PENDIDIKAN

sekali gus membantu dalam menjalankan kerjasama yang dapat menyokong sekolah HIP. Sebagai contoh, Sunway University mengadakan bengkel sebagai platform yang memberikan peluang kepada guru sekolah HIP di Perak untuk mengembangkan idea mereka sendiri dan membangunkan budaya berbahasa Inggeris pada kos yang rendah, realistik dan mampan.

Contoh lain termasuklah Yayasan Pintar yang membantu 74 sekolah rendah menerusi Program Action Song untuk membina keyakinan dan keselesaan menggunakan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar pada usia yang lebih muda. Program ini turut membina kemahiran yang mengabungkan skrip muzik dan gerakan badan bersama penggunaan bahasa. Selain itu, Edge Education Foundation juga menyokong program Bahasa Inggeris di beberapa sekolah.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar ialah program Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT) yang menyaksikan 84.5% guru B1 dan 42.7% guru B2 mencatatkan peningkatan band mereka pada tahun 2016. Tahun 2016 turut menjadi tahun

pertama sejak 2013 di mana latihan untuk meningkatkan kemahiran ini dilaksanakan oleh English Language Training Centre (ELTC) di bawah Kementerian Pendidikan, dengan menggunakan modul British Council. Ternyata, pencapaian yang diperoleh menyamai pencapaian guru Bahasa Inggeris kohort 1 yang dilatih oleh British Council pada tahun 2013.

Biarpun inisiatif Pro-ELT ini telah berjaya meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan guru Bahasa Inggeris berdasarkan skala *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR), adalah penting untuk guru-guru Bahasa Inggeris yang baru untuk mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Sehubungan dengan itu, Kementerian mensyaratkan semua guru Bahasa Inggeris baharu yang tamat latihan di Institut Pendidikan Guru (IPG) mempunyai sekurang-kurangnya band C1 (*effective operational proficiency*). Namun begitu, sasaran tersebut tidak tercapai kerana hanya 64% guru praperkhidmatan yang berjaya mencapai tahap minimum C1.

Walau bagaimanapun, MoE yakin bahawa graduan IPG pada tahun 2017 bakal mencatatkan pencapaian yang lebih baik

kerana kohort ini telah disaring ketat sebelum pemilihan dibuat dan telah mengikuti kurikulum IPG yang mantap sejak mereka memulakan kursus praperkhidmatan selama lima tahun.

Penyerahan Bakat Menerusi Pendekatan yang Lebih Fokus

Di bawah NKEA ini, beberapa strategi dikenal pasti mampu membangunkan kluster disiplin yang membolehkan pengajian tinggi swasta membangunkan bakat dalam bidang-bidang yang khusus. Strategi tersebut akan membantu Malaysia melahirkan graduan berkualiti bagi industri utama dalam negara dan di luar negara melalui kerjasama dengan institusi pendidikan, institusi antarabangsa dan industri untuk membangunkan tawaran akademik yang relevan.

Pendidikan dan Latihan Kemahiran Swasta

Pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) adalah antara tonggak utama yang

**Di bawah NKEA ini,
beberapa strategi
dikenal pasti mampu
membangunkan
kluster-kluster disiplin
yang membolehkan
pengajian tinggi swasta
membangunkan bakat
dalam bidang-bidang
yang khusus.**

Common European Framework of Reference for Languages

Proficient user	C2	Mastery
	C1	Effective Operational Proficiency
Independent user	B2	Vantage
	B1	Threshold
Basic user	A2	Waystage
	A1	Breakthrough

* Takrifan tahap penguasaan bahasa mengikut skala CEFR

disandarkan Kerajaan untuk meningkatkan tenaga kerja bakat Malaysia seiring dengan aspirasi negara berpendapatan tinggi. Bidang fokus ini menyasarkan matlamat untuk mempertingkat dan memperbaiki kualiti institusi latihan kemahiran swasta dengan pantas sekali gus menarik pelajar vokasional antarabangsa ke Malaysia. Hasrat ini bakal dicapai menerusi kerjasama awam-swasta dengan sekolah teknikal dan vokasional, selain menarik pelaburan industri menerusi penyediaan latihan kepada pelajar sebagai suatu pilihan alternatif bagi mereka, di samping menjalin hubungan yang lebih erat dengan industri.

Antara pencapaian penting yang diraih melalui inisiatif ini pada tahun 2016 termasuklah kejayaan Malaysia yang muncul sebagai juara keseluruhan dalam Pertandingan Kemahiran ASEAN yang diadakan pada 19-29 September 2016 dengan merangkul 24 pingat emas, empat perak dan lima gangsa.

Dalam perkembangan yang lain, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) kini mengalihkan fokus mereka kepada peningkatan kualiti pelatih di institusi-institusi berkaitan. Oleh itu, sejajar sasaran KPI untuk memperbaiki pengetahuan dan kepakaran pelatih TVET, kira-kira 13,923 pelatih telah dilatih menerusi kursus-kursus jangka panjang dan jangka pendek.

Kluster Disiplin Pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam

Pendidikan kewangan dan perniagaan Islam menyasarkan matlamat untuk memupuk bakat dalam bidang kewangan dan perniagaan Islam untuk menampung keperluan modal insan sektor ini, selain memanfaatkan kedudukan Malaysia yang sedia kukuh dalam sektor kewangan Islam. Sasaran untuk kluster ini adalah untuk merangka standard kurikulum kebangsaan bagi pengajian kewangan dan perniagaan Islam yang akan digunakan untuk mereka pensijilan profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, yang merupakan suatu yang penting dalam pasaran-pasaran utama seperti di Timur Tengah. Peneraju projek ini juga akan melaksanakan pelan-pelan untuk membangunkan kempen pemasaran

berkenaan disiplin-disiplin pengajian ini bagi meningkatkan kemasukan pelajar dalam kursus-kursus yang berkaitan.

Pada tahun 2016, Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa (ICIFE) telah berjaya menarik seramai 145 ahli individu dan ahli institusi baharu dari dalam dan luar negara. Pertubuhan profesional pendidik kewangan Islam yang diperakui dunia ini berupaya menarik hampir 400 ahli individu dan ahli institusi secara keseluruhannya. Selain itu, inisiatif ini juga berhasrat untuk meningkatkan enrolmen pelajar dalam program kewangan dan perniagaan Islam kepada 54,000 pelajar menjelang tahun 2020. Tahun 2016 telah menyaksikan enrolmen sebanyak 15,606 pelajar. Perkembangan EPP ini dijejaki melalui bilangan pelajar yang mendaftar untuk kursus-

kursus kewangan dan perniagaan Islam.

Kluster Disiplin Pendidikan Sains Kesihatan

Seperti yang pernah dilaporkan sebelum ini, EPP ini ditangguh kerana pelan pembangunannya masih di bawah semakan pemilik projek EPP. Beberapa tahun lepas, projek ini telah dilancarkan semula dan inisiatif Kluster Disiplin Pendidikan Sains Kesihatan semakin meningkat. Sasaran EPP ini adalah untuk memastikan pelajar-pelajar perubatan dan kesihatan mendapat pekerjaan selepas pengajian melalui penubuhan Hospital Pendidikan Universiti UCSI yang akan menerajui pembangunan kluster ini dan berperanan sebagai pusat latihan yang penting bagi penempatan praktikum dan



Kluster-kluster disiplin telah berjaya menghasilkan graduan yang mempunyai pendedahan latihan industri yang jitu melalui kerjasama dengan industri.

Tahun 2016 telah menyaksikan enrolmen sebanyak 15,606 pelajar.

PENDIDIKAN

Pada hujung tahun 2016, seramai 850 orang pelajar, termasuklah pemegang Biasiswa Peneraju telah mengikuti kursus profesional perakaunan melalui kerjasama awam-swasta dengan pelbagai universiti.

pembangunan kurikulum yang relevan dengan industri. Hospital Pendidikan Universiti UCSI di Bandar Springhill, Negeri Sembilan yang sedang dibina bakal berperanan sebagai hospital pendidikan swasta yang pertama di Malaysia dengan menawarkan amalan perubatan Amerika. Hospital ini bakal menerajui bidang pengajaran dan latihan untuk pengajian Masters, MRCP dan American Fellowship menerusi pusat pensijilan perubatannya yang menawarkan peperiksaan dan latihan di bawah *Educational Commission for Foreign Medical Graduates* (ECFMG). Hospital ini juga akan menjalin kerjasama dengan universiti dan pusat penyelidikan dari AS, UK dan Kanada untuk menjalankan penyelidikan perubatan bertaraf dunia.

Fasa pertama hospital ini kelak mempunyai kapasiti 130 katil menjelang tahun 2017 dengan menyediakan wad perubatan, pembedahan, obstetrik, ginekologi serta wad pediatrik di samping wad pesakit kritikal seperti Unit Rawatan Intensif, Unit Rawatan Koronari dan Wad Pergantungan Tinggi.

Kluster Disiplin Hospitaliti dan Pelancongan

Dalam usaha untuk mendukung pertumbuhan industri pelancongan, kluster hospitaliti dan pelancongan menyasarkan matlamat untuk meningkatkan bilangan pekerja hospitaliti kepada 50,000 orang

menjelang tahun 2020, berbanding 20,000 orang pada tahun 2009, dengan diterajui oleh Pusat Pendidikan Pelancongan dan Hospitaliti Malaysia (MyCenTHE). Berlatarkan sasaran 50% daripada tenaga kerja industri sebagai pekerja terlatih atau berkemahiran, MyCenTHE berhasrat untuk melonjakkan kualiti tenaga kerja sektor pelancongan dan hospitaliti melalui gandingan usaha sama daripada 15 ahli institusi dan tujuh peneraju kluster di seluruh negara.

Pada tahun 2016, MyCenTHE merancakkan usaha penjenamaan dan promosi mereka dengan mengadakan kempen pemasaran serta mengetengahkan usaha promosi ini kepada warga belia dan orang awam menerusi media sosial. Hal ini bertujuan untuk mendidik dan memberikan kesedaran tentang potensi industri hospitaliti dan pelancongan selain peluang kerjaya yang luas dalam industri ini. Dalam kempen kesedaran dan pemasarannya, MyCenTHE turut memperkenalkan peneraju disiplin acara dan peruncitan (Events and Retail) iaitu Berjaya University College of Hospitality.

Dengan bersandarkan gandingan usaha daripada institusi-institusi pendidikan yang tersohor di Malaysia dan kordinasi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, MyCenTHE akan bekerjasama dengan Sunway University, Taylor's University dan KDU University College untuk terus berkerjasama dan menganjurkan acara-acara bertujuan mempromosi pendidikan hospitaliti dan pelancongan di Malaysia selain menjalin usaha sama dengan pertubuhan-pertubuhan berkaitan di rantau ASEAN.

Hab Pendidikan Perakaunan

Sunway TES Centre for Accountancy Excellence yang diterajui oleh Sunway TES Sdn Bhd menyasarkan matlamat untuk membangunkan kumpulan bakat perakaunan yang mapan dengan menggabungkan kelayakan perakaunan profesional dalam program ijazah perakaunan yang ditawarkan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Selain inisiatif-inisiatif usaha sama antara awam dan swasta, Sunway TES juga mendukung usaha meningkatkan bilangan akauntan profesional Bumiputera di bawah program penajaan Yayasan Peneraju

Pendidikan Bumiputera (Peneraju). Program ini menyasarkan untuk melahirkan 5,500 akauntan profesional menjelang 2020. Perkembangan kluster disiplin ini dijejaki melalui bilangan pelajar yang mendaftar untuk program-program Sunway TES dengan kerjasama institusi-institusi pendidikan tinggi awam dan Peneraju

Pada tahun ini, Sunway TES telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama-sama Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP). Di bawah memorandum tersebut, Sunway TES dan institusi-institusi politeknik akan bekerjasama dengan ACCA untuk mempromosi program pensijilan perakaunan profesional kepada golongan pelajar. Inisiatif ini termasuk program Train-the-Lecturers, program intensif Bahasa Inggeris dan kelas persediaan untuk beberapa subjek ACCA yang terpilih. Politeknik Port Dickson (PPD) telah terpilih sebagai politeknik rintis untuk menerajui program ini. Inisiatif ini turut disokong oleh Peneraju yang akan menyediakan biasiswa untuk calon yang memenuhi syarat di bawah Program Profesional Akauntan Muda Peneraju.

Pada hujung tahun 2016, seramai 850 orang pelajar, termasuklah pemegang Biasiswa Peneraju telah mengikuti kursus profesional perakaunan melalui kerjasama awam-swasta dengan pelbagai universiti .

Meletakkan Malaysia sebagai Sebuah Hab Pendidikan Global

Malaysia telah menempa nama sebagai sebuah hab pendidikan antarabangsa menerusi inisiatif di bawah NKEA ini untuk memanfaatkan pendidikan Malaysia yang berpatutan dari segi kos, kepelbagaiannya kursus dan institusi pendidikan, persekitaran yang selamat serta populasi yang terdiri daripada pelbagai budaya. Malaysia kini berada di landasan yang tepat untuk mencapai sasaran 200,000 pelajar antarabangsa pada tahun 2020 dengan mencatatkan pencapaian enrolmen seramai 172,886 pelajar antarabangsa pada tahun 2016, yang terdiri daripada pelajar sekolah antarabangsa dan pelajar peringkat tertiar. Mengimbau semula kejayaan inisiatif ini, UNESCO telah meletakkan Malaysia pada tangga ke-9 sebagai destinasi pendidikan tertiar pilihan pelajar antarabangsa, berbanding tangga ke-12 pada tahun 2014 dalam kaji selidiknya yang terbaharu iaitu Tinjauan Mobiliti Pelajar Antarabangsa. Usaha di bawah inisiatif ini juga diteruskan untuk memantau pelajar dan sekolah dengan rapi untuk mengekalkan kualiti Malaysia sebagai hab pendidikan. Dalam pada itu, walaupun usaha diteruskan untuk menarik institusi terunggul dunia dalam pendidikan tertiar, Kerajaan turut bersikap selektif dalam meluluskan penubuhan universiti cawangan luar negara. Pada waktu ini, terdapat 11 universiti cawangan yang telah bertapak di negara ini.

Sebagai langkah sokongan seterusnya terhadap usaha untuk mengangkat status negara sebagai hab pendidikan, Kerajaan akan membantu institusi bertaraf cemerlang untuk menubuhkan kampus cawangan luar negara di Malaysia. Salah satu daripada 11 kampus cawangan di Malaysia adalah Heriot-Watt University Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2014 di Putrajaya, menawarkan program-program asasi, ijazah sarjana muda dan pascasiswazah.

Pada 2016, Heriot-Watt menerima kohort ketiga pelajar ijazah sarjana muda di kampusnya, termasuk pelajar yang menyertai dua program baharu; Perakaunan dan Kewangan Perniagaan, dan Pengurusan Perniagaan Antarabangsa, yang turut terdiri daripada 30 pelajar pertukaran dari kampus Heriot-Watt di UK dan Dubai. Pada bulan April 2016, Heriot-Watt mencatatkan kemasukan kelompok pelajar paling ramai setakat ini, iaitu hampir 200 pelajar asasi.

Pada tahun ini juga, kampus Heriot-Watt di Malaysia bersama-sama dua lagi kampus utamanya di Dubai dan UK telah memeterai perjanjian dengan *Chinese Service Centre for Scholarly Exchange* serta pusat pengajian luar negara badan tersebut. Perjanjian ini menjalin kerjasama untuk menghantar pelajar China untuk mengikuti pengajian di mana-mana kampus Heriot-Watt di luar negara. Perjanjian turut dimeterai dengan Guizhou University untuk membenarkan pelajar Guizhou University melanjutkan pengajian tahun pertama dan kedua dalam program Fakulti Sains Social di kampus Heriot-Watt di China sebelum menamatkan pengajian tahun akhir di mana-mana kampus Heriot-Watt yang lain.

Inisiatif EduCity@Iskandar menjadi simbol strategi Malaysia untuk menjadi hab pendidikan dan memainkan peranan yang penting dalam kejayaan Program Transformasi Ekonomi Malaysia. EduCity@ Iskandar merupakan sebuah hab pendidikan

yang menempatkan institusi-institusi pendidikan tinggi, pusat penempatan pelajar dan fasiliti-fasiliti rekreasi dan sukan. Sejak beberapa tahun yang lalu, beberapa buah institusi yang terkenal telah melabuhkan sauh di EduCity dan bilangan pelajar antarabangsa dan tempatan semakin meningkat naik seiring dengan perkembangan tawaran program di institusi-institusi berkenaan.

Tahun 2016 juga menyaksikan EduCity@ Iskandar menerima dua kampus baharu dengan pembukaan Multimedia University (MMU-kampus Johor) dan University of Reading Malaysia (UoRM), yang merupakan kampus yang lengkap pertama ditubuhkan oleh UoRM di luar negara.

UoRM akan membuka *Henley Business School* dan program Henley MBA yang diperakui dunia dan bertaraf *triple-accreditation*. Program ini kelak membolehkan pelajar sarjana muda dan pascasiswazah membahagikan masa mereka di antara kampus Iskandar dan juga di UK.

Kampus cawangan MMU yang ketiga di EduCity menawarkan program *Bachelor of Cinematic Arts (Honours)* dengan kerjasama University of Southern California. Sejak dibuka pada 25 Januari 2016, seramai 153 pelajar telah mengikuti kursus ini di MMU. Sebulan selepas itu, UoRM pula membuka kampusnya dengan menawarkan kursus sarjana muda yang diakreditasi sepenuhnya sebagai ijazah University of Reading.



Kompleks Sukan dan Stadium EduCity mampu memuatkan seramai 14,000 orang serta memiliki kemudahan-kemudahan sukan bertaraf antarabangsa.

PENDIDIKAN

Selain MMU dan UoRM, EduCity turut menempatkan Newcastle University of Medicine Malaysia, Marlborough College Malaysia, University of Southampton, Kampus Malaysia Netherlands Maritime Institute of Technology, Raffles University Iskandar, Management Development Institute of Singapore dan Raffles American School.

Pada Februari 2016, PEMANDU dan EduCity Iskandar Malaysia Sdn Bhd telah mengadakan sidang meja bulat bersama-sama beberapa badan korporat, yayasan pendidikan dan universiti di EduCity dengan tujuan menawarkan biasiswa dan tajaan pendidikan. EduCity turut melakar pencapaian penting pada Julai 2016 apabila 18 pelajar bidang kejuruteraan daripada University of Southampton kampus Malaysia berjaya menamatkan pengajian mereka.

Sebagai usaha memperluas capaian pelajar baharu, EduCity bekerjasama dengan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) untuk menganjurkan pelbagai pameran di Pakistan, Kazakhstan, Jakarta dan Thailand. Pameran-pameran yang dianjurkan telah berjaya menarik 65 pelajar berpotensi untuk tahun akademik 2017, dan permohonan mereka telah dipanjangkan ke pihak universiti yang berkenaan.

EduCity turut melaksanakan kerja naik taraf infrastruktur pada tahun 2016, termasuk meningkatkan jalur lebar Internet di tapak perkampungan pelajar dan melancarkan

perkhidmatan bas percuma dari Puteri Harbour ke Larkin Sentral dengan satu hentian pertengahan di EduCity. Perkhidmatan terbaharu ini melengkapkan perkhidmatan bas EduCity yang sedia ada, yang beroperasi pada hari Jumaat, hari minggu dan cuti awam, yang memulakan perjalannya dari perkampungan pelajar ke Anjung Nusajaya, Bukit Indah dan Larkin Sentral. Pada 2017, EduCity akan memperluas fasiliti gimnasium dengan peruntukan RM1.9 juta. Kompleks sukannya pula menjadi tapak latihan bagi pasukan bola sepak JDT (bawah umur 12 dan 15 tahun), dengan seramai 70 pemain muda ini menginap di perkampungan pelajar. Kompleks ini turut digunakan sebagai tuan rumah bagi pelbagai acara peringkat negeri.

Bagi mengukuhkan inisiatif NKEA ini untuk meletakkan kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan, pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan bilangan sekolah antarabangsa di negara bagi menampung keperluan pendidikan keluarga ekspatriat dan diaspora yang pulang dari luar negara. Hal ini juga membolehkan diaspora Malaysia mendapat manfaat daripada hasil pertukaran wang asing yang dijana dalam urusan perbelanjaan sekolah antarabangsa.

Pada tahun 2016, perjanjian awam-swasta dimeterai antara International School of Kuala Lumpur (ISKL), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang melibatkan

pembinaan kampus ISKL yang baharu. ISKL akan melabur modal sebanyak RM350 juta untuk kampus baharu yang dijadualkan siap pada Ogos 2018, yang akan menawarkan pendidikan awal, rendah, menengah rendah dan menengah atas. Kampus baharu ini dijangka mampu menarik pelajar, guru dan pentadbir sekolah dari seluruh dunia, sekali gus memperkuuh reputasi Malaysia sebagai pusat pendidikan bertaraf antarabangsa.

Terdapat 116 sekolah antarabangsa yang beroperasi di Malaysia ketika ini, melepas sasaran NKEA sebanyak 87 sekolah menjelang 2020. Inisiatif ini walaupun bagaimanapun masih belum mencapai sasaran 75,000 pelajar memandangkan kebanyakan sekolah antarabangsa masih beroperasi di bawah kapasiti masing-masing. Oleh itu, usaha perlu diyatkan untuk memantau kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh sekolah-sekolah ini agar mampu menarik lebih ramai pelajar.

Sehubungan dengan itu, KPM telah menyusun pelan tindakan dengan menggunakan pendekatan yang lebih ketat dalam meluluskan lesen baharu, selain memantau sekolah ‘berisiko’ demi menjaga kepentingan pelajar dan sekolah berkenaan. Matlamat utama pelan tindakan ini adalah memastikan pendidikan yang ditawarkan kekal berkualiti. Justeru, tumpuan akan diberikan kepada sekolah antarabangsa yang sedia ada untuk meningkatkan kualiti sekolah dan merapatkan jurang kapasiti yang wujud. Serentak dengan itu, dasar yang dilaksanakan di bawah beberapa Kementerian bagi menarik pelajar antarabangsa kelak akan disemak dan diselaraskan.

Selain MMU dan UoRM, EduCity turut menempatkan Newcastle University of Medicine Malaysia, Marlborough College Malaysia, University of Southampton, Kampus Malaysia Netherlands Maritime Institute of Technology, Raffles University Iskandar, Management Development Institute of Singapore dan Raffles American School.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►

Aspirasi yang disasarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi adalah untuk menarik lebih ramai pelajar untuk pengajian pasca menengah di Malaysia. Meskipun sasaran enrolmen pelajar telah tercapai, Kementerian tetap komited untuk memperbaiki dasar pendidikan tertiar dan dasar yang melibatkan pelajar antarabangsa serta penyampaian perkhidmatan menerusi penyusunan semula proses yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara selaku sebuah hab pendidikan.

EPP di bawah NKEA Pendidikan akan terus dibangunkan menerusi kerjasama dengan pelbagai institusi dan badan berkaitan. Hal ini adalah untuk menjamin kualiti dan penawaran pendidikan agar tetap kukuh dan relevan dengan inisiatif pemasaran yang digiatkan di dalam dan luar negara bagi menarik pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia.

Dalam pada itu, kluster-kluster disiplin pula akan berusaha meningkatkan bilangan ahli selain menjalin kerjasama dengan pemain industri yang berkaitan. Sebagai contoh, MyCenTHE di bawah kluster disiplin hospitaliti dan pelancongan bakal memperluas kerjasama dengan lebih banyak hotel serta organisasi hospitaliti dan pelancongan berkaitan untuk memastikan pelajar mendapat pendedahan kepada realiti dunia pekerjaan sebelum menamatkan pengajian, di samping membantu mereka untuk memperoleh kemahiran yang relevan

berdasarkan kesesuaian kerja, yang mampu menyokong kebolehgajian graduan.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Tinggi akan terus memberikan sokongan penuh dan membantu pembangunan EPP di bawah NKEA Pendidikan untuk mengatasi sebarang cabaran yang mengekang pertumbuhan EPP tersebut.

Dalam perkembangan NKRA pula, usaha akan difokuskan untuk merealisasikan PPPM, termasuklah langkah berani untuk melakukan perubahan dari segi struktur yang mampu mempercepat transformasi sistem pendidikan. Antara langkah yang bakal dilaksanakan ialah syarat yang ketat dalam pemilihan guru baharu, termasuklah meletakkan syarat minimum penguasaan Bahasa Inggeris pada tahap C1 membabitkan guru Bahasa Inggeris baharu dan memperkuuh pendekatan pedagogi mengajar dengan menggunakan teknologi serta pembelajaran berpusatkan pelajar dan kerjasama. Kementerian Pendidikan juga menyedari hakikat bahawa gandingan usaha dan penyertaan daripada semua pihak berkepentingan termasuk ibu bapa, masyarakat dan sektor swasta berperanan kritikal dalam memastikan kejayaan transformasi pendidikan. Dalam hal ini, semua pihak terbabit haruslah bersikap terbuka dan bersedia menerima idea dan kaedah pelaksanaan yang baharu, antaranya, menjalin kerjasama awam-swasta dalam bidang pendidikan.

Sementara itu, sebanyak lebih kurang 838 buah sekolah lagi telah dikenal pasti sebagai sekolah DLP pada 2017, selain usaha yang akan dilakukan untuk menjadikan pembelajaran lebih interaktif. Usaha-usaha turut disasarkan untuk memastikan sumber seperti buku teks, buku rujukan dan bahan latihan adalah mencukupi dan selaras dengan sukanan pelajaran terkini. Inisiatif juga akan memastikan hanya guru terlatih yang akan dipilih untuk mengajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Sehubungan itu, pemilihan guru akan diberi keutamaan kepada guru yang pernah terlibat dalam program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPPSMI), serta latihan untuk guru baharu.

Sementara itu, bagi program HIP, sekolah rintis yang terpilih akan digalakkan untuk berkongsi amalan terbaik mereka dengan sekolah-sekolah lain. Dalam hal ini, pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah perlu memainkan peranan untuk membantu sekolah HIP dan membimbing mereka ke arah tahap imersif yang lebih baik. Bilangan sekolah HIP akan meningkat kepada 5,500 pada tahun 2017, dengan sasaran akhir iaitu kesemua 10,000 sekolah di Malaysia menjadi sekolah HIP menjelang 2018. Berkaitan dengan sasaran ini, pemantauan rapi akan diperlukan untuk tujuan laporan tahap imersif sekolah secara konsisten dan berkesan.

GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY



MEMBINA BANDAR RAYA BERTARAF DUNIA



**DATUK SERI UTAMA
TENGKU ADNAN BIN
TENGKU MANSOR**

Menteri Wilayah Persekutuan

Kawasan Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV) yang merupakan tunggak kebanggaan rakyat Malaysia terus berkembang dan bertambah kukuh. Pada tahun 2016, kita menyaksikan beberapa projek besar membawa kejayaan hasil usaha gigih yang digembung oleh pihak berkepentingan sejak enam tahun yang lepas.

Penjana perubahan besar dan menyeluruh yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia dan juga Singapura ialah projek Kereta Api Berkembara Tinggi (HSR) di antara Kuala Lumpur dengan Singapura. Satu Perjanjian Dua Hala telah berjaya ditandatangani pada 13 Disember 2016, yang menetapkan garis panduan dan protokol yang diperlukan untuk memulakan projek HSR dan akan berfungsi sebagai rangka kerja untuk memulakan proses pembinaan. Dijangka siap menjelang tahun 2026, HSR bakal mencetuskan era baharu bagi hubungan yang lebih baik dan berkembang maju antara dua bandar raya paling dikenali di Asia Tenggara.

Permulaan operasi Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) pada 16 Disember 2016 menandakan satu lagi pencapaian negara yang boleh dibanggakan setelah pembinaannya mengambil masa lima tahun. Saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa fasa pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang disiapkan lebih awal daripada jadual dan mencapai penjimatan kos sebanyak RM2 bilion, selain membuktikan komitmen Kerajaan dalam menuaikan janjinya kepada rakyat.

Projek-projek seperti HSR dan MRT akan dapat mengukuhkan kedudukan Greater KL/KV sebagai kawasan metropolitan yang dinamik dari segi ekonomi, sekaligus menarik bakat (talents) tempatan dan juga asing. Dari tahun 2011 hingga 2016, Program Kepulangan Pakar (Returning Expert Programme, REP) oleh TalentCorp telah memudahkan kelulusan lebih 4,000 warga Malaysia yang mahir dari luar negara untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Pada masa yang sama, InvestKL terus menarik syarikat multinasional (MNC) baharu untuk mewujudkan operasi serantau mereka di Greater Kuala Lumpur, dan pada tahun 2016 berjaya menarik 13 syarikat baharu, menjadikan jumlah syarikat yang telah mewujudkan pusat operasi mereka di Malaysia sebanyak 64 buah. Projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life, ROL), yang bertujuan mentransformasikan Sungai Klang dan Sungai Gombak yang ikonik kepada kegemilangan masa silamnya di samping menggalakkan lebih banyak aktiviti komersial dan rekreasi, turut mencatat

kemajuan yang menggalakkan dengan bahagian pengindahan sungai mula menampakkan hasil yang ketara.

Secara keseluruhan, perkembangan dan pembangunan Greater KL/KV telah menjadikannya salah sebuah bandar raya yang paling dinamik di Asia Tenggara, dan saya amat teruja untuk menyaksikan kemajuannya yang berterusan.

GAMBARAN KESELURUHAN

Transformasi Greater KL/KV terus menunjukkan perkembangan yang positif dan progresif pada tahun 2016. Kawasan ini mengekalkan kedudukannya sebagai pusat aktiviti ekonomi, meskipun berhadapan dengan keadaan operasi yang sukar dalam landskap global. Secara keseluruhannya, NKEA Greater KL/KV telah mencapai 115% KPI yang ditetapkan bagi tahun 2016.

Pencapaian ini dicerminkan oleh perkembangan dalam inisiatif NKEA pada tahun tersebut. Antara sorotan utamanya termasuklah penandatangan perjanjian dua hala antara Kerajaan Malaysia dengan Singapura bagi projek Kereta Api Berkapasiti Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura pada 13 Disember 2016. Perjanjian ini mengorak langkah kepada pelaksanaan projek tersebut, yang disasarkan siap pada tahun 2026.

Peningkatan kesalinghubungan di dalam dan di sekitar Greater KL/KV merupakan komponen penting dalam pembangunan sosioekonomi kawasan tersebut secara berterusan. Susulan penanda kemajuan yang dicapai oleh projek HSR, pada 16 Disember 2016, Transit Aliran Berkapasiti Tinggi yang amat dinanti-nantikan telah dibuka untuk kegunaan orang ramai dengan bermulanya fasa satu Laluan Sungai Buloh-Kajang.

InvestKL menumpukan usaha untuk menarik syarikat multinasional global yang besar seperti syarikat-syarikat Fortune 500 dan Forbes 2000 untuk membuka hab serantau, inovasi dan bakat mereka di Greater Kuala Lumpur dan mengembangkan perniagaan mereka secara strategik di Asia.



Masjid Jamek: Pusat Nadi Projek Sungai Nadi Kehidupan.

Mandat tersebut telah berjaya mencapai jumlah pelaburan yang dijanjikan sebanyak hampir RM9 bilion dan mewujudkan lebih 5,000 pekerjaan serantau. Laporan prestasi 2016 membuktikan Kuala Lumpur kekal sebagai destinasi pelaburan utama apabila InvestKL berjaya mencapai sasaran tinggi untuk menarik 13 syarikat MNC menujuhan pejabat serantau mereka di Greater KL/KV atau meluaskan kehadiran mereka di rantau Asia, meskipun dalam keadaan ketidakpastian global dan kelembapan ekonomi.

Satu tahap pencapaian yang sedang diusahakan dan dijangka selesai pada awal tahun 2017 ialah pakej pertama kerja-kerja pengindahan sungai di bawah Projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life, ROL). Projek ini, yang dijalankan di tengah-tengah Kawasan Warisan Kuala Lumpur serta kawasan sekitar Masjid Jamek dan Bangunan Sultan Abdul Samad, yang merupakan dua bangunan bersejarah paling penting di Kuala Lumpur, disasarkan untuk mentransformasikan kawasan ini menjadi tepian air yang dinamik dan mempunyai nilai ekonomi serta komersial yang tinggi. Projek ROL akan meneruskan kerja pengindahan sungai yang ekstensif di sepanjang 10.7 kilometer Sungai Klang dan Gombak, bermula dari Kolam Puah di kawasan utara hingga sempadan Mid Valley di kawasan selatan.

Untuk menjadikan Greater KL/KV

sebagai bandar raya yang lebih hijau dan lebih dinamik, usaha yang giat ditumpukan pada penandaan GPS (GPS-tagging) kepada 30,000 pokok dan pengambilan empat taman angkat. Sehingga kini, sebanyak 135,734 pokok telah ditanam di bawah inisiatif Penghijauan Kuala Lumpur, melangkuai sasaran 100,000 untuk ditanam menjelang tahun 2020. Selain itu, kajian keberhasilan yang dijalankan oleh DBKL serta Kementerian Wilayah Persekutuan dan dibentangkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan Unit Pelaksanaan Penyelaras (ICU) pada bulan Oktober 2016 menunjukkan bahawa pokok yang ditanam telah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 64.9% kawasan teduh, bersamaan dengan 1.22 juta meter persegi, sekali gus berjaya mengurangkan suhu persekitaran sebanyak 2.7%.

Pelan induk yang rinci dan menyeluruh sedang dirangka untuk membina laluan pejalan kaki dan lorong basikal di Kuala Lumpur. Kerja-kerja yang melibatkan penambahbaikan perkhidmatan asas juga sedang rancak berlangsung, seperti pembinaan rangkaian paip pembetungan untuk menampung populasi Greater KL/KV yang semakin bertambah, di samping menyediakan penyelesaian yang lebih mampan bagi sanitasi dan pengurusan sisip pepejal.

GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY



Di MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang; pekerja MRT menyambut pengguna

Menambah Baik Kesalinghubungan bagi Bandar yang Sedang Berkembang

Sebagai pusat aktiviti ekonomi negara dan pangkalan bagi beribu-ribu perniagaan tempatan dan antarabangsa, amat penting untuk Kerajaan melabur secara berterusan dalam penambahbaikan infrastruktur bagi menampung pertumbuhan jangka panjang Greater KL/KV. Elemen penting dalam usaha ini ialah menambah baik kesalinghubungan dalam bandar, bukan sahaja untuk membolehkan pergerakan yang cekap dan mudah bagi orang ramai dan barang, malah untuk mengelakkan kesesakan yang membazirkan masa dan pencemaran yang sering disaksikan dalam bandar-bandar lain yang sibuk.

Justeru, Kerajaan memberikan keutamaan yang tinggi terhadap usaha menambah baik kesalinghubungan menerusi rangkaian kereta api. Sebagai satu pilihan pengangkutan yang paling cekap dan lestari persekitarannya, usaha menambah bilangan kereta api dan memperluas laluan kereta api adalah penting untuk memenuhi keperluan pengangkutan Greater

KL/KV. Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Lembah Klang (Klang Valley Mass Rapid Transit, KVMRT) mewakili projek utama di bawah inisiatif ini, yang terdiri daripada Laluan Sungai Buloh-Kajang dan Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.

Projek MRT telah mencapai penanda kemajuan yang penting dengan pelancaran fasa pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang pada 16 Disember 2016, yang melalui 12 stesen dari Sungai Buloh hingga Semantan. Apabila fasa kedua yang dijadualkan beroperasi pada suku ketiga 2017 dari Semantan hingga Kajang siap, laluan sepanjang 51 km ini dijangka memenuhi keperluan bilangan penumpang yang dianggarkan sebanyak 400,000 orang sehari. Laluan ini akan dilengkapi 58 buah kereta api, dimana 52 telah diterima di Depot Sungai Buloh pada 2016, iaitu tempat penghantaran dan pengujian kereta api baharu untuk MRT.

Kejayaan penyempurnaan fasa satu Laluan Sungai Buloh-Kajang terhasil daripada usaha sama dan pewujudan institusi yang kukuh melalui pembangunan projek dan pemilik aset, iaitu MRT Corp dan badan Exco MRT yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, yang memastikan pelaksanaan projek yang tepat pada masanya. Entiti yang sama juga akan menumpukan usaha terhadap kerja pembinaan

laluan kedua MRT, iaitu Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya sepanjang 52.2 km. Sehingga kini, sebanyak 14 daripada 11 sasaran awal pakej telah dianugerahkan, mencatat KPI sebanyak 127%. Pakej kerja tersebut terdiri daripada pakej kerja bawah tanah, jejabat dan sistem. Laluan tersebut dijangka memulakan perkhidmatan sepenuhnya pada suku kedua tahun 2022, dengan kapasiti untuk menampung bilangan penumpang harian sebanyak 529,000 orang.

Aspek keselamatan projek MRT turut diberikan keutamaan. Amatlah penting untuk laluan kereta api baharu dan operasinya meraih kepercayaan daripada pengguna sebelum tarikh pelancarannya. Langkah keselamatan ketat yang dilaksanakan telah menghasilkan kadar kekerapan kemalangan (AFR) yang rendah. AFR kumulatif bagi projek ini ialah 1.0 kemalangan buat setiap 1 juta jam manusia, berbanding dengan KPI yang ditetapkan, iaitu kurang dari 1.5 kemalangan buat setiap 1 juta jam manusia.

Projek MRT telah mencapai penanda kemajuan yang penting dengan pelancaran fasa pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang pada 16 Disember 2016, yang melalui 12 stesen dari Sungai Buloh hingga Semantan.

Kesalinghubungan di dalam dan di sekitar Greater KL/KV akan terus dipertingkatkan dengan projek HSR yang dijangka siap pada tahun 2026. Penandatangan perjanjian dua hala bagi Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura pada 13 Disember 2016 menunjukkan komitmen Kerajaan Malaysia dan Singapura terhadap projek tersebut. Diwujudkan berdasarkan perbincangan yang diadakan sejak wacana harmoni pemimpin pada tahun 2013, perjanjian tersebut meneruskan kemajuan positif yang dibuat oleh kedua-dua pihak sejak menandatangani Memorandum Persefahaman pada 19 Julai 2016. Kereta api berkelajuan tinggi ini dijangka mengurangkan masa perjalanan antara Singapura dengan Kuala Lumpur kepada kira-kira 90 minit melalui laluan sepanjang 350 km, dengan 335 km di Malaysia dan 15 km di Singapura. Projek HSR ini dijangka merapatkan lagi hubungan kedua-dua negara ini, meningkatkan kesalinghubungan, mengeratkan hubungan antara rakyat dan memangkinkan kerjasama ekonomi yang selanjutnya.

Manfaatkan Greater KL/KV sebagai Enjin Aktiviti Ekonomi

Sebagai nadi aktiviti ekonomi Malaysia, Greater KL/KV kekal sebagai lokasi ibu pejabat serantau yang berdaya saing bagi MNC. Hal ini dicerminkan oleh kejayaan InvestKL dalam menarik 64 MNC sehingga kini sejak tahun 2011, yang telah menghasilkan 5,012 pekerjaan dan RM2.9 bilion pelaburan yang direalisasikan. Pada tahun 2016, beberapa MNC terkemuka yang telah memilih Greater KL/KV sebagai pangkalan serantau mereka termasuklah

Voith, Oracle Corporation, Novartis International, Oceaneering International Inc. dan China Railway Engineering Corporation (CREC). Proposisi Greater KL/KV yang kukuh telah membolehkan MNC memutuskan dan meluluskan untuk menujuhkan ibu pejabat serantau di sini, meskipun dalam keadaan ekonomi global dan operasi yang mencabar.

InvestKL turut melangkaui sasarannya untuk menyediakan 600 pekerjaan berkemahiran tinggi baharu yang dijanjikan dan diluluskan di Greater KL/KV. Sehingga 31 Disember, kira-kira 1,862 pekerjaan baharu dijanjikan pada tahun 2016. Oracle, Novartis dan CREC menyumbang kepada bilangan terbesar pekerjaan serantau, iaitu lebih 1,500 pekerjaan. Pekerjaan ini akan menjadi kenyataan dalam lima tahun akan

datang, menjadikan jumlah pekerjaan yang dijanjikan sejak InvestKL diwujudkan pada tahun 2010 ialah sedikit melebihi 9,000 pekerjaan.

Melalui kerjasama erat dengan pihak berkepentingan utama dalam sektor awam dan sektor swasta, TalentCorp berusaha untuk memastikan majikan terkemuka Malaysia di Greater KL/KV terus mempunyai akses kepada kumpulan bakat tempatan dan global yang mampu merangsang perkembangan dan pelaburan mereka. Pada tahun lepas melalui program Penarikan dan Pengekalan Bakat Tajauan (Scholarship Talent Attraction & Retention, STAR), 1,217 graduan pemegang biasiswa yang dibiayai Kerajaan berjaya menyempurnakan kontrak ikatan perkhidmatan mereka

Laporan prestasi 2016 membuktikan Kuala Lumpur kekal sebagai destinasi pelaburan utama apabila InvestKL berjaya mencapai sasaran tinggi untuk menarik 13 syarikat MNC untuk menujuhkan hab serantau mereka di Greater KL/KV atau meluaskan kehadiran mereka di rantau Asia.



Ahli Pasukan Petugas PEMUDAH DBKL, Dato' Pardip Kumar Kukreja menerangkan kepada para Duta dan wakil-wakil kedutaan tentang Sistem Pengurusan Trafik ITIS semasa sesi lawatan di Pusat ITIS DBKL yang dianjurkan oleh InvestKL pada Mei 2016

GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY

dengan bekerja di syarikat-syarikat MNC, GLC atau syarikat-syarikat yang mantap di Malaysia. Sementara itu, REP telah meluluskan 398 permohonan daripada golongan profesional Malaysia yang bernilai tinggi di luar negara, meskipun dalam keadaan pasaran pekerjaan yang kurang cergas dan ekonomi global yang lemah sepanjang tahun. Melangkah ke hadapan, TalentCorp akan mempergiat usahanya untuk melibatkan golongan profesional Malaysia di luar negara dengan memanfaatkan platform digital seperti LinkedIn dan mempererat hubungan kerjasama dengan kedutaan Malaysia.

Untuk memudahkan lagi akses oleh pelabur dan majikan terkemuka kepada himpunan kemahiran asing yang diperlukan, Jabatan Imigresen dan TalentCorp bersama-sama menyelia Pusat Perkhidmatan Bakat Ekspatriat Malaysia (Malaysia Expatriate Talent Service Centre, MYXpats Centre), yang memproses dan mengeluarkan semua permohonan Pas Pekerjaan (EP) dan pas lain yang berkaitan dengan EP untuk ekspatriat yang bekerja di Malaysia. Pada tahun 2016, 82% daripada permohonan EP yang diproses oleh MYXPATs telah diluluskan dalam masa lima hari, sejutimana yang dijanjikan dalam piagam pelanggannya.

Sementara itu, Pas Pemastautin-Bakat (Residence Pass-Talent, RP-T) merupakan inisiatif oleh TalentCorp dan Jabatan Imigresen yang membolehkan ekspatriat berkelayakan tinggi untuk terus tinggal dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka lebih panjang. Sebanyak 1,234 ekspatriat diluluskan untuk RP-T pada tahun 2016.

Mempertingkatkan Keindahan Kuala Lumpur dan Lembah Klang

Penting untuk metropolis yang sedang berkembang seperti Greater KL/KV, yang dijangka mencapai populasi 10

juta menjelang tahun 2020, untuk memiliki kawasan hijau yang mencukupi untuk penghuninya. Sebagaimana yang disokong oleh beberapa kajian saintifik, persekitaran yang lebih hijau dapat meningkatkan daya huni di bandar dan merangsang kesihatan fizikal dan mental penghuni. Hal ini diharapkan secara tidak langsung mendorong peningkatan produktiviti dan potensi ekonomi yang lebih tinggi kepada pekerja dalam semua jenis profesi.

Sejajar dengan komitmen Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan kesejahteraan penghuni di kawasan ini, banyak pelaburan dan usaha sama telah dimulakan, dijalankan dan disempurnakan sejak tahun 2010. Usaha tersebut telah disokong oleh penyertaan daripada pihak berkepentingan dalam kalangan sektor awam, sektor swasta dan orang ramai. Salah satu contoh perkongsian yang berjaya ialah Wilhelmsen Ships Services dan Wilhelmsen Ships Management, yang menaja secara bersama 100 pokok untuk ditanam di salah satu taman di Kuala Lumpur. Kedua-dua syarikat tersebut turut mengukuhkan kehadiran mereka di Greater KL/KV melalui InvestKL, sekali gus memperlihatkan faktor unik yang dimiliki oleh Greater KL/KV sebagai destinasi ekonomi dan destinasi berdaya huni.

Antara inisiatif yang dirancang dan direka khusus untuk melonjakkan daya huni Greater KL/KV ke tahap yang lebih tinggi ialah Projek Sungai Nadi Kehidupan (ROL) yang bercita-cita tinggi. Projek yang dirancang siap menjelang tahun 2020 ini bertujuan membersihkan Sungai Klang dan anak-anak sungainya kepada Kelas IIB (selamat untuk aktiviti rekreasi), dan pada masa yang sama memberikan nafas baharu kepada kawasan yang kurang menarik, terutama sekali tebing sungai dan kawasan sekitarnya untuk menjadi tempat tumpuan bandar yang pesat dengan aktiviti budaya dan komersial di sepanjang 10.7 km Sungai Klang dan Sungai Gombak.

Usaha menyeluruh telah disalurkan terhadap pembersihan sungai dan penambahbaikan sistem pembetungan dan saliran. Tahun 2016 menyaksikan peningkatan dalam indeks kualiti air

(WQI) di dua stesen pemantauan kualiti air. Sejak ROL dimulakan, bacaan WQI di Sungai Gombak dan Sungai Klang telah bertambah baik kepada Kelas III daripada Kelas V (tidak sesuai untuk sentuhan).

Pengurusan air buangan dengan cara yang betul amat penting untuk mempercepat kerja-kerja pembersihan sungai. Dalam hal ini, pemintas, iaitu loji prarawatan yang menapis dan merawat air kumbahan dan air basuhan, memainkan peranan yang penting dan dirangkumkan sebagai sebahagian daripada usaha pengindahan sungai. Sebagaimana yang dirancang, empat pemintas pertama yang terletak di Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek, lokasi lama medan selera D'Teing dan seberang stesen LRT Pasar Seni telah berjaya disiapkan, yang berfungsi untuk memastikan air yang dilepaskan ke dalam sungai mencapai Kelas IIb.

Dengan kawasan tадahan seluas hampir empat kali saiz bandar Kuala Lumpur, Projek Sungai Nadi Kehidupan merupakan satu usaha yang amat besar.

**Melalui program
Penarikan dan
Pengekalan Bakat
Tajaan (STAR), 1,217
graduan biasiswa
Kerajaan berjaya
menyempurnakan
kontrak ikatan
perkhidmatan mereka
dengan bekerja
di MNC, GLC atau
syarikat-syarikat yang
mantap di Malaysia.**

Pembersihan lapan sungai dan anak-anak sungai sepanjang 110km bukanlah suatu usaha yang mudah dicapai. Namun begitu, infrastruktur seperti perangkap gris awam, kolam tadahan banjir, benteng balak, loji rawatan air sungai, loji rawatan air sisa dan loji rawatan air buangan telah siap dibina serta membantu menapis dan membersihkan air buangan yang dilepaskan ke dalam sungai. Paip kumbahan telah digantikan, dinaik taraf, diperluas dan paip baharu telah dibina, manakala loji kumbahan telah dirasionalkan, dinaik taraf atau loji baharu dan lebih besar sedang dibina untuk menampung populasi yang semakin meningkat. Semua usaha ini dilakukan untuk mencapai sasaran Kelas IIB menjelang tahun 2020.

Bahagian kedua projek ROL yang terdiri daripada pengindahan sungai di Fasa 1 Presint 7 telah mencapai status penyiapan 84.5% pada tahun 2016, walaupun menghadapi cabaran dalam pemerolehan bahan dan pengurusan sumber. Satu tahap pencapaian besar bagi projek pengindahan sungai ini ialah penyiapan empat pemintas di Kawasan Warisan. Empat pemintas tersebut memerangkap air basuhan yang dilepaskan oleh entiti perniagaan di kawasan tersebut dan membersihkannya untuk memastikan lepasan tersebut mencapai tahap air Kelas IIB. Pakej untuk fasa dua di kawasan sekitar Dataran Merdeka, Jalan Tun Perak, Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Masjid India, Dang Wangi, PWTC dan Brickfields telah dianugerahkan pada akhir tahun 2016. Pakej selebihnya, iaitu Taman Titiwangsa, dijangka dianugerahkan menjelang suku pertama tahun 2017.

Satu lagi inisiatif di bawah NKEA Greater KL/KV, menjelaki bilangan pokok yang ditanam oleh penaja dan telah menjadikan Greater KL/KV sebagai habitat beribu-ribu pokok baharu. Meskipun tiada pembiayaan daripada Kerajaan, kerjasama antara DBKL, Yayasan Hijau Malaysia dan warga korporat seperti ThinkCity terbukti membawa hasil dan menarik banyak tajaan. Kerjasama ini, yang merupakan perkongsian sektor awam-swasta yang pertama seumpamanya, telah



Pelancaran Teman Tesco - yang diadopsi pada Disember 2016 di Bandar Manjalara, Kepong, Kuala Lumpur

menghasilkan penanaman 3,303 pokok baharu, dengan penyumbang utamanya ialah MRT Corp dan Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setiap pokok yang ditaja melambangkan pemilikan dan komitmen penghuni untuk menjadikan Greater KL/KV bandar raya yang lebih hijau dan lebih lestari.

Yayasan Hijau Malaysia dan InvestKL telah memainkan peranan yang penting dalam menerajui inisiatif ini, dengan memberikan kesedaran mengenai insentif cukai korporat yang diberikan oleh Kementerian Kewangan melalui Yayasan Hijau Malaysia kepada syarikat yang mengambil bahagian. Sebagai menyokong inisiatif ini, sebanyak 15,636 pokok telah ditaja oleh syarikat melalui Pusat Sehenti DBKL, sebagai sebahagian daripada arahan pembangunan (Development Order, DO) yang memerlukan pemaju menyediakan ruang hijau dalam pelan pembangunan mereka.

Susulan kejayaan pengambilan taman angkat yang dilaksanakan di banyak bandar utama di seluruh dunia, sebuah program taman angkat atau penajaan taman

dimulakan dengan tujuan mempelawa dan menarik sektor swasta untuk mengambil taman angkat tempatan. Sebagai balasan bagi bantuan yang diberikan dalam penyelenggaraan umum taman tersebut, syarikat dapat menikmati pengecualian cukai korporat. Pada masa ini, empat taman di bawah inisiatif ini berada dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Usaha selanjutnya untuk mempertingkatkan daya penarik Greater KL/KV termasuklah pewujudan mercu tanda dan tarikan ikonik. Berikutnya usaha ini, tiga Jejak Warisan, yang terdiri daripada laluan pejalan kaki berpandu melalui lokasi mercu tanda seperti Dataran Merdeka, Medan Pasar dan Pasar Seni telah diperkenalkan sejak tahun 2013. DBKL telah menjalankan kajian mengenai laluan tersebut yang menunjukkan bahawa kadar sewa premis yang terletak di sepanjang Jejak Warisan telah meningkat sebanyak 50% dan pada tahun 2016, laluan tersebut menerima 31,477 pengunjung, melebihi 24,000 kunjungan setahun yang disasarkan.

GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY

TUMPUAN UTAMA INVESTKL MENARIK MINAT SYARIKAT-SYARIKAT MNC KE MALAYSIA

Datuk Zainal Amanshah, CEO InvestKL menekankan tiga perkara penting: komunikasi yang berkesan, peranan rujukan mulut ke mulut dan pentingnya sikap proaktif dalam kerja. Ketiga-tiga faktor berkenaan menjadi kunci kejayaan InvestKL dalam menarik minat banyak syarikat multinasional (MNC) untuk menubuhkan operasi serantau masing-masing di kawasan Greater KL/KV – suatu tugas besar yang telah dipilih oleh InvestKL sejak tahun 2011 yang membawa hasil, meskipun berhadapan beberapa cabaran iklim ekonomi dunia yang lembab pada tahun 2016.

Biarpun menghadapi banyak kesukaran dan cabaran, InvestKL boleh berbangga kerana berjaya menarik kesemuanya 13 syarikat MNC yang disasarkan, lantas mencipta sebanyak 1,862 peluang pekerjaan baru di Greater KL/KV pada tahun 2016, berbanding dengan sasaran sebanyak 600 peluang pekerjaan. Angka yang tercapai ini “satu pergelutan singit” memandangkan keadaan ekonomi semasa yang tidak memberangsangkan, dan kebanyakannya syarikat MNC mengambil langkah tunggu-dan-lihat dalam membuat pelaburan baru atau menambah pelaburan. “Kami banyak berdoa,” Datuk Zainal berjenaka. “Walau bagaimanapun, kami yakin bahawa potensi sebenar Malaysia sebagai hab operasi terbaik telah terdedah dengan sendirinya [kepada] syarikat-syarikat MNC]. Tahun 2016 sungguh menarik serta mencabar. Kita, sebagai rakyat negara ini, sangat bertuah dan dirahmati [dengan apa yang kita boleh tawarkan].”

Terdapat banyak perkara yang boleh dibanggakan tentang Greater KL/KV dan Malaysia. Maklum balas daripada para pelabur sedia ada sangat menggalakkan: dasar-dasar yang mesra-perniagaan, sumber bakat yang kukuh, kos operasi yang rendah dan konsisten, warisan budaya dan anugerah alam yang menarik serta unik, dan kestabilan kerajaan – semua faktor ini menyumbang kepada proses membuat keputusan syarikat-syarikat MNC.

Faktor lain yang membolehkan Malaysia menjadi hab operasi terpilih ialah undang-undang IP yang kuat, lokasi atau kedudukan strategik yang memudahkan hubungan dengan rantau ASEAN dan negara Asia yang lain seperti China, Korea Selatan dan Jepun, serta rancangan pembinaan laluan kereta api laju antara Malaysia dan Singapura dan landasan kereta api Pantai Timur. “Faktor-faktor ini menjadi asas baik bagi perniagaan yang beroperasi di Malaysia,” jelas Datuk Zainal.

Memenuhi keperluan syarikat MNC juga bermakna memenuhi keperluan tenaga kerjanya. Kawasan Greater KL/KV mempunyai pelbagai jenis kawasan

kejiranan yang menarik dan komuniti pekerja ekspatriat yang besar. Golongan tenaga kerja ekspatriat ini juga amat tertarik kepada sektor pelancongan di Malaysia, selain perkhidmatan kesihatan yang berputatan dan antara yang terbaik di dunia. Usaha sungguh-sungguh Kerajaan dalam meningkatkan daya huni melalui pembinaan landasan rel tambahan di ibu kota dan projek Sungai Nadi Kehidupan, jelas memperlihatkan komitmen terhadap kemajuan berterusan.

“Terdapat kes di mana ekspatriat yang bersara memilih untuk kekal di Malaysia setelah tamat tempoh perkhidmatan mereka,” jelas Datuk Zainal. “Sesetengah mereka yang kekal di sini pula aktif mempromosikan kelebihan Malaysia kepada kawan-kawan, keluarga dan saudara-mara serta rakan sekera. Penceritaan mereka inilah bukti yang paling baik dalam usaha mempromosi Malaysia – dan kami sentiasa mengumpul cerita-cerita sedemikian untuk tujuan kajian kes kami.”

KERJASAMA DENGAN PIHKAH-PIHKAH BERKEPENTINGAN

Menggalas tugas yang menuntut tahap kebijaksanaan dan ketelusan yang tinggi antara pihak-pihak berkepentingan peringkat tertinggi, Datuk Zainal dan InvestKL menganggotai beberapa Jawatankuasa Pemandu (Steering Committees). Beliau percaya penglibatan dalam jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan adalah penting. “Kami sering terlibat dalam sesi pencerahan bagi pihak MNC dan sentiasa mencadangkan dasar-dasar yang memudahkan proses penubuhan syarikat-syarikat MNC di Malaysia. Sebagai contoh, kami bekerjasama dalam menyelaraskan proses dengan Jabatan Imigresen Malaysia agar golongan ekspatriat dapat menikmati perkhidmatan yang lebih efisien. Kami merancang untuk menjadikan perkhidmatan mereka semudah “plug and play”,” jelasnya.

Oleh kerana InvestKL adalah saluran perhubungan utama untuk kebanyakan MNC yang ingin menubuhkan pusat operasi di Greater KL/KV, ia memerlukan InvestKL untuk memainkan peranan perantaraan yang efektif. Pihak pengurusan menerima semua maklum balas secara serius dan bertindak proaktif dalam memberi penyelesaian anataranya berurus dengan pihak kastam, membantu mencari bakat atau tenaga kerja yang bersesuaian, sehingga ke perkhidmatan percukaian dan perakaunan. Sebagai contoh, InvestKL telah membantu Schlumberger – syarikat perkhidmatan medan minyak terbesar dunia – mengurangkan tempoh permohonan kelulusan dari lapan jam kepada satu jam.

Walaupun begitu, InvestKL tetap menghadapi pelbagai cabaran unik yang adalakanya di luar jangkaan. “Mereka (pelabur) tidak sukakan kejutan. Apabila badan-badan berkuasa Kerajaan membuat perubahan baru dalam prosedur dan dasar atau polisi tertentu, kami di InvestKL akan mengambil inisiatif menerangkan kepada mereka bagaimana perubahan tersebut memberi kesan atau impak kepada operasi masing-masing di Malaysia,” jelas Datuk Zainal.

Kesan sebenar kerja-kerja yang dilakukan oleh InvestKL mencakupi pelbagai bidang. Di samping mencipta peluang pekerjaan baru dalam ekonomi negara, organisasi ini juga berganding bahu dengan institusi-institusi pengajian tinggi (IPT). “InvestKL bekerjasama dengan IPT terkenal seperti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) untuk menghantar para pelajar mereka menjalani latihan di syarikat-syarikat MNC yang beroperasi di Malaysia. Sesetengah daripada mereka diserap masuk oleh syarikat MNC terbabit. Terdapat juga program kerjasama MNC-universiti tempatan yang menjalankan kerja-kerja Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Salah satu usaha R&D yang dijalankan telah berjaya mencipta simen bukan konkrit yang berupaya mengurangkan kos pembinaan rumah. Sebuah lagi projek merupakan projek yang telah mencipta penggunaan tenaga biomas yang lebih efisien.”

MODEL YANG BERJAYA

Tinggal tiga tahun lagi menjelang tahun 2020, dan Datuk Zainal menegaskan azam InvestKL dalam mencapai sasaran utama: 100 buah syarikat MNC menubuhkan operasi serantau di Malaysia. Pendekatan yang bertumpu kepada penyediaan perkhidmatan bermutu akan terus diguna pakai kerana terbukti berjaya.

“Kami akan kekal fokus dan proaktif,” jelas beliau lagi. “Kami akan bekerjasama dengan rakan-rakan yang menyediakan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat MNC, seperti firma percuakan dan firma khidmat nasihat. Kami juga akan menyokong badan-badan Kerajaan seperti MITI, DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mempertingkatkan tahap kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia. InvestKL juga akan mengumpul lebih banyak kisah kejayaan dan kajian kes daripada MNC sedia ada supaya nama dan imej baik Malaysia terus dipuji dan dipromosikan. Kisah-kisah kejayaan mereka menguatkan lagi kepercayaan dan kenyataan bahawa Malaysia merupakan lokasi terbaik untuk syarikat-syarikat MNC beroperasi di rantau ini.”



TINJAUAN MASA HADAPAN



Dengan pelbagai inisiatif di bawah NKEA ini yang sedang berjalan dengan lancar, langkah telah diatur untuk meneruskan kemajuan Greater KL/KV dalam menuju status bandar bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Kejayaan yang dicapai setakat ini telah menyerlahkan kekuatan, kepintaran dan kuasa kerjasama dalam kalangan semua pihak berkepentingan.

Dengan bermulanya fasa satu dari Sungai Buloh ke Semantan pada 16 Disember 2016, pelaksanaan sepenuhnya projek Laluan 1 MRT dari Sungai Buloh ke Kajang akan disiapkan pada suku ketiga 2017, dengan laluan penuh bakal memberikan perkhidmatan koridor kepada maksimum 1.2 juta rakyat. Laluan 2 MRT akan menyambungkan stesen Sungai Buloh yang sedia ada melalui Serdang dan berakhir di Putrajaya. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan dan masih dijalankan, dengan penyiapannya disasarkan pada suku kedua tahun 2022 dan dijangka memenuhi keperluan koridor bagi dua juta rakyat.

Setelah berjaya menarik 64 syarikat sehingga kini sejak tahun 2011, InvestKL mengekalkan fokus untuk menarik syarikat yang menyediakan peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk membolehkan Greater KL/KV meningkatkan kedudukan dalam rantai nilai dan kekal berdaya saing.

Hal ini seterusnya meningkatkan kualiti kumpulan tenaga mahir tempatan yang akan menggalakkan kesan gelombang dalam menarik lebih banyak MNC ke Greater KL/KV. Dengan sasaran muktamad untuk mendapatkan 100 MNC menjelang tahun 2020, meskipun berdepan dengan cabaran luaran, InvestKL bersedia untuk melangkah dengan gagah ke hadapan dalam menarik lebih banyak MNC ke Greater KL/KV walaupun selepas tahun 2020.

Fasa 1 projek Sungai Nadi Kehidupan di Kawasan Warisan bersama-sama dengan tebatan boleh kuncup yang bertindak sebagai empangan untuk meningkatkan paras air Sungai Gombak dan Sungai Klang dijadualkan siap pada suku ketiga tahun 2017. Apabila projek ini siap sepenuhnya menjelang tahun 2019, Sungai Nadi Kehidupan diharapkan dapat berdiri setaraf dengan projek transformasi sungai yang terkenal di dunia, seperti Cheonggyecheon di Seoul.

Melangkah ke hadapan, usaha-usaha untuk menaik taraf Greater Kuala Lumpur/Klang Valley untuk menjadi bandar bertaraf dunia akan terus giat dijalankan. Aspirasi ini akan tercapai dengan kerjasama antara rakyat Malaysia dan semua pihak berkepentingan.

MINYAK, GAS DAN TENAGA



MEMACU KELESTARIAN



**DATUK SERI
PANGLIMA DR.
MAXIMUS ONGKILI**

Menteri Tenaga,
Teknologi Hijau dan Air

Bekalan minyak dan gas berlebihan di peringkat global telah mengakibatkan ketidakstabilan harga pasaran minyak pada tempoh 2014-2015 yang menyebabkan tekanan merudum ke atas harga minyak dan gas dunia. Namun begitu, senario ini tidak mengalah usaha Kerajaan untuk terus mengekalkan tahap pengeluaran minyak tempatan, di samping mengembangkan industri minyak dan gas melalui aktiviti baharu dan bernilai tinggi.

Salah satu daripada aspek positif kejatuhan harga minyak dunia adalah tercetusnya inovasi dalam pembangunan dan pengeluaran minyak mentah, susulan daripada kehendak industri untuk mengurangkan kos pengeluaran unit. Natijahnya, industri minyak dan gas negara akan menjadi lebih kukuh dan mampan, terus bertahan dan berdaya saing dalam situasi global yang masih tidak menentu.

Kerajaan juga mengambil berat tentang kesan penggunaan berterusan bahan api fosil ke atas alam sekitar, lebih-lebih lagi dengan peningkatan kesedaran awam mengenai fenomena perubahan iklim. Maka, Kerajaan terus berusaha untuk mengurangkan kesan karbon dalam pembangunan ekonomi negara dengan peralihan daripada penggunaan bahan api fosil kepada sumber boleh diperbaharui untuk penjanaan tenaga. Ini selari dengan hasrat Kerajaan untuk memenuhi komitmen 21st Conference of Parties (COP 21) di Paris, di mana kita telah mensasarkan pengurangan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45% menjelang 2030 berbanding dengan intensiti pelepasan karbon pada tahun 2005. Kerajaan juga komited untuk memenuhi sasaran kadar penggunaan tenaga boleh diperbaharui kepada 23% menjelang tahun 2025 melalui pelaksanaan program Large-Scale Solar (LSS) dan Net Energy Metering (NEM) di samping meneruskan program Tarif Galakan (Feed-in Tariff).

Dengan kerjasama pihak swasta, Kerajaan akan mengorak langkah untuk mewujudkan infrastruktur tenaga yang lebih padu, di samping mempelbagaikan sumber tenaga Malaysia dan menuju ke arah penetapan harga tenaga berdasarkan pasaran.



GAMBARAN KESELURUHAN

Pada tahun 2016, industri minyak, gas dan tenaga telah menyumbang 14.5% kepada KDNK negara. Bagi pendapatan Kerajaan pula, industri minyak dan gas menyumbang sebanyak 14.7%. Ini membuktikan kejayaan NKEA ini dalam mempelbagaikan aktiviti minyak dan gas negara, walaupun dengan harga pasaran minyak mentah global yang merosot. Secara keseluruhannya, NKEA ini mencapai 98% KPI yang ditetapkan pada tahun 2016.

Kejayaan ini adalah hasil daripada langkah berhemat yang diambil PETRONAS dalam menilai pelaburan projek. Sebagai pemacu aktiviti-aktiviti huluan minyak dan gas negara, PETRONAS telah meletakkan fokus kepada pengawalan kos dalam menentukan kebolehlaksanaan sesuatu projek.

Kerajaan komited untuk mewujudkan pasaran gas domestik yang efisien bagi

memenuhi keperluan pengguna. Setakat ini, PETRONAS merupakan pembekal gas tunggal dalam pasaran domestik. Melalui Akses Pihak Ketiga (Third Party Access), pembekal lain boleh melibatkan diri dalam pasaran gas tempatan dan membekal gas pada harga yang kompetitif mengikut pasaran.

Pada masa yang sama, projek hiliran seperti Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) dan Terminal Air Dalam Pengerang (PDT) terus menjadi pemangkin transformasi industri minyak dan gas negara, susulan daripada usaha Kerajaan untuk mengorak langkah baharu dalam menjana pertumbuhan industri. Projek-projek ini bakal mempelbagaikan kepentingan negara dalam aktiviti-aktiviti huluan dan hiliran, dan secara langsungnya memastikan keseimbangan dalam industri minyak dan gas. Tambahan lagi, disebabkan oleh tekanan sedia ada untuk mengurangkan kos dalam aktiviti huluan, syarikat perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) kini menyahut cabaran melalui proses dan teknologi yang inovatif.

Perkembangan positif juga dicatat dalam bidang tenaga lestari, khususnya dalam usaha untuk melancarkan sistem Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) dan program Solar Berskala Besar (LSS) pada tahun 2017.

Menjamin Keselamatan Tenaga Negara

Inisiatif liberalisasi pasaran gas yang diterajui Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan salah satu fokus Program Transformasi Negara (NTP). Inisiatif ini dapat mewujudkan persekitaran harga gas kompetitif yang akan memberi manfaat kepada pengguna; mempromosi penggunaan lestari tenaga untuk menampung keperluan pembangunan; memperkenalkan mekanisme harga pasaran gas untuk menarik minat pemain industri baharu; dan menggalakkan penggunaan sumber dengan efisien.

Usaha ini juga dijangka dapat mengukuhkan lagi keselamatan tenaga negara dan memperkasa pertumbuhan ekonomi demi kesejahteraan rakyat. Keselamatan tenaga adalah penting khususnya susulan daripada krisis kekurangan bekalan gas paip domestik pada tahun 2008. Inisiatif liberalisasi pasaran gas telah mencetus pelaksanaan projek-projek seperti pembangunan kemudahan import bahan bakar LNG dan pemeteraan kerangka Akses Pihak Ketiga (Third Party Access-TPA).

TPA bakal membenarkan pihak-pihak ketiga untuk mengakses dan menggunakan rangkaian kemudahan regasifikasi (import LNG), penghantaran dan pengedaran gas asli. Pemindaan Akta Bekalan Gas 1993 juga akan mengukuhkan peranan ST, khususnya dalam hal ehwal penetapan tarif untuk penggunaan terminal regasifikasi, saluran paip penghantaran dan pengedaran demi

MINYAK, GAS DAN TENAGA



Setakat 20 Oktober 2016, PDT telah menerima lebih daripada 758 buah kapal.

memastikan kesaksamaan pelaksanaan TPA. Pindaan Akta telah diperkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Ogos 2016 dan digazet pada September 2016, manakala pelaksanaan akan bermula pada Januari 2017. Instrumen-instrumen penting seperti pindaan peraturan-peraturan yang relevan, kod-kod regasifikasi, penghantaran dan pengedaran, tatakerja dan permohonan lesen secara atas talian juga telah ditetapkan.

Pada bulan Mei 2013, PETRONAS telah memulakan operasi terminal regasifikasinya (RGT) yang pertama di Sungai Udang, Melaka. PETRONAS juga sedang membina RGT kedua di Pengerang, Johor yang dijangka akan beroperasi pada suku keempat tahun 2017.

Pelaksanaan mekanisme semakan harga gas secara beransur-ansur untuk mencerminkan harga pasaran untuk sektor elektrik dan bukan elektrik masih berterusan dengan kadar yang memberangsangkan pada tahun 2016. Inisiatif ini adalah penting untuk menarik pelabur dalam pembangunan lapangan gas yang mencabar di Semenanjung Malaysia, yang ketika ini sukar kerana kewujudan harga terkawal.

Perkembangan ekonomi negara

yang berterusan dijangka akan mencetus peningkatan permintaan untuk gas asli yang kini menyumbang lebih daripada 40% daripada penjanaan elektrik negara. Perkembangan ini memerlukan bekalan gas yang bersifat stabil, selamat dan pelbagai, daripada sumber dalam dan luar negara. Pasaran gas yang kukuh akan menjadi pemangkin industri baharu, lantas mewujudkan sumber pendapatan baharu untuk negara.

Mempelbagaikan Ke PIPc merupakan projek pelaburan infrastruktur hiliran terbesar di Malaysia.

Arah Aktiviti Hiliran

Langkah Kerajaan untuk mempelbagaikan sektor minyak dan gas berjaya menjana nilai tambahan melalui pembinaan kemudahan infrastruktur bertaraf antarabangsa seperti Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC).

Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPc) yang meliputi Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) dan Terminal Air Dalam Pengerang (PDT) merupakan projek pelaburan infrastruktur hiliran terbesar di Malaysia. Secara keseluruhannya, PETRONAS (untuk PIC) dan DIALOG (untuk PDT)—pelabur terbesar projek ini—dijangka akan melabur sebanyak lebih daripada RM 128 bilion.

DIALOG juga telah berjaya membina terminal penyimpanan minyak yang berkapasiti sebanyak 1.3 juta meter padu di bawah fasa pertama PDT, manakala pembinaan fasa kedua terminal penyimpanan minyak sedang giat dijalankan. Setakat 20 Oktober 2016, PDT telah menerima lebih daripada 758 buah kapal—lima daripadanya ialah Very Large Crude Carriers (VLCC)—dan juga telah mengendali lebih daripada 19 juta tan metrik produk petroleum.

Sementara itu, pembangunan PIC PETRONAS juga menepati jadual yang ditetapkan. Setakat penghujung 2016, tahap kelengkapan projek ini telah mencapai 50%. Untuk memastikan teknologi terkini digunakan dalam pembangunan PIC, PETRONAS telah mencatatkan beberapa pencapaian yang membanggakan seperti:

- Ketibaan kolumn proses pemecah (fractionator) propilena yang tertinggi dan terberat di Malaysia pada 25 Jun 2016. Pemasangan kolumn di kemudahan pemecah wap PIC telah dirasmikan oleh Perdana Menteri pada 5 Disember 2016.
- Pemasangan reaktor hydrotreater diesel terberat di kilang penapisan pada 21 September 2016. Reaktor ini merupakan komponen penting dalam penghasilan diesel Euro5. Penggunaan diesel Euro5 akan berkuat kuasa di Malaysia menjelang September 2020.
- Penganugerahan kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) untuk gudang automatik produk polimer pertama di Malaysia.



Perdana Menteri merasmikan pemasangan kolumn di kemudahan pemecah wap PIC pada 5 Disember 2016.

PIC adalah antara projek pembangunan perindustrian minyak dan gas yang terbesar di rantau ini, di samping menjadi pelaburan hilir terbesar untuk PETRONAS. Pelaburan ini merangkumi kilang penapisan yang mampu memproses sebanyak 300,000 tong minyak sehari dan kilang-kilang petrokimia yang berupaya untuk menghasilkan produk-produk petrokimia premium. Di samping memenuhi keperluan tempatan untuk produk-produk petroleum dan juga kehendak Kerajaan untuk menguatkuaskan penggunaan diesel dan petrol berspesifikasi Euro5, PIC juga akan membekal produk-produk petrokimia untuk pasaran Asia pada tempoh 20 tahun yang akan datang.

Selain daripada kilang penapisan dan pembangunan petrokimia bersepadan, PETRONAS juga telah melabur untuk membangunkan Loji Ko-Generasi Pengerang, yang merupakan salah satu daripada enam kemudahan bersekutu di PIC. Loji ini bakal menjadi salah satu loji jana kuasa tenaga ko-generasi terbesar di rantau ini yang menggunakan teknologi turbin gas Siemens H-class yang terkini dengan

konfigurasi turbin dwi-wap yang unik untuk memastikan tahap kecekapan yang tinggi. Selain daripada menjana kuasa, ia juga akan menghasilkan wap untuk kegunaan dalaman PIC. Loji ko-generasi 1220 MW ini bakal siap dibina pada pertengahan tahun 2017, dan akan membekal lebih daripada 600 MW kuasa kepada rangkaian bekalan elektrik nasional, manakala baki kuasa yang dihasilkan akan digunakan untuk operasi PIC.

PETRONAS juga telah siap membina dan melancarkan Projek Air Mentah RAPID (PAMER) pada 18 Julai 2016. Projek ini menyalurkan lebih daripada 30 juta liter air sehari ke kawasan takungan Sungai Lebam untuk bekalan air di negeri Johor, di samping membekal 230 juta liter air sehari ke PIC.

Dalam jangka masa yang panjang, PIC akan memberikan pulangan yang memuaskan. Oleh itu, peranan PETRONAS dalam memastikan projek dilaksanakan dengan rapi amatlah penting. PIC bukan sahaja akan mengembangkan portfolio perniagaan PETRONAS, bahkan ia juga menjadi pemangkin kepada pelaburan tambahan, lalu mencetus kesan berganda di peringkat nasional. PIC dijangka akan mula beroperasi secara keseluruhannya pada awal tahun 2019.

Koordinasi Berkesan Pada Semua Peringkat Kerajaan

Untuk memberi sokongan kepada pelaburan swasta di PIPC, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah mengatur pelaksanaan 25 projek infrastruktur kritikal di PIPC yang bermilai RM2.49 bilion. Kesemua projek ini adalah sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11, dan ianya akan memenuhi keperluan utiliti dan kemudahan di PIPC seperti tenaga, telekomunikasi, bekalan air dan lebuhraya untuk memudahkan pergerakan barang dan berkesan.

Jawatankuasa Pemandu Projek Persekutuan (FPSC) yang dipengerusikan

MINYAK, GAS DAN TENAGA

oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara, telah diberi mandat untuk memastikan penyampaian penuh projek-projek yang dirancang. FPSC telah berjaya untuk memastikan momentum perjalanan projek dikekalkan. Dalam pada itu, sokongan diberi kepada Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (JPDC), sembilan Kementerian pelaksana, dan agensi-agensi Persekutuan dan Negeri seperti Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Audit Negara, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam.

Struktur tadbir urus ini telah diadaptasi berdasarkan pada pelaksanaan projek MRT yang menjadi contoh terbaik bagi mengintegrasikan dan menyelaras di antara pemilik-pemilik projek berlainan. Setakat 30 Oktober 2016, tujuh daripada 25 projek Persekutuan tersebut telah siap dibina, manakala baki projek dijangka akan siap menjelang tahun 2020.

Tambahan lagi, penubuhan Pasukan Pengurus Projek Khas di bawah naungan Modal Ekonomi JPDC, membolehkan pemantauan secara serentak 31 pakej projek-projek Kerajaan Persekutuan dan Negeri dengan penggunaan Institut Pengurusan Projek (PMI) yang diiktiraf piawai antarabangsa. Prosedur

prosedur pemantauan ini membolehkan JPDC untuk mengurangkan risiko, menyelesaikan masalah dan memastikan projek lengkap dan tepat pada masanya. Misalnya, Klinik Kesihatan Taman Bayu Damai telah beroperasi lebih kurang sebulan selepas pembinaan.

JPDC juga memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pelabur untuk merealisasikan visi PIPC sebagai hab bersepada aktiviti hiliran minyak dan gas melalui pembinaan tiga taman industri di PIPC pada tahun 2017. Pelaburan-pelaburan ini adalah penting untuk memastikan kelangsungan aktiviti hiliran dan sokongan di Johor.

Selain daripada itu, 46 syarikat telah membida untuk memperoleh projek-projek dalam segmen pasaran atau di negara baharu. Jumlah ini hampir mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu 60 syarikat menjelang tahun 2020, selaras dengan sasaran Kerajaan untuk memastikan syarikat OGSE tempatan terus berkembang di peringkat antarabangsa. Kejayaan ini adalah hasil daripada misi pemasaran khusus yang diadakan ke Kazakhstan, Vietnam, Iran, Brazil dan Indonesia. Lima syarikat tempatan berjaya berdaftar dengan anak syarikat PetroVietnam selepas misi pemasaran di Vietnam, manakala SIRIM QAS International Sdn Bhd telah berjaya untuk menubuhkan pejabatnya di Bahrain dengan bantuan Bahrain Economic Development Board, rakan kongsi MOU Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC).

MPRC juga telah berusaha untuk menarik minat syarikat antarabangsa (MNC) untuk menempatkan operasi mereka di Malaysia dan menjadi rakan kongsi kepada syarikat-syarikat tempatan. Sejak 2012, MPRC telah membantu tujuh syarikat antarabangsa menempatkan pejabat global atau serantau mereka di Malaysia, manakala 26 syarikat MNC telah memeterai perjanjian usaha sama dengan syarikat OGSE tempatan. Antara syarikat OGSE antarabangsa yang telah menempatkan ibu pejabat serantau atau pusat kejuruteraan mereka di Malaysia pada tahun 2016 ialah:

- McDermott International, yang mereka bentuk kemudahan pengeluaran minyak dan menyediakan solusi kejuruteraan. Syarikat tersebut berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur sepenuhnya pada pertengahan 2016;
- Fulkrum Technical Resources, yang membekalkan perkhidmatan jaminan dan kawalan kualiti (QA/QC) di Malaysia dan Asia-Pasifik dalam aktiviti huluan dan hiliran

Memperkasa Daya Saing Syarikat-Syarikat OGSE

Persekitaran operasi yang mencabar dijangka akan berterusan pada jangka masa sederhana dan panjang. Situasi ini menjadi pencetus untuk syarikat-syarikat peralatan dan perkhidmatan minyak dan gas (OGSE) tempatan untuk meningkatkan daya saing mereka dan bersiap sedia untuk menghadapi pemuliharan pasaran minyak dan gas dunia. Penggabungan syarikat dan pelaburan tambahan dijangka akan membantu syarikat OGSE Malaysia untuk menjadi pemilik teknologi tetap. Pada tahun 2016, sektor OGSE telah berjaya untuk mencapai sasaran-sasaran EPP yang telah ditetapkan.

Salah satu daripada pencapaian yang menggalakkan pada tahun 2016 ialah komitmen pelaburan berjumlah RM650 juta daripada syarikat OGSE tempatan dan antarabangsa. Pelaburan telah diterima untuk pembinaan Fasa 1 Taman Industri Sungai Rengit, Gudang Berpusat Asia Tenggara WEG Group, pembelian peralatan untuk jeti baharu Asian Supply Base Sdn Bhd dan pembangunan infrastruktur sokongan di Taman Industri Minyak dan Gas Sipitang.

**Kerajaan Persekutuan
dan Kerajaan negeri
telah mengatur
pelaksanaan 25 projek
infrastruktur kritikal
di PIPC yang bernilai
RM2.49 bilion.**



minyak dan gas; dan • WEG Group, syarikat Brazil yang membekalkan perkhidmatan kejuruteraan elektrikal, tenaga dan automasi. Ibu pejabat serantau WEG Group kini terletak di Kuala Lumpur.

Tahun ini juga menyaksikan beberapa perkongsian yang telah diadakan antara syarikat OGSE tempatan dan antarabangsa seperti:

- SNC-Lavalin dan Bizworth Sdn. Bhd. dalam penyediaan peralatan perkhidmatan gas modular;
- J&E Hall dan Rasma Corporation Sdn. Bhd. dalam penyediaan solusi penyejukan khusus;
- Onyx Engineering dan Green Imaging Technologies dalam penyediaan perkhidmatan analisis teras (core) dan resonansi magnetik nuklear (NMR).

Suasana industri minyak dan gas yang semakin mencabar dan serba dinamik memerlukan komitmen syarikat OGSE tempatan untuk terus berdaya saing demi memastikan kelangsungan industri OGSE dalam jangka masa panjang. Kerajaan akan terus berusaha

untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab OGSE serantau, lalu membantu mengembangkan industri OGSE tempatan. Penyelidikan industri pada tahap yang lebih menyeluruh dan penganjuran misi-misi perniagaan antarabangsa oleh MIDA, MATRADE dan MITI juga akan memacu usaha untuk terus memajukan sektor ini.

Kerajaan juga telah melaksanakan amalan-amalan pengurusan tenaga efisien. Lapan bangunan Kerajaan (Parcel B) yang secara puratanya menggunakan tenaga elektrik sebanyak 15,253 MWh setahun pada tempoh 2013-2015 telah dikenal pasti. Inisiatif retrofit yang bermula pada September 2016 telah melibatkan perbelanjaan sebanyak RM6.9 juta. Namun begitu, ia dijangka akan mendorong kepada penjimatan sebanyak 1,342 MWh setahun bersamaan (RM300,000 setahun), dan pengurangan lebih daripada 1,000 metric tan pengeluaran karbon dioksida.

Inisiatif ini diharap dapat mendorong pihak swasta untuk mengambil pendekatan yang sama, di samping menggalakkan syarikat-syarikat tenaga untuk mengambil kira aspek kecekapan tenaga dalam pengurusan bangunan.

Mengukuhkan Kelestarian Tenaga

Pada 2016, Kerajaan telah menjalankan audit tenaga dan retrofit bangunan-bangunan dengan sistem-sistem pencahayaan dan pendinginan cekap tenaga. Pada masa yang sama,

MPRC telah berusaha untuk menarik minat syarikat antarabangsa (MNC) untuk menempatkan operasi mereka di Malaysia.

MINYAK, GAS DAN TENAGA

PIPC – PROJEK MEGA YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA SEMUA LAPISAN RAKYAT MALAYSIA

Pengerang, satu daerah di Kota Tinggi, Johor, ialah tempat di mana terletaknya sebuah cawangan kecil kastam dan imigresen Malaysia. Daerah ini kaya dengan sumber asli, hidupan laut dan bentuk muka bumi yang unik. Pengerang juga terkenal sebagai destinasi makanan laut dan lokasi yang mempunyai pemandangan pesisir pantai yang indah.

Pengerang yang dahulunya sebuah perkampungan kecil nelayan dan petani telah dipilih oleh Kerajaan Negeri Johor sebagai tapak untuk projek pemangkin bagi transformasi kawasan luar bandar. Projek mega Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC) di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga.

Projek mega PIPC merupakan langkah besar dalam menambah nilai dalam rangkaian nilai kegiatan hiliran dalam industri minyak dan gas di Johor, khususnya, dan Malaysia. Projek mega ini mencakupi satu tapak seluas 20,000 ekar, dan dijangka mampu menghasilkan minyak ditapis sebanyak 1 juta tong sehari, 11.8 juta metric tan produk petrokimia setahun dengan ruang simpanan minyak seluas 5 juta meter padu dan muatan regasifikasi LNG sebanyak 3.5 juta metric tan setahun.

Buat masa ini, terdapat dua pelabur dalam projek PIPC, iaitu Petronas yang sedang membina Pengerang Integrated Complex (PIC) dan Dialog Group Berhad yang mendirikan Pengerang Deepwater Terminal (PDT) yang bertempat di PIPC. Kedua-dua pemain dalam projek ini memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti utama, iaitu naptha crackers, loji jana kuasa elektrik, tangki simpanan LNG, tangki simpanan minyak, loji penapisan, loji regasifikasi dan loji petrokimia. Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC), anak syarikat Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) diamanahkan untuk mentransformasi Johor menjadi hab bertaraf dunia bagi kegiatan hiliran industri minyak dan gas.

Selaras dengan aktiviti PIPC, perancangan dan pembinaan bandar baru di daerah Pengerang juga menjadi aktiviti tumpuan utama di Pengerang. Pembangunan ini membawa perubahan besar kepada daerah Pengerang.



Majlis tandatangan di antara JPDC dan SME Bank, SME Corp, CGC & Teraju bagi memperuntukkan Bantuan Kewangan SME untuk peniaga di Pengerang.

Pada tahun 2014, sejumlah 400 buah isi rumah telah ditempatkan semula dari kawasan kampung ke sebuah bandar baru bernama Taman Bayu Damai. Bandar baru ini dilengkapi dengan kemudahan perumahan, klinik kesihatan, kompleks nelayan, sekolah, pusat komuniti dan pusat jagaan harian. Ketua kampung, Tuan Haji Mohd Khairid bin Ismail menjelaskan, "Taman ini merupakan rancangan penempatan semula penduduk kampung yang cekap. Kini, penduduk dapat menikmati kemudahan di sebuah bandar yang moden dan teratur dengan prasarana dan sistem perparitan yang lebih baik. Penduduk kampung tidak lagi perlu berhadapan dengan isu banjir atau masalah infrastruktur."

Tuan Haji Mohd Khairid Ismail juga menyatakan bahawa perkembangan pesat projek PIPC telah mencipta banyak peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk tempatan. Pendapatan isi rumah masyarakat setempat telah meningkat sejak dua tahun kebelakangan. Taraf dan mutu kehidupan penduduk juga semakin bertambah baik. Tuan Haji Mohd Khairid sendiri telah membuka perniagaan baharu bagi memenuhi permintaan dalam rangkaian pembekal projek PIPC. Peluang perniagaan sedemikian dapat mempercepatkan pertumbuhan dan kemajuan daerah Pengerang.

Seorang lagi anak tempatan, Puan Hasnah

binti Mahmood, berkongsi bahawa beliau mendapat banyak manfaat daripada projek PIPC. Puan Hasnah yang menjalankan perniagaan menjahit kecil-kecilan di Pengerang telah berjaya mendapat tender bagi membekalkan upholsteri di kediaman yang disediakan kepada tenaga kerja projek PIC dan PDT. Kejayaan mendapat tender itu telah merubah kedudukan sosioekonomi keluarganya. Puan Hasnah menjangka perniagaannya dapat diperbesarkan berikutnya cadangan pembinaan sebuah kem yang boleh menampung seramai 22,000 orang pekerja-pekerja projek.

Sementara itu, Puan Roszana binti Johari, yang membuka kedai makan di Pengerang memberitahu bahawa perniagaannya bertambah laris. Sejak setahun yang lalu, hasil perniagaannya berlipat dua kali ganda. "Kedai kopi saya kini lebih sibuk berbanding tahun-tahun sebelumnya. Kini saya mengambil lebih ramai pekerja untuk memasak, membersihkan kedai, mencuci dan melayan tetamu di kedai." Puan Rosnah mendapat bahawa banyak perniagaan baharu ditubuhkan di Pengerang dengan adanya sebuah kawasan perumahan yang menampung ramai tenaga kerja yang terlibat dalam projek PIPC. Pengerang yang dahulunya sebuah bandar terpencil di hujung selatan negeri Johor, kini telah berubah menjadi sebuah bandar yang membangun.

Untuk mempercepat kadar pelaksanaan inisiatif ini, Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan bersyarat untuk syarikat bagi melaksanakan langkah-langkah cekap tenaga. Setakat ini, sambutan daripada sektor komersial amat memberangsangkan. Untuk menjamin kelestarian usaha ini pada jangka masa yang panjang, insentif perniagaan yang jitu perlu wujud untuk memastikan pelaburan yang berterusan dalam bidang kecekapan tenaga.

Perlaksanaan inisiatif-inisiatif kecekapan tenaga akan memangkinkan penggunaan teknologi baru di Malaysia seperti peralatan penyejuk berkecekapan tinggi, sistem sub-meter pintar dan peralatan-peralatan cekap tenaga. Ini akan memberi manfaat kepada pemilik bangunan dan Energy Services Company (ESCO) dalam membangunkan kapasiti dalam bidang pengurusan tenaga, penggunaan Kontrak Prestasi Tenaga (EPC) dan konsep Protokol Pengesahan dan Pengukuran Prestasi Antarabangsa (IPVMP). Penyesuaian semula seperti yang diadakan di hospital-hospital Kerajaan juga akan menambah baik persekitaran kerja dan tahap keselesaan staf

Perlaksanaan inisiatif-inisiatif kecekapan tenaga akan memangkinkan penggunaan teknologi baru di Malaysia.

dan masyarakat awam.

Di bawah RMK-11, KeTTHA telah mengurangkan Tarif Industri Khas (SIT) sebanyak 2% untuk menggalakkan penggunaan langkah-langkah cekap tenaga untuk mengurangkan kos-kos operasi.

EPP10: Membangunkan Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kapasiti Tenaga Solar membantu pelaksanaan inisiatif-inisiatif sedia ada seperti yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Kapasiti tenaga boleh diperbaharui dijangka akan mencapai 2,080 MW menjelang 2020, lalu menyumbang 7.8% kepada jumlah kapasiti sedia ada di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Program Tarif Galakan (Feed-in Tariff) terus menyumbang kepada penjanaan tenaga boleh diperbaharui dalam rangkaian

elektrik nasional. Setakat November 2016, 412 MW tenaga berjaya dijana daripada Program Tarif Galakan, menjadikan pencapaian 103% daripada sasaran 400 MW untuk tahun 2016. Program ini juga berjaya melonjakkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar ketiga terbesar panel Photovoltaic (PV) di dunia.

Untuk mengembangkan lagi agenda tenaga boleh diperbaharui di Malaysia, Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) dan Program Solar Berskala Besar (LSS) juga telah diperkenalkan pada 2016. Program NEM, yang dilancarkan pada Oktober 2016 dan mula dilaksanakan pada November 2016, merupakan program perintis di rantau ini. Ia membenarkan pengguna untuk menjana tenaga elektrik menggunakan



Program Solar Berskala Besar.

MINYAK, GAS DAN TENAGA

PV solar dan menjual tenaga lebihan yang dijana kepada syarikat utiliti. Ini akan memberi penjimatan perbelanjaan bil elektrik pengguna. Kegiatan promosi untuk program NEM kepada pengguna domestik, komersial dan industri sedang giat dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Program NEM merupakan inisiatif yang bersifat inklusif kerana ia menggalakkan penyertaan masyarakat dan perniagaan selaras dengan Agenda Hijau Negara, di samping menyumbang kepada penjanaan tenaga elektrik. Di bawah program NEM, sasaran Kerajaan adalah untuk menjana 500 MW pada tempoh 2016-2020, iaitu 90MW setahun di Semenanjung Malaysia dan 10MW setahun di Sabah dan Labuan.

Sementara itu, program LSS juga penting untuk memacu perkembangan tenaga boleh diperbaharui di Malaysia, selaras dengan sasaran untuk menjana sebanyak 1,000 MW tenaga daripada sumber-sumber boleh diperbaharui menjelang tahun 2020. Kerajaan telah memberi amanat kepada ST untuk melaksanakan program ini, melalui penglibatan sektor swasta untuk membina, memiliki dan mengoperasi loji jana kuasa LSS PV untuk membekal tenaga kepada syarikat utiliti di bawah persetujuan pembelian tenaga jangka panjang.



Lawatan YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Ongkili, Menteri KeTTHA dan YBhg Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang di IGEM 2016.

Program NEM merupakan program perintis di rantau ini yang membenarkan pengguna untuk menjana tenaga elektrik menggunakan PV solar.



Fasiliti LNG Terapung PETRONAS Satu (PFLNG Satu).

TINJAUAN MASA HADAPAN

Harga minyak dunia dijangka masih akan berada dalam keadaan yang tidak menentu walaupun ia telah melonjak ke paras tertinggi dalam 17 bulan pada Disember 2016, hasil daripada kata sepakat negara-negara OPEC dan bukan OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak dan gas.

Walaupun pelbagai cabaran akan diharungi pada tahun 2017, Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta akan terus berusaha untuk menjamin keteguhan infrastruktur tenaga Malaysia. Pada masa yang

sama, usaha ke arah penetapan harga berdasarkan mekanisme pasaran dan mempelbagaikan sumber tenaga negara akan kekal menjadi sebahagian daripada agenda Kerajaan. Tahun 2017 juga akan menyaksikan pelaksanaan TPA dan lengkapnya pembinaan terminal regasifikasi kedua di Semenanjung Malaysia di Pengerang. Industri minyak, gas dan tenaga Malaysia akan terus membina asas yang kukuh untuk menjamin ketentuan landskap ekonomi sektor tenaga negara.

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN



MERUBAH LANDSKAP MEMBELI-BELAH



**DATO' SERI
HAMZAH ZAINUDIN**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

Sektor Pemborongan dan Peruncitan Malaysia mengalami pertumbuhan pesat dalam tahun 2016. Perkembangan rancak ini boleh dikatakan sebagai hasil daripada pelbagai dasar dan inisiatif berkesan yang telah dijalankan oleh sektor awam dan sektor swasta yang membantu mengurangkan kesan global terhadap harga komoditi yang menurun bagi pasaran tempatan. Meskipun ekonomi negara selama ini amat bergantung pada sektor minyak dan gas, namun ekonomi Malaysia masih kekal stabil, berdaya tahan dan kukuh.

Mengambil iktibar daripada negara-negara pengeluar minyak dunia yang mengalami inflasi tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan, adalah amat penting bagi Malaysia untuk menerokai, mempelbagaikan dan mengekalkan banyak saluran pendapatan dan punca hasil. Pelaburan berterusan dalam sektor Peruncitan telah mula membawa hasil: sektor Pemborongan dan Peruncitan telah berkembang sebanyak 10% setahun sejak permulaan ETP dan kini meliputi 15.15% daripada jumlah KDNK, menggantikan sektor Minyak, Gas dan Tenaga sebagai penyumbang tunggal terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia.

Pola pertumbuhan pesat tersebut dijangka akan berterusan, didorong oleh peluang-peluang perkembangan dalam Pertumbuhan Kedai Format Besar dan E-Dagang. Galakan tambahan daripada sektor Kerajaan, sebagaimana diumumkan dalam Belanjawan Negara 2017 baru-baru ini – mencakupi juga langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat Malaysia, yang seterusnya akan menyokong perbelanjaan sektor swasta dan persendirian.

Secara tidak langsung, inisiatif Kerajaan yang tepat telah membawa hasil dari segi peningkatan besar dalam pembelian atas talian di kalangan rakyat. Menurut data perangkaan, kita boleh menjangka peruncitan e-dagang akan bertumbuh pesat pada kadar 23.7% setiap tahun sehingga tahun 2021. Permintaan teguh ini telah merangsang usaha-usaha mencari dan mencipta produk baharu serta inovasi kreatif dalam amalan peruncitan dan saluran pembayaran yang boleh dipercayai, dan akhirnya akan memanfaatkan pengguna dan rakyat biasa.

Para peniaga, termasuk pengusaha kedai kecil, memainkan peranan penting dalam memenuhi permintaan oleh pengguna domestik. Kita berterima kasih kepada peranan media sosial kerana membantu menghebahkan kisah kejayaan tokoh usahawan dan peniaga kecil, sekaligus memberi inspirasi dan motivasi kepada ramai rakyat biasa untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Bantuan yang diberi kepada peruncit kecil menerusi program-program TUKAR dan ATOM memperlihatkan bukti-bukti bagaimana syarikat SME berjaya menarik minat pengguna, seterusnya meningkatkan untung dan memperbaiki mata pencarian.

Marilah kita sama-sama berusaha mengekalkan perkembangan positif dalam sektor ini.

GAMBARAN KESELURUHAN


Sejak pelaksanaan inisiatif NKEA Sektor Pemborongan dan Peruncitan enam tahun yang lalu, kita telah menyaksikan bagaimana rakyat Malaysia menyambut baik perniagaan peruncitan tradisional dan peruncitan digital dengan tangan dan dompet terbuka. Pilihan yang amat banyak lagi mampu dibeli oleh pengguna tempatan dan pelancong asing telah memberi sumbangan ketara kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Pelaburan dalam sektor Pemborongan dan Peruncitan berjumlah RM6.4 billion (padatahun2016) dalam pelbagai program telah melahirkan suasana ekonomi yang rancak bagi pembeli dan penjual. Hampir separuh daripada pelaburan tersebut telah disalurkan oleh pertumbuhan Kedai Format Besar (sejumlah RM3.1 billion), sumbangan daripada penubuhan tujuh pasar raya hiper baru dan 12 gedung besar yang baharu. Selain berjaya melepas sasaran Pertumbuhan Kedai Berformat Besar, Kumpulan Lulu, pemain runcit yang utama di Timur Tengah turut membuka premis pertamanya di Malaysia.




Kadar pertumbuhan sektor Pemborongan & Peruncitan di Malaysia masih melebihi kadar pertumbuhan ekonomi negara. Sektor ini merupakan penyumbang tunggal terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Sumbangan KDNK mengikut sektor Peratusan



Perbandingan Pertumbuhan KDNK Pemborongan dan Peruncitan Dan Pertumbuhan KDNK Malaysia Peratusan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada masa yang sama, perniagaan kecil dan sederhana tidak diabaikan. Kita telah melihat bagaimana usaha-usaha NKEA telah mentransformasi kehidupan rakyat Malaysia, termasuk golongan kurang berada. Secara khusus, boleh dikatakan kedai runcit mini atau gerai kecil memberi banyak manfaat kepada komuniti setempat dari segi memberi pilihan harga berpatutan, dekat dengan penduduk serta mencipta peluang-peluang perkerjaan.

Selepas negara China dan India, Malaysia menduduki tangga ketiga dalam Indeks

Pembangunan Peruncitan Global (GRDI - *Global Retail Development Index*) AT Kearney pada tahun 2016. Kedudukan ini merupakan yang tertinggi setakat ini dan menunjukkan peningkatan sebanyak enam tangga daripada kedudukan tahun 2015. Malaysia berada di tangga ke-17 sebelum pelaksanaan NTP pada tahun 2010. Kejayaan besar ini membuktikan keberkesanan inisiatif dan usaha-usaha NKEA selama ini. Malaysia juga digambarkan sebagai "negara paling menarik dan destinasi pilihan oleh pengusaha yang mahu menjalankan perniagaan di kalangan

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

amaxMALL: GEDUNG BELI BELAH MAYA DI MALAYSIA YANG UNIK



Datin Dr. Nik Sarina Hashim
Ketua Pegawai Eksekutif amaxMALL

amaxMALL merupakan gedung beli-belah maya untuk pengguna tempatan dan asing di Malaysia, yang mempunyai keunikannya yang jelas dan tersendiri. "Kami dengan bangganya menawarkan produk dan perkhidmatan Malaysia yang terpilih, berkualiti tinggi dan unik," jelas Ketua Pegawai Eksekutif amaxMALL, Datin Dr Nik Sarina Hashim.

amaxMALL bermula pada Jun 2015 sebagai suatu platform jualan atas talian tetapi telah dinaik taraf untuk menjadi platform e-dagang pada Oktober 2016. "Perbezaan besar antara kedua-duanya adalah bahawa sebelum ini, usahawan bertanggungjawab ke atas kewujudan perniagaan mereka, penjenamaan dan operasi, termasuk saluran pembayaran dan penghantaran. Melalui platform e-dagang ini, lebih banyak sokongan akan diberikan kepada usahawan kecil dan sederhana tempatan dan mereka hanya perlu menumpu kepada pembuatan produk yang berkualiti tinggi dan memberi perkhidmatan yang memuaskan" jelas Datin Dr. Nik Sarina.

Platform e-dagang ini menawarkan ruang

niaga dan perkhidmatan digital pada harga berpatutan kepada usahawan kecil dan sederhana (SME) di Malaysia. amaxMALL membantu dalam menubuhkan kedai atas talian, menyediakan reka bentuk dan penggayaan foto seperti mengambil gambar produk secara profesional, menguruskan saluran pembayaran dan penghantaran, menyediakan perkhidmatan perundingan, menganjurkan seminar dan bengkel serta menghasilkan kandungan promosi bagi pihak usahawan kecil dan sederhana. Faedah langsung yang dinikmati ialah pencapaian pelanggan yang lebih luas dan dengan itu meningkatkan potensi hasil jualan bagi usahawan yang menggunakan platform ini.

Anjakan ke arah menjadi platform e-dagang ini juga akan menggalakkan penerimaan transaksi tanpa tunai, suatu langkah positif ke arah penembusan ekonomi digital di Malaysia. Berbeza dengan kaedah pendepositon terus ke dalam akaun bank yang mana isu keselamatan mungkin timbul, usahawan dan pengguna amaxMALL akan menikmati kemudahan transaksi urus niaga dan keselamatan yang diyakini melalui saluran pembayaran platform e-dagang yang disediakan.

Membantu Usahawan Kecil

Kesungguhan dan semangat Datin Dr Nik Sarina dalam memupuk dan menyediakan persekitaran yang mampu merangsang ekonomi digital bagi manfaat usahawan SME terbukti membawa hasil. Lebih daripada 500 usahawan memperaga dan melakukan transaksi jual beli di amaxMALL tanpa pelaburan awal yang besar. Gedung maya serba besar dan unik ini mendapat sokongan badan-badan agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pusat Pengembangan Rekabentuk Malaysia (Malaysia Design Development Centre - DDEC).

Sinergi terbaharu ini telah berjaya menampilkan produk keluaran tempatan, yang sebelum ini dibayangi oleh syarikat tempatan dan bukan tempatan yang lebih besar yang menjadi perhatian dan pilihan umum. Selain daipada produk makanan, minuman, fesyen, kecantikan dan kesihatan, laman web yang

canggih dan unik ini turut menawarkan potongan diskaun kepada restoran tempatan, firma atau ejen penjualan tiket dan pelbagai produk elektronik. Menurut beliau lagi, "Afddin Shauki, pemilik Comedy Planet dan Kafe Old Market Square, juga tersenarai dalam amaxMALL dan sekarang kami sedang berusaha untuk membuka amaxSHOPPE bagi produk halal," tambahnya.

Pada tahun 2017, amaxMALL akan memberi keutamaan kepada isu persaingan sengit jualan atas talian. "Kami akan lebih menumpukan tenaga dan sumber kepada usaha pemasaran digital bagi menarik minat lebih ramai pembeli. Kami akan menggunakan media sosial dan menghasilkan video untuk menarik minat pelanggan khusus kami: mereka yang suka dan mahu membeli produk dan perkhidmatan tempatan. Sebagai contoh, orang Malaysia gemar menjelajah jauh semata-mata untuk merasai kelainan di tempat lain. amaxMALL akan memudahkan akses kepada semua itu kerana kini mereka boleh membelinya di atas talian."

Pada masa yang sama, kami juga akan berkerjasama dengan usahawan - sesetengahnya daripada mereka adalah dari kawasan luar bandar - untuk memperbaiki dari aspek penjenamaan. Penulisan dan bahasa pengiklanan yang baik serta imej yang profesional sememangnya boleh membantu meningkatkan jualan," tambah Datin Dr Nik Sarina yang yakin dengan potensi amaxMALL dalam membantu merangsang ekonomi Malaysia.

Tidak gentar dengan cabaran yang sentiasa timbul dalam platform e-dagang, Datin Dr Nik Sarina menekankan betapa pentingnya untuk rakyat Malaysia menerima dan menaruh keyakinan kepada e-dagang. "Ia adalah masa depan" kata beliau.

"Semakin ramai rakyat Malaysia menikmati kepelbagaiannya, kemudahan dan keselamatan pembayaran yang ditawarkan oleh platform e-dagang pada hari ini. Kami ingin memastikan usahawan kecil dan sederhana tempatan, khususnya mereka di luar bandar, akan mendapat peluang menikmati faedah e-dagang. Sesungguhnya e-dagang ialah cara untuk rakyat Malaysia maju ke hadapan."

PASAR RAYA HIPER LULU MENGUBAH LANDSKAP INDUSTRI PERUNCITAN MALAYSIA



“LuLu merancang untuk membuka pasaraya hiper di tiga lagi lokasi di Malaysia: Setia City Mall di Shah Alam; Bangi Gateway di Bangi dan Perling Mall di Johor Bahru dengan setiap gedung berukuran 150,00 kaki persegi. Menjelang tahun 2020, LuLu telah mensasarkan untuk membuka 10 buah gedung lagi di seluruh Malaysia.”

Industri Peruncitan di Malaysia sedang berkembang dengan pesat dan merupakan penyumbang nombor satu kepada peningkatan dalam KDNK (GDP) negara. Salah satu pemain terbaharu dalam arena peruncitan tempatan ialah pasar raya hiper dan gedung membeli-belah LuLu - syarikat peruncitan gergasi yang berpengkalan di UAE dan mempunyai banyak cawangan di serata dunia. Sebagai pilihan kegemaran pengguna khususnya di negara-negara Teluk (rantau Timur Tengah), LuLu kini mempunyai sebanyak 132 gedung di 31 buah negara, dan sedang aktif berkembang ke rantau Asia Selatan dan Asia Tenggara. Gedung gergasi ini menawarkan pelbagai jenis produk bermutu tinggi.

Pasar raya hiper dan gedung membeli-belah LuLu julung kali menapak di Malaysia pada tahun 2016 dengan pembukaan pasar raya hiper pertamanya di Capital Square, Kuala Lumpur. LuLu menawarkan suasana membeli-belah yang serba moden dan pelbagai produk bermutu tinggi yang 100% Halal. Di samping itu, gedung tersebut juga menyediakan infrastruktur yang secukupnya seperti kaunter pembayaran yang banyak, kawasan letak kereta yang luas, kawasan permainan untuk kanak-kanak, medan selera, kiosk pengurup wang dan mesin pengeluaran wang automatik.

“Malaysia merupakan lokasi menarik bagi pertumbuhan dan perkembangan perniagaan oleh kerana potensi pasarnya yang besar. LuLu telah mengenal pasti wujudnya pasaran

yang besar untuk produk halal. Justeru, rangkaian peruncitan antarabangsa LuLu mengambil keputusan untuk datang ke Malaysia dan membuka pasar raya hiper pertama yang menumpukan kepada penjualan 100% produk halal di negara ini, lantas mengubah industri peruncitan di Malaysia. Faktor terpenting dalam perniagaan LuLu ialah statusnya yang 100% Halal. Pihak pengurusannya menjalankan proses pemeriksaan yang ketat bagi menjamin semua bahan yang terkandung dalam setiap produk jualannya adalah benar-benar Halal sebelum dijual,” kata Salim MA, Pengarah LuLu Hypermarket Group.

Kata beliau lagi, sebagai salah satu daripada syarikat Projek Titik Permulaan di bawah NKEA Pemborongan dan Peruncitan, LuLu mendapat kelebihan di mana jenamanya lebih mudah dikenali di Malaysia. Kelancaran proses permohonan dan pendaftaran perniagaan di sini juga menjadi faktor yang mendorong LuLu memasuki pasaran Malaysia. Di samping itu, kerajaan Malaysia juga banyak memberi sokongan dari segi infrastruktur bagi menggalakkan pertumbuhan perniagaan,” ujar Salim.

Kehadiran LuLu di Malaysia telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Sebanyak 70% daripada tenaga kerja dalam pasaraya hiper LuLu terdiri daripada warga Malaysia. Sesetengah mereka dihantar ke UAE untuk mendapatkan latihan dan kemahiran selaras dengan keperluan syarikat, dan sekaligus juga menambah nilai kepada sumber tenaga tempatan.

Selain itu, banyak produk yang dijual di LuLu seperti biskut dan roti paratha adalah buatan Malaysia.

Selaku pemain baharu dalam industri peruncitan di negara ini, LuLu sedar bahawa untuk dikenali dan diterima oleh orang ramai akan mengambil masa. Oleh itu LuLu perlu melaksanakan strategi pemasaran yang agresif bagi memastikan penerimaan masyarakat Malaysia dan sekaligus memastikan peningkatan jualan. Meskipun ekonomi Malaysia agak perlahan, LuLu telah membuktikan bahawa ia telah mewujudkan asas yang kukuh di Malaysia. Ketika mula-mula beroperasi, bilangan pelanggan adalah sekitar 3,500 pelanggan yang membeli dalam sehari. Namun dalam masa enam bulan, jumlah tersebut meningkat kepada 5,000 pelanggan yang membeli dalam masa sehari. Setiap hari seramai 15,000 orang pengunjung singgah di LuLu dan LuLu menjangkakan jualan akan terus meningkat pada tahun 2017.

Menurut Salim, LuLu merancang untuk membuka pasaraya hiper di tiga lagi lokasi di Malaysia: Setia City Mall di Shah Alam; Bangi Gateway di Bangi dan Perling Mall di Johor Bahru dengan setiap gedung berukuran 150,00 kaki persegi. Menjelang tahun 2020, LuLu telah mensasarkan untuk membuka 10 buah gedung lagi di seluruh Malaysia.

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN



Memacu perkembangan Kedai Berformat Besar sebagai salah satu langkah pmodernen.

negara-negara rantaui Asia Tenggara yang tersenarai dalam Indeks GRDI". Justeru, kita harus bekerja keras untuk mengekalkan kedudukan baik ini serta menunjukkan kepada masyarakat dunia kebolehan kita dalam menghadapi dan menangani cabaran.

Meningkatkan Konsep Peruncitan

Di bawah Projek Permulaan (EPP 1), sebanyak tujuh pasar raya hiper dan 12 gedung besar baharu telah dibina di serata Malaysia melepas sasaran enam dan lima masing-masing meskipun pasaran dianggap kurang memberangsangkan. Jumlah kedai format besar baharu sejak permulaan ETP telah bertambah kepada 46 pasar raya hiper dan 58 gedung besar setakat tahun 2016. Pengusaha tempatan dan asing seperti Mydin, Econsave Tesco, AEON dan AEON Big telah mengembangkan perniagaan masing-masing dengan agresif. Syarikat peruncit Kumpulan LuLu dari Abu Dhabi (UAE) memasuki pasaran peruncitan dengan membuka premisnya seluas 250,000 kaki persegi di Kuala Lumpur. Pasar raya hiper LuLu ini merupakan gedung pertama daripada 10 gedung yang akan dibuka di seluruh negara, dengan pelaburan berjumlah RM1.3 bilion.

Boleh dikatakan budaya kita budaya gemar dengan pelbagai jenis makanan. Justeru, inisiatif membuka Bazar Makan di bawah EPP 5 akan memanfaatkan sepenuhnya kegemaran tersebut, tak kira dengan pilihan masakan tempatan maupun masakan antarabangsa. Pusat makan ikonik yang bertujuan untuk menjadi tempat kunjungan keluarga dan tarikan pelancong akan menghidang bermacam-macam makanan kegemaran ramai di satu pusat makanan premium besar disokong oleh pengusaha kedai makan terkenal seperti restoran perkhidmatan segera, kafe, bar dan restoran mewah. Inisiatif ini menyasarkan untuk membina 10 buah bazar makan di bandar raya utama menjelang tahun 2020. Setakat ini, Bazar makan Kedai Runcit Bersepadu Besar Oasis Damansara di Ara Damansara dan Medini Mall di Nusajaya



Kedai Runcit Bersepadu Besar (*Big Box Boulevard*) merupakan tempat tarikan keluarga telah menjadi gaya hidup rakyat Malaysia

sudah dibuka untuk menampung pengunjung-pengunjung yang datang untuk mencuba pelbagai pilihan makanan yang disediakan.

Prestasi kemajuan Kedai Runcit Bersepadu Besar Oasis di bawah inisiatif EPP 13 masih berjalan lancar untuk pembinaan komponen AutoCity, sebuah tapak beli-belah yang besar bagi pelbagai jenis dan jenama kenderaan untuk melengkapkan pembangunan pelbagai kedai runcit dan ruang pejabat di kawasan sekitar. Dengan adanya pusat beli-belah terkemuka yang berhampiran seperti pasar raya hiper Tesco, Citta Mall, Oasis Bazar Makan, pejabat Sime Plantations dan banyak lagi aneka kedai, kawasan ini akan bertukar menjadi sebuah hab peruncitan bersepadu.

Pemodenan Pengalaman Membeli-Belah

Kebangkitan peruncitan e-dagang di Malaysia merupakan kisah kejayaan

bernilai USD894 juta pada tahun 2016. Hasil pendapatan dijangka akan meningkat pada kadar 23.7% setahun sehingga tahun 2021.

Selanjutnya, pertumbuhan pesat ekosistem e-dagang di Malaysia dijangka akan mencatatkan peningkatan purata hasil setiap pembeli sebanyak dua kali ganda menjelang tahun 2021. Bilangan pembeli yang membuat pembelian dalam talian yang tinggi, permintaan bagi ketelusan harga, dan kemajuan dalam kemudahan membuat pembayaran menggunakan telefon mudah alih telah merangsang pelbagai inovasi dalam amalan perniagaan runcit yang meningkatkan pengalaman dan memenuhi kepuasan pelanggan.

Justeru, pembangunan gedung maya di bawah EPP 7 NKEA Pemborongan dan Peruncitan dijangka dapat memenuhi keperluan yang berterusan untuk pemodenan pembelian atas talian bagi para peruncit pelbagai saiz. amaxMALL, antara kejayaan gedung maya di bawah EPP 7 merupakan sebuah

platform e-dagang yang menyokong peruncit kecil untuk mendapat akses kepada lebih ramai pengguna. Dengan menggunakan satu platform e-dagang yang dikongsi bersama, peruncit kecil dapat menikmati kos minimum dalam menjalankan perniagaan dalam talian.

amaxMALL yang dibangunkan oleh AsiaSpace Bhd telah berjaya menarik lebih ramai peruncit kecil dengan peningkatan hampir 100 peratus semenjak tahun 2015, melalui bantuan dan kerjasama daripada agensi kerajaan lain. Secara khusus, kerjasama dengan MDEC berjaya menggalakkan usahawan digital (melalui program e-Usahawan) untuk menyertai e-dagang. Sehingga tahun 2016, sejumlah 646 penjual telah mendaftar perniagaan mereka di gedung maya amax MALL. Gedung maya ini menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan.

Selain inisiatif keusahawanan digital yang dijalankan oleh agensi awam, Kerajaan juga komited dalam menyediakan persekitaran yang menggalakkan sektor

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

The screenshot shows the homepage of amaxMALL. At the top, there are links for CUSTOMER CARE, ENGLISH, and RUMAHAS MELAKU. Below that is the amaxMALL logo and navigation links for FESYEN & GAYA HIDUP, MAKANAN & MINUMAN, KECANTIKAN & KESIHATAN, and IBU & ANAK. A search bar and a 'Carikan' button are also present. The main banner features two women in hijabs with the text 'WHERE FASHION AND MODESTY MEETS' and a 'EXPLORE MORE' button. Below the banner are three product promotional boxes: 'YOUR GO TO APPLIANCE FOR BREAD MAKING NEEDS' (image of a bread maker), 'ENJOY COMFORT AND FLEXIBILITY IN ONE DEVICE' (image of a laptop), and 'ALL YOUR SKINCARE NEEDS IN ONE PACKAGE!' (image of skincare products). Social media icons for Facebook, Twitter, and YouTube are at the bottom left.

Pelbagai pilihan untuk pembeli melalui platform e-dagang

Dengan menggunakan satu pentas e-dagang yang dikongsi bersama, peruncit kecil dapat menikmati kos minimum dalam menjalankan perniagaan dalam talian.

swasta untuk berkembang maju dalam perniagaan di ruang siber serta juga menambahkan pautan dengan sektor e-dagang antarabangsa.

Menggalakkan Pertumbuhan Perniagaan Kecil

Peruncit kecil menerima bantuan melalui program TUKAR (Transformasi Kedai Runcit - Small Retailer Transformation Programme) dan program ATOM (Transformasi Bengkel Kereta - Transforming Automotive Workshop). Kedua-dua program tersebut memperlihatkan kejayaan sesetengah peserta.

Program TUKAR bertujuan untuk membantu memodenkan peruncit kecil dan membaik keuntungan jualan, dengan cara membuat perubahan-perubahan penting

PEMILIK KEDAI RUNCIT MEMUJI PROGRAM TUKAR KERANA MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPANNYA

Zul Izzamin, anak jati negeri Johor, mewarisi perniagaan Pasar Mini Izzamin daripada arwah bapanya pada tahun 2000. Kedai runcit itu menjual segala keperluan penduduk di kawasan Pontian dan menjadi mata pencarian keluarganya. En Zul sering menghadiri seminar anjuran Kerajaan Negeri untuk mempelajari perkembangan terbaru dan ilmu berkaitan selok belok menjalankan perniagaan kecil.

Pada tahun 2011, En Zul mendapat maklumat mengenai Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) daripada iklan di dalam surat khabar. Berdasarkan pada syarat-syarat penyerahan, En Zul telah dikenal pasti layak untuk menyertai program ini. Beliau telah dilahir peluang untuk mempelajari selok belok perniagaan dan mendapatkan khidmat nasihat daripada mentor program TUKAR yang telah berjaya dalam perniagaan mereka. "Pendapatan perniagaan kami meningkat 100-200 % sejak menyertai program TUKAR," kata beliau.

En Zul memberitahu bahawa beliau telah membuat pinjaman bernilai RM 25,000 yang ditawarkan oleh TUKAR untuk mengubahsuai kedai, membeli peralatan baharu dan menambah produk dan perkhidmatan di kedainya. Antara pelaburan utamanya termasuklah pengubahanruaan kedai, pengemaskinian sistem POS (Point-of-Sale) serta pembelian kaunter dan rak peraga yang baharu.

Kepuasan Pelanggan Kunci Utama

"Kedai yang tampak moden mampu memberi pengalaman yang baik kepada pelanggan yang datang ke kedai," kata En Zul. "Kini, pelanggan mempunyai lebih banyak pilihan (ketika membeli-belah) maka kita mesti mengikuti trend agar mereka sentiasa kembali ke kedai kita. Lihat sahaja Korea Selatan. Di sana pelanggan boleh membeli barang runcit dengan hanya mengimbas gambar barang yang mahu dibeli di telefon pintar!"

Pemilik kedai runcit ini mengakui bahawa mentor-mentor dalam program TUKAR banyak membantu dan selalu turun padang untuk memberikan bantuan dan beliau amat menghargai bimbingan mereka. Mentor TUKAR terdiri daripada pengawal eksekutif yang bekerja di pasaran besar di Malaysia, seperti Tesco dan Mydin.

"Seramai tiga orang mentor datang ke kedai saya, dari sejauh Kuala Lumpur (ke Pontian, Johor). Mereka datang beberapa kali dan memberi maklum balas yang membina. Misalnya, mereka mengajar cara bagaimana menyusun dan memperagakan produk supaya kelihatan menarik. Harga barang mestijelas diperagakan. Kata mereka, 'Semakin senang pelanggan melihat dan mencari produk, semakin mudah mereka akan membuat keputusan untuk membeli.' Nasihat berharga itu masih kekal dalam ingatannya.

Mengekalkan Kemajuan dan Penambahbaikan

Sejak menjalankan usaha transformasi ke atas kedainya, semakin ramai pengunjung singgah di Pasar Mini Izzamin. Sesetengah pelanggan memuji perubahan positif yang dibuat oleh En Zul. Sekarang En Zul masih dalam proses membuat pembayaran balik pinjaman yang diperolehi melalui program TUKAR. Beliau sudah pun merancang membuka sebuah lagi kedai untuk memperkembangkan perniagaannya. Beliau bercita-cita mahu menjadikan Pasar Mini Izzamin sebagai sebuah kedai sehenti serba moden dan lengkap dengan beberapa cawangan yang menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan kepada pelanggan.

En Zul yang merupakan antara penerima pertama amat memuji program ini. "Mereka (pihak pelaksana program TUKAR) bersikap terbuka terhadap maklum balas kami. Kini terdapat pilihan kontraktor dan pembekal yang lebih baik."

Menyentuh mengenai nasihat yang boleh diberikan kepada para pemilik perniagaan kecil, En Zul berpendapat, "Sememangnya program TUKAR banyak membantu, tetapi kejayaan juga bergantung kepada diri peserta. Sebagai peniaga kecil di kawasan luar bandar, kita tidak hanya boleh bergantung kepada bantuan Kerajaan semata-mata. Kita tidak boleh mengharapkan bantuan sepenuhnya. Kita sendiri mesti bekerja keras untuk berjaya. Kita mesti sentiasa terbuka kepada perubahan baharu dan bersedia untuk belajar."



Pasar mini Izzamin merupakan antara kedai runcit yang ditransformasi di bawah program TUKAR.

PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

selaras dengan permintaan dan jangkaan pelanggan. Peruncit kecil diberi bantuan dalam membaiki aspek-aspek perniagaan seperti modal insan, kelengkapan, kepakaran, piawai operasi yang seragam, peragaan produk dan pemantauan inventori.

Bagi sektor automotif, bantuan menerusi program ATOM menunjukkan transformasi positif di kalangan pesertanya. Semenjak dilancarkan pada tahun 2011, sebanyak 864 buah bengkel kereta dari serata negara telah menyertai program ATOM. Pemilik bengkel diberi bantuan kewangan untuk membeli alat dan kelengkapan. Bantuan ini diharap akan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan meluaskan kepakaran dari segi membaiki dan menyelenggara kereta. Meskipun tidak menepati sasaran peserta, di kalangan mereka yang menyertai program ATOM terdapat beberapa kisah kejayaan yang menjadi inspirasi kepada peserta lain.

Pada tahun 2016, bilangan peserta baharu telah meningkat kepada 151 bagi program TUKAR dan 100 bagi program ATOM. Seterusnya, pada tahun 2017, fokus kedua-dua program ini ialah membaiki mutu program dan mengurangkan masalah peminjam tidak membayar balik pinjaman yang diberi. Lebih banyak tenaga akan ditumpukan untuk meningkatkan kadar kejayaan. Penunjuk kualiti boleh ukur adalah termasuk peratusan peserta yang berjaya mendapat kadar keuntungan yang lebih tinggi setelah menyertai dan menerima bantuan TUKAR dan ATOM serta peningkatan dalam jenis perkhidmatan yang dapat ditawarkan oleh peserta.



Encik Kamarul Anim, salah seorang peserta program ATOM.



ATOM - Sebelum



ATOM - Selepas



TUKAR - Sebelum



TUKAR - Selepas

Pada tahun 2016, bilangan peserta baharu telah meningkat kepada 151 bagi program TUKAR dan 100 bagi program ATOM.



Suasana beli-belah di Malaysia dijangka akan semakin rancak.

TINJAUAN MASA HADAPAN ➤

Melangkah ke hadapan, fokus program TUKAR dan ATOM pada tahun 2017 dan seterusnya akan terletak pada usaha memastikan kemampuan dan perkembangannya yang berterusan. Lebih banyak usaha akan digiatkan untuk mencapai kejayaan yang lebih besar. Petunjuk peningkatan kualiti ini termasuklah peratusan peserta yang menjana keuntungan yang lebih tinggi selepas menyertai program TUKAR dan ATOM, selain peningkatan dari segi jenis perkhidmatan yang disediakan oleh para peserta.

Sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK pada tahun 2016, iaitu sebanyak 15.15%, pihak Kerajaan adalah komited untuk menyokong, membaiki dan mengekalkan perkembangan dan pembangunan berterusan dalam sektor pemborongan dan peruncitan. Penekanan pada inovasi pelbagai jenis peranti digital boleh memastikan daya saing yang kompetitif di arena peruncitan global di samping membantu menempatkan Malaysia sebagai salah satu destinasi perniagaan runcit yang utama di dunia.

MINYAK SAWIT DAN GETAH



FOKUS DALAM KEMAMPANAN



**DATUK SERI
MAH SIEW KEONG**

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Minyak sawit merupakan komoditi terpenting Malaysia, dengan 5.7 juta hektar daripada 7.9 juta hektar kawasan pertanian di negara ditanami pokok kelapa sawit. Malaysia merupakan negara pengekspor kedua terbesar dunia dengan hasil sejumlah 17.3 juta tan minyak sawit mentah. Pada tahun 2016 minyak sawit mentah serta barang sawit menyumbang hasil sejumlah RM67.6 bilion.

Saya dengan sukacitanya melaporkan kemajuan ketara dan perkembangan baru di bawah NKEA Sawit sepanjang tahun 2016. Daripada aktiviti huluhan sehingga aktiviti hiliran, banyak inisiatif telah diperkenal dan berjaya dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Adalah menjadi harapan terbesar saya agar semua inisiatif tersebut, inisiatif baru serta inisiatif semasa, akan terus memacu ekonomi Malaysia ke arah mencapai matlamat status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Satu inisiatif utama yang telah dijalankan oleh Kerajaan ialah pelaksanaan sepenuhnya Pensijilan Minyak Sawit Malaysia yang Mampan (MPSO – Malaysian Sustainable Palm Oil). Pada tahun 2016, sejumlah 122,521 hektar dan 7 buah kilang minyak sawit mendapat pensijilan manakala sejumlah kilang minyak sawit telah dikenalpasti untuk diberi pensijilan pada tahun 2017. Selama ini, minyak sawit Malaysia sememangnya dihasilkan secara mampan. Justeru, kita perlu memanfaatkan pembezaan mutu dan penghasilan secara mampan kerana ini amat dipentingkan oleh pelanggan luar negara. Pada masa yang sama, integrasi aktiviti hiliran semakin hebat dijalankan dengan pertambahan projek-projek baru dalam mengkomersialkan produk-produk derivatif oleo, makanan dan kesihatan serta ujian klinikal antarabangsa bagi menyokong penggunaan fitronutrien minyak sawit dan produk kesihatan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, sejumlah RM280 juta dalam bentuk geran telah diperuntukkan bagi menyokong inisiatif-inisiatif di atas.

NKEA Getah pula menumpukan kepada peningkatan mutu pengeluaran dan kualiti permintaan. Saya gembira melihat Lembaga Getah Malaysia bertindak agresif mencari dan menerokai kegunaan getah mesra alam (sumber hijau) dalam sektor pengangkutan dan sektor industri yang lain. Penerokaan ini diusahakan dengan kerjasama sektor awam dan swasta untuk mencipta dan merangsang pertumbuhan permintaan yang didorong oleh pengguna.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penghargaan tidak terhingga kepada semua pihak yang telah berusaha dengan gigih dalam merealisasikan NKEA Sawit dan Getah. Bersama-sama kita meningkatkan kepakaran kita dalam industri sawit dan getah terutamanya dalam segmen hiliran agar kedudukan negara kita dalam komoditi ini dapat diperkuatkuhan.



Pekerja-pekerja menuai tandan buah segar di ladang kelapa sawit.

GAMBARAN KESELURUHAN

Tahun 2016 memperlihatkan perkembangan industri minyak sawit Malaysia yang bercampur. Harga minyak sawit mentah (CPO) melepas RM3,000 pada hujung 2016 – peningkatan 49% kepada RM3,200 daripada RM2,151 pada tahun sebelumnya. Meskipun harga yang tinggi ini adalah sesuatu yang memberangsangkan, namun pengeluaran terjejas akibat fenomena El Nino dan La Nina yang mengakibatkan negara kita mengalami musim kemarau di kawasan pantai barat dan banjir di pantai timur.

Hasil buah tandan segar jatuh sebanyak 12% kepada 86.33 juta tan pada bulan Disember 2016, berbanding dengan 98.34 juta tan bagi tahun 2015. Diharapkan pengeluaran hasil buah sawit akan kembali pulih pada tahun 2017. Negara pengimpor terbesar, iaitu India, telah mencatatkan pengurangan import sebanyak 21% kepada 2.66 juta tan. Negara Republik Rakyat China dan EU juga melaporkan pengurangan import sebanyak 24% dan 13%, masing-masing.

Walau bagaimanapun, harga lebih tinggi telah membantu mengurangkan impak perubahan cuaca ekstrem, sekaligus mengekalkan nilai eksport minyak sawit. Industri kelapa sawit produk hulu dan hiliran mencatatkan nilai gabungan sebanyak

RM67.6 bilion pada tahun 2016, berbanding dengan RM63.2 bilion pada tahun sebelumnya.

Sejumlah RM5.129 bilion telah diperuntukkan bagi NKEA Sawit dan Getah antara tahun 2011 sehingga tahun 2020. Sehingga tahun 2016, kesemua peruntukan sama ada telah dibelanjakan atau akan digunakan bagi membayai inisiatif yang baru dan semasa. Baki dana akan diberi secara berperingkat sehingga semua projek dijangka siap menjelang tahun 2020 kelak.

Harga minyak sawit mentah (CPO) melepas RM3,000 pada hujung 2016 – peningkatan 49% kepada RM3,200 daripada RM2,151 pada tahun sebelumnya.

MINYAK SAWIT DAN GETAH

Perbelanjaan Pembangunan (RM juta)	RM Ke-10 2011-2015 (RM juta)	RM Ke-11 2016-2020 (RM juta)
 Getah	1,544	1,384
 Minyak Sawit	788	1,449


Sumber daripada MPOB, LIGS, RISDA, dan JPS

Penanaman Semula dan Penanaman Baru Pokok Kelapa Sawit (Hektar)



Target 2020*: Penanaman sebanyak 365,000 hektar untuk mencapai hasil buah sawit sejumla 26 tan per hektar.

Penanaman Semula dan Penanaman Baru Pokok Getah (Hektar)



Target 2020*: Memastikan 1.2 juta hektar ditanam dengan getah melalui penanaman semula sebanyak 40,000 hektar/tahun dan penanaman baru sebanyak 30,000 hektar/tahun.

Memastikan Kemampunan Hasil

Boleh dikatakan bahawa pemilik individu kebun kecil telah mendapat banyak faedah daripada usaha menanam semula dan menanam pokok baru untuk kelapa sawit dan getah. Dari segi saiz impak, agensi-agensi pelaksana, terutamanya Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) berjaya menjalankan projek penanaman semula dan penanaman pokok baru di kawasan seluas 319,340 hektar di seluruh negara sejak enam tahun yang lalu, atau kawasan bersamaan 4.4 kali ganda saiz Singapura.

Sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10, EPU telah memperuntukkan sejumlah RM1.03 bilion kepada MPOB bagi penanaman pokok kelapa sawit, dan sejumlah RM748 diberi kepada RISDA, LIGS dan JPS bagi tujuan penanaman pokok getah. Bagi memastikan usaha berterusan dilakukan dalam projek penanaman dalam Rancangan Malaysia ke-11, EPU memperuntukkan RM540 juta kepada MPOB. Sementara itu, LIGS dan JPS menerima peruntukan bernilai RM767 juta dan RM644 juta masing-masing untuk segmen getah. Peruntukan lebih besar untuk segmen getah dalam Rancangan Malaysia ke-11 berbanding dengan peruntukan dalam Rancangan Malaysia ke-10 bertujuan membiayai kos penyelenggaraan selama 5 tahun bagi pokok getah yang ditanam antara tahun 2012 hingga 2015 serta 2016.

* Target 2020 merangkumi penanaman pokok dalam sektor awam dan swasta.


Mulai tahun 2016, pelbagai insentif di bawah NKEA telah diusahakan termasuk melaksanakan program penanaman baru bagi pekebun kecil berkelompok di Sarawak. Inisiatif ini dilaksanakan oleh SALCRA (Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority - Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak).

Semenjak tahun 2011, MPOB gigih berusaha bersama dengan pekebun kecil di kawasan terpilih di serata negara untuk menubuhkan koperasi. Dengan menjadi ahli koperasi dan menghapuskan peranan orang tengah antara pekebun kecil dan pemilik kilang minyak sawit, pekebun kecil dapat menikmati faedah diskon pukal bagi barang-barang input pertanian dan harga lebih baik untuk hasil keluaran.

Pada tahun 2016, 33 buah koperasi dengan bilangan bergabung seramai 2,800 orang ahli berjaya ditubuhkan. Sebanyak 25 koperasi telah pun memulakan operasi di seluruh negara, peningkatan daripada 15 pada tahun 2015. Pada 2016, koperasi-koperasi ini telah berjaya melebihi sasaran tahunan 40,000 tan dengan pengeluaran tandan buah sawit segar (FFB - Fresh Fruit Bunch) sebanyak 47,766 tan yang dianggarkan bernilai RM21 juta.

Walau bagaimanapun, hasil pengeluaran sawit pada tahun 2016 terjejas akibat impak fenomena musim kemarau dan hujan lebat yang berlaku sepanjang tahun 2014 dan 2015. Impak perubahan cuaca tersebut menyebabkan pengeluaran FFB mengalami penurunan sebanyak 12%. Hasil FFB setiap hektar turut berkurangan sebanyak 14% kepada 15.91 tan setiap hektar berbanding dengan 18.49 tan setiap hektar pada Disember tahun sebelumnya. Akibatnya, perbelanjaan bagi memekanisasikan aktiviti pengeluaran huluan turut berkurangan, sekaligus menjaskan kadar sambutan terhadap skim OPIMIS (Oil Palm Industry Mechanisation Scheme) yang baru dilancarkan oleh MPOB.

Skim OPIMIS memberi subsidi sehingga 20% bagi jentera dan mesin terpilih. Skim ini diperkenalkan bagi menggalakkan proses mekanisasi yang diyakini boleh meningkatkan produktiviti serta mengurangkan pergantungan pada tenaga kerja asing. Ladang juga boleh menyertai skim ini menerusi pembekal yang dilantik oleh MPOB. Pada tahun 2016, 85% daripada peruntukan sejumlah RM750,000



telah mendapat sambutan daripada industri. Pada tahun 2017, industri ini menjangka bahawa hasil pengeluaran akan pulih dengan peningkatan pengeluaran minyak sawit sebanyak 5.6% serta perambahaman bilangan kawasan yang sudah boleh dituai (matang). Diharapkan tren positif ini akan merangsang lebih banyak pelaburan untuk disalurkan ke dalam proses mekanisasi.

Inovasi dan Perubahan Arah kepada Aktiviti Hiliran

Kebanyakan syarikat besar agak berhati-hati untuk melabur dalam segmen hiliran industri minyak sawit pada tahun 2016. Biarpun begitu, EPP 6: Membangunkan Derivatif Oleo dan Bahan Kimia Bio telah merekodkan beberapa aktiviti yang positif. Sebuah syarikat perladangan yang besar telah berjaya mendapat peruntukan geran daripada Dana EPP 6. Projek yang dilaksanakan merupakan suatu kerjasama syarikat tempatan dengan syarikat dari Jepun, dan akan mengeluarkan produk kimia bagi kegunaan rumah.

Sementara itu, EPP 8: Mempercepatkan Pertumbuhan Produk Makanan dan Kesihatan memperlihatkan perkembangan

rancak beberapa projek. Dari segi pengkomersialan segmen ini, sebuah syarikat tempatan telah bekerjasama dengan rakan kongsi luar negara untuk menghasilkan kandungan bahan makanan bergred tinggi untuk pasaran eksport di kawasan kurang membangun (LDA-Less Developed Area) di negeri Perak. Pemilihan LDA membolehkan projek ini menerima lebih banyak insentif fiskal daripada MIDA dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan tersebut. Untuk ujian klinikal pula, sebanyak RM6.7 juta diberi bagi menjalankan kajian tentang *lipid nutrition* di beberapa negara terpilih manakala sebanyak RM6.2 juta lagi diperuntukkan bagi melakukan kajian khasiat minyak sawit merah di kalangan pelajar di negara India dan Malaysia.

Dengan projek tersebut, tahun 2016 berakhir dengan mencatatkan sejumlah RM222.4 juta dalam pelaburan swasta. Jumlah pelaburan swasta ialah RM3.29 bilion semenjak perlaksanaan NKEA.

MINYAK SAWIT DAN GETAH

PENERIMA PERTAMA SKIM ITE AMAT BERTERIMA KASIH DI ATAS PEMBERIAN 22 EKOR KAMBING

Puan Meriah bt Abdul Hadi tinggal bersama-sama anak perempuan dan menantunya di Tangkak, Johor dan menjana pendapatan melalui hasil ladang kelapa sawit dan tanah seluas lima ekar. Pada 27 Oktober 2016, beliau menjadi penerima pertama Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITE).

Skim yang dikelolakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB- Malaysian Palm Oil Board) diperkenalkan khusus untuk pekebun kecil dalam industri penanaman kelapa sawit agar dapat memperoleh pendapatan tambahan dan membaiki taraf kehidupan mereka. "Melalui Skim ITE, kami menerima 22 ekor kambing, dua ekor jantan dan dua puluh ekor betina," kata Puan Meriah. "Kami juga mendapat bantuan mesin potong rumput, ubat-ubatan haiwan dan makanan haiwan," jelas Puan Meriah, sambil mengatakan bantuan yang diberi bernilai RM50,000.

Peranan MPOB sebagai Penasihat

Proses permohonan Puan Meriah termasuklah khidmat perundingan oleh wakil-wakil MPOB untuk memastikan beliau menepati kelayakan penerima skim ini. Ini bagi memastikan penerima yang benar-benar layak sahaja akan mendapat manfaat sepenuhnya daripada skim ini. Sebagai pekebun kecil yang bekerja sepanjang masa, Puan Meriah ternyata layak untuk memohon untuk menyertai skim ini. Namun, beliau perlu menyediakan kandang kambing yang bersesuaian dan bekalan air bersih.

"Semasa lawatan MPOB pada peringkat permulaan, kami tidak mempunyai kandang kambing kerana kami tidak mampu membina kandang kambing yang sesuai," jelas Puan Meriah. "Pakar penasihat menasihatkan kami supaya membina pagar untuk mengurung kambing agar selamat. Mereka juga memberi cadangan bagaimana untuk menggunakan wang yang terhad untuk membina pagar. Mereka sangat baik hati dan banyak membantu kami. Selepas kami membina pagar yang sesuai, barulah permohonan kami diluluskan dan kami mendapat kambing tersebut."

Ternakan Kambing dan Lembu Sesuai Untuk Ladang Kelapa Sawit

Semua haiwan ternakan yang diberikan melalui Skim ITE akan diperiksa dengan rapi oleh doktor haiwan untuk memastikan haiwan berada dalam keadaan kesihatan yang baik. Kambing juga mestilah dalam usia paling matang untuk mengawan. Puan Meriah menyatakan bahawa kambing betina di ladangnya melahirkan anak kambing "kira-kira seekor setiap minggu." Di samping kambing sendiri, Puan Meriah dan keluarganya juga menjaga 60 ekor kambing milik orang lain.

Kambing dan lembu merupakan haiwan ternakan yang paling sesuai diintegrasikan di ladang-ladang kelapa sawit. Selain makanan haiwan, kambing dan lembu boleh memakan dedaun muda pokok kelapa sawit serta meragut rumput - semua tumbuhan ini banyak didapati di kawasan tanaman kelapa sawit. Terdapat banyak cara peserta

Skim ITE boleh menjana pendapatan tambahan melalui penternakan haiwan. Kambing dan lembu boleh diternak untuk menghasilkan susu atau daging, atau dijual hidup bagi menambah sumber pendapatan. Dengan cara ini, taraf hidup pekebun kecil yang berpendapatan rendah boleh dipertingkatkan.

Strategi Puan Meriah buat masa ini ialah menternak sebanyak mungkin kambing. Beliau sendiri menjadi bidan membantu kambing betina melahirkan anak kambing. Puan Meriah juga akan menjaga anak kambing yang baru lahir, terutamanya semasa beberapa bulan pertama selepas dilahirkan. Puan Meriah amat bersyukur dan berterima kasih di atas bantuan Kerajaan. Malah, beliau keberatan menjual kambing-kambing yang diberi oleh Kerajaan. "Saya akan menjaga kambing-kambing itu seberapa lama yang boleh. Saya amat menghargai sumbangan dan usaha Kerajaan ini."



Tahun 2016 merupakan tahun yang memberangsangkan bagi industri getah di Malaysia dan dijangka akan menepati sasaran penguasaan pasaran sarung tangan getah sehingga 62%. Harga pasaran getah mentah juga dijangka akan terus meningkat.

Seiring dengan peningkatan harga minyak petrol dan permintaan berterusan, harga getah SMR 20 meningkat sebanyak 78% kepada RM8.86 setiap kilogram pada minggu ketiga bulan Disember 2016, berbanding dengan RM4.98 setiap kilogram bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2015.

Pertumbuhan yang sihat juga diperlihatkan dalam kuantiti dan nilai eksport sarung tangan getah, ekoran turun naik kadar pertukaran mata wang asing yang menjadikan eksport tempatan lebih berdaya saing. Nilai eksport sarung tangan getah telah menyaksikan peningkatan sebanyak 1.4% kepada RM13.28 bilion pada 2016 berbanding RM13.10 bilion pada tahun 2015. Sementara itu, kuantiti eksport sarung tangan getah turut meningkat 2.3% kepada 672,952 tan pada 2016 berbanding 657,987 tan pada tahun sebelumnya.

Nilai eksport sarung tangan getah telah menyaksikan peningkatan sebanyak 1.4% kepada RM13.28 bilion pada 2016 berbanding RM13.10 bilion pada tahun 2015.

MINYAK SAWIT DAN GETAH



**Pada tahun 2016,
MPSO telah memberi
pensijilan kepada
gabungan 122,521
hektar ladang
kelapa sawit.**

Kemampanan Alam Sekitar

Industri sawit didakwa sebagai salah satu punca menyebabkan kerosakan alam sekitar. Banyak dakwaan yang diperbesar-besarkan telah diterima daripada golongan pencinta alam dan orang ramai tentang peranan industri ini yang dituduh banyak merosakkan kualiti alam sekitar. Dengan mengambil kira dakwaan tersebut, langkah positif diambil bagi memastikan ladang kelapa sawit di Malaysia mematuhi amalan terbaik dalam pemeliharaan alam sekitar, tanpa menjadikan mutu pengeluaran dari segi kualiti dan kuantiti.

Bagi menangani isu ini, MPOB telah berjaya merangka Pensijilan Minyak Sawit Malaysia yang Mampan (MSPO), yang dilancarkan pada tahun 2015 dan telah mula dilaksanakan di seluruh

negara. Pensijilan MSPO ini penting dalam industri eksport dan bertujuan membangkitkan kesedaran terhadap kualiti alam sekitar dan memenuhi permintaan pengguna yang semakin menyokong produk minyak sawit yang mampan, daripada ubat gigi, marjerin sehingga minyak pelincir. Pada tahun 2016, MPSO telah memberi pensijilan kepada gabungan 122,521 hektar ladang kelapa sawit.

Mulai tahun 2017, pengembangan dan pensijilan MSPO akan diambil alih oleh Majlis Pensijilan Kelapa Sawit Malaysia (MPOCC), manakala MPOB kekal menjaga pengembangan dan pensijilan pekebun kecil. Langkah ini dibuat bagi memastikan proses pensijilan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur. Langkah ini juga mempelhatkan kesungguhan dan komitmen Malaysia dalam mencapai kemampanan alam sekitar di ladang kelapa sawit.



TINJAUAN MASA HADAPAN ▶

NKEA Sawit dan Getah akan terus menjalankan inisiatif baru dan sedia ada untuk meningkatkan tahap produktiviti serta meningkatkan mata pencarian pengusaha dalam segmen huluan, di samping menambah nilai bagi aktiviti segmen hiliran.

Dalam mencari peluang baru di pasaran luar, industri ini mensasarkan untuk mengukuhkan integrasi dengan destinasi eksport seperti negara India, Republik Rakyat China dan rantau EU. Kementerian, bersama-sama MPOB dan PEMANDU akan berganding bahu dengan sektor swasta untuk menerokai peluang integrasi pasaran. Ihi berperanan membantu industri mendapatkan pelaburan luar negara yang lebih besar di samping mendorong eksport.

Namun, kekurangan tenaga buruh dalam industri huluan kekal menjadi cabaran besar, dan ini menjadikan pencapaian tahap produktiviti FFB yang lebih tinggi. Cabaran tersebut boleh ditangani dengan cara menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam penanaman pokok kelapa sawit yang boleh membahikan hasil yang lebih tinggi, memperluas penggunaan mesin, dan mencari cara kos efektif yang boleh mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh di ladang kelapa sawit.

Kemerosotan kadar pertukaran Ringgit berbanding Dolar Amerika telah menjadikan perlaburan sektor swasta dalam kegiatan pengeluaran hiliran tempatan. Justeru, insentif termasuk pelepasan cukai dan pemberian geran diharapkan dapat menggalakkan pertumbuhan perlaburan baru dan pengembangannya.

PELANCONGAN



MENJADI KUASA PELANCONGAN ASIA



**DATO' SERI MOHAMED
NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

Menteri Pelancongan dan
Kebudayaan Malaysia

Tahun 2016 memperlihatkan pemulihan yang nyata dalam ketibaan dan perolehan pelancong Malaysia, yang membuktikan komitmen Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) serta sektor swasta dalam mencapai sasaran-sasaran NKEA Pelancongan dan Budaya. Malaysia juga terus menerima pengiktirafan antarabangsa seperti Destinasi Terunggul Asia oleh World Travel Awards 2016 dan Destinasi Mesra Muslim Pertama oleh MasterCard-Crescent Rating 2016 yang menjadi bukti kepada usaha yang berterusan tanpa mengenal jemu dan penat.

Bertitik tolak daripada itu, kami telah mengenal pasti bidang-bidang peluang baharu menerusi Makmal Pelancongan 2.0 seperti sektor budaya, seni, warisan dan kraf serta *niche* yang mencakupi aktiviti mencerap burung, menyelam dan inap desa. Usaha ini telah merangsang industri untuk mempelbagaikan penawarannya dan memanfaatkan pelbagai produk dan pengalaman tempatan industri. Kluster ekopelancongan dan pelayaran persiaran juga telah membangun untuk menjadi faktor yang kukuh untuk menerima pelancong ke pelbagai lokasi alam semula jadi dan juga pelabuhan Malaysia.

Di samping itu, Malaysia juga telah dikenali sebagai salah satu daripada destinasi utama serantau menerusi pelbagai Mesyuarat, lawatan Insentif, Persidangan dan Pameran (*Meetings, Incentives, Conferences and Exhibition - MICE*) berakreditasi tinggi yang memudahkan perundingan perniagaan dengan perniagaan serta menarik banyak delegasi antarabangsa. Penyediaan kemudahan seperti Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan Pusat Konvensyen Kota Kinabalu juga akan membolehkan lebih banyak peluang untuk mengendalikan acara-acara berskala besar pada masa hadapan.

Ketibaan pelancong dari China meningkat selaras dengan strategi memudahkan eVisa pada tahun ini. Malaysia melihat ini sebagai suatu peluang strategik dan sejak itu Malaysia telah merancang untuk memberikan kemudahan yang sama kepada pelancong dari negara-negara lain yang mempunyai kuasa membeli yang tinggi. Di samping itu, kerjasama Malaysia dengan media digital utama antarabangsa sebagai suatu platform pemasaran akan terus penting dalam mempromosikan negara kita pada peringkat global.

Pertumbuhan dan peningkatan terhadap kejayaan semasa kekal penting dalam usaha untuk mencapai sasaran-sasaran kita dalam Program Transformasi Negara (NTP) dan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (MTTP). Dengan usaha tanpa henti dan penambahbaikan bersepadu, saya pasti industri pelancongan Malaysia akan terus berkembang sebagai salah satu sumber ekonomi negara yang penting.

TINJAUAN KESELURUHAN

Sektor pelancongan menyaksikan pemuliharaan yang kukuh pada tahun 2016, dengan ketibaan pelancong sebanyak 26.7 juta berbanding dengan 25.7 juta pada tahun 2015. Perolehan pelancongan turut meningkat sebanyak RM13 bilion untuk mencatat jumlah keseluruhan RM82.1 bilion, 49% daripada sasaran tahun 2020. NKEA Pelancongan terus berada pada landasan yang kukuh untuk mencapai sasaran 36 juta ketibaan pelancong

yang terus berkembang. Keputusan Kerajaan pada bulan Mac 2016 untuk membenarkan permohonan eVisa daripada China, termasuk pilihan tanpa visa (eNTRI) membawa hasil secara terus. Dengan peningkatan pelancong China sebanyak 26.7% pada tahun 2016, ia turut membantu dalam melonjakkan prestasi sektor ini pada tahun tersebut. Susulan kejayaan program perintis eVisa kepada negara China, kemudahan ini seterusnya



Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha MOTAC di upacara pecah tanah bagi pengembangan Fasa 2 Mitsui Outlet Park, KLIA

dan perolehan pelancongan sebanyak RM168 bilion menjelang tahun 2020, khususnya hasil usaha berterusan yang dilaksanakan oleh MOTAC dan agensi-agensinya termasuk Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*, TM) dan pelbagai pihak berkepentingan dari sektor swasta.

Usaha MOTAC dalam memudahkan cara NKEA Pelancongan telah menjana keberhasilan yang mantap dengan Kementerian mencapai 112% daripada KPI pada tahun 2016, dan menyumbang sebanyak RM73.7 billion PNK, dipacu oleh bidang fokus Beli-belah, Ekopelancongan, Pelayaran Persiaran dan Acara Perniagaan

diperluas kepada negara India, Bangladesh, Nepal dan Myanmar.

Pemain industri utama lain yang turut serta dalam EPP NKEA telah mencatat pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2016 sebagai bukti bahawa kejayaan NKEA Pelancongan didukung oleh gabungan usaha Kerajaan dan sektor swasta. Ini termasuklah Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Melaka Gateway dengan Powerchina International Group Ltd milik kerajaan China pada 1 September 2016 bagi pelaburan bernilai kira-kira RM30 bilion yang akan dilaksanakan secara berperingkat sepanjang dua tahun

PELANCONGAN

yang akan datang. Sementara itu, Mitsui Outlet Park (MOP) KLIA mengumumkan upacara pecah tanah bagi pengembangan Fasa Kedua pusat ruang perniagaan tersebut pada 14 November 2016. Fasa 2 yang bernilai kira-kira RM60 juta akan memperkenalkan lebih banyak jenama premium dan tambahan 60 kedai, sekali gus menjadikan bilangan ruang perniagaan di kedua-dua fasa pusat ruang perniagaan ini kepada 190. Pusat ruang perniagaan yang diperluas ini dijangka dibuka pada Januari 2018.

Malaysia terus menerima pengiktirafan global pada tahun 2016 apabila diangkat sebagai Destinasi Terunggul Asia dalam anugerah berprestij *World Travel Awards* 2016. Malaysia turut dinobatkan sebagai Destinasi Mesra Muslim Pertama dalam *MasterCard-Crescent Rating Global Muslim Travel Index* 2016.

Anugerah lain yang diterima oleh Malaysia pada tahun 2016 termasuklah Destinasi Bandar Asia Terbaik dan Destinasi Kuliner Asia Terbaik oleh *Travvy Awards* (travAlliancemedia). Selain itu, Kuala Lumpur tersenarai antara 5 Destinasi Terbaik dalam senarai 25 bandar beli-belah terbaik dunia oleh Expedia UK, manakala Ipoh menerima pengiktirafan 10 Terbaik di Asia oleh Lonely Planet bagi senarai 2016.

Pihak berkepentingan industri pelancongan turut meraih penghargaan masing-masing dalam *World Tourism Awards* 2016 yang menyaksikan One World Hotel menerima anugerah *Asia's Leading Meetings & Conference Hotel* manakala Resorts World Genting diiktiraf sebagai *Asia's Leading Themed Resort*. Zouk KL pula menerima anugerah *Nightspot of the Year* daripada *Hospitality Asia Platinum Award* (HAPA).

Melakar Hala Tuju Lima Tahun Akan Datang

MOTAC telah mengadakan Makmal Pelancongan & Budaya 2.0 (Makmal 2.0) dari 6 Januari hingga 16 Februari 2016 untuk menilai kemajuan NKEA Pelancongan dalam mencapai sasarannya bagi tahun 2020.




Kraf tangan anyaman Malaysia yang menarik

Makmal ini bukan hanya bertujuan mengkaji semula inisiatif pelancongan sedia ada di bawah NTP malahan turut memperluas bidang fokus, dimana perlu.

Sejumlah 194 wakil daripada sektor awam dan swasta telah mengambil bahagian dalam Makmal 2.0, dengan 69% daripada peserta makmal merupakan wakil sektor swasta. Penyertaan sektor swasta yang memberangsangkan mencerminkan komitmen berterusan pihak industri terhadap NKEA Pelancongan.

Susulan penilaian bidang fokus sedia ada dan baharu di bawah NKEA Pelancongan, 71 inisiatif merentas 12 Bidang Fokus telah dicadangkan, dengan sebahagian besar inisiatif diterajui oleh sektor swasta atau dikendalikan melalui Perkongsian Awam-Swasta.

Bidang fokus baharu dalam Makmal 2.0 terdiri daripada budaya, seni & warisan, kraf tangan, aktiviti mencerap burung, menyelam dan inap desa. Penambahan bidang fokus budaya, seni & warisan serta





kraf tangan membuka peluang bagi Malaysia memanfaatkan kekuatan kepelbagaian budaya yang semula jadi seterusnya menyokong usaha yang telah dilaksanakan oleh MOTAC. Usaha ini termasuklah mengenal pasti platform baharu untuk menyokong usahawan kraf tangan Malaysia dan meningkatkan standard untuk memastikan ketekalan dalam produk yang dibangunkan. Ini akan turut memberikan manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan dalam rantai bekalan produk kraf tangan, yang bukan hanya merangkumi usahawan kraf tangan, malah penyedia perkhidmatan logistik dan runcit.

Bidang fokus baharu yang dicadangkan turut menyasarkan untuk menambah

kepelbagaian penawaran pelancongan dan meningkatkan peluang Malaysia untuk menawarkan produk dan pengalaman yang memenuhi permintaan pelbagai kumpulan dengan minat *niche*, terutamanya dalam sektor aktiviti mencerap burung dan menyelam yang menjana hasil yang tinggi. Usaha untuk membangunkan segmen aktiviti mencerap burung akan ditumpukan pada latihan bagi jurupandu cerap burung selain menambah baik kemudahan di beberapa lokasi cerapan burung terbaik di Malaysia. Bagi segmen aktiviti selam pula, Majlis Selam Skuba Rekreasi Kebangsaan (*National Recreational Scuba Diving Council*, NDC) yang telah diwujudkan akan bekerjasama dengan industri dalam menangani isu

keselamatan, peraturan dan alam sekitar yang berkaitan.

Bidang fokus sedia ada seperti pelancongan mewah mampu milik, alam semula jadi/pengembalaan dan perniagaan akan turut dikaji semula untuk mengambil kira usaha dan iktibar daripada tempoh lima tahun lalu di samping melihat prospek bidang fokus ini dalam jangka masa pendek dan sederhana.

Usaha mempromosikan Malaysia sebagai destinasi beli-belah bebas cukai akan diteruskan, bersama penambahbaikan pada Skim Bayaran Balik Pelancongan (*Tourism Refund Scheme*, TRS). Sekretariat Beli-belah Malaysia (*Shopping Secretariat Malaysia*, SSM) akan terus mengenal pasti perkongsian baharu dengan pusat beli-belah dan presint utama untuk mempergiat promosi destinasi beli-belah di seluruh negara.

Malaysia Major Events (MME) akan bekerjasama dengan Persatuan Seni, Festival Langsung & Acara Malaysia (*Arts, Live Festivals & Events Association of Malaysia*, ALIFE) untuk menambah baik penyelarasan antara penganjur acara dengan Kerajaan. Usaha MME untuk memudah cara acara tempatan dan acara langsung utama akan turut diteruskan melalui Program Sokongan Acara.

Mana-mana Hotel bertaraf 4 dan 5 bintang baharu dan kompleks resort bersepadu akan dimudahcarakan secara ad-hoc oleh MOTAC setelah penilaian yang sewajarnya dilaksanakan.



PELANCONGAN

INDUSTRI PELAYARAN PERSIARAN SEMAKIN MENINGKAT NAIK

“Bilangan persinggahan kapal pelayar persiaran di pelabuhan Malaysia semakin menggalakkan, dengan jumlahnya meningkat pada kadar 36% semenjak tahun 2013.”



Perkembangan industri pelayaran persiaran di Malaysia merupakan tambahan kepada aktiviti yang memacu dan merancakkan pertumbuhan ekonomi. Meskipun penumpang-penumpang kapal pelancongan mungkin tidak berbelanja untuk kos penginapan di hotel, melainkan Malaysia memajukan pelabuhan-pelabuhan sedia ada untuk dijadikan destinasi pelancongan, para pelancong tersebut banyak berbelanja dengan mengikuti pakej ke tempat-tempat pelancongan yang menarik, membeli-belah serta menikmati makanan Malaysia.

Yap Sook Ling, Pengarah Urusan syarikat Asian Overland Services yang mengatur pakej lawatan darat bagi penumpang-penumpang pelayaran persiaran memberitahu bahawa para pelancong kapal cenderung menggunakan sepenuhnya masa yang diperuntukkan untuk turun ke darat kerana tempoh berada di atas kapal adalah panjang dan masa yang diperuntukkan untuk melawat setiap destinasi agak terhad.

“Pelancong-pelancong kapal akan turun daripada kapal dan pergi melawat setiap destinasi yang disinggahi,” jelas Sook Ling. “Mereka akan membeli-belah, menikmati makanan dan melawat tempat-tempat tarikan pelancong dengan sepuas-

puasnya.”

Beliau menyatakan bahawa, aktiviti berbelanja sebegini memberi manfaat kepada ekonomi setempat. Pemain-pemain industri pelancongan seperti pengusaha makanan, pemandu bas dan pemandu pelancong, semuanya menikmati manfaat daripada pelancong-pelancong kapal pelayaran persiaran yang turun ke darat dan berbelanja dengan mewah. “Impaknya amat besar,” kata Sook Ling.



Berikutnya kematangan pasaran pelayaran persiaran di benua Amerika-Utara dan Eropah, fokus industri ini telah beralih ke benua Asia dan Malaysia berpeluang merebut bahagian yang besar daripada pasaran pelayaran persiaran. Bilangan persinggahan kapal pelayar persiaran di pelabuhan Malaysia semakin menggalakkan, dengan jumlahnya meningkat pada kadar 36% semenjak

tahun 2013. Kapal Ovation of the Seas kendalian Royal Caribbean yang boleh memuatkan sehingga 4,905 penumpang telah buat pertama kali singgah di Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang pada tahun 2016. Pelayaran persiaran di Melaka juga dijangka akan tumbuh lebih pesat apabila Terminal Antarabangsa Pelayaran Persiaran Melaka di pelabuhan Melaka Gateway yang dijangka akan siap dan beroperasi menjelang tahun 2018. Terminal di Melaka Gateway mampu memenuhi keperluan 250 buah kapal pelancong setahun dengan bilangan pelancong kapal dijangka seramai satu juta orang.

Tambah Sook Ling lagi, ada beberapa faktor yang boleh membantu meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelayaran persiaran yang digemari. Salah satu cara ialah memperbaharui imej Malaysia dari segi penjenamaan dan produk. Cara lain pula ialah meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan pengusaha, khususnya dari segi penyewaan peralatan sukan air dan bot. “Adalah sangat penting pengusaha-pengusaha ini memiliki lesen sah dan menyediakan perlindungan insurans yang bersesuaian,” ujarnya lagi kerana pelancong-pelancong asing tidak keberatan membayar lebih untuk memastikan keselamatan mereka terpelihara.



MENINGKATKAN TAHP BAHARU DALAM INDUSTRI HOSPITALITI DI MALAYSIA



Sejak pembukaannya di Malaysia pada tahun 2016, St. Regis Kuala Lumpur telah menetapkan satu penanda aras baharu dalam industri perhotelan dan hospitaliti negara. Daripada ruang bilik yang luas kepada dewan tarinya yang menggunakan pakai sistem projektor "seamless" serba canggih yang pertama di dunia, hartaanah elit ini menunjukkan rupa dan gaya hotel mewah yang seharusnya ditonjolkan di Malaysia dan merupakan salah satu projek di bawah NKEA Pelancongan.

Hotel ini dilahirkan dan direka bentuk oleh Carmen dan Carmey Chua, pemaju hartaanah yang semakin meningkat naik, dengan tujuan untuk menjangkau kehendak tetamu biasa.

"Pembuahan hotel ini adalah untuk meningkatkan standard perhotelan di Malaysia," kata Carmen Chua, sambil mengimbas kembali bagaimana beliau dan adiknya mencerahkan semua tenaga dan kesungguhan mereka dalam memilih hiasan dalaman dan kemasan, termasuk hasil seni untuk menghiasi bilik-bilik di hotel berkenaan supaya kelihatan anggun dan mewah.

Satu pembaharuan besar dalam hotel ini ialah penggunaan teknologi terkini dengan pemasangan sistem Seamless LED Projection berukuran 188.16 meter di sekeliling dinding dewan tari yang merubah ruang tersebut kepada sebuah kanvas digital maya yang amat menakjubkan. Dengan pemasangan 47 panel LED ini, para tetamu dapat menikmati pengalaman maya seumpama menjelajah ke galaksi lain. Pengalaman yang serupa tidak akan mereka dapati di mana-mana hotel lain di Malaysia. "Sistem LED Projection kami membolehkan apa jua konsep kreatif di alam maya dizahirkan," jelas Cik Chua dengan bangga.

Hidangan makanan merupakan satu lagi aspek yang ditekankan oleh hotel mewah ini. Para tetamu boleh menikmati hidangan oleh Saito-san dari Tokyo, tukang masak restoran Taka yang mendapat pengiktirafan 3 bintang Michelin.

Salah satu manfaat yang terbit daripada pembinaan hotel serba mewah ini ialah peningkatan dalam kemahiran bakat-bakat tempatan yang terlibat

dalam proses pengeluaran kandungan digital untuk membangunkan sistem Seamless LED Projection malahan tenaga mahir tempatan turut digunakan untuk membuat pintu-pintu lakeur Jepun yang cantik di restoran Taka.

"Kami mahu hotel ini melebihi tahap kebiasaan. Kami meletakkan standard luar biasa yang melebihi jangkaan semua," jelas Cik Chua lagi.

"Hartaanah elit ini menunjukkan rupa dan gaya hotel mewah yang seharusnya ditonjolkan di Malaysia dan merupakan salah satu projek di bawah NKEA Pelancongan."

PELANCONGAN

Ekopelancongan dan Pelayaran Persiaran Mempromosikan Keindahan Semula Jadi Malaysia

Susulan usaha pemulihan dan pembaikan, lokasi semula jadi utama di Malaysia telah pulih sepenuhnya setelah mengalami bencana alam pada tahun 2014 yang menjelaskan ketibaan pelancong pada tahun 2015. Sejumlah 859,409 pelawat mengunjungi Malaysia sebagai lokasi Hab Biodiversiti Mega (Mega Biodiversity Hub, MMBH) pada tahun 2016, melebihi sasaran 650,000 pada tahun tersebut. Peningkatan ketara dapat dilihat di Taman Kinabalu susulan pembukaan rintis Ranau yang baharu, yang membawa pendaki ke Gunung Kinabalu, pada bulan November 2016. Sejak itu, Taman Sabah telah menambahkan rintis Kota

Sejumlah 859,409 pelawat mengunjungi Malaysia sebagai lokasi Hab Biodiversiti Mega (Mega Biodiversity Hub, MMBH) pada tahun 2016, melebihi sasaran 650,000 pada tahun tersebut.



Aktiviti berakit di Sungai Padas, Sabah

Belud. Taman Negara juga menyaksikan peningkatan pelawat sebanyak 156% kepada 93,620 pada tahun 2016 sejak pembukaan semula selepas pembaikan yang dilakukan berikutan kerosakan akibat dilanda banjir.

Sejajar dengan cadangan oleh Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 yang dilancarkan oleh MOTAC, inisiatif ekopelancongan akan memfokuskan usaha membangunkan

kelompok ekopelancongan. Kelompok perintis telah diwujudkan bagi kawasan Taiping-Batu Kurau yang diterajui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (Jawatankuasa Pelancongan). Selain itu, dua lagi kelompok perintis telah dikenal pasti di Sabah dan Sarawak.

Segmen Pelancongan Pelayaran Persiaran terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, dengan jumlah persinggahan kapal persiaran



MyCEB memeterai perkongsian strategik dengan Malaysia Airlines Berhad pada April 2016



Persembahan kebudayaan Sarawak

Pada tahun 2016, sejumlah 341 acara perniagaan diadakan di Malaysia, termasuk mesyuarat korporat, lawatan galakan, konvensyen dan pameran, sekali gus menarik lebih 127,849 perwakilan antarabangsa dan menjana anggaran RM1.5 bilion dalam impak ekonomi terhadap negara.

meningkat sebanyak 36% sejak tahun 2013. Terminal Pelayaran Persiaran Antarabangsa Melaka di Melaka Gateway dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku pertama tahun 2018 dan mempunyai kapasiti untuk menerima 250 kapal persiaran setahun dengan anggaran satu juta penumpang pelayaran persiaran.

Pada bulan Jun 2016, sejumlah 4,905 penumpang kapal Ovation of the Seas milik Royal Caribbean telah membuat persinggahan sulung di Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang. Royal Caribbean menjangkakan armada kapalnya akan membawa lebih 190,000 penumpang

pelayaran persiaran ke Pulau Pinang, Pelabuhan Klang dan Langkawi bagi musim pelayaran Oktober 2016 hingga Mei 2017.

Pencapaian ini menjadi bukti pasaran pelayaran persiaran yang kian berkembang dengan peningkatan 32% dalam bilangan penumpang pelayaran persiaran daripada 523,272 pada tahun 2015 kepada 692,063 pada tahun 2016. Peningkatan jumlah pelawat sepanjang musim pelayaran persiaran akan membawa manfaat kepada destinasi persinggahan berikutnya aktiviti ekonomi yang dijana kepada penyedia pengangkutan, pusat tarikan pelancongan utama dan juga peniaga makanan tempatan yang beroperasi di sekitar pelabuhan.



PELANCONGAN



Pelancong mengambil gambar di hadapan Perdana Putra, Putrajaya

Menempatkan Malaysia sebagai Destinasi Perniagaan Serantau

Bagi Pelancongan Perniagaan, Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (Malaysia Convention & Exhibition Bureau, MyCEB) terus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi perniagaan terunggul di rantau ini. Pada tahun 2016, sejumlah 341 acara perniagaan diadakan di Malaysia, termasuk mesyuarat korporat, lawatan galakan, konvensyen dan pameran, sekali gus menarik lebih 127,849 perwakilan antarabangsa dan menjana anggaran RM1.5 bilion impak ekonomi negara. Di samping sumbangan secara langsung kepada entiti perniagaan dan hotel tempatan, acara perniagaan juga mendorong pemindahan pengetahuan, peluang-peluang B2B dan inovasi kepada komuniti Malaysia

yang seterusnya meningkatkan profil Malaysia.

MyCEB terus menjalin kerjasama dengan Kementerian berbeza bagi tarikan, pembangunan dan penciptaan acara perniagaan penting yang secara strategik akan menyokong matlamat Kementerian dan NKEA masing-masing. Antara acara penting pada tahun 2016 termasuklah penganjuran Kongres Sedunia Persatuan Perubatan Fizikal dan Pemulihan Antarabangsa

(World Congress of the International Society of Physical and Rehabilitation Medicine - ISPRM 2016) (1,600 delegasi) dan Persidangan Antarabangsa Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik mengenai Komunikasi 2016 (IEEE ICC) yang julung-julung kalinya diadakan di Asia Tenggara (1,800 delegasi).

Malaysia sekali lagi menyerlah apabila Kuching menjadi tuan rumah kepada jumlah terbesar perwakilan Malaysia dan Asia di Kongres



Kongres Pertubuhan Kongres dan Konvensyen Antarabangsa (International Congress and Convention Association, ICCA) ke-55

Pertubuhan Kongres dan Konvensyen Antarabangsa (*International Congress and Convention Association*, ICCA) ke-55. Kongres ICCA merupakan pencapaian yang penting bagi Malaysia memandangkan pertubuhan ini bertanggungjawab dalam memberikan penarafan kepada bandar raya dan negara pada peringkat global dalam industri mesyuarat korporat. Acara ini menghimpunkan 835 perwakilan antarabangsa dari 61 buah negara di Kuching dan menempatkan Malaysia pada peta Acara Korporat.

Pada tahun 2016, edisi pertama *World Travel Mart (WTM) Connect Asia* turut diadakan di Pulau Pinang yang menyaksikan pembeli dan pembekal daripada lebih 30 negara berhimpun untuk perundingan Perniagaan-dengan-Perniagaan. Kehadiran semula pelancong China melalui *Perfect China International Incentive Trip* mencatat satu lagi pencapaian yang membanggakan. Acara ini merupakan acara incentif terbesar di Malaysia pada tahun 2016 dan berjaya menarik kunjungan lebih 12,000 pelancong antarabangsa dalam tempoh tujuh hari. Malaysia kelihatan bersedia untuk meneruskan pencapaian dalam pelancongan perniagaan ini dengan



Pulau Langkawi yang termasyhur

kemudahan baharu yang sedang dibangunkan. Ini termasuk peluasan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang dijadualkan siap pada tahun 2018. Apabila beroperasi sepenuhnya, kemudahan tambahan ini akan menyediakan ruang lantai yang fleksibel dan pelbagai guna seluas 10,000 meter persegi di samping ruang 22,659 meter persegi yang sedia ada, sekali gus membolehkannya menganjurkan bukan sahaja mesyuarat antarabangsa yang lebih besar tetapi juga acara serentak. Sabah juga dijangka menyaksikan penyiapan Pusat Konvensyen Kota Kinabalu di Sabah yang mampu memuatkan 5,000 perwakilan pada pertengahan tahun

2018. Kemudahan tambahan ini akan membolehkan skala dan kepelbagaiannya yang lebih baik untuk dianjurkan di destinasi MICE utama di Malaysia.

Memudahkan Kemasukan Pelancong

Pada Mac 2016, Kerajaan telah memperkenalkan kemasukan tanpa Visa dan eVisa untuk menggalakkan kunjungan pelancong dari China. Kemasukan tanpa Visa yang dikenali juga sebagai eNTRI membolehkan pelancong China melawat Malaysia bagi tempoh yang tidak melebihi 15 hari, sementara eVisa membolehkan tempoh



Pemandangan matahari terbenam di Kuala Lumpur

PELANCONGAN



**Pengenalan
kemasukan tanpa
Visa dan eVisa telah
berjaya memacu
peningkatan 26.7%
dalam ketibaan
pelancong China
ke Malaysia.**

lawatan sehingga 30 hari. Permohonan visa boleh dibuat secara dalam talian mengikut keselesaan pelancong dan tidak memerlukan penyerahan pasport yang sebenar. Proses baru ini berjaya memacu peningkatan 26.7% dalam ketibaan pelancong China ke Malaysia.

Perkhidmatan eVisa juga telah ditawarkan kepada warga India, Bangladesh, Nepal dan Myanmar yang menetap di negara masing-masing.

Memanfaatkan Platform Media Digital

TM terus mengiktiraf kepentingan media digital sebagai platform pemasaran dan promosi utama bagi pengembara hari ini. Pada tahun 2016, TM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Alitrip, iaitu sebuah platform

e-dagang yang dimiliki oleh Alibaba Group, untuk mengukuhkan promosi di China. Pelaksanaan *Malaysia Tourism Pavilion* (MTP) menggunakan platform ini akan berlaku pada tahun 2017.

Selain itu, SSM juga telah menggunakan media digital dengan lebih meluas melalui pelancaran ikon digital baharu, Miss SHOPhia. Ikon baharu ini akan ditempatkan dalam semua promosi untuk menyediakan panduan kepada pembeli-belah tentang trend fesyen, berita terkini tentang lokasi beli-belah, dan apa yang perlu dilihat untuk mendapatkan yang terbaik daripada aktiviti beli-belah di Malaysia, sekaligus menandakan penyimpangan daripada pengiklanan statik secara konvensional. Demikian juga, pesona dan penampilan Miss SHOPhia akan diubah suai sepanjang tahun untuk memenuhi keperluan perayaan berbeza dan juga menyasarkan pasaran-pasaran pada peringkat global.



TINJAUAN MASA ▶ HADAPAN


Sebagai sebahagian daripada NTP, MOTAC akan meneruskan kejayaan yang dicipta pada tahun 2016 menerusi inisiatif yang dikenal pasti Makmal 2.0 untuk mempromosikan PKS tempatan dalam industri pelancongan.

Penekanan akan diberikan pada bidang fokus yang baru dikenal pasti seperti kraf tangan, melalui kerjasama dengan agensi koridor iaitu NCER, ECER, IRDA, SCORE dan SEDIA untuk membangunkan pakar dan usahawan kraf tangan tempatan. Selain kerjasama ini, usaha akan dilaksanakan untuk mengenal pasti kaedah menambah baik saluran pengedaran yang disediakan bagi produk tempatan. Usaha akan turut ditumpukan pada inisiatif yang

dikenal pasti dalam bidang *niche* iaitu aktiviti mencerap burung dan aktiviti menyelam.

Prospek sektor pelancongan pada tahun 2017 akan terus mencabar khususnya berikutan pengurangan belanjawan pemasaran dan promosi. Walau bagaimanapun, MOTAC yakin kerjasama yang telah terjalin dan perkongsian pintar dengan industri akan membolehkan sektor ini terus memacu momentum yang positif dan berupaya mencapai lebih banyak kejayaan dengan belanjawan yang lebih rendah, demi mencapai sasaran 36 juta pelancong dan perolehan pelancongan sebanyak RM168 bilion pada tahun 2020.

ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK



MEMACU PENINGKATAN MALAYSIA DALAM RANTAIAN NILAI



**DATO' SRI MUSTAPA
MOHAMED**

Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) terus menjadi penggerak utama ekonomi Malaysia dan kekal sebagai pemacu penting dalam perkembangan perindustrian negara kita meskipun pertumbuhan perdagangan dan ekonomi global masih lemah. Sektor E&E terus memberi sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK), pendapatan eksport, pelaburan dan peluang pekerjaan.

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan sejumlah 107 buah projek E&E dengan pelaburan bernilai RM9.2 bilion, melebihi sasaran tahunan sebanyak RM6.0 bilion. Daripada 107 buah projek, sebanyak 17 projek ialah projek baharu dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.5 bilion, manakala 90 lagi ialah projek pembesaran dan pelbagai yang bernilai RM7.7 bilion.

Sebahagian besar pelaburan dalam E&E ialah pelaburan asing yang mencecah RM7.9 bilion (86%), manakala pelaburan domestik mendapat sejumlah RM1.3 billion (14%). Kebanyakan pelaburan tersebut melibatkan kegiatan pembesaran dan pelbagai dalam pembuatan produk LED, peralatan rumah dan sel serta wafer solar.

Semenjak tahun 2011, sebanyak 455 buah projek bernilai RM54 bilion telah diluluskan dan dari jumlah tersebut 356 projek bernilai RM40.6 bilion telah dilaksanakan.

Semua projek ini telah memberi kesan positif kepada eksport produk E&E, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 3.5% kepada RM287.7 bilion pada tahun 2016. Ekspor E&E Malaysia telah menyumbang 44.6% kepada jumlah ekspor negara tahun lepas.

Pertambahan permintaan pasaran untuk penggunaan aplikasi Internet of Things (IoT) dalam bidang komunikasi tanpa wayar dan peranti boleh pakai jelas menunjukkan kejayaan usaha-usaha kami melalui NTP untuk menghasilkan lebih banyak produk inovatif yang bernilai tinggi. Disebabkan hasil daripada usaha-usaha tersebut, NKEA E&E telah berjaya mencapai 89% daripada sasaran yang ditetapkan pada hujung tahun 2016 dan ini pasti akan mencapai sasaran keseluruhan menjelang tahun 2020.

Kami yakin bahawa inisiatif-inisiatif yang sedia ada di bawah NKEA bersama dengan penekanan yang berterusan kepada inovasi mampu memacu Malaysia dalam mencapai sasaran untuk tahun 2020.



DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU

Menteri Sains, Teknologi
dan Inovasi

Industri E&E telah memberi sumbangan yang signifikan kepada perkembangan perindustrian Malaysia dan pertumbuhan KDNK, pendapatan eksport, pelaburan dan peluang pekerjaan. Pada tahun 2016, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi masih memberikan perkhidmatan sokongan teknikal untuk menampung industri E&E menerusi agensi seperti MIMOS, NanoMalaysia dan SIRIM.

MIMOS giat melibatkan pemain industri dan institusi pengajian tinggi untuk melaksanakan program pembangunan sumber manusia dalam sektor perkhidmatan E&E, dengan penekanan dalam Analisis Kegagalan Termaju, Analisis Bahan dan Pengujian Wafer. Selaku pembekal perkhidmatan pengujian wafer kebangsaan, MIMOS kekal memanfaatkan pendekatan perkongsian perkhidmatan infrastruktur dalam usaha untuk memberi perkhidmatan tambah nilai dan sebagai pemboleh kepada ekosistem industri semikonduktor negara ini.

MOSTI beroptimistik integrasi graphene dan bahan-bahan lain yang berasaskan teknologi nano mampu meningkatkan nilai serta prestasi aplikasi E&E. Pada tahun 2016, NanoMalaysia membantu usaha mengaplikasikan dakwat konduktif berasaskan graphene dan penggunaan Copper-Carbon Nanotubes (Cu-CNT) dalam penghasilan produk LED syarikat HANS LED Systems. NanoMalaysia juga menggalakkan penggunaan panel solar fotovoltaik dan sensor nano dalam industri pambiakan burung layang-layang dengan membiayai aktiviti pembangunan produk dan menyediakan penilaian bebas Harta Intelek (IP).

SIRIM telah menujuhkan Pusat Reka Bentuk Eko Perindustrian (EIDC) sebagai satu pemboleh rentas-sektor untuk memacu sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan ke arah kelestarian serta meningkatkan daya saing di pasaran global. Kini, EIDC mempunyai empat buah mesin pencetak 3D yang mampu menghasilkan prototaip bagi pembuatan berskala kecil. SIRIM juga menggalakkan pereka bentuk industri dan produk supaya bekerjasama rapat dengan EIDC untuk melahirkan sekumpulan pereka bentuk dan jurutera tempatan yang berkebolehan dalam reka bentuk mesra alam.

GAMBARAN KESELURUHAN

Prestasi mantap industri E&E semenjak perlaksanaan NTP ialah contoh yang terbaik kejayaan usaha-usaha Malaysia untuk terlibat dalam kegiatan nilai tambah tinggi yang sekaligus memacu transformasi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Walaupun Malaysia masih kekal menjadi pasaran yang menarik bagi aktiviti ekonomi tahap rendah dalam rantai nilai, misalnya pembuatan komponen elektronik, negara kita juga telah berjaya meningkatkan daya saing global dalam aktiviti nilai tinggi seperti reka bentuk perindustrian, pengujian dan pengukuran serta peralatan elektrik.

Kejayaan tersebut ialah hasil daripada pelaburan dalam empat bidang: Nukleus Inovasi & Akademi National Instruments (NI-AIN), Pusat Reka Bentuk Eko Perindustrian (EIDC) SIRIM Berhad, Program Pembinaan Keupayaan Syarikat LED Tempatan SME Corp dan Makmal Analitikal Termaju MIMOS. Di samping memacu peningkatan Malaysia dalam rantai nilai, pelaburan tersebut juga memanfaatkan negara dan rakyat - mencipta 117,609 peluang pekerjaan baru pada hujung tahun 2016 dan dijangka berjaya mencapai sasaran sebanyak 157,000 peluang pekerjaan baru menjelang tahun 2020.

Perkembangan pesat dalam sektor LED mempamerkan kemajuan yang dicapai oleh industri E&E semenjak permulaan NTP. Syarikat-syarikat Malaysia semakin beralih daripada aktiviti-aktiviti hilir seperti pemasangan, pembungkusan dan pengujian, kepada pemasaran dan pengedaran yang lebih tinggi jumlah dan keuntungannya. Pada tahun lalu, inisiatif-inisiatif di bawah NKEA ini telah membolehkan sebanyak 11 syarikat Malaysia menembusi pasaran dunia, dengan hasil jualan gabungan bernilai RM125.2 juta.

Walau bagaimanapun, kemajuan dalam sesetengah sektor agak perlahan disebabkan oleh keadaan pasaran yang lemah. Sebagai contoh, usaha-usaha meningkatkan bilangan syarikat membuat modul solar tergendala kerana margin keuntungan yang mengucup dan pelaksanaan duti anti-pemintasan dan duti anti-subsidi ke atas sel dan panel solar China yang dihantar dari Taiwan dan Malaysia ke Kesatuan Eropah (EU). Satu lagi usaha bagi memajukan industri E&E dalam bidang menyenggara, membaiki dan membaik pulih (MRO) kereta api lambat dilaksanakan. Justeru satu bengkel selama dua hari mengenai bidang kereta api telah diadakan pada hujung tahun 2016 untuk mencari jalan dan mengenal pasti peluang-peluang pertumbuhan baharu.

Potensi pertumbuhan sesetengah bidang seperti Program Konsortium LED anjuran SME Corp juga terjejas disebabkan oleh bajet terhad yang dialami oleh industri dan ekonomi secara menyeluruh. Satu lagi usaha, iaitu CREST, yang dilancarkan di bawah NKEA untuk berperanan sebagai platform bagi pemain-pemain industri E&E dan golongan akademik untuk berkerjasama dalam penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan, telah mendorong pelaksanaan projek-projek R&D bernilai RM28 juta. Satu mekanisme baharu telah dicadangkan bagi melancarkan proses pembayaran dana.

ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK



YB Datuk Chua Tee Yong dan Dr. Roland Mueller pada pelancaran kilang pengeluaran LED baharu Osram Opto Semiconductor pada bulan Disember 2016.

Meskipun berhadapan dengan banyak cabaran, Malaysia kekal gigih dalam usahanya untuk mempelbagaikan kebolehan industri E&E dengan memperkasa daya saing dan menggalakkan penggunaan inovasi agar dapat meningkatkan lagi hasil KDNK, PNK dan FDI.

Mengekalkan Daya Saing dalam Sektor Semikonduktor

Malaysia telah lama membina kepakarannya dalam fabrikasi semikonduktor. Oleh sebab teknologi sesetengah loji fabrikasi semikonduktor sudah mencapai tahap matang, usaha-usaha telah diambil untuk memanfaatkan kelebihan daya saing negara dalam fabrikasi semikonduktor dengan melaksanakan strategi "smart follower" (pengikut pintar). Strategi ini merangkumi loji-loji fabrikasi wafer yang menggunakan teknologi matang dalam aplikasi terpilih (seperti analog dan kuasa) dan menyumbang hampir 65% daripada hasil semikonduktor global.

Di samping mengurangkan risiko inovasi dan menawarkan pulangan yang menarik dalam masa jangka panjang, strategi ini akan membina jumlah kritikal kapasiti fabrikasi wafer semikonduktor dan memperkasa modal insan sektor untuk memacu keseluruhan rantai nilai semikonduktor yang merangkumi reka bentuk, fabrikasi, pengeluaran,

pemasangan, pengujian, penjualan dan pengedaran di bawah program pembinaan keupayaan yang telah dibangunkan oleh MIDA dan MIMOS.

Pada tahun 2016, sejumlah 135 orang jurutera, pensyarah dan pelajar telah dilatih dalam analisis kegagalan, analisis bahan dan pengujian tahap wafer di bawah program tersebut. Dalam kalangan mereka, seramai 32 orang jurutera telah dilatih dalam analisis kegagalan dan analisis bahan di bawah Program 1MGrip dan 1Malaysia Outplacement Centre (IMOC), manakala 26 orang jurutera telah dilatih dalam Pengujian Kebolehpercayaan Produk di bawah Program 1MGrip dan Latihan Awam. Seramai 77 pensyarah dan pelajar telah dilatih dalam Pengujian Tahap Wafer di bawah Program WISE dengan bertujuan untuk memberi kemahiran dan pendedahan kepada pengamal industri dan golongan akademik.

MIMOS pula telah menyediakan 708 perkhidmatan analitikal termaju kepada industri, melebihi sasaran tahunan sebanyak 700, yang telah disemak dan ditingkatkan daripada angka 300 semasa kajian separuh penggal KPI pada bulan Julai tahun lalu.

Lebih 70 buah institusi yang menggunakan perkhidmatan MIMOS menikmati manfaat dari segi pengurangan kos (perkhidmatan MIMOS adalah lebih kos efektif berbanding makmal pengujian luar negara), tempoh masa siap yang lebih singkat (sampel diuji dalam negara, maka tidak memerlukan penghantaran ke luar negara) dan pemindahan

ilmu pengetahuan daripada MIMOS. Institusi tersebut termasuklah syarikat dari pelbagai bidang seperti teknologi audio-visual, pembuatan sarung tangan getah, permainan komputer, pendidikan dan pembuatan semikonduktor. Sepanjang tahun 2016, MIMOS juga telah menyediakan empat perkhidmatan pengujian wafer kepada syarikat-syarikat E&E tempatan. Sementara itu, makmal metrologi MIMOS digunakan oleh 19 buah institusi yang menjalankan 31 projek, melebihi sasaran tahunan, iaitu 30 projek.

MIMOS juga telah menyokong syarikat-syarikat yang terlibat dalam reka bentuk litar bersepadu. Pada tahun 2014, MIMOS berjaya menyiapkan sampel kejuruteraan Pengawal Gerakan Hijau (GMC) untuk diguna pakai secara komersial. Pada tahun 2016, dua buah syarikat tempatan telah menggunakan GMC dalam penghasilan produk masing-masing, yang membolehkan lebih banyak aplikasi penggunaan tenaga yang lebih efisien seperti kenderaan elektrik hibrid dan peralatan rumah.

LED Menerangi Masa Hadapan

Kedudukan Malaysia sebagai hab pembuatan dan pengeluaran LED patut diperbanggakan, terutamanya dalam perjalanan kami ke arah status negara berpendapatan tinggi. Kluster pengeluaran LED telah dibangunkan di negara ini untuk membuat peranti semikonduktor canggih untuk fabrikasi wafer dan produk pencahayaan seperti lampu kenderaan, lampu pentas dan lampu peragaan. Pada tahun 2016, sebanyak 11 buah syarikat tempatan berjaya memasuki pasaran dunia, dengan jumlah jualan gabungan mencecah RM125.2 juta.

Ekosistem LED di Malaysia dijangka akan dapat diperhebatkan lagi dengan pembinaan loji pembuatan cip LED 6-inci yang terbesar dan terkini di dunia oleh syarikat OSRAM, di Kulim Kedah. OSRAM ialah syarikat pengeluar peralatan pencahayaan bertaraf multinasional yang pakar dalam peralatan pencahayaan yang

inovatif lagi mampan. OSRAM akan melabur sebanyak RM4.7 bilion untuk membina loji tersebut, yang dijangka akan merangsang kerahan projek berteknologi tinggi di negara kita pada masa hadapan kelak.

OSRAM sudah mula merealisasikan pelaburannya dengan pembinaan loji pembuatan epitaksi di Kulim. Loji tersebut merupakan loji pembuatan epitaksi LED pertama yang terletak di luar negara asal iaitu Jerman.

Pemangkin Perubahan Bergerak ke Hadapan

NKEA ini telah mengenal pasti sekumpulan bidang baharu yang berpotensi tinggi dan usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan E&E negara. Usaha-usaha tersebut termasuklah menempatkan negara sebagai hab pengujian dan pengukuran yang menawarkan kemudahan reka bentuk, pembangunan serta pensijilan

untuk produk LED dan solar. Lanskap pengujian dan pengukuran tempatan terus berkembang, dengan sebanyak 48 produk baharu daripada 7 buah syarikat tempatan telah diuji di pusat-pusat pengujian QAV Technologies Sdn Bhd di Pulau Pinang dan Selangor pada tahun lepas.

Usaha negara dalam menerokai teknologi baharu juga membawa hasil apabila Penchem Technologies Sdn Bhd membangunkan dakwat konduktif komersial boleh cetak yang berasaskan graphene untuk aplikasi elektronik seperti litar dan sensor boleh lentur, dakwat konduktif inkjet, tag RFID, antena dan peranti pengesan elektrostatik.


Usaha-usaha meningkatkan kepakaran Malaysia dalam E&E juga merangkumi langkah-langkah mendorong pertumbuhan pembuatan peralatan automasi. Sebanyak 13 projek automasi telah dijalankan oleh syarikat, agensi dan institut tempatan sepanjang tahun 2016. Projek-projek berkenaan mencakupi bidang reka bentuk sistem, pembuatan prototaip,

dan pembuktian konsep dan penyesuaian sistem yang dijalankan di Nukleus Inovasi & Akademi National Instruments (NI-AIN) yang telah ditubuhkan di bawah NKEA. Antara projek-projek yang dilaksanakan di NI-AIN ialah sistem pemantauan flash Seagate International (Johor) Sdn Bhd, sistem pengujian letupan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, pembangunan pengujian semikonduktor RF syarikat Infineon Technologies (M) Sdn Bhd, pengujian dan penyelesaian masalah *payout tension meters* Asian Geos Sdn Bhd, pengujian daya tahan anjakan gear, penaiktarafan dalam pengujian daya tahan gear putaran dan sistem penggredian kelapa sawit Universiti Putra Malaysia.

Malaysia juga telah mengekalkan pembangunan sektor sistem terbenam, dengan memanfaatkan ekosistem elektronik yang mantap dan syarikat tempatan yang mahir dalam sistem terbenam. Sepanjang tahun lalu, sebanyak tiga projek baharu sistem terbenam telah diluluskan di bawah Program Pembiayaan Dana Sistem Terbenam Digital Malaysia MDEC. Usaha ini mencakupi sistem terbenam IoT dalam percetakan 3D, sistem pengujian dan pengukuran serta peranti keselamatan elektrik.

Pusat Reka Bentuk Eko Perindustrian (EIDC) SIRIM Berhad, yang ditubuhkan di bawah NKEA, kkal menyokong industri tempatan dalam mengeluarkan produk mesra alam melalui eko-inovasi. Pada tahun 2016, sebanyak 20 aplikasi reka bentuk mesra alam telah diterapkan oleh syarikat melalui kemudahan perkongsian di EIDC. Antara aplikasi tersebut termasuklah kerja-kerja memprofil CFP untuk menara telekomunikasi syarikat Edotco Group Sdn Bhd, simulasi aliran udara kipas siling 56-inci Khind-Mistral Industries Sdn Bhd, analisis inventori kitaran hidup untuk gas rumah hijau pozzolan Syarikat EcoOils Sdn Bhd, analisis simulasi pengiraan dinamik bendarir campuran bahan pelekat syarikat Wilcron Product Sdn Bhd dan reka bentuk dan pembangunan prosedur implan gigi oleh SIRIM.

NKEA ini telah mengenal pasti sekumpulan bidang baharu yang berpotensi tinggi dan usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan E&E negara .



Teknologi pembuatan tambahan mengubah industri pembuatan dengan memberarkan kebebasan yang lebih tinggi untuk reka bentuk dan inovasi, meningkatkan kecekapan rantai bekalan dan menyokong inisiatif pembuatan hijau.

ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

ECLIMO – SKUTER ELEKTRIK BUATAN MALAYSIA KINI MENARIK PERHATIAN PASARAN TEMPATAN DAN LUAR NEGARA

Skuter elektrik Eclimo ialah hasil penciptaan kreatif Dato' Dennis Chuah, pengasas dan pengarah eksekutif Eclimo Sdn Bhd setelah beliau berjaya membangunkan bateri yang sesuai untuk kenderaan elektrik. Pada tahun 2008, selepas mempertimbangkan semua faktor, kos dan infrastruktur untuk menceburii bidang kenderaan elektrik, Dato' Dennis mendapati skuter elektrik adalah paling sesuai untuk memenuhi permintaan dan keperluan pasaran serta kos efektif untuk dihasilkan di Malaysia. Pada tahun 2008, Dato' Dennis menjual syarikat kejuruteraan elektrikal miliknya dan melaburkan wang serta semangatnya dalam syarikatnya di Pulau Pinang.



"Skuter Eclimo menggunakan bateri lithium dan mudah digunakan dengan keperluan yang minima. Bateri lithium yang sama juga digunakan di dalam kereta dan bas," kata Dato' Dennis yang mereka bentuk skuter ini. "Skuter ini boleh bergerak sehingga kelajuan 80 km sejam. JPJ juga meluluskan skuter Eclimo untuk dipandu di jalan raya. Skuter ini dipasang di kilang pemasangan padat di Kawasan Perindustrian Perai, Pulau Pinang oleh sepasukan pekerja

seramai 20 orang. Skuter ini hanya memerlukan servis selepas baterinya digunakan selepas 800 jam."

Sebelum melancarkan Eclimo ke pasaran, Dato' Dennis telah menjalankan soal selidik pasaran untuk mencari industri dan pengguna yang memerlukan teknologi hijau yang kos efektif untuk perniagaan mereka. Mereka berjaya menemui pelanggan pertamanya, Kentucky Fried Chicken Malaysia (KFC). KFC Malaysia menghadapi beberapa masalah pengedalian dan logistik dengan motosikal untuk perniagaan penghantaran di bandar-bandar utama. Kami menawarkan program sewaan skuter di mana Eclimo akan menguruskan aspek penyenggaraan semua skuter."

"GPS yang sedia terpasang pada skuter Eclimo membantu pengurus kedai KFC memantau pergerakan penunggang dan pengendalian wang tunai untuk mengisi petrol seperti motosikal biasa sekarang tidak lagi diperlukan. Program sewaan skuter ini berjaya menyelesaikan semua isu yang dihadapi KFC dalam penyenggaraan aset, pengendalian wang tunai dan kecekapan penghantaran penunggang." Kini, kedai KFC di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sungai Petani menggunakan skuter Eclimo bagi perkhidmatan penghantaran. Mereka merancang untuk meluaskan perkhidmatan ini ke Perak dan negeri-negeri lain di Malaysia.

Meskipun pasaran tempatan masih berada di dalam fasa meningkatkan pendedahan dan pengetahuan mengenai kenderaan elektrik, Eclimo sudahpun menampilkkan diri di beberapa pameran perdagangan skuter antarabangsa. "Para pelabur dari Jepun dan Jerman telah

berunding untuk memperoleh reka bentuk dan jenama Eclimo," tambah Dato' Dennis yang masih mahu mengekalkan Eclimo sebagai skuter elektrik buatan Malaysia.

Eclimo sedang memanfaatkan pengetahuan dan kapakarannya dalam pembuatan bateri bagi menjimatkan kos bateri skuter elektrik. Sementara itu, Eclimo juga sedang berusaha untuk mengitar semula bateri skuter untuk menjadi bateri mudah alih kegunaan isi rumah dan pasaran pengguna umum tempatan.

"Eclimo berharap akan dapat memanfaatkan peluang daripada NKEA Elektrikal and Elektronik bagi memperkuatkannya jenama Eclimo di Malaysia dan pasaran luar negara sebagai skuter elektrik buatan Malaysia."

Kini, kedai KFC di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sungai Petani menggunakan skuter Eclimo bagi perkhidmatan penghantaran.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►

Penubuhan Majlis Strategik Elektrik dan Elektronik (EESC) pada tahun 2015 boleh dilihat sebagai satu perkembangan penting bagi industri E&E, dan memperlihatkan gandingan bahu kedua-dua sektor swasta dan kerajaan dalam memimpin hala tuju industri di Malaysia. Dipengerusikan oleh Dato' Wong Siew Hai, Pengurus Industri Elektronik Malaysia-Amerika (MAEI), bersama Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), ahli utama terdiri daripada wakil-wakil dari MITI, MATRADE, MDEC, EPU, MIDA dan Bank Negara Malaysia dari sektor awam dan wakil industri dari sub-sektor semikonduktor, elektronik sistem perindustrian, perkhidmatan pembuatan elektronik, LED, solar, IoT dan automasi.

Penubuhan EESC adalah selaras dengan matlamat Kerajaan

Malaysia untuk meningkatkan aktiviti bernilai tinggi dan hasil eksport industri E&E dan setakat ini telah mengenalpasti tujuh sub-sektor untuk perkembangan strategik masa hadapan.

Dari segi suasana pasaran, industri E&E sewajarnya kekal memberi fokus kepada inovasi khususnya automasi dan pertukaran data dalam teknologi pembuatan. Perkembangan terbaru ini digelar “Industri 4.0” dan memperlihatkan ciri-ciri pendigitalan dan kesalinghubungan produk, rantaian nilai serta model perniagaan. Segala usaha juga mesti mengambil kira suasana ekonomi dan perniagaan semasa, persaingan yang bertambah sengit daripada negara-negara jiran seperti Vietnam dan India serta keperluan industri kecil dan sederhana (SME) tempatan untuk mengekal daya saing seiring dengan kemajuan syarikat multinasional (MNC).

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN



DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED

Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

Saya berbesar hati mengambil maklum pertumbuhan berterusan industri perkhidmatan perniagaan, terutamanya dalam sektor strategik seperti industri aeroangkasa, perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (*Maintenance, Repair and Overhaul, MRO*), dan perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar. Malaysia mesti memastikan kedudukan negara dalam rantaian nilai perkhidmatan yang disasarkan dengan memberi tumpuan kepada pelaburan bernilai tinggi yang boleh meningkatkan ekonomi berasaskan pengetahuan, membolehkan jangkauan global dan mencipta perkerjaan berkemahiran. NKEA Perkhidmatan Perniagaan ini memegang peranan kritikal dalam menjayakan perjalanan transformasi ini.

Sebagai contoh, industri Perkhidmatan Perkongsian dan Penyumberan Luar (*Shared Services and Outsourcing, SSO*) telah menarik lebih RM700 juta dalam nilai pelaburan setakat ini, dengan didorong oleh beberapa inisiatif Projek Permulaan (EPP). Saya amat berpuas hati dengan pelaburan berkualiti yang dihasilkan di bawah pelbagai inisiatif EPP dalam Perkhidmatan Perniagaan, seperti EPP7 yang menyasarkan menjadi Malaysia sebagai hab pengeluar peralatan asal (*Original Equipment Manufacturer, OEM*) aeroangkasa.

NKEA Perkhidmatan Perniagaan adalah penting sejajar dengan agenda nasional untuk mengembangkan sektor perkhidmatan. Justeru itu saya yakin, bersandarkan gandingan rapat yang telah terjalin diantara kementerian dan agensi kerajaan, industri ini bakal merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan menjelang tahun 2020 dan menyumbang kepada pelan transformasi baharu selama 30 tahun akan datang, iaitu Transformasi Nasional 2050 (TN50), yang akan memantapkan visi baharu yang mengujukan untuk negara kita.

MEMBINA KEBITARAAN MALAYSIA DALAM INDUSTRI PERKHIDMATAN PERNIAGAAN GLOBAL



Graduan-graduan dari universiti tempatan yang menyertai program Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah - Perkongsian Perkhidmatan Penyumberan Luar (Graduate Employability Management Scheme - Shared Services and Outsourcing, GEMS SSO)

GAMBARAN KESELURUHAN

Sektor Perkhidmatan Perniagaan kekal antara penyumbang utama kepada ekonomi negara pada tahun 2016 walaupun diselubungi persekitaran ekonomi luaran yang sangat mencabar. Hal ini terbukti berdasarkan sumbangan Perkhidmatan Perniagaan sebanyak RM58.6 bilion dalam GNI yang disaksikan pada tahun 2016, yang memperlihatkan pertumbuhan 6.7% sejak tahun lepas. Namun begitu, iklim perniagaan global yang suram turut memberi kesan kepada industri di bawah NKEA ini, manakala trend aliran perdagangan global yang kian berubah pula memerlukan penyelarasan sektor ini agar mencari jalan untuk kekal kompetitif. Walau bagaimapun, semua pihak terbabit dalam sektor ini ternyata berupaya memberikan respons positif bagi memastikan NKEA ini tetap pada landasan yang kukuh untuk mencapai GNI RM78.7 bilion menjelang tahun 2020.

Pada 2016, kerajaan telah menyalurkan pelaburan RM16.65 juta untuk menyokong projek-projek di bawah NKEA ini dalam tiga bidang utama: membina industri penyumberan luar yang kompetitif pada peringkat global, membangunkan Malaysia sebagai hab pusat data, dan membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (SME) dalam industri pembuatan aeroangkasa untuk pasaran global. Secara keseluruhan, NKEA ini mencapai 112% daripada KPI yang ditetapkan pada 2016.

Inisiatif di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan juga mewujudkan pekerjaan baharu secara berterusan. Perkara yang utama ialah, sebahagian besar pekerjaan yang diwujudkan adalah dari perkhidmatan bernilai tinggi dan industri berteraskan pengetahuan intensif, yang ternyata mengangkat kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai. Sejumlah 3,734 pekerjaan diwujudkan dalam industri Perkongsian Perkhidmatan dan Penyumberan Luar pada tahun ini, dengan sokongan program seperti Skim Pengurusan

Kebolehpasaran Siswazah (GEMS) yang membuka peluang kepada pelajar untuk dilatih sebagai bakal peneraju dan profesional berkemahiran tinggi, selain menjamin tenaga kerja berkelayakan untuk memenuhi keperluan sektor ini.

Dalam perkembangan lain, sektor pembinaan dan baik pulih kapal (*Ship Building and Ship Repair*, SBSR) menyaksikan insentif cukai yang diperkenalkan oleh Kementerian

**Sumbangan Perkhidmatan
Perniagaan sebanyak RM58.6
billion dalam GNI yang
diaksikan pada tahun 2016, yang
memperlihatkan pertumbuhan
6.7% sejak tahun lepas.**

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

PERBADANAN SME MEMBANTU SYARIKAT SME MENEROKAI INDUSTRI AEROANGKASA



Kumpulan perintis EPP8 di Cranfield Management Development Centre.

Perbadanan SME Malaysia (SME Corp) telah melancarkan program khas bagi membantu syarikat kecil dan sederhana (SME) tempatan untuk mencebur industri aeroangkasa telah menampakkan hasil di luar jangkaan. Hasil pendapatan syarikat SME mencapai dua kali ganda lebih banyak berbanding sasaran mereka pada 2016. Sasaran bagi tahun 2017, ianya akan dicapai seawal Februari.

Sebanyak 10 projek perintis dalam program ini - Aerospace Partners Engineering Sdn Bhd, Elemac Precision Engineering Sdn Bhd, Innopeak Sdn Bhd, JWR Technology (M) Sdn Bhd, Selia-Tek Industries Sdn Bhd, AllStar Manufacturing Sdn Bhd, Coraza Systems Malaysia Sdn Bhd, Jecmetal Industries Sdn Bhd, Nagoya Plastics Industry Sdn Bhd dan Venture Diecasting Sdn Bhd - berjaya mengumpul pendapatan bernilai RM9.84 juta pada tahun 2016, melebihi sasaran RM5.4 juta. Sehingga bulan Februari 2017, jumlah hasil unjurian daripada kumpulan perintis ini telah mencecah RM20.01 juta, berbanding jumlah sasaran sebanyak RM24.6 juta bagi tahun 2017.

Datuk Dr. Hafsa Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, menjelaskan bahawa pencapaian cemerlang ini adalah hasil program yang dirancang khas untuk latihan yang lebih baik kepada semua SME yang menyertai NKEA Perkhidmatan Perniagaan demi memajukan SME tempatan dalam industri pembuatan

aeroangkasa. Kami telah berjaya melepas sasaran yang ditetapkan bagi SME serta memperkenalkan struktur pendekatan yang lebih baik ke arah penghasilan yang cemerlang."

Kumpulan perintis yang terdiri daripada 10 buah SME telah dipilih daripada 23 buah SME yang dikenal pasti mempunyai kemampuan untuk industri pembuatan aeroangkasa. Dalam kalangan 10 buah syarikat ini termasuklah syarikat yang menghasilkan ubat-ubatan dan bahagian-bahagian automotif serta peralatan yang maju untuk menerokai serta membina nama dalam industri aeroangkasa.

Selain itu, kumpulan perintis ini juga telah menganjurkan lawatan ke UK selama 10 hari dengan tujuan, seperti mana yang digambarkan oleh Datuk Dr. Hafsa, untuk mengetahui dan memahami keperluan serta cabaran yang dihadapi industri aeroangkasa. Terutamanya, lawatan ke Cranfield Management Development Centre di Universiti Cranfield di mana suatu taklimat keperluan utama untuk menjadi perintis aeroangkasa telah diadakan.

Kumpulan perintis ini juga telah melawat beberapa syarikat aeroangkasa di Malaysia seperti Spirit Aerosystems Malaysia, UMW Aerospace dan CTRM.

Datuk Dr. Hafsa menjelaskan bahawa fokus utama dalam memperkuuhkan SME mencakup tiga aspek: strategi pemasaran, transformasi

“Kami telah berjaya melepas sasaran yang ditetapkan bagi SME serta memperkenalkan struktur pendekatan yang lebih baik ke arah penghasilan yang cemerlang.”

pengurusan dan perancangan teknikal. Kemajuan syarikat-syarikat ini dipantau oleh rakan pakar runding SME Corp iaitu BDEC Resources Malaysia Sdn Bhd. Firma pakar runding yang memantau dan memastikan kumpulan perintis ini sentiasa bergerak ke arah matlamat yang ditetapkan oleh SME Corp. Kumpulan perintis juga diberikan geran maksimum RM500,000 bagi setiap RM500,000 yang dilabur oleh firma masing-masing.

“Kami mahu SME sendiri memacu proses ini,” kata Datuk Dr. Hafsa. Kejayaan kumpulan perintis ini mendorong SME Corp untuk mendaftarkan kumpulan SME yang baharu bagi membantu lebih banyak lagi SME di Malaysia untuk mencebur industri aeroangkasa. Walau bagaimanapun, SME Corp akan terus memantau dan menilai prestasi syarikat SME yang terlibat dalam program perintis ini.

Bagi menyahut cabaran masa hadapan, Datuk Dr. Hafsa menegaskan bahawa SME di Malaysia mesti bersedia menerima tren baharu dalam bidang teknologi seperti penggunaan sistem robotik dan automasi serta sistem pembelian dalam talian (e-procurement). Beliau juga menyuarakan keyakinan beliau dengan kebolehan SME di Malaysia. “Mereka mudah menerima perubahan dan sangat cepat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa,” tambah beliau lagi.



Simulator penerbangan penuh A330 7000XR Series.

Kewangan sebagai usaha menarik lebih banyak pelaburan dalam industri ini. Di bawah insentif tersebut, syarikat SBSR layak memohon insentif cukai sama ada dalam bentuk Status Perintis (Pioneer Status), yang menawarkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun, atau dalam bentuk Elaun Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance) untuk permohonan 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak, yang ditanggung dalam tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama dilakukan. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berperanan mengurus dan membuat pentaksiran ke atas skim ini.

Menjadi Pesaing Global dalam Industri Aeroangkasa

Malaysia telah membina asas kukuh untuk membangunkan industri aeroangkasa yang mampu berkembang pesat sejak Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Negara yang dilancarkan hampir 20 tahun dahulu. NKEA Perkhidmatan Perniagaan berperanan sebagai enjin untuk memacu pertumbuhan industri ini, yang turut memanfaatkan daripada rantai bekalan globalisasi serta inisiatif untuk meletakkan Malaysia sebaris dengan “3M” dalam dunia aeroangkasa, bersama-sama

Mexico dan Morocco. Ketiga-tiga negara ini yang kian terserlah sebagai hab perkhidmatan aeroangkasa yang utama, masing-masing bagi pasaran Amerika dan Eropah.

Dalam hal ini, antara inisiatif utama yang diyatik untuk membolehkan SME merebut peluang agar mampu berkembang dalam pasaran. Ini adalah dengan menggalakkan SME untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam industri tempatan terlebih dahulu. Inisiatif ini merangkumi pembinaan ekosistem pengeluar peralatan asal (OEM) yang disokong oleh pembangunan modal insan dan keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang pembuatan struktur dan komponen. Selain itu, usaha untuk menarik syarikat OEM yang besar termasuk membangunkan rantai bekalan di Malaysia bagi memperbaik kawalan mutu dan meningkatkan integrasi teknologi pada kos yang lebih rendah.

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN



Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamad, di majlis pelancaran Persatuan Malaysia Industri Aeroangkasa pada 28 Mac 2016.

Aktiviti dalam sektor ini juga bakal dirancakkan lagi dengan kehadiran Asia Aerospace City (AAC) yang sedang dibangunkan dan dijangka siap pada 2018.

Setakat ini, SME aeroangkasa di Malaysia telah menjana hasil kumulatif mencecah RM20 juta. SME Corp selaku agensi peneraju telah mengenalpasti 10 SME untuk diberikan sokongan menjadi pemain global dan menjalinkan kerjasama dengan nama-nama tersohor dalam industri aeroangkasa. Sehubungan dengan itu, SME Corp, bersama-sama MITI dan MATRADE telah membawa kesemua SME terbabit ke United Kingdom untuk menunjukkan kemampuan mereka di Farnborough International Airshow dari 16-20 Julai 2016. Di samping itu, Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) yang baru ditubuhkan di bawah MITI juga membantu syarikat-syarikat dalam sektor lain, antaranya minyak & gas dan automatik, untuk memudahkan peralihan menceburi sektor aeroangkasa.

Meskipun tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar bagi sektor aeroangkasa. Akan tetapi, aktiviti pelaburan masih rancak usaha sama yang dimeterai antara Malaysia

Airlines dengan Aircraft Propeller Service, sebuah syarikat AS untuk membina sebuah fasiliti MRO bagi pesawat turboprop ATR yang pertama di Asia, akan beroperasi di KLIA. Jalinan usaha sama antara AirAsia dengan CAE, pembekal latihan penerbangan juga ditandatangani yang menyaksikan fasiliti simulator penerbangan pesawat A330 lengkap bernilai USD10 juta dilancarkan di Asian Aviation Centre of Excellence (AACE). Selain itu, tahun 2016 turut menyaksikan pembukaan fasiliti baik pulih bahagian badan pesawat dimiliki oleh Asahi Aero Malaysia Sdn Bhd, sebuah syarikat Jepun dengan nilai pelaburan RM18 juta yang merupakan fasiliti pertama seumpamanya di Asia Tenggara. Pelaburan bernilai tinggi yang turut dicatatkan termasuk pusat baik pulih komponen berkeluasan 24,000 kaki persegi yang baru dibuka, dimiliki oleh syarikat Swiss, RUAG Aviation, yang juga fasiliti pertama seumpamanya di Asia.

Aktiviti dalam sektor ini juga bakal

dirancakkan lagi dengan kehadiran Asia Aerospace City (AAC) yang sedang dibangunkan dan dijangka siap sepenuhnya pada 2018. AAC tersebut berperanan sebagai hab aeroangkasa OEM di Asia Tenggara dan bakal menjadi pemangkin yang akan memajukan industri aeroangkasa dengan berperanan sebagai destinasi setempat yang membekalkan pelbagai jenis perkhidmatan. Antara lain, perkhidmatan yang dibekalkan ialah penyelidikan dan pembangunan, latihan serta rundingan perniagaan. Selain itu, aktiviti promosi untuk industri ini turut disokong oleh persidangan Kuala Lumpur International Aerospace Business Convention (KLIABC) yang kedua, yang dianjurkan oleh MATRADE. Persidangan yang dilangsungkan dari 7 hingga 9 Disember ini menjadi tuan rumah kepada delegasi pemain industri aeroangkasa dari lebih 30 negara, dan mengetengahkan pameran daripada 250 syarikat selain mempertemukan lebih 3,000 mesyuarat perniagaan.

Seiring perkembangan yang dialami oleh

sektor ini, pemain industri juga memerlukan wadah yang membolehkan mereka berkongsi aspirasi dan juga luahan pendapat untuk kepentingan bersama. Sehubungan dengan itu, pada Mac 2016, Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) ditubuhkan secara rasmi dan berfungsi sebagai NGO yang menyokong dan mewakili kepentingan semua syarikat Malaysia yang berkumpul dalam sektor aeroangkasa. Gandingan MAIA dan NAICO merupakan suatu wadah yang meletakkan industri ini pada baris hadapan negara yang bakal mengembangkan sayap industri aeroangkasa Malaysia ke peringkat antarabangsa.

dan penyumberan luar (SSO) memperlihatkan pertumbuhan yang semakin memberangsangkan dari tahun ke tahun. Pada 2016, industri yang disokong oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sebagai agensi peneraju utama telah mencatatkan pelaburan berjumlah RM766 juta sekali gus menyediakan 3,734 pekerjaan baharu. Setakat ini, jumlah pekerjaan yang dicipta oleh NKEA ini mele过asi sasaran awal iaitu 43,330 pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. Malah, sejak 2004, Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai lokasi SSO yang ketiga popular di dunia menurut AT Kearney's Global Services Location Index.

Pada tahun ini juga, kedudukan Malaysia sebagai gerbang SSO serantau semakin kukuh ekoran inisiatif Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS), sebuah program khusus yang dilancarkan di Iskandar Puteri, Johor oleh i2M Ventures Sdn Bhd (sebuah subsidiari Khazanah Nasional Berhad) bertujuan untuk mempermudahkan penubuhan operasi GBS di Iskandar Puteri.

Malaysia, Gerbang bagi Industri Penyumberan Luar Asia

Industri perkongsian perkhidmatan



Pelancaran sulung Global Business Services Forum (2016) di Iskandar Puteri, Johor.

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN



Selaras dengan ini, sektor Perkhidmatan Perniagaan juga telah diiktiraf sebagai sektor yang digalakkan di bawah Iskandar Malaysia, bersama lapan sektor lain seperti kandungan kreatif, pelancongan dan pendidikan. Sebagai sektor utama, pelabur berkelayakan dalam sektor Perkhidmatan Perniagaan akan layak menikmati insentif dan faedah yang ditawarkan oleh Iskandar Malaysia, termasuklah pelepasan cukai dan fleksibiliti dalam pengambilan pekerja berpengetahuan dari negara luar.

Sementara itu, usaha untuk membangunkan dan mempertingkat kemahiran dalam industri ini menyaksikan jalinan kerjasama antara Outsourcing Malaysia dengan MDEC dan TalentCorp untuk melaksanakan program Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah - Perkongsian Perkhidmatan dan Penyumberan Luar (GEMS SSO). Program ini menyasarkan matlamat untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah baharu bagi menampung keperluan guna tenaga yang berteraskan pengetahuan dalam sektor GBS. Program ini menawarkan latihan

berorientasikan industri kepada pelajar tahun akhir daripada universiti tempatan. Peserta dipilih mengikut kursus latihan intensif selama 10-12 hari yang diiktiraf diperangkat antarabangsa dan dikelolakan oleh pelatih daripada International Association of Outsourcing Professionals. Bermula tahun 2004, seramai 267 pelajar sarjana muda telah dilatih di bawah program tersebut, dan 199 daripada mereka berjaya ditempatkan di 150 syarikat SSO di bawah program latihan amali (internship).

yang dijana melalui pelaburan dalam sektor teknologi hijau. Dalam pada itu, acara International GreenTech and Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) yang dianjurkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bermula 5 hingga 8 Oktober berjaya menarik 33,903 pengunjung dan 350 peserta pameran dari 33 negara, selain mencatatkan potensi perniagaan bernilai RM2.2 bilion susulan pelbagai peluang perniagaan yang wujud dalam tempoh empat hari acara itu berlangsung.

Mempercepatkan Pertumbuhan Ekonomi Hijau

Sektor teknologi hijau di Malaysia memperlihatkan perkembangan yang sihat pada 2016 dengan menjana pulangan mencecah RM5 bilion, selain RM3.5 bilion

Memperkuuh Peranan Malaysia sebagai Hab Pusat Data Global

Malaysia terus mendapat manfaat daripada aliran permintaan untuk pusat data, didorong oleh permintaan daripada syarikat-syarikat yang memerlukan ruang menyimpan dan menggunakan maklumat digital. Pada Ogos 2016, VADS Bhd memulakan pembinaan pusat data Tahap III yang baharu dengan keluasan 100,000 kaki persegi di Nusajaya, Johor. Pusat ini kelak akan dihubungkan kepada fasiliti yang sama bakal dibina di Cyberjaya, Selangor dengan menggunakan capaian gentian optik berkelajuan 100Gbps. VADS turut mengumumkan penubuhan VADS Marketplace, yang merupakan fasiliti pertukaran *cloud computing* yang pertama di Malaysia berteraskan pelan pusat data berkembar. Platform pertukaran *cloud* tersebut menawarkan penyelesaian hibrid atau multi-cloud kepada pelanggan dan

diperkuuh oleh strategi teras berkembar yang dibangunkannya.

Berhubung dengan rangka dasar pula, pelbagai inisiatif kini diusahakan untuk membantu meningkatkan daya saing industri ini. Cabaran melibatkan kos penjanaan kuasa yang semakin meningkat sedang diatasi secara komprehensif menerusi skim bayaran berteraskan efisiensi, antaranya, *Enhanced Time of Use (ETOU)* dan *Incentive-Based Regulation (IBR)*. Kedua-dua skim ini menawarkan nilai yang lebih jelas kepada pengguna akhir untuk membolehkan mereka mengurangkan penggunaan, sekali gus membolehkan penjimatkan kos. Sementara itu, MDEC akan menerajui pembangunan Rangka Kerja Tadbir Urus Data yang dipertingkatkan, yang akan menyediakan rangka kerja yang selamat dan bersepadan bagi penyimpanan, pemindahan, pertukaran dan penggunaan data dan perkhidmatan digital.


Ini sudah tentu berupaya memperkuuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju perkhidmatan pusat data pada peringkat global.

Pada Ogos 2016, VADS Bhd memulakan pembinaan pusat data Tahap III yang baharu dengan keluasan 100,000 kaki persegi di Nusajaya, Johor. Pusat ini kelak akan dihubungkan kepada fasiliti yang sama bakal dibina di Cyberjaya, Selangor dengan menggunakan capaian gentian optik berkelajuan 100Gbps.



Gambaran artis pusat data VADS di Nusajaya Tech Park.

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN



Pembinaan kapal sokongan luar persisiran oleh syarikat peneraju di dalam inisiatif EPP6.

Mencergaskan Sektor Pembinaan dan Baik Pulih Kapal

Pada 2016, sektor pembinaan dan baik pulih kapal (SBSR) di Malaysia menyaksikan pelaksanaan insentif cukai bertujuan mencergaskan kembali sektor ini. Di bawah insentif baharu tersebut, syarikat SBSR layak memohon insentif cukai sama ada dalam bentuk Status Perintis (Pioneer Status), yang menawarkan pengecualian cukai pendapatan 70 peratus ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh lima tahun, atau dalam bentuk Elaun Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance) bagi mendapatkan elauan 60 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak, yang ditanggung dalam tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama dilakukan. Permohonan serta pemantauan ke atas pelaksanaan insentif ini diuruskan oleh MIDA yang turut menyediakan sokongan kepada pemain industri untuk menanam modal meskipun berdepan

dengan persekitaran perniagaan yang serba mencabar.

Disebabkan iklim ekonomi yang suram menyelubungi sektor minyak dan gas yang menyumbang kepada sebahagian besar daripada permintaan untuk sektor SBSR di Malaysia, beberapa inisiatif sedang digiatkan untuk merangsang pertumbuhan dalam bidang kebitaraan yang lain dengan diterajui oleh *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT). Bidang pertumbuhan lain yang dimaksudkan, antaranya ialah industri kapal ikan yang bakal menyaksikan penguatkuasaan standard dan garis panduan baharu ke atas pembinaan kapal ikan pada 2017. Standard baharu tersebut dibangunkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia secara bersama dengan MIGHT, dengan kerjasama pemain industri dan badan pensijilan berkaitan yang bertujuan memperbaik jaminan keselamatan dan kebersihan kapal yang dibina dalam negara agar setanding standard antarabangsa. Langkah ini dijangka mampu

mengembangkan daya eksport kapal ikan buatan tempatan di samping memperkuuh pembiayaan komersial dan menggalakkan amalan perikanan secara lestari dan mampan.



Kerja penyelenggaraan dan pembaikan di atas kapal.


MELANGKAH KE HADAPAN ▶

NKEA Perkhidmatan Perniagaan akan terus menyasarkan usaha untuk membangunkan Malaysia sebagai destinasi premier untuk pelbagai industri bernilai tinggi termasuk aeroangkasa, SSO dan pusat data. Namun, Malaysia juga perlu mempertingkat dan membangunkan daya saingnya agar kekal kompetitif berbanding pasaran-pasaran lain yang menawarkan kos lebih rendah dan insentif kerajaan lain yang menarik. Walaupun ketidaktentuan ekonomi global menjadi faktor yang mengekang perbelanjaan dalam sektor Perkhidmatan Perniagaan, namun, peluang dalam industri ini masih terbentang luas. Oleh hal yang demikian, inisiatif di bawah

NKEA ini akan berusaha menggalakkan jalinan perkongsian merentasi sempadan dengan pelibatan SME. Selain itu, pengurusan NKEA di bawah bidang kuasa MITI turut memastikan NKEA ini diberikan pendekatan yang khusus untuk mengembangkan industri Perkhidmatan Perniagaan agar sejajar dengan dasar perdagangan dan pelaburan Malaysia.

KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

MEMBINA MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK MENERUSI KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN KESALINGHUBUNGAN



**DATUK SERI PANGLIMA
DR. MOHD SALLEH
TUN SAID KERUAK**

Menteri Komunikasi dan
Multimedia

Tahun lepas menyaksikan NKEA ini telah mencatatkan kemajuan yang mantap ke arah mencapai aspirasi 2020 dengan bersandarkan kepada impak kewangan yang telah dicetuskan di samping manfaat sosial yang begitu ketara. Perkembangan ini sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan tahap hidup rakyat, khususnya pada golongan 40% isi rumah berpendapatan rendah (B40), dengan memanfaatkan platform digital untuk menjana pendapatan tambahan.

Agenda Ekonomi Digital akan mengangkat kemampuan warga Malaysia, khususnya golongan B40 dan usahawan yang dilahirkan untuk meneroka peluang ekonomi baharu sekali gus membolehkan agihan kekayaan yang lebih adil sesama rakyat. Demi merealisasikan agenda ini, kami berganding rapat dengan pihak industri bagi memastikan ketersediaan Internet di kawasan luar bandar, lantas merapatkan jurang digital antara komuniti bandar dengan luar bandar. Usaha ini diperkuuh dengan inisiatif jalur lebar untuk semua (Broadband for All) dengan mewujudkan sebuah ekosistem yang menyeluruh untuk memudahkan akses kepada platform digital. Pelaksanaan projek capaian jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) dan pembinaan rangkaian kabel dasar laut Bay of Bengal yang telah siap sepenuhnya turut menyokong kesalinghubungan negara di rantau ini.

Inisiatif e-Kerajaan pula menyasarkan matlamat untuk mengangkat tahap kehidupan rakyat dengan memastikan kecekapan dan keberkesaan dari aspek penyampaian perkhidmatan awam dalam bidang kesihatan pengurusan dokumen dan perkhidmatan kerajaan dalam talian dilaksanakan. Namun, kami tetap peka akan penambahbaikan yang perlu dijalankan secara berterusan dalam inisiatif e-Kerajaan bagi memastikan rakyat dapat berinteraksi dengan Kerajaan dengan lebih mudah, mengurangkan impak terhadap alam sekitar dan menghindari ketirisan maklumat.

Dalam perkembangan seterusnya, usaha bagi mempercepatkan eksport kandungan kreatif negara dalam bentuk filem, animasi dan permainan video akan terus dilaksanakan. Pada masa yang sama, pihak kami akan memperkuuhkan dan menarik lebih banyak lagi pelaburan asing menerusi Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) dengan insentif yang mampu menarik pelaburan bernilai tinggi.

Pada tahun akan datang, fokus utama adalah terhadap perwujudan keterhubungan ekonomi (connected economy) yang berupaya mencipta nilai dengan menjalinkan hubungan sesama insan, mesin dan organisasi bersandarkan teknologi agar matlamat sebenar NKEA ini bakal terserlah sepenuhnya.

Animonsta

- 2016 Rekod pencapaian box office RM16.7juta
- No #1 animasi di Indonesia
- Memeterai perjanjian dengan TOMY Jepun

GIGGLE GARAGE**ORIGIMALS**

- Memenangi pelbagai anugerah (Malaysia, Korea Selatan & Jepun)
- Dipancarkan kepada lebih 140 juta penonton di Latin Amerika, Mexico, Amerika Syarikat, Ireland, Portugal dan Asia (ASEAN/Oceania/ANZ/Korea).

ANIMASIA**CHUCK CHICKEN**

- Mencatatkan kejayaan gemilang dalam siri animasi yang disiarkan melalui "iQiyi", satu platform IPTV dengan 800juta tontonan
- L&M bkerjasama dengan syarikat AS

DIGITAL DURIAN**DIDI & FRIENDS**

- 213 Juta tontonan di YouTube sejak dilancarkan pada Mei 2014
- Program No1 prasekolah di Astro



Kandungan Kreatif telah memasuki pasaran antarabangsa

GAMBARAN KESELURUHAN

Tahun ini menunjukkan inisiatif CCI berkembang dengan jayanya, khususnya dalam bidang komunikasi dan kandungan kreatif. Bidang komunikasi telah mengubah fokus kepada aplikasi dan kandungan kreatif, berbanding infrastruktur dan akses seperti sebelum ini. Anjakan tersebut dipacu oleh sektor swasta yang menitikberatkan keterhubungan ekonomi dengan teknologi. Secara keseluruhannya, NKEA CCI mencapai 131% KPI yang ditetapkan pada tahun 2016.

Industri telekomunikasi turut memperlihatkan perkembangan yang signifikan dalam liputan jalur lebar untuk tali tetap dan mudah alih. Hal ini bersandarkan pencapaian projek HSBB2 dan SUBB yang berjaya meluaskan liputan bagi perkhidmatan tali tetap, sementara capaian perkhidmatan jalur lebar mudah alih berlaku melalui peluasan perkhidmatan LTE. Dalam pada itu, kesalinghubungan jalur lebar negara semakin diperkuuh susulan pembinaan kabel dasar

laut Bay of Bengal yang lengkap sepenuhnya pada separuh pertama tahun 2016. Bagi memastikan lebih banyak warga Malaysia menikmati jalur lebar, sasaran liputan LTE seluruh negara telah ditingkatkan daripada 58% kepada 65% semasa kajian separuh penggal KPI pada pertengahan tahun 2016.

Dalam perkembangan berikutnya, kandungan kreatif mencatatkan pertumbuhan eksport yang kukuh dengan pencapaian sebanyak 182% atau sehingga mencecah RM1.217 bilion. Seiring pengukuhan industri yang semakin matang, pemain industri turut memperlihatkan kemampuan tadbir urus yang semakin tersusun. Creative Content Association of Malaysia (CCAM) telah menggunakan pendekatan pemasaran yang baharu untuk memasarkan kandungan kreatif tempatan ke luar negara sehingga berjaya memperluas kandungan buatan Malaysia ke pasaran global. Usaha ini banyak membantu syarikat penerbitan tempatan, terutamanya syarikat-syarikat kecil yang tidak berupaya

Kandungan kreatif mencatatkan pertumbuhan eksport yang kukuh dengan pencapaian sebanyak 182% atau sehingga mencecah RM1.217 bilion.


memasarkan kandungan mereka ke arena antarabangsa, dana yang tidak mencukupi atau tidak mempunyai rangkaian sokongan pasaran yang lebih luas.

KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

BAY OF BENGAL GATEWAY SUBMARINE CABLE SYSTEM MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB IP SERANTAU



*Mohamad Izani Karim
Pengurus Besar Carrier Network Development, TM*



Bay of Bengal Gateway (BBG) yang siap dibina dan mula beroperasi pada tahun 2016 memberikan lebih kepelbagaiannya pada Malaysia dalam perhubungan antarabangsa, lantas membantu memperkuuhkan peranan Malaysia sebagai hab IP serantau.

Sistem kabel tersebut meliputi jarak lebih 8,000 km dari Pulau Pinang ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan menjadi saluran alternatif bagi laluan IP antara Singapura dan benua Eropah melalui Malaysia. Pada masa ini, kebanyakannya kabel dari negara-negara Asia ke benua Eropah adalah melalui negara Mesir. Tetapi dengan adanya BBG sebagai alternatif, sistem kabel baru ini akan berperanan sebagai mekanisme perkongsian beban jika satu jaringan komunikasi mengalami kerosakan atau gangguan, seterusnya mampu mengurangkan gangguan kepada pengguna.

Hasilnya, pengguna-pengguna jalur lebar di Malaysia akan memperolehi manfaat dan pengalaman penggunaan perkhidmatan yang lebih baik dan ini adalah sesuatu yang amat penting dalam tunjangan.

“Sistem kabel tersebut meliputi jarak 8,000 km dan Pulau Pinang ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan menjadi saluran alternatif bagi laluan IP antara Singapura dan benua Eropah melalui Malaysia.”

kemajuan NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (NKEA CCI). Dengan adanya kelebihan ini, ia juga akan mempertingkatkan kepelbagaiannya penawaran Telekom Malaysia Berhad (TM) melibatkan produk jalur lebar kepada pelanggan-pelanggan antarabangsa. Ini secara tidak langsung memberi kelebihan kepada negara ini dalam menarik minat syarikat-syarikat utama yang terlibat dalam aktiviti mengurus pusat pangkalan data dan isi kandungan, yang menjadi fokus utama dalam NKEA CCI.

Pengurus Besar Bahagian Carrier Network Development, TM, En. Mohamad Izani Karim, menyatakan bahawa sistem BBG ialah sistem kabel pertama yang menghubungkan Singapura dengan benua Eropah melalui kabel dasar laut dan darat di Malaysia. Beliau juga menjelaskan bahawa reka bentuk sistem BBG membolehkan maklumat dan data dihantar tanpa sebarang gangguan dan masalah kesesakan.

“Kos untuk membina kabel terus ke Singapura adalah mahal akan tetapi dengan melalui sistem BBG, kami memberikan satu pilihan tambahan,” jelas En Izani. “Kita boleh mengukuhkan kedudukan dan peranan Malaysia sebagai satu hab bagi trafik IP.”

Malaysia mempunyai beberapa kelebihan berbanding Singapura dari segi pembinaan sistem kabel darat terutamanya melibatkan kerumitan dan syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh pihak berkuasa Singapura yang mesti dipatuhi. Kesesakan laluan kapal di perairan Singapura juga boleh mendedahkan sistem kabel dasar laut kepada ancaman kerosakan akibat terkena sauh kapal-kapal, justeru memerlukan kabel tersebut ditanam lebih jauh ke dasar laut. Ini

mendekati kos menanam kabel di Singapura sangat tinggi. . Malaysia mempunyai tempat yang lebih luas bagi menanam kabel di bawah tanah dan kosnya lebih murah berbanding kos di Singapura.

“Malaysia mempunyai banyak kawasan yang sesuai bagi pendaratan kabel dasar laut. Jadi, firma pembekal IP antarabangsa boleh membina pusat pengumpulan dan pemprosesan data masing-masing di sini,” kata En Izani. TM sendiri bekerjasama dengan beberapa firma besar IP untuk membina pusat pengkalan data di Malaysia di bawah inisiatif Kandungan Tempatan CLI (Content Localisation Initiative). Dengan usaha ini, kedudukan Malaysia sebagai hab pusat pangkalan data boleh dimajukan. Tambahan pula, bandingan kos tenaga di negara ini masih agak rendah. Bagi keperluan pusat data, perkara yang penting ialah ruang, tenaga elektrik dan kepentasan jaringan perhubungan.”

Sistem BBG merupakan salah satu daripada jaringan perhubungan yang dirancang dan dibina bagi memperluaskan jaringan hubungan dan rangkaian komunikasi di Malaysia. En. Izani memaklumkan bahawa pada masa kini, telah tersedia sekurang-kurangnya lima jaringan kabel ke US dan tiga jaringan utama ke benua Eropah. Disamping itu, TM juga mahu memperluaskan pertumbuhan dan pembangunan sistem BBG di rantau ASEAN.

Tambah En. Izani lagi, banyak cabaran dilalui semasa pembinaan sistem kabel dasar laut BBG, antaranya ialah berkaitan dengan pemerolehan visa kerja, perbezaan syarat, dan peraturan dari satu negara ke satu negara lain bagi jaringan kabel perlu dipasang, yang menyebabkan kelewatan projek.

Menyentuh tentang dorongan untuk memacu industri jalur lebar di Malaysia, En. Izani mencadangkan insentif berbentuk kewangan harus diwujudkan. Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi pada masa hadapan semakin pesat dirangsang oleh industri digital, maka harus ada sokongan infrastruktur digital yang maju dan bermutu tinggi.

“Pada masa hadapan kami memerlukan peningkatan dalam kapasiti. Ekonomi digital dan automasi memerlukan sistem kapasiti jaringan komunikasi yang serba cekap dan pantas. Jalur lebar merupakan kunci dalam memacu pertumbuhan ini dan kita mesti memperkasakan jaringan komunikasi jalur lebar bagi kedua-dua pasaran tempatan dan global.”



Pemasangan sistem kabel Bay of Bengal di stesen pendaratan kabel Kuala Muda

Pertumbuhan Secara Inklusif menerusi Kesalinghubungan Internet

Akses Internet yang lancar dan mudah merupakan suatu jaminan penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi secara inklusif dan meningkatkan daya saing global, dengan memanfaatkan platform digital. Inisiatif yang diusahakan di bawah NKEA CCI terus mencatatkan penambahan dari aspek infrastruktur capaian Internet di seluruh negara bertujuan untuk merapatkan jurang digital antara komuniti bandar dengan luar bandar, di samping memenuhi permintaan perkhidmatan jalur lebar yang semakin meningkat.

Pada tahun ini, bilangan port yang membekalkan akses kepada jalur lebar berkelajuan tinggi bagi fasa 2 (HSBB2) berkelajuan 100Mbps di kawasan bandaraya serta bandar-bandar utama yang lain telah melepassi sasaran keseluruhan tahunan sebanyak 240,000 port iaitu 281,262 port pada tahun 2016. Antara bandar dan pekan utama yang mendapat port HSBB yang baharu ini termasuk Kangkar Pulai, Johor; Kemasek, Terengganu; Bukit Palah, Melaka; Kota Belud, Sabah; dan Lundai, Sarawak.

Sementara itu, liputan jalur lebar dalam negara meningkat dengan penambahan

127,546 port yang membekalkan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar (SUBB). Walaupun jumlah ini hanya 96% sasaran KPI iaitu 133,000 port baharu pada tahun 2016, jumlah kumulatif bilangan port telah mencecah 219,390. Angka ini melepas sasaran kumulatif 200,000 port, berikutnya bilangan port yang dibina dalam tahun-tahun sebelum ini berjaya melebihi sasaran. Inisiatif ini kini 72% siap dan dijangka selesai sepenuhnya pada tahun 2019.

Bagi mengukuhkan lagi kesalinghubungan Malaysia, pembinaan kabel dasar laut, Bay of Bengal Gateway sepanjang 8,100 km telah siap sepenuhnya pada 2016 lantas mewujudkan keterhubungan berkelajuan tinggi di antara Malaysia, benua India, Timur Tengah dan Eropah. Gateway ini dibina hasil kerjasama konsortium terdiri daripada Telekom Malaysia, Dialog Axiata, Vodafone, Omantel, Etisalat, Reliance Jio Infocomm, AT&T, China Telecom dan Telstra. Bay of Bengal Gateway menghubungkan Malaysia, Oman, India, Sri Lanka dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan menggunakan kaedah kabel dasar laut, dan menghubungkan Singapura menggunakan kaedah kabel darat, sekali gus menyokong pertumbuhan jalur lebar.

Satu lagi inisiatif yang turut menyasarkan penambahan keterhubungan ialah Sistem Kabel Rakyat 1 Malaysia (SKR1M) yang menghubungkan Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak. Projek ini berada pada landasan untuk siap sepenuhnya

Liputan LTE pada 2016 sebanyak 63.94%



Pekerja memasang kabel gentian optik Bay of Bengal

tanpa sebarang kelewatan. Pelaksanaannya ketika ini mencapai 70.7%, melepassi sasaran kumulatif 65% bagi tahun 2016. Apabila siap sepenuhnya kelak, SKR1M akan memperkuuh kesalinghubungan kabel dasar laut domestik sedia ada di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, sekali gus membekalkan lebar jalur yang diperlukan untuk memacu pertumbuhan pada masa depan.

Memandangkan semakin ramai rakyat negara ini yang mengakses Internet melalui teknologi mudah alih, maka peranan akses

Liputan jalur lebar di pinggir bandar telah dipertingkatkan dengan penambahan 127,546 port bagi kawasan tersebut.

KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

Bilangan kementerian dan agensi yang menggunakan Sistem Pengurusan Dokumen Secara Digital 2.0 (DDMS 2.0) melonjak kepada 33

melalui teknologi LTE adalah semakin penting bagi membolehkan matlamat infrastruktur jalur lebar negara secara umumnya dicapai. Inisiatif ini mencatatkan pencapaian yang signifikan dalam usaha memperluas liputan ke lebih banyak bandar pada 2016 dengan dipacu oleh sektor swasta. Tahap liputan yang dicatatkan pada 2016 mencecah 63.9%, suatu perkembangan signifikan berbanding liputan 53.5% yang direkodkan pada tahun 2015. Dengan hal yang sedemikian, sasaran liputan LTE ditingkatkan daripada 58% kepada 65% untuk memacu usaha ke arah liputan yang lebih luas dan memperbaiki pengalaman rakyat semasa kajian semula KPI pada pertengahan tahun 2016.

Memperbaik Penyampaian Perkhidmatan Awam

Dalam perkembangan seterusnya, sektor kesihatan awam turut mencatatkan perkembangan kadar penggunaan aplikasi e-kesihatan. Kira-kira 515 fasiliti kesihatan menggunakan aplikasi e-kesihatan, bersamaan dengan 103% daripada sasaran awal 500 fasiliti. Keberkesanan aplikasi e-kesihatan adalah termasuk mengurangkan waktu menunggu, mengelakkan kesilapan atau ralat dalam



memberi ubat-ubatan, akses dan integrasi rekod pesakit yang lebih mudah serta pantas. Dengan peningkatan fasiliti yang menggunakan aplikasi ini, para pesakit menikmati kualiti perkhidmatan yang jauh lebih baik. Menjelang 2020, 1061 Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian, di samping 150 hospital dan institusi akan dilengkapi dengan perkhidmatan aplikasi e-kesihatan. Pada masa kini, pencapaian adalah pada tahap 84% menjelang tahun 2020.

Sementara itu, langkah Kerajaan yang berterusan untuk mempertingkatkan perkhidmatan demi kepentingan orang awam sekali gus memastikan ketelusan dan mengurangkan pembaziran kertas, menyaksikan bilangan kementerian dan agensi yang menggunakan Sistem Pengurusan Dokumen secara Digital 2.0 (DDMS 2.0) melonjak kepada 33, melepassi sasaran awal iaitu 10. Terkini, kementerian dan agensi yang menggunakan sistem ini terdiri daripada ARKIB Negara, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan.

Merealisasikan Potensi Kandungan Kreatif Malaysia pada Peringkat Global

Inisiatif NKEA CCI yang dilancarkan beberapa tahun yang lepas kini membawa

hasil apabila Malaysia mula mengukir nama dalam industri pembikinan filem global. Hal ini diutarakan sedemikian kerana hasil eksport kandungan kreatif mengatasi jangkaan pada 2016 apabila mencecah perolehan melebihi RM1.217 bilion, berbanding sasaran RM670 juta untuk tahun tersebut. Antara filem yang berjaya mencatat kejayaan cemerlang di luar negara pada tahun 2016 ialah BoBoiBoy The Movie oleh Animonsta yang meraih hasil kutipan filem animasi tertinggi di pawagam Indonesia, malah, turut memeterai perjanjian barang filem dengan TOMY di Jepun. Selain itu, Origanimals oleh syarikat Giggle Garage turut membawa nama negara ke pentas antarabangsa apabila memenangi anugerah di Korea Selatan dan Jepun, dan kini disiarkan kepada lebih 140juta penonton di seluruh dunia, termasuk di Mexico, AS dan Ireland. Karya animasi tempatan lain yang turut mencatat kejayaan cemerlang di luar negara yang disiarkan melalui iQiyi- satu platform IPTV yang mempunyai bilangan penonton siri animasi paling ramai dan pada carta teratas di China termasuklah Chuck Chicken, yang memperolehi catatan 800 juta penonton. Karya Didi and Friends pula mencatatkan 213 juta penonton di YouTube sejak mula dilancarkan pada Mei 2014.

Dalam arena permainan video pula, Malaysia turut menyumbang kepada pembangunan permainan video yang popular, antaranya, Final Fantasy XV, Gears of War 4 dan Uncharted 4. Appxplore merupakan syarikat permainan video Malaysia yang pertama melancarkan IPO (tawaran awam permulaan)

dan telah tersenarai di Australian Securities Exchange pada Januari 2016. Pembangunan permainan tersebut mempunyai enam buah permainan yang mencatatkan 16 juta muat turun, bahkan pernah menduduki carta Editor's Choice di laman Google Play Store dan Apple App Store.

CCAM yang mewakili Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah menganjurkan dan mengetuai delegasi lima (5) buah filem Malaysia yang ditayangkan kepada pemain industri. Malah, CCAM turut membantu warga pengarah dan penerbit filem yang memerlukan sokongan untuk menampilkan kandungan kreatif mereka di persada antarabangsa. Dalam hal ini, CCAM berperanan penting kerana turut serta membantu menjalinkan hubungan antara penerbit tempatan dengan pelabur dan pengedar antarabangsa serta penerbitan yang sedang dalam proses produksi.

Kejayaan yang dilakar oleh industri kandungan kreatif negara di pentas luar banyak disokong oleh usaha pemasaran filem dan siri TV di festival filem asing, seperti European Film Market Berlin dan Hong Kong Filmart. Pencapaian yang amat membanggakan dalam

industri pembikinan filem dapat dilihat daripada filem Redha apabila berjaya merangkul beberapa anugerah antarabangsa, antaranya, Merit Award di Los Angeles Awareness Film Festival 2016. Bahkan, filem ini turut terpilih dalam senarai pencalonan Golden Globe Awards, sekali gus membuktikan betapa industri pembikinan filem Malaysia telah berkembang dalam tempoh beberapa tahun yang lepas. Sementara itu, sebuah inisiatif baharu, Malaysia Goes To Cannes di Marche Du Film pula telah berjaya membuka mata pemain industri filem antarabangsa terhadap kemampuan Malaysia untuk menerbitkan filem berkualiti, selain meneroka peluang untuk projek-projek lain yang sedang dalam pembikinan, bagi tujuan kerjasama atau untuk dipilih sebagai program yang akan ditayangkan di festival filem mereka. Sepuluh filem Malaysia ditayangkan menerusi inisiatif Malaysia Goes to Cannes ini, antaranya, 'Jagat', filem drama-jenayah dalam bahasa Tamil yang turut terpilih untuk New York Asian Film Festival tahun ini; 'Pekak', karya Mohd Khairul Azri dan 'Munafik'.

Sepuluh filem Malaysia ditayangkan menerusi inisiatif Malaysia Goes to Cannes ini, antaranya, 'Jagat', filem drama-jenayah dalam bahasa Tamil yang turut terpilih untuk New York Asian Film Festival tahun ini; 'Pekak', karya Mohd Khairul Azri dan 'Munafik'.

Syarikat Malaysia yang berjaya pada peringkat global dalam bidang permainan video

Visual permainan yang dibangunkan bersama di peringkat IP antarabangsa seperti Final Fantasy XV, Gears of War 4 and Uncharted 4



Syarikat Malaysia yang pertama melancarkan tawaran awam permulaan



- Dipaparkan sebagai **Pilihan Editor** di dalam Google Play Store dan Apple App Store
- **6 permainan dibangunkan dengan 16 juta muat turun**
- IPO di ASX pada January 2016



KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI



Menara pemancar telekomunikasi

MELANGKAH KE HADAPAN ►

Dalam usaha untuk memperbaiki kecekapan dan meningkatkan penjelasan berkenaan inisiatif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI), FINAS telah merangka garis panduan baharu merangkumi proses permohonan yang lebih mudah, akan dikuatkuasakan bermula Januari 2017. Dengan berlatarkan kerangka kerja FIMI yang strategik serta kejayaan yang diperlihatkan ketika awal penubuhannya, FINAS bercadang untuk membina kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk menambah baik proses FIMI yang sedia ada.

Sebuah lagi pertubuhan yang

diterajui oleh pihak industri iaitu Creative Content Industry Guild Malaysia (CCIG) juga meneruskan usaha untuk mengangkat standard dalam industri ini. Sehubungan dengan itu, pada 2016, CCIG giat bekerjasama dengan pengamal dan penggiat industri kandungan kreatif antaranya, penulis skrip dan jurukamera – untuk meningkatkan pengetahuan dan kreativiti mereka agar mampu meraih pengiktirafan di kalangan penggiat industri. Sebuah rangka kerja dinamakan Creative Content Industry Recognition Framework (CCIRF) yang kelak akan membantu pengamal industri bertauliah untuk meneroka peluang



pekerjaan daripada syarikat penerbitan luar negara, sekali gus memberikan pulangan pendapatan yang lebih tinggi kepada peserta terbabit.

Matlamat Kerajaan untuk mengangkat kehidupan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah 40% (B40) dan usahawan agar dapat meneroka peluang-peluang ekonomi yang baharu bagi membolehkan agihan kekayaan yang saksama di kalangan rakyat akan terus menjadi fokus bagi NKEA ini. Usaha ini akan dilakukan menerusi pemanfaatan platform digital yang disasarkan untuk menjana sumber pendapatan tambahan.

Selain itu, bagi meneruskan usaha untuk membekalkan capaian Internet berkelajuan tinggi kepada warga di seluruh negara, pelaksanaan HSBB2 secara sepenuhnya akan selesai menjelang Disember 2017, seperti yang termaktub dalam perjanjian bersama dengan Telekom Malaysia.

Bagi HSBB2, jumlah kumulatif port berkelajuan 100Mbps disasarkan untuk dipasang di semua bandar utama adalah sebanyak 390,000 port. Dalam pada itu, sasaran jumlah kumulatif untuk pelaksanaan SUBB yang kini memasuki tahun ketiganya ialah 317,000 port di kawasan pinggir bandar. Sehubungan dengan itu, industri telekomunikasi juga akan menyediakan liputan LTE yang lebih luas di seluruh negara.

Sejajar usaha yang disasarkan oleh Kerajaan untuk memberi dan mengembangkan perkhidmatan e-kerajaan pula, pelaksanaan urusan serta transaksi dalam talian akan ditingkatkan kepada 12%. Pada tahun hadapan, DDMS 2.0 bakal dilaksanakan kepada lebih banyak agensi dengan mensasarkan 30 agensi baharu menjelang akhir 2017. Dengan hal yang demikian, Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan bekerjasama dengan pelbagai kementerian yang lain untuk membangunkan strategi yang mampu mendorong lebih

ramai orang awam untuk berurus secara dalam talian.

PENJAGAAN KESIHATAN



MENAMBAH BAIK PENYAMPAIAN PENJAGAAN KESIHATAN



**DATUK SERI DR. S.
SUBRAMANIAM**

Menteri Kesihatan

Sektor kesihatan di Malaysia kekal sebagai pamacu pertumbuhan ekonomi yang penting pada 2016, dengan bersandarkan beberapa bidang pertumbuhan baharu yang dirangsang oleh NKEA Penjagaan Kesihatan. Perkembangan ini diperkuuh dengan usaha Kerajaan yang terus gigih untuk memperbaik penyampaian jagaan kesihatan menerusi pembinaan keupayaan dan kapasiti, di samping penambahbaikan dasar serta langkah-langkah promosi yang aktif dengan kerjasama Kementerian serta agensi-agensi yang berkaitan.

Dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi, sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti adalah amat penting. Justeru, Kementerian giat berusaha dan bekerjasama dengan semua pihak dalam bidang kesihatan bagi memupuk dan memperkuuh ekosistem kesihatan dengan berteraskan penggarapan teknologi berserta efisiensi. Faktor ini boleh dijadikan sebagai insentif kepada mereka yang menyampaikan penjagaan kesihatan agar dapat menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti pada harga berpatutan untuk manfaat seluruh rakyat.

Malaysia telah bersandarkan kepada sistem kesihatan dua hala di mana sistem kesihatan awam dan swasta wujud berasirungan selama ini serta saling memanfaatkan satu sama lain bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Saya berasa gembira menyaksikan inisiatif di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan telah membawa hasil seperti yang tercatat dalam rekod eksport farmaseutikal dan pelancongan kesihatan pada tahun ini. Ianya membolehkan industri ini berkembang dan seterusnya membantu mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan GNI, dan pada masa yang sama memastikan perkhidmatan kesihatan terus ditawarkan kepada rakyat pada kadar yang berpatutan. Tidak hairanlah sistem kesihatan Malaysia diiktiraf sebagai salah satu sistem kesihatan terbaik di dunia, bahkan, kita turut berjaya memperoleh *Universal Health Coverage* (perlindungan kesihatan sejagat) walhal kita baru memperoleh kemerdekaan 60 tahun yang lalu. Ekosistem yang sihat ini perlu dipertingkatkan menerusi gandingan usahasama, kerjasama, perkongsian pintar serta dasar dan inisiatif kesihatan yang memanfaatkan semua pihak, pada masa yang sama membuka jalan kepada perhubungan

simbiotik yang lebih baik di antara kedua-dua sistem tersebut.

Justeru itu, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang menggubal sebuah pelan induk Inisiatif Transformasi Kesihatan Malaysia. Saya gembira dengan perkembangannya setakat ini, malah yakin bahawa inisiatif ini bakal menggabungkan kekuatan kedua-dua sistem ini. Inisiatif ini sedang dalam fasa perangkaan dan sesi rundingan bakal diadakan bagi mendapatkan maklum balas semua pihak berkepentingan bagi memastikan kemampuan serta daya maju inisiatif tersebut untuk jangka panjang. Matlamat akhir adalah membangunkan sebuah sistem kesihatan yang mampan dan berdaya tahan, serta mampu menawarkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, adil, mampu dibayar dan mudah diakses oleh semua rakyat.



MEDIVEN mencipta and membuat kit diagnostik yang standing dengan garis panduan dan piawaian antarabangsa. Produk buatan tempatan ini digunakan untuk mengenalpasti penyakit berjangkit seperti virus Zika, Denggi, dan Chikungunya

GAMBARAN KESELURUHAN

Inisiatif di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan pada 2016 banyak tertumpu pada sektor penyelidikan klinikal, eksport farmaseutikal, eksport peranti perubatan dan pelancongan kesihatan yang terus rancak berkembang rentetan usaha yang digiatkan untuk merangsang pertumbuhannya sejak 2011. Pada 2016, NKEA ini telah mencapai 100% sasaran KPI.

Clinical Research Malaysia (CRM), sebuah syarikat bukan berdasarkan keuntungan milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ditubuhkan pada Jun 2012 untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi terpilih untuk tujuan penyelidikan klinikal tajaan industri (ISR). Ia juga berperanan sebagai pemudah cara kepada industri dan fraterniti perubatan untuk menjalankan ujian klinikal. Sepanjang tahun ini, CRM mengorak langkah penting menerusi pelancaran Projek Realisasi Fasa I (PIRF) yang melibatkan penyelidikan klinikal. Langkah ini bakal melonjakkan kedudukan negara ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai penyelidikan klinikal susulan proses pembinaan keupayaan Fasa 2, 3 dan 4 dalam ujian klinikal yang telah diadakan lebih awal.

Sementara itu, industri farmaseutikal mencatatkan eksport sebanyak RM737.3 juta pada 2016, dan ia merupakan EPP yang bernilai paling tinggi dalam NKEA Penjagaan Kesihatan. Perkembangan dalam industri ini bukan sahaja menyumbang kepada pemindahan teknologi yang penting kepada negara, malah ia turut membantu syarikat tempatan untuk menembusi pasaran asing yang baru. Ini dapat dilihat melalui kerjasama antara Xepa-Soul Pattinson, kilang pembuatan Apex Healthcare Berhad dan Winthrop, kilang pembuatan rangkaian generik di bawah Sanofi. Usaha sama ini akan menyaksikan Xepa mengeluarkan produk-produk Sanofi yang masih berpaten. Langkah ini turut memanfaatkan Xepa dari segi jaringan edaran antarabangsa

Sanofi yang luas bagi tujuan eksport ke Asia Tenggara.

Sektor peranti perubatan juga merupakan salah satu bidang yang telah menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan mencatatkan eksport berjumlah RM9.69 bilion pada 2016. Selain mempermudahkan pemindahan teknologi dan pengetahuan bagi membantu merangsang pembangunan keupayaan syarikat tempatan, pelbagai usaha turut dijalankan untuk mencipta ekosistem serba holistik yang mampu menyokong sektor ini. Tahun 2016 turut menyaksikan pencapaian signifikan ekoran penubuhan dua makmal Amalan Makmal Piaawai (GLP) yang akan membantu membuat peranti perubatan tempatan mengurangkan kos ketika menguji keselamatan produk mereka di luar negara.

Dalam usaha mempromosi Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan kesihatan terbaik, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) telah membantu merealisasikan jalinan perkongsian antara sektor awam dan swasta serta perjanjian sesama kerajaan (*Government-to-Government*). Ini telah menyumbang kepada peningkatan pulangan pendapatan yang signifikan dalam sektor pelancongan kesihatan, iaitu RM1.12 bilion pada tahun 2016 berbanding RM527.3 juta pada tahun 2011. Pada tahun ini, pulangan pendapatan dijangka mencecah RM1.3 bilion dengan bilangan pelancong seramai satu juta berikutnya jalinan kerjasama yang baru dimeterai dengan negara seperti Indonesia, China, Vietnam dan Myanmar.

NKEA ini juga melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk komuniti warga emas bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh warga emas, terutamanya dari segi penjagaan kesihatan. Selari dengan ini, usaha-usaha dijalankan bagi menyediakan perkhidmatan

PENJAGAAN KESIHATAN

HARAPAN BARU UNTUK PESAKIT BUAH PINGGANG KRONIK



Pada Januari 2016, Lucenxia Malaysia telah melancarkan Lucenxia INTELLIS, sebuah mesin dialisis peritoneum secara automatik (*Automated Peritoneal Dialysis, APD*) yang direka khas untuk pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang kronik (CKD) agar dialisis dapat dijalankan di rumah waktu mereka tidur. Mesin ini bukan sahaja memberi harapan baharu kepada pesakit buah pinggang, malah meningkatkan kualiti hidup mereka. Dengan adanya mesin ini, ia dapat megurangkan tekanan untuk menyediakan kemudahan bagi pesakit buah pinggang chronic (CKD) yang semakin meningkat di Malaysia.

Dialisis peritoneum adalah suatu kaedah rawatan dialisis yang kurang dikenali di Malaysia, berbanding dengan kaedah hemodialisis. Lebih daripada 90% pesakit buah pinggang di Malaysia menerima rawatan hemodialisis. Secara purata, seorang pesakit buah pinggang kronik (CKD) yang menjalankan rawatan hemodialisis di pusat rawatan sebanyak tiga kali seminggu, mengambil masa yang lebih kurang tiga ke lima jam untuk setiap sesi. Dialisis peritoneum ini membolehkan para pesakit menjalankan rawatan di rumah sendiri yang selesa.

Dialisis peritoneum yang menjalankan rawatan dialisis di rumah dapat meningkatkan kualiti kehidupan para pesakit kerana mereka mampu mengawal aktiviti harian mereka. Dialisis peritoneum menggunakan membran peritoneum di bahagian abdomen bagi mengeluarkan cecair yang lebih dalam badan. Dialisis jenis ini adalah berbeza dengan rawatan hemodialisis yang menggunakan kaedah penapisan darah yang biasa. Dialisis peritoneum amat versati dan selamat, maka penggunaannya tidak akan menjelaskan kehidupan sehari-hari pesakit dan kaedah rawatan ini membawa banyak manfaat kepada kesihatan fizikal dan mental pesakit. Pesakit boleh menjalankan rawatan di rumah, tempat kerja, ataupun ketika melancong dan ini membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih normal.

Melalui penciptaan mesin dialisis peritoneum secara automatic, Lucenxia berharap untuk meningkatkan akses, kesan rawatan, kemampuan, kemudahan operasi dan perlindungan persekitaran supaya perkhidmatan ini dapat disediakan kepada lebih ramai pesakit buah pinggang kronik (CKD).

Dengan ini, pesakit buah pinggang kronik (CKD) dapat terus bekerja tanpa terikat dengan rawatan hemodialisis. Tambahan pula, mesin ini mempunyai fungsi teleperubatan yang mampu mengawal kegunaannya setiap hari. Ini membolehkan preskripsi yang diberikan secara atas talian digunakan dengan selamat.

Menurut En Low Chin Guan, Pengarah Urusan Lucenxia, "Lucenxia INTELLIS merupakan inovasi Malaysia yang dapat membantu rakyat Malaysia dan juga pesakit buah pinggang di serata dunia. Kami menjangka INTELLIS akan memenuhi visi Kerajaan untuk menyediakan kesan rawatan yang lebih baik kepada pesakit buah pinggang kronik (CKD). Memandangkan Malaysia memberi focus yang lebih kepada penjagaan kesihatan berdasarkan penyelidikan, INTELLIS merupakan salah satu sumbangan yang besar kepada industri penjagaan kesihatan global."

En Low menambah lagi bahawa syarikatnya akan terus berusaha untuk memberikan harapan kepada pesakit buah pinggang kronik (CKD) dengan adanya rawatan yang mampu dibayar dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti hidupnya."

"Lucenxia akan terus berusaha untuk mencipta dan menyampaikan teknologi yang akan mengurangkan cabaran dalam rawatan, memanjangkan jangka hayat pesakit dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti hidup, selain mengurangkan kos penjagaan kesihatan. Dalam kes rawatan hemodialisis, kos yang tinggi dan mobiliti yang terhad menjadikan usaha untuk meningkatkan akses kepada rawatan tersebut lebih mahal dan sukar dilakukan. Objektif dan kejayaan kami dalam penciptaan mesin dialisis secara peritoneum ini adalah untuk membina sistem dialisis yang mudah alih, pada kos yang lebih rendah dan lebih efisien dari segi penggunaannya.

penjagaan kesihatan di rumah dan fasiliti penjagaan warga emas. Usaha-usaha ini diterui oleh penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan di rumah, Love on Wheels, dan fasiliti penjagaan warga tua yang berintegrasi (pusat jagaan dan perkampungan persaraan bagi warga emas) di Kuching, Sarawak, Eden-on-the-Park.

Sebagai usaha seterusnya, NKEA Penjagaan Kesihatan akan mengekalkan fokusnya untuk memacu pertumbuhan bidang ekonomi utama yang paling berpotensi seperti eksport peranti perubatan dan pelancongan kesihatan, selain membantu dalam pelaksanaan pelan induk Inisiatif Transformasi Kesihatan Malaysia serta memastikan penggunaan sumber Kerajaan dalam sektor ini adalah optimum.

Penyelidikan Klinikal Memacu Pertumbuhan

Malaysia kini muncul sebagai destinasi yang ideal bagi menjalankan penyelidikan klinikal. Antara faktor yang menyumbang kepada perkembangan yang positif ini adalah sistem dan fasiliti kesihatan yang terkini serta moden, kualiti serta jumlah pakar doktor yang ramai, tempoh masa bagi mendapatkan kelulusan bagi menjalankan penyelidikan klinikal yang konsisten, prevalensi untuk penyakit tidak berjangkit yang tinggi, kepelbagaian genetik dalam populasi di Malaysia, kos ujian yang kompetitif dan komitmen kerajaan untuk mewujudkan ekosistem yang sihat bagi tujuan penyelidikan klinikal.

Kedudukan Malaysia yang semakin kukuh untuk menjalankan penyelidikan klinikal turut membawa kesan positif dari segi aspek sosioekonomi - penyelidikan tajaan industri (ISR) termasuk kajian intervensi, iaitu kajian yang membandingkan terapi baru berbanding rawatan sedia ada. Hal ini membolehkan doktor memberikan pilihan rawatan yang lebih luas kepada pesakit. Sebagai contoh, pesakit kanser yang telah mencuba semua jenis rawatan yang sedia ada mempunyai pilihan untuk mencuba rawatan baru, justeru berpotensi menerima penjagaan yang lebih baik. Tambahan pula, institusi perubatan yang turut serta dalam ISR boleh memperluas



Upacara menandatangani MoU diantara CRM dan DNDI (Drugs for Neglected Disease Initiative). Perjanjian ini akan membuka peluang untuk penghasilan ubatan baru yang bakal menurunkan harga bagi merawat pesakit Hep C dari USD 100,000 to USD 300.

rangkaian rawatan mereka kepada lebih ramai pesakit tanpa perlu menambahkan kapasiti sedia ada.

Secara keseluruhan, strategi yang diambil oleh CRM sejak penubuhannya pada 2012 amat menggalakkan. CRM telah mencapai 105% daripada indeks prestasi utama 1 (KPI 1) berdasarkan bilangan ISR yang dijalankan di Malaysia pada tahun 2016. Ini juga bersamaan 162 ISR yang dijalankan berbanding 155 yang disasarkan, walaupun berdepan dengan penyusutan ISR sebanyak 10% di tahap global dan 30% di Asia Tenggara. Sementara itu, bilangan ujian klinikal yang dijalankan di fasiliti KKM pada tahun yang sama mencapai 102% (KPI 2: 101/99) daripada KPI yang telah ditetapkan.

Bilangan penaja dan organisasi penyelidikan kontrak (CRO) yang menggunakan perkhidmatan CRM turut meningkat pada 2016. Terdapat pertumbuhan sebanyak 36% dalam jumlah penaja (2016: 114 vs 2015: 84), manakala bilangan CRO pula meningkat sebanyak 15% (2016: 39 vs 2015: 34) dalam tempoh yang sama. Keluaran Dalam Negara Kasar (GNI) yang dijana oleh ujian klinikal pada 2016 menccah RM196 juta. Ini merupakan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak RM71 juta sejak tahun 2015 walaupun bilangan ujian klinikal menurun.

Selain itu, bilangan "feasibility study" yang dilakukan oleh CRM telah meningkat sebanyak 1225% pada 2016 berbanding 2015, selain peningkatan 294% dalam bilangan penaja baru (syarikat farmaseutikal dan CRO) jika dibandingkan dari tahun 2014 (53 syarikat) sehingga 2016 (153 syarikat).

CRM juga telah bekerjasama dengan industri farmaseutikal untuk menjalankan kursus dalam kajian klinikal Onkologi serta kursus dan latihan lain.

Terdapat sebanyak 184 penyelidik utama (PI) yang baru pada tahun 2016. Berbanding dengan penyelidik utama (PI) sebanyak 69 pada tahun sebelumnya, terdapat peningkatan sebanyak 167%. Pertumbuhan ini adalah yang pertama dicatatkan sejak tahun 2008. Peningkatan ini adalah susulan daripada usaha CRM yang telah menaja sebanyak 11 Hari Penyelidikan peringkat negeri. Selain itu, CRM turut menghadiri pelbagai mesyuarat dan persidangan anjuran Persatuan Sains Perubatan untuk mendorong pakar klinikal muda agar mengambil bahagian dalam ISR.

Pada September 2016, Institut Kanser Negara (IKN) mula menerima kajian ISR dalam bidang Onkologi dimana kebanyakan projek penyelidikan semasa dan akan datang adalah tertumpu dalam bidang terapeutik. Sepanjang tahun ini, CRM menyediakan latihan untuk penyelidik IKN serta dua staf yang dilatih di Pusat Penyelidikan Klinikal. Sejak itu, IKN telah menerima 19 "feasibility studies". Pada akhir tahun 2016, empat lawatan kualifikasi tapak ("Site Qualification Visit") telah dilakukan, dan dua daripadanya telah dianugerahkan kepada IKN. Lawatan kualifikasi tapak ini dijalankan oleh penaja untuk memilih penyelidik di samping memastikan keupayaan tapak tersebut untuk menjalankan kajian klinikal. Selain itu, dua penyelidik diberi peluang untuk memamerkan kemampuan IKN dengan menyertai pasukan perubatan

PENJAGAAN KESIHATAN

Kedudukan Malaysia yang semakin kukuh untuk menjalankan penyelidikan klinikal turut membawa kesan positif dari segi aspek sosioekonomi - penyelidikan tajaan industry (ISR) termasuk kajian intervensi yang membandingkan terapi baru berbanding rawatan sedia ada. Ini membolehkan doktor memberikan pilihan rawatan yang lebih luas kepada pesakit yang telah mencuba semua rawatan yang sedia ada mempunyai pilihan mencuba rawatan baru dan berpotensi menerima penjagaan yang lebih baik.



Ahli jawatankuasa penulis Garis Panduan bagi menjalankan Penyelidikan Klinikal Fasa I. CRM melalui Projek PIRP, sedang melengkapkan ekosistem penyelidikan klinikal di Malaysia dengan memastikan Penyelidikan Fasa I termasuk "First in Human" boleh dikendalikan di Malaysia pada masa yang terdekat.

AstraZeneca ketika persidangan European Society for Medical Oncology di Copenhagen, Denmark pada Oktober 2016.

Kejayaan ini ternyata disokong oleh ekosistem penyelidikan klinikal yang sihat di Malaysia, yang membolehkan penyelidikan dijalankan dengan cepat dan berkualiti dengan disokong oleh tempoh kelulusan yang efisien dan pusat penyelidikan yang lengkap. CRM juga telah memendekkan tempoh

masa semakan dan kelulusan perjanjian penyelidikan klinikal (CTA) daripada tiga bulan sebelumnya kepada 14 hari bekerja. CRM turut melancarkan sistem "e-submission" sebagai usaha tambahan untuk memendekkan lagi tempoh semakan kepada lima hari bekerja. Sementara itu, CRM telah meminjamkan staf mereka kepada Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (MREC) dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) sebagai usaha menambah baik tempoh kelulusan dengan memastikan kuorum mesyuarat dipatuhi, pemberitahuan dibuat kepada semua ahli, surat keputusan mesyuarat disediakan untuk pihak penaja serta membantu menyelesaikan pertanyaan daripada pihak industri.

Sebelum kakitangan dipinjamkan ke MREC dan MDA, mesyuarat diadakan sekali setiap bulan, lantas menjadikan tempoh kelulusan lebih lama. Kini, mesyuarat yang diadakan dengan kekerapan dua kali seminggu dengan tarikhnya ditetapkan dan diumumkan dalam laman web bagi membolehkan pihak industri merancang penyerahan dokumen masing-masing. MREC turut menerima akreditasi daripada "Forum for Ethical Review Committees in the Asian and Western Pacific Region, FERCAP", yang

dengan pihak tapak penyelidikan melalui penganjuran Dialog Penyelidik, serta menyebarkan garis panduan yang berlandaskan landskap kajian klinikal di Malaysia bagi memastikan pertumbuhan industri ISR dengan mampan.

Aktiviti ISR ketika ini dalam tahap persediaan mempelopori kajian klinikal "first-in-human" menerusi pelancaran Projek Realisasi Fasa I (PIRP) yang melibatkan penyelidikan klinikal. Langkah ini bakal melonjakkan kedudukan negara ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai penyelidikan klinikal susulan proses pembinaan keupayaan Fasa 2, 3 dan 4 dalam ujian klinikal yang telah diadakan lebih awal. Keupayaan Malaysia untuk menjalankan kajian Fasa I dapat memberikan pilihan kepada penaja dan CRO untuk menjalankan kajian seperti ini kerana sebelum ini Fasa I hanya boleh dijalankan di negara yang membenarkannya sahaja.

KKM melalui CRM kini sedang merangka garis panduan untuk pelaksanaan kajian klinikal "first-in-human" di Malaysia yang sejajar dengan matlamatnya untuk mewujudkan ekosistem yang sesuai untuk kajian seperti ini pada tahun 2017. Sebagai pelengkap kepada sistem ini, kerjasama dalam penyelidikan pra-klinikal telah dilancarkan, dimana Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) berkerjasama dengan beberapa syarikat multinasional untuk menjalankan ujian klinikal yang bermilai tinggi di negara ini. Projek Pra-Klinikal-Fasa 1 turut dijangka akan merangsangkan industri tempatan ke arah penemuan dan pembuatan ubat "inovator" dalam Malaysia, berbanding dengan pengimportan ubat-ubatan generik sahaja.

Pertumbuhan Industri Farmaseutikal yang Memberangsangkan

merupakan peneraju rangkaian global yang berperanan menyokong Sistem Semakan Etika Bersepudu supaya dapat memupuk suatu budaya penyelidikan yang sihat.

Aktiviti penyelidikan terus disokong oleh CRM melalui pelaburan untuk membeli kelengkapan di tapak-tapak kajian klinikal KKM bagi membolehkan ISR dijalankan.

Sebagai langkah seterusnya, CRM akan memastikan penglibatan aktif antara doktor

Projek titik permulaan (EPP) berkaitan farmaseutikal berperanan besar dalam mewujudkan peluang pekerjaan untuk pekerja teknikal dan pekerja berteraskan pengetahuan, dan seterusnya membantu pelbagai syarikat tempatan untuk menembusi



MEDIVEN berjaya dianugerahkan "Excellence Awards for the Entrepreneurial Company" dalam kategori diagnostik secara in vitro oleh Frost & Sullivan pada 2016.

pasaran asing yang membabitkan produk farmaseutikal dalam jangka masa yang singkat. Hal ini telah menyumbang kepada pertumbuhan hasil eksport secara konsisten dari tahun 2011 hingga 2016. Bukti, setakat Disember 2016, eksport farmaseutikal negara telah melonjak 17.44% kepada RM737.31 juta berbanding RM627.80 juta pada tahun 2015, dengan sasaran eksport yang semakin meningkat sejak tahun 2014 disebabkan pertumbuhan yang begitu menggalakkan.

Sektor ini juga telah menarik minat banyak entiti multinasional untuk melabur di Malaysia dan menjalankan usaha sama dengan syarikat-syarikat tempatan. Ini dapat dilihat melalui kerjasama antara Xepa, kilang pembuatan Apex Healthcare Berhad dan Winthrop, kilang pembuatan rangkaian generik di bawah Sanofi. Projek baru ini disasarkan menyumbang RM41.1 juta kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) dengan mewujudkan 52 pekerjaan baru dan menjana pelaburan yang bernilai RM69.6 juta.

Usaha sama ini akan menyaksikan Xepa mengeluarkan produk-produk Sanofi yang masih berpaten. Kerjasama ini juga membolehkan pemindahan teknologi daripada Sanofi yang termasuk kaedah dan tatacara menggunakan teknologi baharu yang melibatkan pematuhan ATEX di dalam fasiliti baru yang bakal dibina oleh Xepa nanti. Pematuhan ATEX merupakan arahan pengawalan atmosfera mudah letup yang disarankan di Eropah dengan menggunakan granulasi pembendaliran dan sistem pembendungan OEB 3.

Selain daripada pemindahan teknologi dan pertumbuhan eksport farmaseutikal yang

telah menggalakkan perkembangan dalam industri ini, ia juga dapat membantu KKM untuk mendapatkan ubat buatan tempatan pada harga yang lebih rendah dan mengurangkan pengimportan ubat dari luar negara.

Juara-juara Projek

Biocon Limited

Lanjutan daripada operasi fasilitinya yang bernilai USD300 juta pada pertengahan tahun 2015, Biocon telah memulakan pembuatan rh-insulin dan analog insulin yang termasuk insulin siap sedia dalam bentuk vial dan kartrij untuk dijual kepada pesakit. Fasiliti ini merupakan loji pengeluaran insulin yang terbesar di Asia dengan tenaga kerja melebihi 450 orang, termasuk 425 warga Malaysia. Loji ini telah memperoleh pensijilan cGMP daripada Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Fasiliti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) berteknologi tinggi ini mampu mengeluarkan produk insulin secara masa nyata.

Selain mewujudkan peluang pekerjaan, Biocon turut memberikan latihan kepada lebih 240 pekerja tempatan di ibu pejabatnya di India. Pekerja Biocon bukan sahaja dilatih dengan latihan GMP, malah program latihan lain seperti pembuatan biofarmaseutikal, kawalan kualiti, rantaian bekalan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan. Biocon juga mendapatkan bekalan bahan dan perkhidmatan tertentu daripada pembekal



Biocon telah memulakan pembuatan rh-insulin dan analog insulin yang termasuk insulin siap sedia dalam bentuk vial dan kartrij untuk dijual kepada pesakit.

tempatan bagi tujuan pengeluaran insulinya dan pembinaan fasiliti serta kelengkapan yang diperlukan dalam fasiliti tersebut.

BioCare (M) Sdn Bhd

Sejak menjadi EPP pada 2013, BioCare Manufacturing Sdn Bhd telah melabur sebanyak RM26 juta untuk projek pengeluaran penyedut dos terukur (MDI). Fasiliti pembuatan penyedut dos terukur ini telah siap sepenuhnya pada 11 November 2016 dan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) telah berjaya diperolehi. Ketika ini, Biocare sedang membuat persiapan audit untuk mendapatkan lesen daripada NPRA yang akan disusuli dengan pengesahan kelompok produk.

Penyedut dos terukur keluaran BioCare

PENJAGAAN KESIHATAN

mampu membantu 6%-8% populasi warga dewasa dan 8%-10% warga kanak-kanak Malaysia yang menghidap penyakit asma dan bergantung pada ubat import selama ini. Fasiliti BioCare ini merupakan fasiliti pengeluaran penyedut dos terukur pertama di Malaysia yang bakal mengeksportkan produknya ke negara Asia Tenggara. Selain itu, projek ini turut mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan setakat ini telah mencipta 26 pekerjaan.

BioCare juga sedang berusaha memperluaskan pengeluaran penyedut serbuk kering, semburan hidung, picagari terisi (*pre-filled*) dan produk oftalmik.

AJ Pharma Holding

AJ Pharma Holding telah melaburkan RM37.74 juta untuk membina loji baharu dan Pekerja Biocon bukan sahaja dilatih dengan latihan GMP malah program latihan lain seperti pembuatandan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan. Malah, AJ Pharma telah menyerah dosier kepada NPRA bagi tujuan pendaftaran vaksin influenza di negara ini. Pada masa yang sama, mereka telah memperolehi lesen untuk memasarkan vaksin kolera berjenama Dukoral di Malaysia. Loji pengeluarannya yang sedang dibina akan mematuhi standard GMP berdasarkan syarat badan penguatkuasa antarabangsa seperti European Medicines Agency dan *Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme*, selain mematuhi semua syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak penguatkuasa tempatan. Fasiliti ini akan dikendalikan menurut Tahap 2 Biokeselamatan.



Fasiliti Biocon merupakan loji pengeluaran insulin yang terbesar di Asia. Fasiliti yang bernilai USD 300 juta ini telah beroperasi sejak pertengahan tahun 2015.

Setakat Disember 2016, eksport farmaseutikal negara telah melonjak sebanyak 17.44% kepada RM 737.71 juta berbanding dengan RM 627.80 juta pada tahun 2015, dengan sasaran eksport yang terus meningkat sejak tahun 2014.

Meningkatkan Tahap Piawaian dalam Pengeluaran Peranti Perubatan

Peranti perubatan yang digunakan dalam penjagaan kesihatan adalah bersifistikasi tinggi dan memerlukan kaedah pemasangan yang rumit. Bagi tujuan menjamin keselamatan pesakit, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah ditubuhkan di bawah bidang kuasa Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) sebagai badan pengawal selia untuk peranti perubatan, industri dan segala aktiviti termasuk menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan peranti perubatan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737). Semua peranti

perubatan yang digunakan di Malaysia mestilah didaftarkan bagi memastikan produk yang digunakan mematuhi kualiti dan piawaian keselamatan global.

Setakat akhir 2016, eksport peranti perubatan telah mencecah RM9.69 bilion berbanding RM9.46 bilion pada tahun 2015, dan RM5.05 bilion pada tahun 2011. Hal ini selaras dengan permintaan luar negara yang tinggi terhadap produk seperti sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan, kateter, picagari, jarum suntik dan sutur, kelengkapan elektroperubatan, lensa oftalmik (termasuk kanta sentuh), kontraseptif bersalut, perkakas ortopedik dan alat perubatan dan pembedahan X-ray. Amerika Syarikat merupakan pembeli utama peranti perubatan keluaran Malaysia, diikuti oleh Korea Selatan, Belgium, Jerman, Singapura, Jepun, China, Belanda, Australia dan Indonesia.

Selari dengan matlamat untuk mempertingkatkan eksport melalui pematuhan syarat-syarat eksport di Australia, Eropah dan pensijilan Amalan Makmal Baik (GLP) di Amerika Syarikat, Kerajaan telah menyalurkan geran bernilai RM31.8 juta untuk menubuhkan dua makmal GLP di Malaysia bagi memastikan keselamatan peranti perubatan yang digunakan dalam badan manusia. Kedua-dua makmal GLP tersebut adalah MyBioScienceLab Sdn Bhd dan Makmal Bioserasi milik Universiti Kebangsaan Malaysia yang mematuhi piawaian OECD dan GLP untuk menguji farmaseutikal, kosmetik, nutraceutikal,



BioCare Sdn Bhd telah melabur sebanyak RM 26 juta untuk pengeluaran penyedut dos terukur (MDI) di Perak. Fasiliti pembuatannya telah siap sepenuhnya pada 2016.



Makmal Bioserasi milik Universiti Kebangsaan Malaysia yang mematuhi Amalan Makmal Baik (GLP) bukan sahaja dapat mengurangkan kos pengeluaran syarikat-syarikat tempatan malah menawarkan perkhidmatan ujian praklinikal kepada negara-negara ASEAN.

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) telah ditubuhkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) sebagai badan pengawal selia dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan peranti perubatan.

agrokimia dan peranti perubatan. Ketika ini, pengeluar peranti perubatan tempatan terpaksa menguji keselamatan produk mereka di makmal GLP luar negara kerana kemudahan tersebut belum ada di Malaysia. Dengan adanya kedua-dua makmal GLP yang baru ini ia akan mengurangkan kos pengeluaran syarikat-syarikat tempatan serta menawarkan perkhidmatan ujian praklinikal kepada negara-negara ASEAN pada masa yang sama.

Antara ujian yang mampu dilaksanakan oleh MyBioScience Lab termasuk kesitotoksikan, pemekaan, keserasian hemo, iritasi, ketoksikan geno dan ketoksikan sistemik, manakala Makmal Bioserasi pula mampu

menguji kesitotoksikan, interaksi dengan darah, kesan pada kulit, ketoksikan geno, kekarsinogenan dan ketoksikan reproduktif. Proses pensijilan GLP bagi MyBioScienceLab dan Makmal Bioserasi sudah dilaksanakan dan kelulusan dijangka siap pada 2017.

Juara-juara Projek

Lucenxia (M) Sdn Bhd

Lucenxia (M) Sdn Bhd, pembekal sistem penjagaan yang komprehensif bagi pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang peringkat akhir (ESRD) dengan menggunakan dialisis peritoneum, telah melaburkan RM35.18 juta sejak tahun 2014 untuk mengeluarkan mesin dialisis peritoneum secara automatik (APD) di bawah jenama INTELLIS dan juga produk-produk baru.

Lucenxia merupakan pengeluar APD yang pertama di Malaysia dan perniagaannya telah berkembang sejak menyertai NKEA dan ini terbukti dengan pelancaran produk INTELLIS pada tahun 2016. Produk ini bakal merevolusikan rawatan dialisis untuk pesakit buah pinggang yang dibayai oleh Kerajaan dengan mengurangkan kos rawatan secara langsung. Tambahan

pula, mesin dialisis peritoneum ini tidak memerlukan perbelanjaan infrastruktur dan secara tidak langsungnya dapat mengurangkan kos perbelanjaan pesakit. Selain itu, produk ini juga menggunakan pendekatan ‘bayar bila pakai’ agar pembaziran dapat dielakkan. Oleh sebab mesin dialisis peritoneum ini hanya digunakan semasa tidur pada waktu malam, pesakit tidak memerlukan sebarang pengangkutan untuk ke pusat dialisis seperti biasa dan ini membantu meringankan beban pesakit dan pihak penjaga.

Pada tahun 2016, Lucenxia diiktirafkan sebagai salah satu panel pembekal dialisis di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia oleh Jabatan Perkhidmatan Awam

ABio Orthopaedics Sdn Bhd

ABio Orthopaedics Sdn Bhd (ABio) yang ditubuhkan pada 2009 merupakan syarikat bioindustri yang terunggul dan terkemuka serta semakin dikenali sebagai syarikat berteknologi. Sejak 2013, Abio telah menyalurkan pelaburan bernilai sebanyak RM45 juta di Malaysia



Antara ujian yang mampu dilaksanakan oleh MyBioScience Lab termasuk kesitotoksikan, ketoksikan geno, keserasian hemo, iritasi dan ketoksikan sistemik.

PENJAGAAN KESIHATAN

untuk membina fasiliti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memperkuatkannya kapasitinya membuat peranti perubatan secara kontrak khususnya implan ortopedik. Sehubungan dengan itu, ABio turut mengambil graduan Sains dan Kejuruteraan tempatan dan memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan pendedahan yang lebih mendalam untuk sektor ini.

Secara purata, ABio telah mencatatkan sebanyak 30% peningkatan tahunan dikompaun dalam pengeluaran domestiknya, dimana sebahagian daripadanya dipindahkan dari Amerika Syarikat dan China. ABio juga berjaya menjalinkan kerjasama dengan Advent Access Pte Ltd dari Singapura untuk tujuan penyelidikan serta pengeluaran implan yang digunakan semasa dialisis untuk pasaran global. Pencapaian ini selari dengan matlamatnya sebagai subkontraktor peranti ortopedik yang terbesar di Asia Tenggara.

Sebagai usaha untuk menangani kekurangan tenaga kerja berkemahiran dalam industri ini, ABio telah melabur sebanyak RM20 juta untuk mendapatkan jurumesin dari India.

Medical Innovation Ventures Sdn Bhd

Medical Innovation Ventures Sdn Bhd (MEDIVEN) telah melabur sebanyak RM10 juta sejak permulaan EPP dengan usaha seperti penyelidikan dan penciptaan produk baru, penubuhan fasiliti, pembuatan dan pemasaran produknya di dalam dan luar negara. Produk MEDIVEN termasuk kit diagnostik GenoAmp 'Real-Time' PCR Leptospirosis, PCR Malaria dan RT-PCR Denggi yang setanding dengan garis panduan dan piawaian antarabangsa. Produk buatan tempatan yang berkualiti tinggi ini dicipta untuk mengenal pasti penyakit berjangkit dan juga boleh dijadikan sebagai alternatif untuk produk mengenal pasti penyakit yang sedia ada.

Pada tahun ini juga, Mediven turut mencipta kit diagnostik baru-Triplex "Real-Time" RT-PCR yang mampu mengesan penyakit berjangkit seperti virus Zika, Denggi dan Chikungunya yang



ABio telah menyalurkan pelaburan bernilai sebanyak RM 45 juta di Malaysia untuk membina fasiliti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memperkuatkannya kapasitinya membuat peranti perubatan secara kontrak khususnya implan ortopedik.

mematuhi garis panduan Food and Drug Administration (FDA) Amerika Syarikat. Pada masa yang sama, MEDIVEN juga meneruskan kerjasamanya dengan Pihak Berkua Peranti Perubatan (MDA) untuk mendaftarkan produk-produknya dan mempereratkan hubungan dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi memudahkan proses penilaian produknya.

Melakar Pencapaian dalam Pelancongan Kesihatan

Malaysia telah berjaya melakar nama sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang bertaraf dunia dan berjaya menarik pelancong kesihatan bukan sahaja dari negara jiran, malah dari negara maju seperti Amerika dan UK. Hal ini kerana rawatan yang ditawarkan di negara ini berkualiti tinggi dan pada harga yang kompetitif. Tambahan pula, Malaysia telah dianugerahkan sebagai "Destination of the Year" untuk kali kedua pada tahun lepas oleh *International Medical*

Travel Journal (IMTJ) di *Medical Travel Awards 2016* yang diadakan di Madrid.

Bilangan pelancong yang datang ke negara ini untuk tujuan rawatan dan kesihatan telah mencecah sebanyak 921,500 pada tahun 2016 dengan pulangan pendapatan sekitar RM1.12 billion. Ini menunjukkan peningkatan yang signifikan sekiranya berbanding dengan pulangan pendapatan pada tahun 2011 yang bermilai sebanyak RM527.3 juta. Tambahan pula, Malaysia telah dinamakan sebagai salah satu destinasi terbaik bagi pelancong yang ingin mendapat rawatan perubatan dan kesihatan pada harga yang berpatutan oleh *"Huffington Post"*. Menyedari hakikat ini, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) yang bertanggungjawab dalam aspek pembangunan dan promosi pelancongan kesihatan di negara ini menyasarkan perbelanjaan sebanyak RM1.3 bilion dengan bilangan pelancong seramai satu juta pada tahun ini.

Pelancong kesihatan dari Indonesia mencatatkan bilangan yang paling tinggi datang ke negara ini pada tahun 2016 diikuti dengan pelancong kesihatan dari India, China dan Jepun. Namun, kebanyakan pelancong kesihatan dari Indonesia datang ke negara ini dengan tujuan melakukan saringan kesihatan dan pemeriksaan kesihatan asas. Justeru itu, bil perubatan untuk setiap pelancong secara puratanya adalah lebih rendah berbanding dengan pelancong kesihatan dari negara Australia, Jepun dan UK yang mencatatkan bil perubatan yang lebih tinggi walupun dengan bilangan pelancong yang lebih rendah. Dalam hal ini, MHTC disarankan untuk menggiatkan strategi pemasaran yang lebih fokus dan sesuai untuk menarik lebih ramai pelancong yang bertujuan mendapatkan rawatan yang bermilai tinggi di negara ini.

Disamping itu, MHTC telah menubuhkan pejabatnya di negara seperti Jakarta (Indonesia), Dhaka (Bangladesh), Ho Chi Minh City (Vietnam), dan Yangon (Myanmar) yang mempunyai pasaran yang besar dan berpotensi tinggi. Sejajar dengan itu, MHTC akan menubuhkan pejabatnya di Guangzhou (China) dengan tujuan usaha promosi dan pemasaran di



Penampilan terbaik Malaysia Healthcare bersama sembilan hospital dari Malaysia di MYHealth Expo (MHX) Jakarta pada 20-22 Mei 2016.

kalangan pelancong dari China. MHTC turut bekerjasama dengan wakil penjagaan kesihatan di serata dunia untuk memudahkan akses pelancong kesihatan untuk mendapatkan maklumat berkaitan tentang rawatan perubatan di Malaysia, serta mengurus perjalanan untuk pelancong kesihatan datang ke negara ini.

Selain itu, MHTC telah menganjurkan "Market Intelligence-InsigHT 2016", iaitu seminar yang bertujuan untuk berkongsi ilmu di kalangan semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan kesihatan ini. MHTC juga memuat semula laman web komersial yang berjenama Malaysia Healthcare, www.medicaltourism.com.my; dan menganjurkan kempen media sosial "Malaysia Loves You" sebagai usaha mempromosikan industri pelancongan kesihatan di kalangan pelancong agar mereka sedar tentang perkhidmatan rawatan perubatan di Malaysia.

Serentak dengan itu, MHTC juga mengadakan kempen pemasaran dan promosi strategik pada peringkat global bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pelancongan kesihatan di Malaysia menerusi usaha sama dengan pihak hospital, Tourism Malaysia, Kedutaan Malaysia dan industri-industri tertentu. Aktiviti pemasaran ini termasuklah penyertaan dalam *World Trade Market* di London dan *Health Exhibition and Conference* di Oman. MHTC juga berganding

bahu dengan AirAsia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Penang Health Association untuk menawarkan laluan penerbangan terus di antara Pulau Pinang dan Ho Chi Minh, Yangon dan Hanoi. Laluan baru ini telah dilancarkan pada bulan Mac 2016. Ihi bukan sahaja dapat mengembangkan industri pelancongan kesihatan, malah industri pelancongan secara amnya.

Sementara itu, MHTC juga memainkan peranan penting dalam sokongan dasar dan tahun ini menyaksikan pencapaian yang signifikan dengan kelulusan potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan yang diiktiraf oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan pemprosesan visa secara laluan pintas bagi pelancong kesihatan dari Myanmar dan Bangladesh.

Inisiatif Kerajaan-dengan-Kerajaan (G2G) dengan beberapa kerajaan luar negara dan kerjasama dengan syarikat-syarikat luar juga membolehkan MHTC untuk memeteraikan perjanjian berikut pada tahun 2016:

- MoU dengan Lions Club Magnolia Jakarta, NEBRAS Travel & Tourism Agency di Sudan dan Al-Naboodah Travel & Tourism Agency di Dubai bagi usaha memasarkan inisiatif MHTC;
- Perjanjian kerjasama dengan Tai Orient dan Myanmar Escapade Travel & Tours dan Al-Naboodah Travel & Tourism Agency LLC sebagai rakan kongsi strategik untuk mempromosikan paket pelancongan

Bilangan pelancong yang dating ke negara ini untuk tujuan rawatan dan kesihatan telah mencecah sebanyak 921,500 pada tahun 2016 berbanding dengan 643,000 pada tahun 2011.

perubatan di China dan Myanmar masing-masing;

- Jalinan kerjasama dengan kerajaan Bangladesh, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Bahrain, Sudan dan Gambia untuk program tertentu seperti, rujukan pesakit secara dua hala, kerjasama perundingan perubatan, pemindahan pengetahuan dan pembelajaran, serta pengeksporatan perkhidmatan kepada perubatan;
- Diskaun istimewa untuk pesakit yang menggunakan Oman Air ke Malaysia.

Bagi tempoh masa terdekat, MHTC menasarkan hasrat untuk mengangkat profil rawatan perubatan Malaysia yang bertaraf dunia menerusi cara berikut:

- Memastikan pengalaman perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lancar untuk pelancong kesihatan
- Meningkatkan penawaran perkhidmatan rawatan perubatan dalam sektor pelancongan kesihatan
- Menggalakkan pembangunan industri yang lebih kohesif
- Mewujudkan pertambahan nilai perkongsian di dalam dan luar negara
- Melancarkan inisiatif yang bertujuan untuk menggalakkan kemampuan di dalam industri.

Sebagai perancangan masa depan, MHTC akan terus mempromosikan rawatan perubatan Malaysia yang bertaraf dunia

PENJAGAAN KESIHATAN

pada harga yang berpatutan dan mudah diakses. Rawatan khas seperti Kardiologi, Pensenyawaan *in vitro*, Ortopedik, Onkologi, Neurologi, Pergigian dan Pembedahan Kosmetik akan diberikan penekanan kerana nilai rawatannya yang tinggi.

Penjagaan Warga Emas

Kebanyakan negara maju mengambil masa yang lama untuk meningkatkan jangka hayat rakyatnya, tetapi Malaysia dan negara-negara Asia lain mengambil masa yang singkat untuk mencapainya. Dalam erti kata lain, Malaysia mempunyai masa yang lebih singkat untuk menyediakan keperluan bagi populasinya yang semakin menua. Rang Undang-Undang Kemudahan dan Perkhidmatan Swasta untuk Warga Emas yang akan dibentangkan kepada Parlimen bertujuan untuk menangani isu keperluan penjagaan kesihatan warga emas.

Projek Love on Wheels merupakan salah satu inisiatif dalam memastikan penyediaan penjagaan kesihatan warga emas. Ini membolehkan warga emas menerima perkhidmatan penjagaan dan pemulihan di rumah sendiri. Perkembangan terbaru program ini adalah pengenalan aplikasi mudah alih mSIHAT yang memperluas akses kepada perkhidmatan ini. Love on Wheels turut memperkenalkan Program Pensijilan Penjagaan yang diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, yang bertujuan untuk meningkatkan bilangan individu yang bekerja dalam bidang penjagaan warga emas.

Selain itu, Eden-on-the-Park pula merupakan fasiliti



Malaysia Healthcare melakar kecemerlangan apabila membawa pulang anugerah Destinasi Pelancongan Kesihatan dan Perubatan Terbaik 2016 bagi tahun kedua berturut-turut yang diberikan oleh International Medical Travel Journal (IMTJ).

Penjagaan Warga Emas berintegrasi di Kuching, Sarawak. Fasiliti ini mempunyai 142 katil bagi tujuan menawarkan perkhidmatan penjagaan dan fasiliti sokongan yang termasuk pemulihan dan keperluan harian. Pada Disember 2016, 104 unit pangaspuri dan 14 buah villa disiapkan untuk warga emas yang memilih kehidupan persaraan yang aktif.

Projek Eden-on-the-Park merupakan projek pertama di Malaysia yang menyediakan kemudahan penjagaan warga emas bertaraf dunia. Kemudahan ini memberi sokongan kepada ahli keluarga dalam memastikan orang tersayang mereka dijaga dengan sebaiknya.

Selain membina infrastruktur untuk penjagaan kesihatan dan perkampungan persaraan bagi warga emas ini, keperluan tenaga manusia juga dipenuhi dengan menyediakan latihan kepada 50 pelajar di bawah program yang diluluskan

oleh Kementerian Sumber Manusia. Kumpulan pertama yang merangkumi 23 pelajar bakal melengkapai kursus tersebut dan akan bersedia untuk berkhidmat di Eden-on-the-Park. Selain itu, pelajar-pelajar yang dilatih di Eden-on-the-Park juga akan menyumbang kepada bekalan tenaga kerja penjagaan bersijil, lantas membuka peluang pekerjaan dalam bidang penjagaan warga emas.

Projek Love on Wheels dan Eden-on-the-Park telah merevolusikan perkhidmatan penjagaan warga emas di Malaysia. Oleh itu, adalah penting agar Kerajaan terus membina momentum ke arah kesejahteraan warga emas termasuklah mewujudkan ekosistem penjagaan warga emas bagi memastikan keperluan populasi warga emas di Malaysia dipenuhi dengan mampu.



Eden-on-the-Park merupakan fasiliti penjagaan warga emas yang berintegrasi di Kuching, Sarawak. Fasiliti ini mempunyai 142 katil bagi tujuan menawarkan perkhidmatan penjagaan dan sokongan yang termasuk pemuliharaan dan keperluan harian serta 104 unit pangaspuri dan 14 buah villa untuk kehidupan persaraan yang aktif.

TINJAUAN MASA ► HADAPAN

Memandangkan negara semakin menghampiri tahun 2020, tumpuan akan diberikan kepada projek-projek yang mampu berperanan sebagai “game-changer”, yang bakal mengubah landskap industri penjagaan kesihatan Malaysia. Usaha ini akan dilakukan dengan menumpu kepada inisiatif-inisiatif yang dapat memberi penyelesaian secara inovatif supaya industri ini dapat beralih ke arah merealisasikan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi pada harga yang berpatutan yang diterajui oleh sektor swasta.

Tambahan pula, permintaan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat dalam era kini akibat daripada peningkatan penyakit kronik yang disebabkan oleh

gaya hidup yang tidak sihat, kadar penuaan populasi yang semakin meningkat di negara-negara maju dan sedang membangun, serta peningkatan golongan berpendapatan sederhana yang mampu membayar lebih untuk mendapat rawatan perubatan yang lebih berkualiti. Ini memerlukan inovasi berterusan yang disarankan dalam NKEA ini yang bakal merangsang cara penjagaan kesihatan yang ditawarkan di negara ini.

PERKHIDMATAN KEWANGAN

PERKHIDMATAN KEWANGAN MEMBENTUK KERANGKA KEPADA EKONOMI YANG BERKEMBANG MAJU



**DATUK SERI
JOHARI ABDUL GHANI**
Menteri Kewangan II

Walaupun negara kita menghadapi pelbagai cabaran luaran daripada kejatuhan harga minyak global serta prestasi lembap komoditi di pasaran, sistem kewangan Malaysia masih kukuh hasil daripada sistem perbankan yang dipermodalkan dengan baik. Pasaran modal, ekuiti dan hutang juga teguh, mencatat nilai berjumlah RM2.8 trillion, RM1.7 trillion dan RM1.1 trillion masing-masing.

Penukaran kepada perniagaan insurans dan takaful tunggal merupakan keperluan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Ini telah mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan sepanjang tahun ini. Langkah penukaran yang memerlukan perniagaan insurans hayat dan insurans am dan perniagaan takaful keluarga dan am dijalankan di bawah entiti berasingan dijangkakan akan meningkatkan tumpuan terhadap bidang teras kepakaran.

Pada tahun ini, kita menelusi peristiwa penting melalui kejayaan menukar Insurans Komposit dan Lesen Takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Di bawah langkah ini, perniagaan insurans hayat dan am bagi syarikat insurans, pengendali takaful bagi keluarga dan perniagaan umum akan dijalankan di bawah entiti berasingan. Ia dijangkakan akan mengukuhkan struktur institusi bagi institusi kewangan untuk memastikan perlindungan yang mencukupi bagi pemegang insurans dan peserta takaful terhadap risiko penularan dan pengaruh yang berlebihan.

Tahun ini juga menyaksikan penerimaan arus perdana yang semakin meningkat bagi teknologi digital baharu yang diterapkan dalam produk dan perkhidmatan kewangan sedia ada. Sambil kita menuju ke arah penerimaan teknologi kewangan (fintech), sektor kewangan Malaysia akan memantau dengan rapi dan membuat penyesuaian berdasarkan trend ini. Malaysia bersikap terbuka terhadap teknologi



Ibu pejabat Bank Negara Malaysia

yang memacu inovasi dan penyelesaian yang kos efektif yang menguntungkan pelanggan.

Kementerian amat yakin dengan peranan teknologi dalam membantu meluaskan penyertaan pelabur runcit dan menggalakkan pilihan pembiayaan berdasarkan pasaran yang lebih inovatif. Ini juga akan membantu menyelesaikan cabaran memperoleh pembiayaan yang dihadapi oleh komuniti perniagaan Malaysia, terutamanya untuk segmen Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) dan dalam jangka panjang, memperkayakan lagi industri perkhidmatan kewangan kita sejajar dengan transformasi negara kita menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

GAMBARAN KESELURUHAN

NKEA Perkhidmatan Kewangan mencapai hampir semua KPI bagi tahun ini atas usaha bersama agensi-agensi terlibat, menggambarkan keteguhan industri kewangan di Malaysia walaupun berhadapan dengan cabaran yang muncul disebabkan oleh pertumbuhan global yang semakin memperlukan terutamanya ekonomi besar seperti negara China dan Eropah, impak terhadap hubungan antarabangsa akibat Brexit, Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), ketidakpastian harga minyak mentah yang berterusan serta pengkajian semula pertengahan tahun Indeks Komposit Morgan Stanley Capital International (MSCI). Secara keseluruhannya, NKEA ini mencapai 111% KPI yang ditetapkan bagi tahun 2016.

Secara keseluruhannya, NKEA ini mencapai 111% KPI yang ditetapkan bagi tahun 2016.

Sebagai salah satu daripada peneraju global dalam kewangan Islam, Malaysia terus meneroka ruang baharu ke arah inovasi dalam ekosistem kewangan yang patuh syariah; dengan memperkenalkan standard baharu untuk ahli-ahli profesional kewangan Islam dan menubuhkan Pelan Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam (IFWM). Sementara itu, perkembangan dalam sektor insurans menampakkan

PERKHIDMATAN KEWANGAN



Sejak pasaran ECF mula beroperasi pada pertengahan tahun 2016, 11 buah PKS telah memperoleh dana berjumlah RM8 juta melalui operator ECF setakat bulan Oktober 2016.

kemajuan dalam menukar Insurans Komposit dan Lesen Takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Pelaksanaan berperingkat langkah penukaran sedang berjalan lancar dan dijangka akan siap menjelang 30 Jun 2018.

Malaysia berhasrat untuk memanfaatkan trend utama daripada inovasi yang terbit daripada teknologi kewangan (fintech). Dengan usaha pihak-pihak berkuasa menyediakan platform dan undang-undang yang berkenaan bagi membenarkan fintech menembusi pasaran perkhidmatan kewangan arus perdana secara pantas.

Teknologi ini berpotensi meluaskan penyertaan pelabur runcit di samping juga menyediakan lebih banyak akses kepada pembiayaan untuk komuniti perniagaan MSME.

Bagi tahun 2016, enam operator platform pinjaman Peer-to-Peer (P2P) yang berdaftar di Malaysia telah diluluskan dengan tujuan melebarkan peluang pembiayaan untuk perusahaan kecil dan medium (PKS). Ini dijangkakan bakal meningkatkan akses kepada pembiayaan, meningkatkan penyertaan pelabur, mengukuhkan pasaran institusi dan akhirnya membangunkan eksosistem kewangan yang bersinergi di Malaysia.

Memanfaatkan Potensi Kewangan Digital

Kewangan digital telah memperkenalkan cara penyelesaian perniagaan baharu dalam sektor perkhidmatan kewangan. Penggunaan kewangan digital telah meningkatkan potensi lanskap pasaran kewangan. Antaranya termasuk menggalakkan lebih kecekapan dan pengurusan risiko yang lebih baik. Perniagaan kecil yang berfokuskan teknologi telah meneraju dengan melaksanakan inovasi dalam produk dan perkhidmatan yang sebelum ini hanya ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan kewangan tradisional. Ini telah membentuk semula usul nilai produk dan perkhidmatan

kewangan sedia ada. Dari perspektif pelanggan, fintech dijangka akan menurunkan kos dan menggalakkan kecekapan dalam pasaran.

Pertumbuhan fintech di Malaysia bercambah daripada keselesaan orang ramai dari segi pengalaman digital dan penerimaan produk yang dibantu teknologi yang menepati keperluan mereka. Dengan kelebihan seperti kebolehcapaian yang dipertingkatkan, kemudahan dan produk yang disesuaikan, pelanggan awal adalah terdiri daripada pengguna asli digital.

Bagi memastikan lanskap yang berkembang pantas ini dikawal selia dengan lebih baik, rangka kerja Pembiayaan P2P yang baru telah berkuat kuasa pada 2 Mei 2016, dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC) membuka permohonan untuk pendaftaran operator platform pembiayaan P2P sehingga 1 Julai 2016. Ia telah menerima lebih 50 permohonan, di mana enam daripada pemohon telah diberikan lesen operasi. Operator-operator tersebut ialah: B2B FinPAL, Ethis Kapital, FundedByMe Malaysia, ManagePay Services, Modalku Ventures dan Peoplender. Pengenalan pembiayaan P2P menyusul pelancaran Equity Crowdfunding (ECF) pada tahun 2015, menjadikan ia kelas aset pembiayaan berdasarkan pasaran kedua di Malaysia.

Pembiayaan berdasarkan pasaran yang menyasarkan peningkatan akses kepada pembiayaan untuk PKS menjadi objektif utama dalam agenda digital SC. PKS yang memerlukan pembiayaan peringkat awal boleh mendapatkannya melalui ECFs sementara perusahaan atau perniagaan yang memerlukan modal kerja atau modal bagi menjana pertumbuhan boleh menggunakan pembiayaan P2P.

Sejak pasaran ECF mula beroperasi pada pertengahan tahun 2016, 11 buah PKS telah memperoleh dana berjumlah RM8 juta melalui operator ECF setakat bulan Oktober 2016. Pembiayaan P2P juga dijangka akan meningkat mengikut aliran perkembangan yang sama.

Sementara itu, Bank Negara Malaysia (BNM) sedang mempertingkatkan pendekatan kawal selia dengan

memperkenalkan Peraturan Sandbox pada 18 Oktober 2016. Di bawah Sandbox, institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM dan syarikat fintech yang ingin menjalankan perniagaan yang dikawal selia oleh BNM telah diberi kelonggaran peraturan tertentu untuk menjalankan eksperimen ke atas penyelesaian inovatif dalam persekitaran pengeluaran atau suasana sebenar dengan perlindungan yang bersesuaian. Sandbox ini boleh diguna pakai selama tempoh tidak melebihi 12 bulan.

Membina Pasaran Modal Sekuriti yang Mampan

Meskipun dengan persekitaran pasaran yang mencabar yang dipengaruhi perkembangan ekonomi global dan tempatan, pasaran modal ekuiti masih berdaya tahan, disokong

oleh usaha Bursa Malaysia untuk membina pasaran yang teguh dan berdaya saing dengan tumpuan yang berterusan kepada kemampanan. Di samping mengembangkan rangkaian produk yang boleh diniagakan di pasaran, pengawal selia bursa saham juga terus memudahkan kecekapan dan kebolehcapaian pasaran yang lebih besar, meluaskan kehadiran Malaysia di pasaran serantau.

Pasaran ekuiti mencatat keuntungan yang ketara sejak 2009, dipacu oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil. FBM KLCI meningkat 85% dalam tempoh tersebut, dengan permodalan pasaran meningkat 148% dan nilai urusniaga harian (ADV) mencatat pertumbuhan teguh 63%. Pasaran juga mencatat aliran masuk daripada institusi asing sebanyak RM5.3 bilion pada December 2016 sejak Januari 2010.


Salah satu prinsip pasaran ekonomi yang berdaya saing ialah pengembangan kepelbagaian dan jumlah produk/perkhidmatan yang

boleh didagang bagi memudahkan golongan pelabur yang baru. Sehubungan dengan prinsip ini, pengawal selia akan berganding bahu dengan pihak industri untuk terus membangunkan produk ditukar-dagang yang baharu dan kepelbagaian. Sepanjang tahun 2016, Kumpulan Macquarie Securities telah memperkenalkan call warrant dan put warrant untuk S&P 500 di Bursa Malaysia. Bursa Malaysia juga telah melancarkan produk-produk kewangan baru seperti Kontrak Timah Masa Hadapan bersandarkan mata wang US Dollar, dan pada masa sama memperkaya produk sedia ada misalnya Sekuriti Kerajaan Masa Hadapan tempoh 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun.


Sebagai sebahagian daripada langkah penyerantauan pasaran modal Malaysia dan pengembangan pencapaian ke pasaran global, pada tahun 2015 Suruhanjaya CFTC Amerika (US Commodity Futures Trading Commission - US CFTC) telah meluluskan pelaburan dalam produk derivatif Bursa Malaysia oleh pemodal Amerika. Setakat bulan Disember 2016, nilai dagangan dari pasaran Amerika telah meningkat berlipat tiga kali ganda daripada 0.5 juta dagangan pada tahun 2015 kepada 2.2 juta dagangan setakat bulan Disember 2016. Pada tahun 2016, Bursa Malaysia juga telah menandatangani Persetujuan Persefahaman (MoUs) yang berasingan. MoUs telah ditandatangani dengan Pasaran Saham Taiwan dan Pasaran Saham Indonesia, bertujuan untuk bersama-sama mengkaji kemungkinan kerjasama merentas sempadan dan berganding bahu dalam perkembangan pasaran, promosi dan pembangunan masing-masing.

Seiringan dengan trend global dan minat pelabur yang semakin mementingkan kelestarian korporat, pada tahun 2014 Indeks Bursa Malaysia FTSE 4 (ESG index) telah dilancarkan dengan 24 Konstituen PLC. Angka ini meningkat kepada 42 setakat bulan Disember 2016.

PERTUMBUHAN PASARAN EKUITI MALAYSIA DARI JANUARI 2009 HINGGA DISEMBER 2016



Pasaran Ekuiti Malaysia



Aliran Masuk Bersih Institusi

PERKHIDMATAN KEWANGAN

Pasaran Ekuiti

Dalam suasana yang mencabar ini, pasaran ekuiti Malaysia terus teguh berbekalkan asas ekonomi yang berdaya tahan diiringi dengan langkah penurunan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun oleh Bank Negara.

FBM KLCI kekal turun naik sepanjang tahun 2016 dan jatuh ke paras terendah 1,600.92 pada 21 Januari 2016, sebelum mencapai 1,727.99, iaitu paras ditutup paling tinggi pada 15 April 2016. FBMKLCI menamatkan tahun pada paras 1,641.73 pada 31 Disember 2016.

Dari segi aktiviti dagang, purata jumlah urusniaga harian dan purata nilai urusniaga berkurangan sebanyak 13.51% dan 5.49% tahun-ke-tahun,

masing-masing. Selari dengan prestasi FBMKLCI, permodalan pasaran berkurangan sedikit sebanyak 1.62% kepada RM1,667.37 bilion pada 31 Disember 2016, dari RM1,694.78 bilion pada penghujung tahun 2015.

Pasaran yang tidak menentu telah membawa kepada pengurangan jumlah dana yang diperoleh, iaitu dari RM21.24 bilion pada tahun 2015 kepada RM12.83 bilion tahun sehingga kini (YTD) pada bulan Disember 2016. Pasaran sekunder yang lebih teguh ini dipacu pihak korporat, termasuk terbitan hak, terbitan khas dan tawaran persendirian oleh syarikat awam berhad.

Pasaran Islam

Bagi Pasaran Modal Islam, nilai harian purata Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) meningkat 7.26% kepada RM16.25 bilion pada Disember 2016 berbanding RM15.15 bilion bagi tahun sehingga kini (YTD) 2015. Pertumbuhan dalam dagangan BSAS dipacu oleh peningkatan penerimaan dan permintaan daripada penyedia platform perniagaan Murabahah komoditi patuh Syariah tempatan dan global terutamanya di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) dan Asia.

Senarai kemas kini sekuriti patuh Syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) Suruhanjaya Sekuriti telah dikeluarkan pada 27 Mei dan 25 November 2016 masing-masing. Senarai kemas kini pada 25 November 2016 menyenaraikan 672 sekuriti patuh Syariah. Setakat Disember, sekuriti ini merangkumi 74.23% daripada 904 sekuriti yang tersenarai. Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah ialah RM1.03 trilion atau 61.81% daripada jumlah permodalan pasaran, penurunan sebanyak 5.12% berbanding penghujung tahun 2015.

Pasaran sukuk merupakan komponen penting pasaran modal Islam. Dalam pasaran bon korporat, sukuk korporat merangkumi 61.64% daripada jumlah terbitan bon

korporat pada 2016 berbanding 66.67% pada tahun 2015, sementara sukuk korporat tertunggak merangkumi 73.55% jumlah bon korporat tertunggak pada tahun 2016 berbanding 71.65% pada tahun 2015. Jumlah terbitan sukuk untuk tahun 2016 setelah mengambil kira terbitan oleh kerajaan dan sektor korporat, yang mewakili 53.81% jumlah terbitan bon berbanding 43.57% pada 2015, sementara jumlah sukuk tertunggak mewakili 56.36% jumlah bon tertunggak pada tahun 2016 berbanding 54.05% pada tahun 2015.

Aset di bawah pengurusan (AUM) bagi dana Islam yang terdiri daripada skim pelaburan kolektif (CIS) dan mandat swasta berjumlah RM149.64 bilion mencatat pertumbuhan sebanyak 13.04% daripada RM132.38 bilion pada penghujung 2015. Bilangan CIS Islam meningkat kepada 328 pada akhir 2016 daripada 314 pada 2015, menjadikan ia AUM yang terbesar di dunia bernilai RM116.08 bilion. Pada akhir 2016, sebanyak 20 syarikat pengurusan dana Islam sepenuhnya beroperasi di Malaysia, dengan sejumlah 31 syarikat pengurusan dana beroperasi menerusi 'tingkap Islam'.

Setakat 31 Disember 2016, Bursa Malaysia-i merangkumi 74.1% atau 682 sekuriti tersenarai dalam Bursa Malaysia.

Sesungguhnya pertumbuhan positif ini jelas memperlihatkan komitmen syarikat-syarikat Malaysia untuk menerapkan aspek-aspek pemeliharaan alam sekitar, kesejahteraan sosial dan tadbir urus yang baik dalam segala strategi perniagaan. Selanjutnya, Indeks FTSE4Good ASEAN, yang telah diperkembangkan di kalangan Pasaran Saham ASEAN, berjaya dilancarkan pada bulan April 2016, memperlihatkan kesungguhan syarikat-syarikat di kalangan negara-negara ASEAN untuk memajukan rantau ini sebagai pengelasan aset modal.

Pada bulan September 2016, Bursa Malaysia telah melancarkan Bursa Malaysia-i, platform pertukaran sekuriti Islam pertama dunia yang menawarkan perkhidmatan berintegrasi dari mula-hingga-akhir. Bursa Malaysia-i memberi pilihan kepada pelabur asing dan domestik untuk melabur dan berdagang mengikut Hukum Syariah. Platform ini juga menunjukkan kebolehan Bursa Malaysia menjadi pemimpin dan pelopor untuk pasaran modal bagi penyenaraian dan pelaburan model mengikut Syariah. Antara produk-produk Syariah yang tersenarai dalam pasaran Papan Utama dan ACE, adalah termasuk i-ETF, i-Indices dan i-Stocks. Setakat 31 Disember 2016, Bursa Malaysia-i merangkumi 74.1% atau 682 sekuriti tersenarai dalam Bursa Malaysia.

Usaha-usaha oleh Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan semua pemain industri untuk mendorong pasaran saham tempatan supaya lebih

Pasaran Derivatif

Pasaran derivatif terus mencatat pertumbuhan dalam jumlah yang diniagakan. Bagi YTD November 2016, jumlah kontrak yang diniagakan mencatat pertumbuhan 1.2% tahun-ke-tahun dengan kontrak harian purata diniagakan ialah 57,829 pada tahun 2016 berbanding 57,157 pada tahun 2015. Pertumbuhan jumlah ini terhasil daripada Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO) kerana turun naik harga minyak sawit mentah (CPO).

Minat kepada FCPO yang terbuka, yang menjadi produk tanda aras, mencatat jumlah tertinggi 285,000 kontrak pada 16 Mei 2016. Ini juga disokong dengan peningkatan penyertaan asing dalam semua produk derivatif yang berkembang daripada 37% pada Disember 2015 kepada 41% pada bulan Disember 2016.

rancak termasuklah menumpukan kepada penglibatan kaum wanita dalam sektor perniagaan dan menganggotai lembaga pengaruh; melaksanakan Green Lane Policy yang membolehkan keberkesanan dan kesampaian pasaran yang lebih efisien; yang telah dilanjutkan kepada broker pasaran saham masa hadapan yang layak dan peserta umum dalam pasaran derivatif; dan membentuk laman web pelbagai bahasa yang boleh menambahkan pencapaian dan kesedaran umum.

Memperkuuh Kepimpinan Malaysia dalam Kewangan Islam

Penubuhan badan CIIF (Chartered Institute of Islamic Finance Professionals) pada tahun 2015 telah berjaya melipatgandakan bilangan ahli melebihi 650 pada akhir bulan Disember 2016, dari 240 semenjak ia dilancarkan. Institut ini



Menteri Kewangan II di pelancaran Bursa Malaysia-i

juga sedang dalam proses untuk memperkenalkan dua standard profesional, Kod Etika CIIF dan Kod Pelakuan Profesional CIIF, selain Peraturan dan Garis Panduan Kemasukan Ahli CIIF dan Peraturan dan Garis Panduan Akreditasi CIIF kepada Institusi.

BNM dan industri kewangan Islam merupakan pendorong utama dalam penubuhan CIIF bagi meningkatkan mutu profesion kewangan Islam dengan menetapkan piawai bagi pendidikan profesional dan menggalak kepakarisan dan menjaga integriti di kalangan ahli. CIIF juga berperanan menetapkan piawai kepakarisan yang tinggi bagi institusi yang mengamalkan kewangan Islam di seluruh dunia. Tujuannya adalah untuk meningkatkan mutu dan menerokai bakat dalam industri kewangan Islam agar dapat terus memberi sokongan kepada pertumbuhan industri ini.

Memandangkan CIIF baru ditubuhkan pada bulan November 2015, fokus bagi tahun 2016 terarah kepada perkembangan berterusan dan pengukuhan asas pembentukan badan ini. Sebagai langkah seterusnya, badan CIIF berusaha mendapatkan dana tambahan bagi melancarkan inisiatif peningkatan keupayaan dan menguatkan

jaringan antara pemain industri dan golongan cerdik pandai dalam industri kewangan (ahli akademik). Pada tahun 2017, CIIF juga akan melancarkan kertas kerja pelan membangunkan kepakarisan kewangan Islam, di bawah Piagam Profesional Kewangan.

Perkembangan dalam kewangan Islam pada tahun 2016 juga termasuk penerbitan kertas kerja bagi pembentukan Dana Islam dan Pengurusan Kekayaan (IFWM) untuk mendorong perkembangan berterusan dan pertumbuhan pasaran modal Islam Malaysia. Kertas kerja ini menetapkan hala tuju strategi jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang bagi industri, mengenal pasti strategi yang relevan dan mengemukakan cadangan bagi mengukuhkan daya saing Malaysia dalam industri kewangan tempatan yang menguasai 31 peratus daripada US \$58 bilion dalam pengurusan aset kewangan Islam global pada penghujung tahun 2015. Malaysia juga mencatatkan 22.5 peratus dari segi CAGR di antara tahun 2010 dan 2015, satu peratusan yang menunjukkan sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan pasaran modal kewangan Islam.

PERKHIDMATAN KEWANGAN

EQUITY CROWDFUNDING

- STRATEGI MENANG-MENANG BAGI PENGUSAHA SME DAN PELABUR DI MALAYSIA



Para hadirin di majilis pelancaran PitchIN

Kebiasaannya, pengusaha syarikat SME di Malaysia mencari sumber pembiayaan kewangan atau dana daripada tiga sumber: pembiayaan sendiri (modal sendiri), pinjaman daripada badan-badan kewangan, dan pinjaman dari Kerajaan.

Kini terdapat dua pilihan pembiayaan kewangan baharu: Equity Crowdfunding (ECF) dan Pinjaman Peer-to-Peer (P2P Lending). Diluluskan secara rasmi pada tahun 2015 dan 2016 masing-masing, kedua-dua pilihan teknologi kewangan (fintech) ini menghubungkan syarikat secara langsung dengan para pelabur. Kedua-dua bentuk pembiayaan tersebut merupakan usaha Program Transformasi Negara (NTP) untuk merangsang dan

memacu ekonomi tempatan dengan cara memberi pilihan baharu dan akses kepada pembiayaan kewangan atau pengumpulan dana (modal) untuk pengusaha syarikat kecil dan sederhana (SME) dan syarikat-syarikat baharu.

EFC ialah ekosistem pembiayaan dana yang lebih matang dan ditawarkan melalui enam syarikat EFC yang berlesen di Malaysia. Pelabur kecil (runcit), pelabur perseorangan (angel investors) dan syarikat-syarikat berpeluang untuk melabur dalam firma yang baru bermula dari tahap mula beroperasi sehingga tahap pertumbuhan dan perkembangan.

Terdapat pertambahan dalam penerimaan teknologi digital yang

diserapkan ke dalam produk dan perkhidmatan kewangan yang sedia ada pada tahun 2016. Sambil kita mengorak langkah menuju ke arah fintech, sektor kewangan Malaysia akan memantau dan menyesuaikan diri dengan trend ini. Malaysia menerima dengan terbuka teknologi yang mendorong inovasi dan penyelesaian yang menjimatkan kos yang boleh memberi kebaikan kepada pengguna," kata Datuk Johari Abdul Ghani, Menteri Kewangan II. Kementerian akan meneraju implementasi inisiatif perkhidmatan kewangan di bawah Program Transformasi Negara (NTP).

Sememangnya terdapat risiko dalam pelaburan ECF, tetapi kaedah ini amat

sesuai bagi pelabur jangka sederhana dan panjang yang berani menanggung risiko yang tinggi. Jika syarikat yang baru bermula itu mengalami kerugian, pelabur mungkin kehilangan sebahagian atau keseluruhan pelaburannya. "Justeru, para pelabur mesti memilih syarikat yang mempunyai potensi besar untuk berjaya dan berkembang maju," jelas En Sam Shafie, pemilik bersama PitchIN, sebuah firma ECF yang mempunyai hubungan dengan firma pemacu teknologi WatchTower & Friends.

Sebagai contoh Kaktitangan.com, sebuah perisian pengurusan sumber tenaga manusia ciptaan anak tempatan yang berjaya mengumpul lebih RM 1 juta pelaburan pada tahun 2016, En Sam menegaskan bahawa sebanyak dua pertiga daripada para pelabur tersebut adalah pengguna semasa platform SaaS. "Jika produk atau perkhidmatan itu bagus, pengguna semasa boleh berubah menjadi pelabur dan perujuk yang setia dan sukarela, seterusnya boleh membantu meningkatkan kadar kejayaan mengumpul dana dari komuniti setempat. Cara ini memang penanda aras yang berkesan bagi menguji kepuasan pengguna dan keyakinan bakal pelabur."

En Bryan Chung, Ketua Pegawai Operasi (COO) bagi syarikat CrowdPlus Asia bersetuju dengan pandangan En Sam dan selanjutnya menghuraikan bagaimana proses pengesahan dalam dijalankan sebelum syarikat-syarikat yang sah disenaraikan dalam platform ECF. "Syarikat ECF amat berhati-hati dalam memilih dan menyenaraikan syarikat-syarikat - tidak semua syarikat sesuai (untuk menyertai cara pembiayaan pendanaan ramai). Syarikat yang sesuai mesti mempunyai pasukan pengurusan yang baik dan visi atau hala-

tuju syarikat yang lengkap komprehensif, menggariskan rancangan jangka panjang perkembangan perniagaannya."

Dengan pengalaman bertahun-tahun dalam pembiayaan dana (VC funding), En Bryan menegaskan peranan penting yang dimainkan oleh syarikat EFC dalam mengisi kekurangan pembiayaan dana yang dialami di Malaysia. "Banyak syarikat bernilai tinggi terhambat pertumbuhan dan perkembangannya kerana halangan dan tempoh masa pinjaman yang ditetapkan oleh badan-badan kewangan tradisi," kata En Bryan. "Pembiayaan cara Crowdfunding lebih mudah dan cepat secara bandingannya dan boleh menghasilkan suasana menang-menang antara syarikat dan pelabur."

Syarikat SME di Malaysia yang mahu mendapatkan dana melalui saluran ECF mesti melalui beberapa langkah sebelum dapat disenaraikan dalam platform EFC dan boleh mengumpul dana daripada orang awam. Syarikat terlibat mesti meyakinkan firma-firma EFC tentang model bisnes dan potensi pasarananya. Selepas itu, syarikat tersebut mesti melalui peringkat rundingan dan networking dengan firma ECF pilihan mereka untuk memastikan kejayaan dalam ECF dan mendapat dana yang dikehendaki.

Firma-firma ECF di Malaysia telah menyaksikan beberapa kejayaan pembiayaan dana secara crowdfunding dalam pelbagai industri seperti Tech, SaaS, industri makanan, hartanah, teknologi hijau dan pertanian. En Daniel Geottfret, Pengarah Urusan syarikat FundedByMe, menjelaskan bahawa tekanan ke atas syarikat yang berjaya mengumpul dana melalui pendanaan ramai adalah sangat tinggi. Oleh kerana ECF dibiayai oleh pelabur awam, maka

syarikat mesti menepati segala janji yang dibuat kepada pelabur. Sekiranya tidak, syarikat akan menghadapi risiko maklum balas negatif yang mudah dan cepat tersebar dalam media sosial dan platform dalam talian."

FundedByMe Malaysia merupakan syarikat kerjasama antara Alix Global, firma pemasaran digital di Pulau Pinang, dan syarikat FundedByMe dari negara Sweden yang mengkhususi bidang pendedahan dalam talian. "Kami memberikan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan di Malaysia untuk memasarkan produk dan perkhidmatan masing-masing kepada pasaran dunia, sekaligus menarik minat pelabur asing dari luar negara Malaysia. FundedByMe mempunyai akses kepada lebih 70,000 orang pelabur merentasi 180 buah negara," ujar Daniel sambil menjelaskan bahawa platform ini telah diberi lesen untuk beroperasi sebagai platform pinjaman P2P pada tahun 2016.

Meskipun mempunyai potensi yang besar, firma-firma ECF di Malaysia berpendapat bahawa pendidikan dan pendedahan lanjut perlu bagi menarik minat pelabur dan syarikat-syarikat Malaysia untuk menerima saluran pelaburan dan pembiayaan ini.

Pelabur runcit (kecil-kecilan) boleh melabur sehingga RM5,000 setiap buah syarikat dan sebanyak RM50,000 setiap tahun. Manakala angel investors boleh memanfaatkan Program Pencukaian angel investor dan mendapat faedah cukai sehingga RM500,000. Untuk layak mendapat insentif cukai, para angel investors mesti membuat permohonan dan mendaftar sebagai angel investor yang berakreditasi dengan MBAN (Malaysian Business Angel Network).

PERKHIDMATAN KEWANGAN

Memberi Ketenangan kepada Pemegang Polisi

Bank Negara Malaysia (BNM) memantau perjalanan proses pertukaran lesen perniagaan syarikat insurans biasa dan insurans takaful, di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Proses pertukaran ini yang kini berada dalam fasa kedua, dijangka akan selesai menjelang 30 Jun 2018.

Matlamat dasar bagi keperluan penukaran ini adalah:

- (a) untuk meningkatkan tumpuan terhadap bidang teras kepakaran;
- (b) untuk mengurangkan risiko yang timbul dari bidang perniagaan di mana kepakaran dan kemahiran adalah terhad; dan
- (c) untuk memastikan kestabilan berterusan dalam sektor insurans dan takaful berlandaskan kumpulan pemain yang mantap dan efisien.

Sepanjang tahun 2016, beberapa kejayaan tercapai berhubung dengan langkah berkenaan:

- Memberi notifikasi kepada pemain industri tentang Perintah Kerajaan

bagi pengecualian cukai setem dan cukai untung harta tanah

- Penerbitan sebuah dokumen polisi tentang peraturan bagi proses pertukaran
- Penghantaran pelan penukaran dan permohonan yang berkenaan oleh penginsurans dan operator takaful.

Meskipun pelan pertukaran sedang berjalan lancar dan cuba menepati garis masa, proses keseluruhan mungkin akan mengambil lebih masa untuk siap sepenuhnya. Demi mengurus dengan lebih berkesan, bank pusat berterusan berkomunikasi dengan pemain integrasi dan juga menetapkan matlamat tertentu yang mestи dicapai sebagaimana digariskan dalam dokumen polisi; termasuk penghantaran permohonan akhir pada 30 Disember 2016. Ini akan memberi BNM masa yang mencukupi untuk menilai dan mendapat kelulusan yang berkaitan bagi mengeluarkan lesen-lesen baharu dan institusi yang terbabit pula boleh bersedia untuk memulakan perniagaan menjelang 1 Julai 2018.

Tambahan pula, bagi memastikan perlindungan kepentingan pemegang polisi insurans dan peserta takaful yang berterusan dan tanpa gangguan, BNM juga mensyaratkan penginsurans dan operator takaful terbabit untuk menetapkan pelan komunikasi yang memuaskan untuk membantu peralihan pemegang polisi kepada institusi berlesen baharu. BNM juga mengarahkan institusi terbabit menjelaskan sebarang perubahan kepada pemegang polisi.

Memandangkan CIIF baru ditubuhkan pada bulan November 2015, fokus bagi tahun 2016 terarah kepada perkembangan berterusan dan pengukuhan atas pembentukan badan ini.



TINJAUAN MASA ► HADAPAN

Tahun 2016 merupakan tanun yang mencabar bagi kebanyakan ekonomi di seluruh dunia, ekoran daripada ketidaktentuan serta kejutan seperti TPPA, Brexit, turun naik harga komoditi dan kelembapan dalam ekonomi besar seperti negara China dan benua Eropah. Ekonomi Malaysia berjaya memperlihatkan daya tahannya, meskipun begitu impak daripada semua cabaran tersebut dijangka akan dirasai sepanjang tahun 2017.

Namun demikian, Kerajaan berpandangan positif terhadap

pertumbuhan ekonomi negara yang diyakini akan terus tumbuh. Kemajuan signifikan dan inisiatif permulaan dalam industri perkhidmatan kewangan telah dimulakan, terutamanya dalam segmen kewangan Islam dan teknologi kewangan. Segmen-segmen ini dijangka membantu meningkatkan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi serta memacu pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

PERTANIAN

MENINGKATKAN HASIL NILAI PERNIAGAAN TANI

**DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK**

Menteri Pertanian & Industri Asas Tani

Seiring dengan peranannya sebagai tunjang ekonomi Malaysia, sektor pertanian telah disuntik dengan daya rangsangan untuk membawa perubahan semenjak permulaan NTP. Dalam hal ini, inisiatif di bawah NKEA Pertanian telah berjaya memperluaskan penghasilan produk daripada beberapa syarikat peneraju untuk pasaran eksport. Sementara itu, pemain utama di bawah projek-projek lain pula berjaya meningkatkan pegangan kepentingan mereka, bukan hanya untuk pasaran tempatan malah di pasaran eksport.

NKEA Pertanian bukan sahaja memainkan peranan penting dalam usaha mempertingkatkan nilai inisiatif pertanian Malaysia, bahkan telah menyaksikan syarikat tempatan melonjak dalam rantaian nilai masing-masing bersandarkan pada penerapan standard yang tinggi, pemindahan teknologi dan penyertaan dalam aktiviti bernilai tinggi. Gabungan kesemua faktor ini membolehkan setiap syarikat terbabit menuntut harga yang lebih tinggi sekali gus meningkatkan pulangan pelaburan mereka.

NKEA Pertanian mencatatkan beberapa pencapaian penting termasuk protokol yang dimeterai ketika kunjungan YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China (PRC), yang telah membenarkan eksport sarang burung walit mentah yang belum dibersihkan dari Malaysia ke PRC. Perkembangan ini dijangka meningkatkan harga eksport sarang burung walit kepada RM3,000-RM5,000 sekilo berbanding RM1,000 sekilo ketika ini, yang bakal memanfaatkan 10,000 penternak sarang burung walit tempatan.

Tahun ini turut menyaksikan peningkatan hasil pendapatan purata tahunan petani yang menyertai inisiatif penanaman padi kepada RM42,000 berbanding RM33,500 pada tahun 2012. Perkembangan ini susulan penyatuan lebih 25,000 hektar tanah di Kawasan Muda, Kedah yang berjaya menjana produktiviti yang lebih tinggi.

Namun begitu, pelaksanaan beberapa inisiatif terpaksa berhadapan dengan krisis yang melanda industri ini seperti keadaan cuaca yang melampau dan ketidaktentuan kadar pertukaran mata wang asing. Akan tetapi, Kementerian akan terus memantau



kekangan dalaman yang mampu diatasi, contohnya yang melibatkan tempoh proses kelulusan bagi projek, demi memastikan matlamat yang disasarkan tercapai.

Dalam pada itu, strategi pertanian juga perlu mengambil kira jaminan bekalan makanan negara. Jaminan ini bergantung pada teknologi yang mampu menjana hasil pengeluaran makanan yang lebih tinggi agar rakyat Malaysia dapat terus menikmati bekalan makanan yang murah, selamat dan bermutu tinggi. Saya amat berbangga dengan pencapaian segala inisiatif dan usaha yang dijalankan oleh Kerajaan selama ini yang disasarkan untuk menjadikan para petani negara lebih kompetitif dalam pasaran makanan tempatan dan global, sekaligus memastikan industri pertanian negara kekal maju dan jaminan bekalan makanan negara terus terjamin pada masa akan datang.

GAMBARAN KESELURUHAN

Kerajaan telah melaburkan kira-kira RM2.4 bilion dalam program NKEA Pertanian sejak awal pelaksanaan NTP. Melalui program ini, pelaburan tersebut disalurkan secara terperinci untuk pelbagai inisiatif yang diusahakan agar berupaya membangunkan sebuah ekonomi pertanian yang mampan. Kerjasama yang terjalin antara syarikat peneraju dan petani kecil menerusi program NKEA Pertanian menjadi kunci kepada kejayaannya.

Gabungan ini berjaya meningkatkan produktiviti tahap eksport, menembusi pasaran baharu, mewajarkan penerimaan standard yang lebih tinggi dalam kalangan peserta NKEA dan membangunkan bidang pertumbuhan yang baharu. Kesemua faktor ini menyumbang kepada hasil pulangan yang lebih tinggi buat warga petani di Malaysia. Sebagai contoh, produktiviti pengeluaran padi di bawah EPP 11 telah meningkat daripada 4.0 tan metrik sehektar setiap kitaran pada tahun 2011 kepada 4.8 tan metrik sehektar setiap kitaran pada tahun 2016. Bagi keluaran eksport sarang burung walit melalui EPP 2 pula, sasaran pada 2016 adalah 200 tan metrik manakala jumlah

sebenar yang dicatatkan pada 2016 telah mencapai 381 tan metrik. Ini merupakan suatu pencapaian yang cemerlang, sekaligus menjadi perangsang kepada para pengusaha yang terlibat dalam industri sarang burung walit.

Biarpun begitu, industri ini tidak terkecuali daripada cabarannya. Beberapa projek, terutamanya yang melibatkan EPP yang berdasarkan pengeluaran telah terkesan rentetan bahana persekitaran, antaranya El Nino dan penyakit. Cabaran tersebut paling ketara dalam EPP pengeluaran akuakultur, penternakan dan pertanian yang mengalami penyusutan pengeluaran sehingga 20%. Contohnya sementara pengeluaran udang berdepan dengan masalah penyakit Enterocytozoon Hepatopenaei (EHP) dan Early Mortality Syndrome (EMS) yang menular sehingga menyebabkan kadar kematian yang tinggi, tumbesaran terbantut atau saiz udang tidak serangan.

Ketidaktentuan serta kemerosotan kadar pertukaran mata wang asing juga memberi kesan ke atas pengimportan lembu untuk EPP berkaitan penternakan dan mengakibatkan kos operasi yang melambung tinggi secara mendadak. Sementara itu, isu keselamatan di kawasan Lahad Datu dan Semporna, Sabah, berserta dengan harga rumput laut yang merosot telah menjelaskan penternakan rumput laut. Sektor lain

PERTANIAN



Operasi Sawah Padi di Kawasan Muda, Kedah di bawah program EPP 10

Inisiatif khusus untuk mempertingkat infrastruktur yang mampu berhadapan risiko cuaca melampau telah dimulakan dan kini dijadikan keutamaan agar dapat membantu mengurangkan kerugian para petani

yang turut terjejas ialah projek integrasi perternakan lembu di ladang kelapa sawit kerana kebanyakan syarikat peneraju memulakan aktiviti penanaman semula pokok kelapa sawit di ladang. Justeru, bilangan lembu di ladang telah dikurangkan sementara proses penanaman semula dilakukan.

Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi sepanjang tahun ini tidak dilaksanakan usaha dan inisiatif yang digiatkan secara berterusan di bawah program NKEA Pertanian yang menyasarkan transformasi industri pertanian. Bahkan, inisiatif khusus untuk mempertingkat infrastruktur yang mampu berhadapan risiko cuaca melampau telah dimulakan dan kini dijadikan keutamaan agar dapat membantu mengurangkan kerugian para petani. Bagi membantu menempuh masalah penyakit yang melanda udang ternakan sehingga menjelaskan pengeluaran, Jabatan Perikanan telah menganjurkan platform perkongsian ilmu tentang kaerah menghindari penyakit bersama syarikat peneraju dengan pakar daripada Jabatan. Begitu juga dengan penternakan rumput laut yang dihimpit masalah harga



Aktiviti pemantauan rekod ladang para peserta di bawah EPP 10

yang terlampaui merosot. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertindak dengan melakukan analisis rantaian nilai terhadap kaerah dan cara bersesuaian bagi meningkatkan harga rumput laut. Sehubungan itu, kerjasama antara agensi teknikal seperti Jabatan Perikanan dan pihak industri akan diperluas agar lebih banyak inisiatif dan inovasi dilancarkan demi menambah baik produktiviti dan kualiti produk pertanian negara.



Penuaan udang bernilai tinggi di bawah program EPP 6

Memperkasa Keupayaan Syarikat menerusi Perniagaan Tani

Jalinan kerjasama antara syarikat peneraju dan para usahawan kecil untuk menyokong perniagaan syarikat peneraju telah mencetuskan daya anjakan yang merancakkan transformasi industri pertanian. Hal ini berikutan dasar yang diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar syarikat peneraju menjalankan rangkaian yang disokong oleh golongan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Rangkaian tersebut dibina melalui pemantauan dan penglibatan berterusan

antara pemilik EPP dan syarikat peneraju untuk merancang dan membina program yang mampu menambah bilangan usahawan IKS.

Keberhasilan langkah tersebut dapat dilihat daripada EPP 8 yang memfokuskan peningkatan keupayaan eksport dalam industri makanan terproses. Setakat ini, 96 usahawan baru IKS telah dibangunkan oleh syarikat peneraju dengan pembabitan IKS sebagai pembekal, penjual atau pusat pengedaran bahan mentah yang menjadi sebahagian daripada ekosistem perniagaan peneraju tersebut. Di samping itu, projek penternakan akuakultur melalui sistem sangkar bersepada menyaksikan salah satu syarikat penerajunya, Trapia Sdn Bhd menyumbangkan hampir 90% daripada jumlah pengeluaran melalui selain pelaksanaan program kluster yang memberi manfaat kepada pengusaha kecil.

Serentak dengan itu, usaha di bawah program NKEA Pertanian turut menaikkan taraf syarikat peneraju demi memastikan eksport Malaysia kekal kompetitif. Taraf yang dimaksudkan mensyaratkan semua syarikat peneraju mendapatkan pensijilan Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP), yang setaraf dengan standard ISO, tetapi hanya untuk amalan pertanian. Pematuhan syarat MyGAP penting bagi syarikat yang berminat untuk mengeksport produk mereka kerana segelintir negara maju mengiktiraf syarat pensijilan tersebut sebelum membenarkan sebarang produk luar memasuki pasaran negara mereka.

Selari dengan perkembangan ini, sembilan daripada 14 syarikat peneraju penternakudang telah mendapatkan sijil MyGAP, sekaligus menampakkan komitmen mereka yang tinggi dalam usaha mengeluarkan produk bermutu tinggi untuk pasaran premium. Setakat ini, Pensijilan MyGAP telah dianugerahkan kepada 829 ladang buah-buahan dan sayur-sayuran, 210 penternak dan 159 ladang ternakan akuakultur pada tahun 2016. Hal yang demikian membuktikan MyGAP telah berjaya mencapai objektifnya bagi meningkatkan kesedaran pengguna untuk menuntut produk yang bermutu tinggi dan selamat. Secara tidak langsung, MyGAP turut mencetuskan daya saing yang lebih tinggi di kalangan pengeluar produk pertanian Malaysia pada tahap antarabangsa.



Kilang memproses udang milik syarikat peneraju di bawah EPP 6

BIOTROPICS MEMBAWA BIOSUMBER MALAYSIA KE PENTAS DUNIA

Biotropics Malaysia Berhad (Biotropics) ditubuhkan pada Februari 2007 dengan objektif untuk memajukan dan mengkomersilkan sumber bio negara Malaysia untuk menghasilkan produk kesihatan semula jadi yang bermutu tinggi. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Khazanah Nasional Bhd untuk mengembangkan industri herba Malaysia, khususnya herba terkenal Tongkat Ali, agar dapat menembusi pasaran antarabangsa. Penyelidikan dalam dan luar negara yang dijalankan sekian tahun membuktikan manfaat dan khasiat herba Malaysia ke atas kesihatan dan kecergasan tubuh badan.

"Biotropics bertanggungjawab merancang dan mengurus sepenuhnya perkembangan bisnes bagi herba Tongkat Ali, bermula daripada penyelidikan dalam makmal, sehingga penjenamaan, pemasaran, pengedaran dan penghantaran (logistik). Produk Tongkat Ali sudah lama dikenali di pasaran dan mendapat pensijilan daripada Institut Perubatan Oxford sebagai produk herba semula jadi yang boleh menguatkan kecergasan badan. Saluran pengedaran produk herba Biotropics telah menembusi pasaran Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, China, Rusia dan Hong Kong," kata Tengku Shahrir Tengku Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif dan pengasas Biotropics.

Program NKEA Pertanian merupakan pemangkin utama yang memacu pertumbuhan dan perkembangan syarikat Biotropics di arena antarabangsa dimana program ini memberi akses kepada pasaran dan rangkaian pengedaran yang lebih besar. "Rangkaian nilai NKEA ini menggalakkan perkembangan dalam penguasaan bahagian pasaran serta saluran pengedaran. Pelbagai usaha

"Biotropics bertanggungjawab merancang dan mengurus sepenuhnya perkembangan bisnes bagi herba Tongkat Ali, bermula daripada penyelidikan dalam makmal, sehingga penjenamaan, pemasaran, pengedaran dan penghantaran (logistik)"

dijalankan termasuklah usaha sama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pensijilan, Jabatan Perhutanan untuk kebenaran menerokai sumber tumbuhan asli, Pejabat Orang Asli untuk bantuan dalam menyelaras sumber tenaga manusia dalam usaha mendapatkan herba di hutan, dan MATRADE dalam usaha menghubungkan syarikat ini dengan rakan niaga di pasaran antarabangsa serta menghubungkan Biotropics dengan US Food & Drug Administration bagi mendapatkan kelulusan ke atas produk yang dipasarkan oleh Biotropics," tambah Tengku Shahrir.

Selaku salah satu projek NKEA yang berjaya, Biotropics telah diundang untuk berkongsi hasil penyelidikan

dan perkembangan produk Tongkat Ali di Ekspo Vitamin dan Makanan Eropah 2016. Biotropics juga diundang untuk menganjur suatu seminar anti-penuaan menggunakan herba asli dalam pameran perdagangan produk herba di benua Eropah pada tahun yang sama. Penampilan Biotropics membolehkan produk-produk herbanya menembusi pasaran baharu di benua Eropah.

Namun, di sebalik kejayaan di peringkat global, pengasas Biotropics, Tengku Shahrir menyuarakan keimbangan tentang isu pelanggaran hak cipta yang semakin meluas. Banyak kejadian berlaku di mana syarikat pengeluar produk makanan tambahan mencemarkan imej Tongkat Ali di negara Vietnam dengan cara mempromosi produk keluaran mereka mengandungi Tongkat Ali, walaupun produk itu tidak mengandungi Tongkat Ali. Biotropics terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan untuk mengawal keadaan ini dengan menjalankan program kesedaran untuk mendidik semula pengguna dan pengedar di Vietnam. Oleh sebab syarikat ini membangunkan produk untuk pasaran antarabangsa, Biotropics juga mengambil langkah untuk melindungi produknya yang berada di pasaran antarabangsa dari segi perlindungan hak cipta, pembayaran royalti dan penjagaan paten perdagangan.

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PERTANIAN MELALUI USAHA SAMA

Testimoni: Dato' Ahmad Rizal bin Abdul Rahman, Pengurus, SBH Perak Agro Aquaculture Sdn Bhd

SBH Perak Agro Sdn Bhd ditubuhkan tujuh tahun yang lalu sebagai satu usahasama dengan Trapia Sdn Bhd dalam bisnes penternakan akua dan penanaman sayuran. Dalam penternakan akua, tumpuan diletakkan kepada penternakan udang dan ikan bagi pasaran tempatan dan eksport; manakala bagi penanaman sayuran, syarikat ini memberi fokus kepada penanaman sayuran secara organik khas untuk pasaran eksport.

SBH Perak Agro telah memanfaatkan simpanan tanah pertanian di Perak dan kami mengambil langkah berani dengan mengemukakan usul kepada Kementerian Pertanian Malaysia, berserta dengan sokongan daripada Kerajaan Negeri Perak, agar dibenarkan menyertai program NKEA Pertanian. Kami memutuskan untuk mengambil langkah ini kerana kami dapat melihat sesetengah projek yang dijalankan di bawah NKEA ini mempunyai matlamat perkembangan pertanian yang sehalas matlamat SBH Perak Agro.

SBH Perak Agro dari mulanya dibina untuk menjadi sebuah syarikat yang mampu menjalankan projek penanaman menggunakan dana yang dibiayai sendiri dan ia merupakan suatu projek yang dapat dimanfaatkan oleh para petani dan perternak tempatan. Selepas kami menyertai NKEA Pertanian, kami mula mendapat pinjaman bagi meningkatkan pelaburan bagi meningkatkan mutu sayuran dan ikan yang kami hasilkan.

NKEA ini telah menetapkan matlamat KPI yang mesti dicapai, iaitu SBH Perak Agro mestilah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 34 % dalam hasil pengeluaran; bekerjasama dengan petani dan perternak tempatan (di Perak) dan berkongsi

keuntungan dengan mereka. Sesungguhnya kami dengan bangga mengumumkan bahawa SBH Perak Agro berjaya mencapai, malah melangkaui sasaran KPI yang ditetapkan. Pelaburan syarikat dalam teknologi penanaman dan penjagaan anak pokok telah menjadikan petani tempatan sangat teruja dan meningkatkan minat mereka untuk bergiat dalam program penanaman yang kami jalankan. Mereka telah mempelajari teknologi terbaru dalam penanaman sayuran organik yang bermutu. Produk sayuran, udang dan ikan yang kami hasilkan ternyata mencapai standard eksport antarabangsa dan mendapat permintaan tinggi khususnya dari pasaran di negara jiran. Di samping itu, skim perkongsian keuntungan dengan para petani dan perternak telah terbukti menjadi antara faktor utama yang memastikan kejayaan dan merangsang pertumbuhan syarikat secara berterusan.

Program NKEA ini juga menghendaki syarikat menguruskan risiko dan pelaburan dengan baik, serta mengurangkan kerugian dalam aktiviti penanaman dan penternakan yang diusahakan, walaupun agak mencabar untuk mengurus risiko kerana perubahan cuaca yang tidak diduga serta tidak dapat dikawal yang mendaratkan kerosakan kepada ladang kami. Meskipun begitu, kami mengguna pakai teknologi yang mampu membantu kami mengawal dan mencegah penyakit dan perosak dalam aktiviti penanaman.

Kami akan meneruskan usaha dalam NKEA ini pada jangka masa panjang agar kami dapat mendorong anak muda mempunyai minat dalam bidang pertanian, dan dalam masa yang sama agar kami dapat meningkatkan pelaburan dalam kegiatan huluhan dan hiliran bagi penghasilan produk kami. Pengeluaran hasil penanaman dan penternakan kami akan semakin meningkat apabila kami memperluas

“NKEA ini telah menetapkan matlamat KPI yang mesti dicapai, iaitu SBH Perak Agro mestilah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 34 % dalam hasil pengeluaran; bekerjasama dengan petani dan perternak tempatan (di Perak) dan berkongsi keuntungan dengan mereka.”

kawasan penanaman dan menaik taraf kemudahan untuk menghasilkan hasil tanaman dan ternakan.

Terima kasih atas sokongan program NKEA ini yang banyak membantu membuka saluran pengedaran dan pemasaran bagi syarikat. Kini, sebahagian besar hasil pengeluaran kami adalah untuk dieksport ke pasaran asing.

PERTANIAN



Operasi sawah padi, inisiatif di bawah EPP 9,EPP 10 dan EPP 11

Daripada 24 produk herba di bawah program ini, 11 produk telah memulakan ujian klinikal pada peringkat tempatan dan luar negara.

Meneroka Produk Bernilai Tinggi

Sektor produk herba telah berjaya melakar kisah kejayaan yang cemerlang di bawah program NKEA Pertanian berlatarkan nilai yang dijana daripada kepakaran Malaysia dalam bidang ubatan tradisional, yang memanfaatkan biodiversiti negara yang begitu kaya. Projek ini sedang berada pada landasan yang tepat untuk merealisasikan sasarannya pada tahun 2020 iaitu menyiapkan ujian klinikal lalu mengkomersialkan 10 produk nutraceutical dan kosmeseutikal. Daripada 24 produk herba di bawah program ini, 11 produk telah memulakan ujian klinikal pada peringkat tempatan dan luar negara seperti di Eropah, Jepun, AS, Mesir dan Korea. Produk lain pula dijangka memulakan fasa ujian klinikal masing-masing pada tahun 2017 sejurus selepas ujian praklinikal selesai dilaksanakan.

Pengeluaran sarang burung walit turut menempa nama Malaysia dalam sektor pengeluaran produk bernilai tinggi. Susulan protokol sarang burung walit yang dimeterai bersama dengan PRC pada tahun lepas,



Sarang burung walit yang sedia untuk dipasarkan

Malaysia kini dibenarkan untuk mengeksport sarang burung walit mentah yang belum dibersihkan ke PRC; sebelum ini hanya sarang burung walit mentah bersih sahaja yang dibenarkan untuk dieksport ke negara tersebut. Protokol ini telah membuka pasaran baharu untuk penternak sarang burung walit, malah dijangka memberikan keuntungan kepada 10,000 penternak apabila harga sarang burung walit meningkat kepada kira-kira RM3,000 hingga RM5,000 sekilo berbanding RM1,000 sekilo sebelum ini.

Sementara itu pasaran untuk sarang burung walit mentah dan bersih juga menyaksikan peningkatan yang stabil dari segi bilangan syarikat yang dibenarkan mengeksport produk mereka ke PRC. Setakat ini, sejumlah 19 kilang pemprosesan tempatan telah memperoleh kelulusan daripada PRC untuk mengeksport produk mereka ke negara tersebut, berbanding 15 kilang pada tahun 2015 dan hanya lapan kilang pada tahun 2014. Kilang-kilang tersebut mengeksport dalam anggaran 324 tan metrik sarang burung walit pada tahun 2016.



Sistem pengairan di sawah padi, inisiatif di bawah EPP 9,EPP 10 dan EPP 11



Penuaian udang berskala komersial di bawah EPP 6

TINJAUAN MASA HADAPAN ►

Dengan berlatarkan pertumbuhan industri pertanian yang mantap, pihak berkepentingan daripada kalangan sektor awam dan swasta wajar mengekalkan momentum mereka dalam pelaksanaan inisiatif yang disasarkan. Serentak dengan itu, pihak berkepentingan juga harus bersikap peka dan responsif terhadap suasana ekonomi semasa, di samping memperkuuh daya ketahanan dan mengurangkan kebergantungan mereka terhadap Kerajaan dalam usaha untuk mengekalkan atau mempertingkat produktiviti masing-masing.

Tambahan lagi, industri ini memerlukan penyelesaian jangka panjang dan perancangan yang lebih terperinci untuk berhadapan dengan masalah akibat cuaca melampau, penyakit yang menular dan ketidaktentuan dalam harga keluaran pertanian. Memandangkan kebanyakannya syarikat peneraju telah melengkapkan kerja pembinaan, kini sudah tiba masanya syarikat terlibat memfokuskan usaha untuk

menggandakan produktiviti pertanian masing-masing. Hal yang demikian ini penting bagi memastikan syarikat ini mencapai sasaran output yang telah ditetapkan ketika perancangan awal dibuat demi merealisasikan sasaran GNI dan pewujudan peluang pekerjaan yang disasarkan di bawah program NKEA Pertanian.

Impak menggalakkan yang disaksikan dalam pengeluaran produk dan hasil perniagaan pertanian sehingga tahun 2016 merupakan susulan usaha dan inisiatif yang dipacu oleh program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Oleh yang demikian, program NKEA akan kekal sebagai agenda utama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar kita dapat nikmati hasil pertanian negara pada tahap maksimum. Secara tuntasnya, kita bakal melihat industri pertanian negara yang cukup matang, yang kelak menjanjikan pertumbuhan industri pertanian ke suatu tahap baharu di Malaysia.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MEMENUHI KEPERLUAN MODAL INSAN BAGI NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI



**DATO' SRI RICHARD
RIOT ANAK JAEM**
Menteri Sumber Manusia

Matlamat teras SRI Pembangunan Modal Insan (HCD) adalah penting ke arah meningkatkan kualiti tenaga kerja Malaysia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara yang sedang bergerak ke status negara berpendapatan tinggi.

SRI ini dibangunkan setelah Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) mencadangkan sembilan bidang dasar HCD yang memerlukan fokus di bawah Model Baru Ekonomi (NEM). Saranan tersebut merupakan susulan kajian yang dilaksanakan oleh NEAC yang mendapati bahawa kualiti tenaga kerja Malaysia yang terdiri daripada pekerja sedia ada dan kemasukan pekerja baharu, tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi kehendak industri tempatan. Ekoran dapatan kajian tersebut, sebuah program pembaharuan yang komprehensif diwujudkan dan merangkumi bidang dasar HCD yang menyeluruh berserta dua tema penting, iaitu Transformasi Tempat Kerja dan Transformasi Tenaga Kerja.

Sejak itu, SRI ini telah memperkenalkan beberapa inisiatif penting bagi memenuhi keperluan sembilan bidang dasar yang diusulkan di bawah NEM, antaranya, Memodenkan Perundangan Tenaga Kerja, Memperkuuh Program Sumber Manusia yang Strategik, Mempertingkat Jaringan Keselamatan Buruh, Melaksanakan Analisis Pasaran Buruh dan Memperkasakan Tenaga Kerja Wanita.

Justeru, pada 2013, kita menyaksikan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2012, yang diwartakan pada 16 Julai 2012 untuk melindungi pekerja yang berdepan dengan ketidaktentuan suasana ekonomi dengan penetapan gaji minima, serta Akta Umur Persaraan Minimum 2012 yang menetapkan syarat umur persaraan bagi pekerja sektor swasta dilanjutkan kepada 60 tahun, setelah mengambil kira jangka hayat rakyat



Malaysia semakin meningkat di samping membantu menambah simpanan persaraan warga pekerja. Kajian semula gaji minima telah dilaksanakan pada tahun 2016 dengan penguatkuasanaan Perintah Gaji Minimum 2016 mulai 1 Julai 2016 yang telah meningkatkan gaji minimum kepada RM1,000 daripada RM900 untuk Semenanjung Malaysia, dan RM920 daripada RM800 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan.

Dalam perkembangan seterusnya, menerusi penubuhan Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC), SRI ini turut membuka laluan bagi perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang berperanan sebagai tunjang ekonomi Malaysia untuk mempertingkat prestasi perniagaan mereka. Selain itu, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) juga ditubuhkan bagi membekalkan Kerajaan dengan data yang cukup untuk membantu dalam perancangan guna tenaga.

Kita juga melihat peranan penting Program Peningkatan Kemahiran MyProCert dan Program Peningkatan Bakat Negara dalam memastikan tahap kemahiran tenaga kerja negara dipertingkat sekali gus membantu menyokong pembangunan NKEA. Ini amat penting demi menampung keperluan untuk mempertingkat tenaga kerja sedia ada dan menjadikannya relevan dengan standard global. Kerajaan kekal positif bahawa asas kukuh yang telah dibina menerusi SRI ini akan memupuk suatu landskap yang kondusif yang mampu menyemarakkan kemampuan tenaga kerja tempatan.

GAMBARAN KESELURUHAN

SRI Pembangunan Modal Insan (HCD) merupakan salah satu komponen NTP, di mana peranannya merentasi semua NKEA di bawah Program Transformasi Ekonomi. SRI ini adalah hasil daripada NEM, dengan matlamat utama untuk mempertingkat keupayaan modal insan di samping menangani keperluan modal insan yang diperlukan untuk pelaksanaan kesemua 12 NKEA bagi mencapai aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Usaha telah memfokus terhadap peningkatan kemampuan tenaga kerja tempatan, mendorong kepelbagaian “gender” pekerja dan melaksanakan dasar yang disasarkan bagi meningkatkan potensi pekerja berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi. SRI ini mengetengahkan beberapa pencapaian cemerlang pada 2016, antaranya, peningkatan gaji minimum yang merupakan semakan pertama yang dilakukan sejak dasar ini diwartakan pada 2012.

SRI ini mengetengahkan beberapa pencapaian cemerlang pada 2016, antaranya, peningkatan gaji minimum yang merupakan semakan pertama yang dilakukan sejak dasar ini diwartakan pada 2012.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MEMBANGUNKAN BAKAT YANG BERKEMAMPUAN

SRI ini telah menyasarkan pelbagai usaha bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja Malaysia agar bakat yang dibangunkan sejajar dengan keperluan negara berpendapatan tinggi. Ini akan membolehkan tenaga kerja bersiap sedia agar mampu mengisi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi terhasil daripada NTP.

Antara usaha yang dijalankan termasuklah pelaksanaan strategi yang menyeluruh bagi memastikan kemahiran tenaga kerja tempatan ditingkatkan secara berterusan. Ini dilakukan dengan membangunkan hubungan antara pemain industri dengan institusi pendidikan untuk menambahbaik latihan tertiari dan vokasional berdasarkan alam pekerjaan sebenar serta memastikan latihan tersebut kekal relevan. Antara pencapaian cemerlang inisiatif ini ialah melalui kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, German-Malaysian Institute (GMI) dan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) dalam pelaksanaan Program Latihan Vokasional Dua Aliran (DVT).

Dengan peranan PEMANDU sebagai pemudah cara, kerjasama tersebut dilancarkan pada Jun 2014 yang membabitkan 22 pelatih yang mengikuti latihan dalam jurusan pengurusan industri (11 pelatih) dan pengurusan logistik (11 pelatih). Skim tersebut disertai oleh 17 syarikat terutamanya syarikat Jerman (contohnya, Infineon, Schenker, a.hartrodt, Bosch, SGL, TÜV Rheinland dan Panalpina).



HRDF Conference & Exhibition 2016.

Rentetan kejayaan yang disaksikan daripada program ini, MoHR akan membiayai usaha bagi memperluaskan program ini. Selain bidang industri dan logistik, pelajar yang terpilih juga berpeluang mengikuti kursus mekatronik. Malah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM2 juta untuk memperluaskan program tersebut ke Pulau Pinang di bawah perjanjian yang dimeterai antara Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dengan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman.

SRI ini juga menerajui penubuhan Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC) untuk menyokong momentum pertumbuhan SME yang sering kali

menghadapi masalah dari aspek kemampuan pengurusan sumber manusia. Pusat Pembangunan Sumber Manusia Kebangsaan (NHRDC) ditubuhkan pada 2012 di bawah seliaan Pembangunan Sumber Manusia Berhad-HRDF, Kementerian Sumber Manusia bagi menyediakan penyelesaian sumber manusia yang strategik bagi SME termasuk sesi khidmat rundingan secara "walk-in" dan Kelab Sumber Manusia dan sesi Mentor Mentee.

Pusat ini turut melancarkan Portal dan Pusat Panggilan Bebas Tol pada 2012, dan menyaksikan lebih 4,000 SME menerima pakai pakej penyelesaian khusus sumber manusia yang dikeluarkan. Portal NHRC menyediakan penyelesaian

Antara pencapaian cemerlang inisiatif ini ialah melalui kerjasama antara Jabatan Pembangunan Kemahiran, German-Malaysian Institute (GMI) dan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) untuk pelaksanaan Program Latihan Vokasional Dua Aliran (DVT).

merentasi pelbagai isu, daripada isu pengambilan sehingga persaraan menerusi toolkit, templat dan carta alir yang telah diringkaskan untuk kegunaan SME namun fleksibel untuk diubahsuai bagi konteks penggunaan yang lebih sofistikated. NHRDC turut berperanan sebagai perunding untuk pertanyaan yang melibatkan sumber manusia, antaranya, isu hubungan pekerja dengan industri. Pada 2016, seramai 11,605 majikan telah berdaftar dan mendapat manfaat daripada Portal NHRC.

NHRC juga mengeluarkan dua penerbitan khusus: "Rujukan Pantas Pengurusan Sumber Manusia untuk SME" dan "Cara Untuk Menyediakan Buku Panduan Pekerja", dan kedua-duanya telah diedarkan kepada SME dan persatuan majikan di seluruh negara sebagai usaha untuk memperkuuh golongan usahawan dan pengamal sumber manusia dengan memberikan pengetahuan, keupayaan dan kemahiran yang diperlukan agar mereka mampu membangunkan SME yang kompetitif dan mampan, yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Bidang dasar ini turut menyaksikan pelancaran program pembinaan keupayaan sumber manusia pada tahun 2012, yang terbuka kepada majikan, sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan HRDF. Pada tahun 2016, sebanyak 33,735 majikan menyertai program ini, membolehkan pekerja-pekerjaannya memperoleh kelulusan seperti sijil atau diploma dalam bidang sumber manusia. Sejak 2013, sebanyak 96,616 majikan telah menyertai program ini.

Meningkatkan Potensi Penjanaan Gaji bagi Golongan Berpendapatan Rendah

Perintah Gaji Minimum yang digubal pada 2012 mewajibkan gaji minimum ke atas institusi dalam pasaran tenaga kerja tempatan sebagai usaha untuk meningkatkan standard kehidupan pekerja, khususnya golongan berpendapatan rendah. Di bawah Perintah ini, gaji minimum pekerja di Semenanjung Malaysia, termasuk di Sabah, Sarawak dan juga Labuan ditetapkan pada RM900 dan RM800 masing-masing. Penetapan kadar gaji tersebut akan disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan kadar tersebut bersesuaian dengan keadaan ekonomi terkini. Pada Julai 2016, gaji minimum telah ditingkatkan kepada RM1,000 untuk Semenanjung Malaysia dan RM920 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan. Semakan ini mengambil kira bebanan kos sara hidup di samping kos operasi yang perlu

ditanggung oleh majikan.

Perintah Gaji Minimum yang digubal pada 2012 sedikit sebanyak berjaya mengurangkan jurang pendapatan di Malaysia, sekali gus pekerja tempatan bergaji paling rendah telah memperoleh manfaat yang ketara. Ini dirumus daripada Kajian Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang mendapati bahawa pendapatan median bulanan bagi golongan 40% berpendapatan terendah (B40) mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (CAGR) sebanyak 13% antara tahun 2009 dan 2014, meningkat daripada RM1,440 kepada RM2,629. Sementara itu, CAGR bagi pendapatan min bulanan pula mencatatkan pertumbuhan 12% untuk tempoh

Perintah Gaji Minimum yang digubal pada 2012 sedikit sebanyak berjaya mengurangkan jurang pendapatan di Malaysia.



PEMBANGUNAN MODAL INSAN




HRDF Conference & Exhition 2016.

Ini dirumus daripada Kajian Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang mendapati bahawa pendapatan median bulanan bagi golongan 40% berpendapatan terendah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (CAGR) subanyak 13% di antara tahun 2009 dan 2014, meningkat daripada RM1,440 kepada RM 2,629.

yang sama, iaitu daripada RM1,440 kepada RM2,537. CAGR bagi pendapatan median dan min B40 telah meningkat lebih tinggi berbanding golongan berpendapatan pertengahan 40% (M40) dan tertinggi 20% (T20). Hal ini dikatakan demikian kerana M40 mencatatkan masing-masing, CAGR 9% dalam pendapatan median dan min, manakala T20 pula mencatatkan masing-masing CAGR 7% dalam pendapatan median dan min.

54% KADAR PENYERTAAN GUNA TENAGA WANITA

Sasaran daripada Rancangan Malaysia Ke-11:
Meningkatkan Kadar penyertaan guna
tenaga wanita kepada 59% pada 2020



RAJAH 1: 54% Kadar Penyertaan Guna Tenaga Wanita

MENJUARAI KEPELBAGAIAN GENDER DALAM TENAGA KERJA

Selain daripada membantu mempertingkatkan kemampuan tenaga kerja dan melaksanakan dasar yang sesuai untuk menambahbaik suasana tempat kerja, SRI ini turut memfokuskan usaha untuk memanfaatkan tenaga kerja wanita demi meningkatkan produktiviti negara.


Dalam hal ini, semua Kementerian dan agensi Kerajaan telah diarahkan untuk menerapkan prinsip keserataan “gender” dalam rangka dasar masing-masing. Malah, menerusi memorandum Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2004, syarikat swasta sama ada yang syarikat senarai awam ataupun sebaliknya, juga disaran untuk memenuhi syarat bagi memastikan sekurang-kurangnya 30% eksekutif wanita untuk memegang jawatan pembuat keputusan, namun pelantikan tersebut perlu dilakukan berdasarkan sistem meritokrasi.

Berlatarkan matlamat tersebut, pada 2015, Perdana Menteri telah mengumumkan dua langkah utama untuk menambah peratusan wanita sebagai ahli lembaga pengarah:

1. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) hendaklah membangunkan dasar yang membenarkan eksekutif mereka berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat senarai awam yang lain, sekiranya tiada pertembungan kepentingan: dan

2. Syarikat tersenarai dikehendaki mendedahkan komposisi dan aspek kepelbagaian dalam kalangan ahli lembaga pengarah dan pengurusan

JUMLAH PENGASUH KANAK-KANAK YANG TELAH DILATIH SEJAK 2012



Sumber Jabatan Kebajikan Masyarakat

Syarikat tersenarai dikehendaki mendedahkan komposisi dan aspek kepelbagaian dalam kalangan ahli lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi, dari segi gender, etnik dan umur pada masa depan.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

tertinggi, dari aspek "gender", etnik dan umur mulai tahun depan.

Sementara itu, arahan juga dikeluarkan kepada badan-badan korporat untuk melaksanakan dasar fleksibiliti yang lebih meluas membabitkan urusan kerja serta penyediaan pusat penjagaan kanak-kanak. Kajian telah membuktikan bahawa sistem sokongan seperti ini menyumbang kepada peningkatan kadar penyertaan tenaga kerja wanita (cth: Denmark dan Sweden membelanjakan 1.7-2.7% KDNK mereka untuk kemudahan penjagaan kanak-kanak dan 70% wanita turut serta dalam tenaga kerja).

Laporan Pembangunan Modal Insan Asia-Pasifik 2010 daripada Program Pembangunan Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (UNDP) menunjukkan bahawa peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja sebanyak 70% mampu menjana pertumbuhan tahunan KDNK tambahan sebanyak 2.9%, sekali gus menyokong aspirasi negara untuk

mencapai status negara berpendapatan tinggi. RMK11 telah menetapkan sasaran untuk mencapai 59% penyertaan wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2020.

Di bawah inisiatif ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendorong pihak majikan untuk membina pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Usaha tersebut menyaksikan 41 daripada 483 pusat baharu ditubuhkan pada tahun 2016. Selain itu, sejumlah 1,637 pengasuh kanak-kanak telah menamatkan Kursus Asuhan PERMATA pada tahun tersebut.

Di samping itu, usaha yang bersasarkan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, usaha tambahan juga dilaksanakan bagi menambah bilangan taska baru serta pendaftaran taska yang tidak berdaftar untuk mendorong ibu bapa menghantar anak mereka ke taska yang berdaftar. Sejumlah 1,256 taska baru telah dicatatkan pada tahun 2016 dan hasil daripada inisiatif ini telah membolehkan peningkatan dalam tadbir urus oleh pihak berkuasa bagi memastikan penyampaian perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Walau bagaimanapun, kadar enrolmen telah menurun daripada 8% pada 2015 kepada 6.8% pada 2016 disebabkan data yang telah dikemaskini untuk memastikan ketepatan data berikut kewujudan pengiraan dua kali dalam data pada tahun-tahun yang sebelum ini. Matlamat Kerajaan adalah untuk meningkatkan penyampaian dan kualiti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dengan harapan untuk mengurangkan beban ibu yang berkerja serta menarik wanita untuk kembali ke alam pekerjaan.

Antara langkah-langkah penting oleh Kerajaan untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita termasuklah galakan kepada majikan untuk melaksanakan pengaturan kerja fleksibel (FWA) dan melancarkan program "Career Comeback" yang dimulakan pada bulan Mac 2015 untuk memudahkan wanita bagi kembali bekerja. Pada 2016, TalentCorp Malaysia

telah memberikan khidmat sokongan kepada 32 syarikat untuk melaksanakan FWA di samping membantu 168 wanita untuk kembali bekerja di bawah program "Career Comeback" selepas berehat daripada kerjaya.

Penyertaan wanita dalam jawatan membuat keputusan dalam sektor awam (JUSA C dan ke atas) telah meningkat dengan ketara, dan perkara yang sama juga dilihat dalam sektor swasta. Pada tahun 2011, Perdana Menteri telah mengumumkan sasaran 30% penyertaan wanita di jawatan membuat keputusan pada akhir tahun 2016. Sehingga akhir 2016, (1) peratus wanita dalam lembaga pengarah dalam 100 syarikat senarai awam teratas Bursa Malaysia berdasarkan kepada modal pasaran ialah 16.6%, peningkatan yang rendah berbanding 14% pada 2015, (2) 26% wanita di jawatan pengurusan tertinggi (termasuk ketua eksekutif) dan (3) 29% wanita di jawatan pengurusan atas. Hasil yang memberangsangkan ini adalah hasil usaha sama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, Talent Corp dan Kelab 30%.

Kelab 30% yang diasaskan di UK ini bercirikan kepelbagaiannya "gender" agar semua industri dapat memperbaiki keseimbangan "gender" di setiap tahap organisasi mereka. Sungguhpun sasaran awal kelab ini adalah untuk meningkatkan peratusan wanita dalam lembaga pengarah syarikat kepada 30%, yakni tiga kali ganda menjelang tahun 2016, tempoh ini telah dilanjutkan ke tahun 2020 kerana sasaran tersebut tidak dapat dicapai pada penghujung tahun 2016..

Walau bagaimanapun, sasaran sebanyak 30% wanita dalam jawatan membuat keputusan semakin hampir untuk dicapai dan diyakini akan dapat mencapai sasaran tersebut pada tahun 2020.

Untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita termasuklah galakan kepada majikan untuk melaksanakan pengaturan kerja fleksibel (FWA) dan melancarkan "Career Comeback" yang dimulakan pada bulan Mac 2015 untuk memudahkan wanita bagi kembali dan kekal bekerja.

PERATURAN GAJI MINIMUM MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN PENDAPATAN



Malaysia mencapai detik yang bersejarah pada bulan Januari 2013 apabila Kerajaan memperkenalkan Peraturan Gaji Minimum - satu dasar baharu yang bertujuan untuk meningkatkan skala pendapatan di negara ini seiring dengan aspirasi untuk menjadi negara pendapatan tinggi.

Namun demikian, pelaksanaan dasar ini bukan mudah kerana Kerajaan perlu mendapat kata sepakat daripada kedua-dua kumpulan majikan dan pekerja. Kerajaan memainkan peranan sebagai pengantara bagi memastikan tercapainya penyelesaian yang dapat memuaskan hati serta memanfaatkan semua pihak berkepentingan.

T. Shanmugam, Setiausaha bagi Majlis Perundingan Gaji Negara di Kementerian Sumber Manusia, telah diberikan tugas untuk melaksanakan dasar ini. Beliau yang terlibat secara aktif dalam pelaksanaan inisiatif ini di bawah SRI Pembangunan Modal Insan sejak dari awal lagi berkata bahawa "Perjalanan Malaysia ke arah melaksanakan dasar gaji minimum

"Jika Malaysia mahu menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif, maka bayaran gaji di tangga terbawah dalam skala gaji mestilah dipertingkatkan."

setakat ini boleh dikatakan sebagai agak menarik." "Saya sebut 'menarik' kerana pihak majikan membangkitkan soal rasa bimbang tangga gaji minimum akan meningkatkan kos menjalankan perniagaan. Manakala, pihak pekerja pula membangkitkan isu tangga gaji minimum semasa adalah sangat rendah dan harus dipertingkatkan kerana kos sara hidup yang semakin meningkat. Keadaan ini sungguh memeningkan para penggubal dasar, terutamanya

untuk Kementerian Sumber Manusia."

Beliau menjelaskan bahawa jika Malaysia mahu menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif, maka bayaran gaji di tangga terbawah dalam skala gaji mestilah dipertingkatkan. Tambahan lagi, dasar gaji minimum ini dijangka akan memanfaatkan ekonomi dalam jangka masa panjang dengan peningkatan kuasa membeli golongan pekerja kerana menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Gaji minimum di Malaysia dilaksanakan melalui Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Akta 732 menyediakan mekanisme bagi NWCC - yang dianggotai wakil majikan, pekerja, Kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan, untuk berbincang dan mencadangkan kadar gaji minimum untuk pertimbangan dan keputusan Kabinet.

Setakat ini, sebanyak dua Perintah Gaji Minimum telah dilaksanakan yang bermula dengan Perintah Gaji Minimum tahun 2012 dan telah diganti dengan Perintah Gaji Minimum tahun 2016.

"Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menganggap gaji minimum sebagai suatu "jaringan keselamatan" yang bertujuan untuk memberi pekerja taraf kehidupan asas yang berpatutan. Bagi Malaysia, dasar gaji minimum dilaksanakan bagi memastikan pekerja dapat menikmati keperluan asas dalam kehidupan sehari-hari dan pada masa yang sama mewujudkan suasana kondusif bagi industri untuk meningkatkan nilai tambah dengan peningkatan produktiviti pekerja melalui penggunaan teknologi, automasi dan inovasi dalam kegiatan pengeluaran," kata Shanmugam.

Tambahnya lagi, dasar gaji minimum Malaysia adalah unik kerana NWCC dibantu oleh jawatankuasa teknikal yang

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

bebas dan berkecuali, dikenali sebagai Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (NWCTC). Peranan asas jawatankuasa ini, yang dianggotai wakil dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Perbadanan Produktiviti Malaysia dan ahli akademik dalam bidang sosioekonomi dan makroekonomi, ialah untuk memberi nasihat dari segi aspek teknikal berkaitan gaji minimum kepada NWCC.

Selanjutnya, sementara pelbagai penunjuk statistik seperti gaji median, Pendapatan Garis Kemiskinan, pertumbuhan produktiviti, kadar pengangguran, indeks harga pengguna dan indeks lain menjadi titik rujukan dalam menetapkan kadar gaji minimum, NWCC juga menekankan ‘semangat tigapihak (tripartism)’ dikalangan wakil majikan dan pekerja. Ini bagi memastikan cadangan akhir yang dikemukakan kepada Kerajaan berkaitan kadar gaji minimum mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat.

Meskipun kepentingan semua pihak perlu diberikan pertimbangan, Shanmugam menjelaskan akan timbulnya cabaran lain, iaitu ketidaksamaan berterusan antara gaji minimum di Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dan Labuan. Ketidaksamaan berlaku kerana tahap perkembangan ekonomi yang berlainan dan petunjuk sosioekonomi yang berbeza seperti gaji median, kadar pengangguran dan pertumbuhan produktiviti.

Walau bagaimanapun, dengan kenaikan gaji minimum kepada RM1,000 sebulan di Semenanjung Malaysia daripada RM900 ketika ianya mula diperkenalkan, dan RM920 sebulan di Sabah, Sarawak dan Labuan daripada RM800, jurang perbezaan gaji minimum dikurangkan daripada RM 100 kepada RM 80.

Shanmugam turut menyatakan bahawa terdapat usul yang

mencadangkan untuk mengurangkan kadar gaji minimum bagi pekerja asing kerana pekerja asing mendapat banyak faedah sampingan seperti tempat tinggal percuma.

“Namun, Kerajaan tidak menerima idea untuk mengurangkan kadar gaji minimum bagi pekerja asing kerana kita tidak harus memperkecil sumbangan tenaga pekerja asing kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Di samping itu, mengenakan kadar gaji minimum yang berbeza bagi pekerja asing bercanggah dengan peruntukan dalam peraturan tenaga kerja sedia ada serta tidak menepati standard peraturan tenaga kerja antarabangsa.”

“Selain itu, mulai Jun 2016, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Penetapan Gaji Minimum ILO Bil. 131, yang merupakan instrumen antarabangsa bagi memastikan kelancaran pelaksanaan gaji minimum,” kata Shanmugam.

Beliau juga mendapati bahawa kita masih menghadapi masalah kekurangan pegawai yang boleh menjalankan tugas pemeriksaan dan penguatkuasaan gaji minimum, dengan hanya 503 pegawai penguatkuasa di seluruh negara berbanding dengan 965,998 bilangan pekerja berdaftar dalam Pangkalan Data Pasaran Buruh.

“Masalah kekurangan pegawai penguatkuasa menimbulkan rasa sangsi terhadap keberkesanan pelaksanaan undang-undang gaji minimum. Namun begitu, usaha berterusan dibuat untuk menjalankan pemeriksaan yang lebih strategik dan berfokus di tempat pekerjaan. Kami juga sentiasa berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan lebih pegawai penguatkuasa,” katanya lagi.

Biarpun banyak halangan dan tugas berat yang digalas NCWW, Perintah Gaji Minimum boleh dikatakan telah mengubah kehidupan para pekerja berpendapatan rendah di Malaysia

dalam tempoh masa tiga tahun sejak diperkenalkan.

“Secara langsung, kira-kira sebanyak 1.9 juta pekerja bawahannya telah mendapat manfaat daripada Perintah Gaji Minimum tahun 2012. Secara tidak langsung pekerja peringkat atasan, pekerja dalam kumpulan ‘penyelia dan pengurusan’ juga mendapat manfaat daripada pelaksanaan gaji minimum ini,” Shanmugam berkata.

Kerajaan juga komited untuk menyemak semula kadar gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua tahun, selaras dengan peruntukan di bawah Akta 732. Shanmugam menjelaskan bahawa penyesuaian dibuat berdasarkan faktor-faktor penting seperti pendapatan Garis Kemiskinan, pertumbuhan produktiviti, kadar inflasi, gaji median dan kadar pengangguran.

“Walau bagaimanapun, berdasarkan beberapa perbincangan bersama pelbagai pihak termasuk ILO dan Bank Dunia, oleh kerana Malaysia membuat semakan terhadap peraturan gaji minimum buat pertama kalinya, pihak ILO dan Bank Dunia berpandangan dan memberi nasihat bahawa kita harus mengambil ‘pendekatan yang seimbang’ agar dapat mengelak daripada ‘memberi kejutan’ kepada pasaran buruh, selanjutnya memberi kesan buruk kepada ekonomi negara secara menyeluruh.”

“Oleh yang demikian, suatu peningkatan yang agak kecil, iaitu RM100 bagi Semenanjung Malaysia dan RM120 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan telah dilaksanakan. Ringkasnya, suatu peningkatan ‘perlahan dan stabil’ adalah lebih sesuai dan boleh diterima oleh industri dari segi mengawal peningkatan dalam kos buruh,” kata Shanmugam.



TINJUAN MASA HADAPAN ▶

Peningkatan Kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) masih merupakan platform yang signifikan yang dapat menyediakan peluang baharu, sekali gus berupaya mentransformasikan inisiatif pembangunan modal insan negara. Ketika ini, tenaga kerja berkemahiran dalam negara ialah 28% manakala sasaran SRI ini menjelang 2020 adalah meningkatkan jumlah ini kepada 35% agar dapat menampung keperluan syarikat yang memerlukan pekerja berkemahiran. Oleh itu, Kerajaan terus mengambil peluang sedia ada serta menggalakkan penglibatan majikan dalam menjadikan 70% latihan industri yang ditawarkan dalam bentuk TVET dan peningkatan kemahiran, sementara bakinya pula terdiri daripada pengajaran teori/mata pelajaran dalam kelas. Langkah ini adalah untuk memastikan pekerja yang dilatih benar-benar mahir untuk industri. Sementara itu, kempen kesedaran juga akan terus dianjurkan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran para ibu bapa dan pelajar tentang peluang kerjaya yang ditawarkan oleh TVET.


Dalam usaha memanfaatkan bakat wanita dalam tenaga kerja pula, SRI ini akan meneruskan inisiatif yang difokuskan untuk menarik wanita untuk kembali dan kekal bekerja, termasuklah pelaksanaan pengaturan kerja fleksibel (Flexible Work Arrangement, FWA) dan menganjurkan acara yang bertemakan “Career Comeback” untuk memudahkan wanita kembali bekerja. Namun, rentetan cabaran yang dilihat dalam usaha peningkatan penjagaan kanak-kanak, matlamat SRI pada 2017 adalah melaksanakan pelan perancangan tindakan yang telah dibangunkan menerusi sebuah bengkel pada 2016 untuk meningkatkan enrolmen perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan meningkatkan kualiti penjagaan. Selanjutnya, sesi perbincangan akan diteruskan oleh Kelab 30% Malaysia, Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW) dan TalentCorp untuk menambah bilangan wanita pada peringkat pembuat keputusan.

Perlu diwarwarkan juga akan perkembangan yang memberangsangkan termasuklah

HRDF yang sedang mengorak langkah untuk memastikan lebih banyak syarikat memanfaatkan latihan kemahiran yang telah dibayar kepada HRDF sebagai langkah untuk mempertingkatkan kemahiran kakitangan mereka secara lebih konsisten. Selain itu, usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan memperkuuh jalinan kerjasama sesama industri dengan institusi pendidikan turut memperlihatkan kejayaan yang signifikan. Seiring dengan itu, Majlis Pembangunan Modal Insan Negara dilihat bakal meneruskan kerjasama dengan pihak berkuasa dan institusi berkaitan bagi memastikan perkembangan yang disasarkan, yakni meningkatkan taraf tenaga kerja tempatan agar setanding standard antarabangsa dan menepati syarat kemahiran industri tempatan.

Secara tuntasnya, semua agensi terlibat wajar berganding bahu dengan sektor swasta demi memastikan Malaysia berjaya mencapai peningkatan bakat negara agar seiring dengan transformasi ke arah status pendapatan tinggi menjelang 2020.

TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM



PENYAMPAIAN KECEMERLANGAN MELALUI PERKHIDMATAN AWAM



TAN SRI DR. ALI HAMSA

Ketua Setiausaha Negara

Inisiatif Pembaharuan Strategik Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (SRI PSDT) menyasarkan peningkatan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan yang disampaikan oleh Kerajaan kepada rakyat.

Teras bagi semua inisiatif SRI PSDT ialah tumpuan kepada 'doing more with less' yang bermaksud mencapai lebih banyak sasaran dengan sumber sedia ada dan terhad. Dengan kata lain, PSDT menetapkan sasaran untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam, agar Kerajaan dapat terus memenuhi jangkaan rakyat walaupun langkah lebih berhemat dalam perbelanjaan diambil oleh Kerajaan.

Projek SRI PSDT lazimnya berfokuskan rakyat, iaitu penambahbaikan berpacuan proses yang menjana keberhasilan yang besar dan pantas. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, kami telah memperkenalkan 130 projek merentasi 15 kementerian, dan kami berjaya menutup 114 projek dengan jayanya. Pada masa ini, 16 projek masih kekal dalam fasa aktif.

Kita telah menyaksikan banyak projek yang lahir daripada SRI PSDT. Ini termasuk pembaikan tanda jalan di Kuantan; kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk meningkatkan pengeluaran padi di kawasan Muda sebanyak anggaran 100% menjelang tahun 2020; projek rintis perkhidmatan jagaan prahospital, yang berusaha untuk memberikan respons kepada 90% daripada semua panggilan ambulans berkeutamaan tinggi dalam masa 15 minit di seluruh kawasan GKL/KV.

Sesungguhnya, beberapa projek utama telah menempa kejayaan melebihi matlamat asal. Contohnya ialah kejayaan LEAN Healthcare, yang bermula dengan hanya dua projek rintis LEAN, masing-masing di Hospital Sultan Ismail dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah. Sejak itu, projek ini telah dipertingkatkan menjadi inisiatif yang akan dilaksanakan di semua 134 hospital Kementerian Kesihatan (KKM) dalam beberapa tahun yang akan datang. Demikian juga inisiatif Transformasi Lif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), yang berkembang daripada satu Projek Perumahan Rakyat (PPR) - PPR Batu Muda - kepada lima PPR/Perumahan Awam (PA) pada 2016 dan seterusnya 40 PPR/PA pada tahun 2017.

SRI PSDT perlu bingkas menyahut tiga cabaran utama yang akan dihadapi oleh kerajaan apabila kita bergerak ke hadapan menjadi negara maju berpendapatan tinggi; iaitu peningkatan penduduk lanjut usia, jangkaan rakyat yang semakin meningkat, dan kemungkinan kekurangan belanjawan. Justeru, kita perlu mempertingkatkan kecekapan

dan keberkesanan perkhidmatan awam yang sedang dan akan disampaikan kepada rakyat.

Namun, kerap kali, PSDT tidak dilihat sebagai satu keutamaan oleh golongan yang tidak terlibat secara langsung. Dengan memaparkan kejayaan projek SRI PSDT yang lalu dan terkini dalam meningkatkan kepuasan orang ramai dan pada masa yang sama memperkemas belanjawan, kami berharap untuk mencetuskan hasrat dalam kalangan Kementerian dan agensi kerajaan untuk memulakan projek mereka sendiri.

Melangkah ke hadapan, saya ingin menggalakkan Kementerian dan agensi kerajaan yang lain untuk berusaha dengan gigih dalam menjayakan Transformasi Perkhidmatan Awam. Sambil kita bergerak ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, penting bagi kita meneruskan usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan kita kepada rakyat.

GAMBARAN KESELURUHAN

Projek SRI PSDT memfokuskan proses penambahbaikan dan peningkatan kualiti perkhidmatan. Projek-projek rintis ini menunjukkan hasil yang boleh diukur dan bermakna dalam jangka masa yang pendek. Pada masa yang sama, projek berskala tinggi juga bermanfaat kepada keupayaan perkhidmatan awam untuk memastikan projek-projek ini dan hasil pembelajarannya dapat dijadikan piawaian penyampaian baharu di seluruh negara.

Kedua-dua pihak berkepentingan SRI PSDT, iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), telah menunjukkan keberkesanan pendekatan ini. LEAN Healthcare, di bawah KKM, disasarkan untuk menambah baik kualiti penjagaan yang diberikan oleh hospital awam dengan menggunakan sumber-sumber sedia ada, seterusnya meningkatkan pengalaman pesakit dan menambah nilai kepada perkhidmatan kesihatan awam. Pada tahun 2016, 88 projek PSDT telah berjaya dilaksanakan dan ditutup. KKM dan KWP telah meneruskan kejayaan projek rintis masing-masing, manakala Kementerian Pendidikan Tinggi telah memutuskan untuk melaksanakan projek LEAN Healthcare di hospital universiti, bermula dengan PPUM.

Sementara itu, inisiatif Transformasi Lif PPR/PA dan Transformasi Penyenggaraan Jalan di bawah KWP yang berfokuskan komuniti, bertujuan untuk menambah baik pengalaman kehidupan sehari-hari pemilik dan penghuni rumah awam, serta pengguna jalan raya di pusat bandar Kuala Lumpur.

Projek-projek SRI PSDT ditanda aras menurut prestasi rakan antarabangsanya untuk memastikan keberhasilan projeknya adalah setara - atau setanding dengan - piawaian bertaraf dunia. Contohnya, inisiatif LEAN Healthcare, menyaksikan Kementerian Kesihatan menerapkan sasaran akses kecemasan 4-jam seperti yang digariskan dalam model jagaan Jabatan Kecemasan (Emergency Department, ED) yang

dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan New South Wales. Model tersebut menghendaki pesakit ED dinilai dan dirawat oleh kakitangan ED dalam tempoh 2 jam. Jika perundingan atau jagaan khusus tambahan diperlukan, pesakit perlu diperiksa oleh pasukan khas dan dipindahkan ke katil pesakit dalam ataupun dibenarkan pulang ke rumah dalam tempoh 2 jam yang berikutnya.

Demikian juga, inisiatif Transformasi Lif DBKL ditanda aras menurut Lembaga Perumahan dan Pembangunan Singapura (Singapore Housing & Development Board, HDB) yang menetapkan penyelesaian pengurusan aset berdasarkan prestasi yang lengkap melibatkan 16 majlis perbandaran dan 10,000+ blok pangaspuri, merangkumi lebih 81% penduduk Singapura. Dengan menggunakan penyelesaian ini, HDB berupaya mencatat penurunan yang ketara dari segi aduan penduduk, tuntutan kerja lebih masa juruteknik, maklum balas kontraktor dan tempoh penyiapan kerja, pembelian inventori tahunan dan kelewatan penyiapan arahan kerja.

TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM



Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Kuala Lumpur

Projek-projek SRI PSDT ditanda aras menurut prestasi rakan antarabangsa untuk memastikan keberhasilan projeknya adalah setara – atau setanding dengan – piawaiian bertaraf dunia.

Menambah Baik Pengalaman Pesakit di Hospital Awam

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memulakan projek LEAN Healthcare pada akhir tahun 2013 di Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru, diikuti oleh Hospital Tengku Ampuan Rahmah di Klang. Berikutan kejayaannya yang pesat, pada tahun 2014 kementerian telah memutuskan bahawa LEAN Healthcare akan dilaksanakan di semua 134 hospital Kerajaan secara berkelompok yang merangkumi lebih kurang 20 hospital dalam setiap kelompok. Hingga hari ini, LEAN Healthcare telah dilaksanakan di 36 hospital KKM seluruh negara dan telah membuktikan keberkesanannya dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital Kerajaan, melebihi

sasaran 2016 untuk 15 hospital.

Pada tahun 2016, sebanyak 80 projek LEAN telah dilaksanakan di 36 hospital ini. Kelompok pertama yang terdiri daripada 16 hospital memasuki fasa kedua penambahbaikan LEAN yang melibatkan Bahagian Kecemasan dan Wad Perubatan hospital. Kelompok kedua yang terdiri daripada 20 hospital menyaksikan 40 projek LEAN diperkenalkan di bahagian kecemasan dan wad perubatan masing-masing. Lapan projek LEAN Healthcare lagi telah diperkenalkan di Klinik Pakar Oftalmologi dan Ortopedik di empat hospital di Lembah Klang (Hospital Kuala Lumpur, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Sungai Buloh, dan Hospital Selayang). Ini merupakan susulan kejayaan pelaksanaan projek LEAN di bahagian kecemasan dan wad perubatan masing-masing.

Kebanyakan projek yang dilaksanakan semasa tahun 2016, secara puratanya telah menunjukkan penambahbaikan sebanyak 20% hingga 50% terhadap tempoh menunggu pesakit. Ini terutamanya disebabkan oleh sokongan yang kukuh daripada semua pihak berkepentingan di KKM; daripada pengurusan kanan di kementerian, hingga kakitangan hospital. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengambil keputusan untuk turut menyertai KKM dengan melaksanakan program LEAN Healthcare kepada hospital pengajaran, menerusi projek LEAN pertama di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Ini telah mengurangkan tempoh pesakit yang tidak kritikal tinggal di hospital sebanyak 53%. PPUM kini sedang melaksanakan projek kedua LEAN di wad perubatan.

Pengurangan tempoh menunggu pesakit telah meningkatkan kapasiti hospital untuk merawat lebih ramai pesakit dan ini membawa kepada tempoh menunggu pesakit yang lebih pendek dan penjimatan kos bagi kerajaan. Pada tahun 2017, program latihan tersui akan dibangunkan dan dilaksanakan ke jabatan-jabatan kualiti di hospital, agar jabatan-jabatan ini berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memulakan dan memantau pengembangan LEAN ke jabatan lain di hospital mereka.

KE ARAH PEMBINAAN JALAN RAYA YANG LEBIH MANTAP

Menurut En Sabudin Mohd. Salleh, Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Sivil dan Pengangkutan Bandar, DBKL, projek Tranformasi Penyelenggaraan Jalan merupakan salah satu kepentingan utama rakyat. "Adalah menjadi objektif utama kami untuk bertindak dengan pantas untuk keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya," kata En Sabudin.

Kesemua 43 jalan protokol (jalan yang diguna bagi perarakan dan perjalanan rombongan diplomatik), dan jalan-jalan utama lain sering digunakan di pusat bandar raya adalah di bawah projek PSDT Transformasi Penyelenggaraan Jalan. Kami mesti bertindak dalam tempoh 12 jam selepas menerima aduan daripada orang awam. "Terdapat banyak cara untuk menghubungi DBKL dan membuat aduan. Semua aduan yang kami terima dicatat dan disimpan dalam rekod rasmi, selaras dengan operasi prosedur ISO yang diiktiraf bagi pengurusan dan penyelenggaraan jalan. Aduan tersebut mungkin mengambil sedikit masa untuk sampai ke pasukan PSDT di jabatan kami tetapi, sebaik saja aduan diterima, kami akan segera menghantar separaikan dalam tempoh masa 12 jam," jelas En Sabudin.

Bukan semua aduan dapat diselesaikan dengan serta-merta, kata En Sabudin lagi. "Jika masalah lubang kecil di jalan, dan lubang itu mudah ditampali, maka pasukan kami akan serta-merta membuat kerja-kerja menampal. Tetapi, adakalanya masalahnya lebih rumit atau besar seperti tanah jerlus. Masalah tanah jerlus memerlukan masa beberapa hari dan banyak bahan serta jentera. Namun kami mesti segera bertindak demi mengelakkan kejadian kemalangan yang tidak diingini menimpa pengguna jalan raya."

Pihak kami memang sentiasa menghadapi pelbagai cabaran. "DBKL menguruskan 11 syarikat prasarana awam - bekalan air, pembetungan dan telekomunikasi - yang bertanggungjawab ke atas kebanyakan lurang (manholes) yang terdapat di bandar. Maka



apabila berlaku masalah lubang di jalan akibat kerosakan lurang jalan, maka kami bergantung kepada syarikat yang berkenaan untuk bertindak. "Sebanyak 70% daripada aduan yang kami terima melibatkan lurang jalan di bawah penyelenggaraan mereka," jelas Sabudin. Jika mereka lambat bertindak, maka DBKL akan segera tutup lurang jalan terlibat dan kemudian menghantar bil kepada syarikat yang bertanggungjawab, menolak daripada deposit RM5 juta yang dibayar oleh setiap syarikat ini (dalam hal TNB, depositnya ialah sebanyak RM10 juta). "Rakyat tidak perlu tahu siapa yang sebenarnya bertanggungjawab. Jalan-jalan ini adalah di bawah bidang kuasa kami, justeru kami mesti menjalankan tugas yang diamanahkan."

Salah satu inovasi pasukan dalam projek Transformasi Penyelenggaraan Jalan ialah mengurangkan aduan jalan rosak dengan mengurangkan kejadian jalan berlubang berulang di tempat yang sama, memastikan lubang jalan ditampal dengan baik (tahan lama) dan tidak akan pecah dalam jangka masa yang singkat. "Ada proses khas yang mesti diikuti bagi mengelakkan masalah ini, dan kami kerap menghantar pasukan membaiki jalan menghadiri kursus latihan untuk mempelajari cara betul membaiki lubang di jalan," kata En Sabudin.

Kos kerja menjaga dan menyelenggaraan jalan sebenarnya sangat mahal. Satu penampalan lubang di jalan boleh memakan belanja beberapa ribu ringgit. Dianggarkan sebanyak RM200 juta diperlukan bagi menurap satu lorong di jalan raya sepanjang 1,800 km. Jalan-jalan di bawah tanggungjawab DBKL berukuran 5,000 km jalan dan kebanyakannya mempunyai lebih daripada satu lorong. Meskipun

belanjawan yang semakin berkurangan tahun demi tahun (pada tahun 2016, DBKL diperuntukkan kira-kira RM33 juta daripada pembiayaan kerajaan pusat), projek PSDT ini berjaya mencapai sasaran matlamatnya hampir 100%, iaitu bertindak kepada semua aduan yang diterima dalam tempoh masa 12 jam. Hanya satu sahaja kes kelewatan yang berlaku. Pasukan kerja tiba di tempat kejadian pada waktu malam tetapi tidak menjumpai lubang jalan berkenaan dan terpaksa menunggu sehingga hari siang pada keesokkan harinya.

"Melangkah ke hadapan, kami berancang untuk bekerjasama dengan syarikat kontraktor agar dapat mencegah masalah lubang di jalan akibat kerosakan lurang jalan. Kami mahu memperkenalkan cara membuat lurang jalan yang dipasang pada papan konkrit dan dengan cara ini ia tidak akan mudah pecah atau rosak," jelas En Sabudin. "Lurang jalan jenis baharu ini tidak murah untuk dibuat dan terdapat beribu lurang jalan sudah usang yang mesti diganti. Namun begitu, untuk jangka masa yang panjang, penggunaan lurang jalan baharu ini akan mengurangkan bilangan aduan berkaitan lurang jalan yang diterima."

"Adalah menjadi Matlamat kita untuk melakukan apa yang kita boleh secepat mungkin agar kita boleh mengurangkan beban pengguna jalan raya."

TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM



Sumber: MRT Corp

Projek Perumahan Rakyat memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah menikmati perumahan yang selesa

Menjaga Komuniti Kota

KWP telah membangunkan dua inisiatif di bawah payung PSDT, Projek Transformasi Lif PPR/PA dan Projek Transformasi Penyenggaraan Jalan, dengan kedua-duanya di bawah bidang kuasa DBKL. Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, bermula dengan transformasi lif di PPR Batu Muda dan transformasi penyenggaraan jalan raya di Jalan Lingkaran Tengah 1, program Transformasi Lif PPR/PA telah diperlukan kepada lima PPR/PA, manakala program Transformasi Penyenggaraan Jalan Raya telah dilaksanakan ke atas 136km daripada 43 jalan utama dan jalan protokol di sekitar Kawasan Pusat Bandar (CBD) pada tahun 2016, di mana kedua-dua projek telah mencapai sasaran KPI sebanyak 119% dan 100%.

Projek Transformasi Lif PPR/PA ini ialah inisiatif untuk memperbaik keadaan lif dan memastikan ketersediaan optimum untuk kemudahan penduduk, melalui penyelenggaraan segera di pelbagai PPR dan

Projek Transformasi Lif PPR/PA adalah satu inisiatif untuk memperbaiki keadaan lif dan memastikan ketersediaan yang optimum untuk kemudahan penduduk, melalui penyelenggaraan segera di pelbagai PPR dan PA di bawah bidang kuasa DBKL.

PA di bawah bidang kuasa DBKL. Terdahulu, pendekatan penyelenggaraan adalah bersifat ad hoc dan reaktif, dan pekerjaan tersebut tidak dipantau secara aktif. Tambahan pula, hampir separuh daripada bajet penyenggaraan lif disebabkan oleh kerosakan lif yang berpunca terutamanya daripada amalan yang salah, penyalahgunaan dan vandalisme.

Dalam usaha untuk mendidik komuniti PPR/PA mengenai amalan terbaik penggunaan lif, suatu program komunikasi yang komprehensif telah dijalankan. Terdapat juga isu lif yang berusia, ketersediaan alat ganti untuk lif dan keadaan teruk beberapa lif yang rosak, dan penyelesaian yang paling berkesan dari segi kos ialah penaiktarafan/penggantian

lif-lif ini. Secara keseluruhannya, purata uptime lif di lima PPR/PA yang merangkumi 33 blok pangaspuri dengan 96 lif, di bawah bidang kuasa DBKL bertambah baik.

Sementara itu, projek Transformasi Penyenggaraan Jalan menghadapi cabaran dari segi tenaga kerja dan logistik, yang diatasi oleh DBKL melalui penjadualan semula syif dan pesanan/penggunaan peralatan tambahan. Bagi mengurangkan kos bekalan, kaedah inventori tepat-pada-masa digunakan selain DBKL menambah baik proses pesanan. DBKL juga memilih untuk menggunakan campuran asfalt sejuk sebagai alternatif untuk mempercepat kerja baik pulih kecil, walaupun cara ini jarang sekali digunakan untuk menjimatkan kos.

**Secara keseluruhannya,
purata uptime lif di
lima PPR/PA yang
merangkumi 33 blok
pangaspuri dengan 96
lif, di bawah bidang
kuasa DBKL bertambah
baik.**



Skuad PSDT sedia berkhidmat di Kuala Lumpur

TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

DBKL MENINGKATKAN PENDUDUK PERUMAHAN MAMPU MILIK

Projek PPR/PA Tranformasi Lif ialah satu daripada dua projek PSDT yang dimulakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). En Noor Suhailan Abdul Wahab, yang sudah berkhidmat dengan Jabatan Pengurusan Perumahan dan Perkembangan Masyarakat di DBKL selama 16 tahun, ialah jurutera mekanikal yang mengetuai projek Transformasi Lif PPR/PA.

"Projek ini dipilih sebagai sebahagian daripada PSDT kerana terdapat sebanyak 523 buah lif di kawasan perumahan yang berada di bawah tanggungjawab DBKL dan lif-lif tersebut memberi kesan terhadap mutu kehidupan ramai penduduk. Bukan saja kami menerima banyak aduan tentang lif rosak, tapi pernah juga berlaku kejadian kematian melibatkan seorang budak lelaki," jelas En Noor Suhailan.

Justeru, DBKL mula memberi fokus kepada aspek membaiki masa respon (untuk bertindak membaiki) kepada aduan lif rosak yang diterima. Salah satu aduan-aduan yang kerap diterima termasuklah kejadian terperangkap di dalam lif di mana lif berhenti secara tiba-tiba lantas memerangkap orang yang berada di dalam lif. En Noor Suhailan menjelaskan bahawa masalah tersebut bukan kerana kegagalan mekanikal semata-mata, tetapi berpunca daripada perbuatan merosakkan harta awam dan penyalahgunaan lif.

"Orang ramai melakukan pelbagai perkara yang menyebabkan kerosakan lif, antaranya melebihi muatan maksima lif, membuka pintu lif sebelum sampai aras yang dituju, menahan pintu lif untuk buka secara paksa yang menyebabkan motor lif mengalami kerosakan, malah ada yang membuang air di dalam lif. Perkara-perkara ini merupakan sebab mengapa kerosakan lif sering belaku." Beliau juga menegaskan bahawa keutamaan tugasnya adalah untuk sentiasa segera menyelamatkan orang yang terperangkap di dalam lif dan kemudian barulah menjalankan kerja-kerja membaiki kerosakan.

Bermula dengan projek rintis di sebuah kawasan perumahan rakyat (PPR Batu Muda) pada tahun 2014 sehinggahalah kepada lima daripada 10 buah kawasan perumahan rakyat



yang besar pada tahun 2015, DBKL telah memberi fokus kepada aspek mengurangkan masa bertindak and bilangan aduan lif rosak sebagai sasaran KPI yang ingin dicapai.

"Kontraktor kami diminta supaya menubuhkan satu pasukan khas untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan perumahan yang terpilih. Sistem CCTV dipasang di dalam lif untuk mengurangkan dan mencegah perbuatan vandalisme. Kami juga telah menggaji pasukan rondaan pada waktu malam bagi mengawas dan memeriksa lif pada malam hari," terang En Noor Suhailan.

Bukan saja tindakan-tindakan berkenaan menjimatkan kos, namun didapati bahawa kos sebenar bagi menyenggara dan membaiki lif rosak juga semakin berkurangan. En Noor Suhailan berpendapat bahawa projek PSDT adalah satu faktor yang telah membantu mengurangkan kos membaiki lif rosak. "Bajet yang kami gunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mencegah perbuatan merosakkan harta awam dan masa tindakan yang cepat kepada aduan membantu menjimatkan kos kerana kami tidak perlu membaiki lif dan mengganti bahagian-bahagian rosak pada harga yang tinggi," jelas En Noor Suhailan lagi. Sebaliknya, jabatannya hanya perlu mengekalkan kerja-kerja penyenggaraan lif yang biasa di kawasan perumahan rakyat dan kerja-kerja membaiki lif

rosak semakin berkurangan.

Setakat hari ini, hasil yang diperolehi adalah di luar jangkaan. "Kami menumpukan perhatian dan tenaga kepada kerja-kerja memastikan lif sentiasa berfungsi (uptime) setiap bulan; kami merancang untuk mencapai 85% uptime daripada anggaran 70-80% pada masa lalu. Setakat hari ini kami berjaya mencapai 96% uptime secara purata. Keputusan ini di luar jangkaan tetapi amat menggembirakan," jelas En Noor Suhailan dengan puas hati.

Sudah semestinya, perancangan DBKL untuk mereplikasi hasil kejayaan ke atas 96 buah lif ini kepada 300 lif pada tahun 2017 pasti akan mencabar. "Semua lif di kawasan perumahan awam akan sama ada diganti baharu atau diletakkan di bawah projek PPR/PA Transformasi Lif," jelas En Noor Suhailan.

Namun, beliau amat yakin pihaknya akan dapat mengatasi cabaran ini dan berjaya. "Kami menerima banyak aduan, tetapi bukanlah melibatkan semua PPR/PA merentas seluruh kawasan. Kami cuma perlu fokus pada aduan-aduan dari kawasan yang banyak gangguan lif rosak (hotspot). Mungkin kami boleh menambah bilangan pasukan khas dan mengurangkan bilangan lif di bawah setiap pasukan. Sekarang ini kami sedang mengkaji bagaimana untuk meluaskan pelaksanaan projek Transformasi Lif ke kawasan perumahan yang lain."



TINJAUAN MASA HADAPAN



Seperti yang dijadualkan, KKM berhasrat untuk memperluas pelaksanaan LEAN Healthcare ke 15 hospital KKM yang lain, dan pada masa yang sama menjalankan projek perintis sistem temu janji blok (block appointment system) di Hospital Sungai Buloh yang melibatkan semua klinik pakar.

Sistem temu janji blok ini melibatkan penjadualan temu janji pesakit menggunakan blok masa yang ditentukan lebih awal (contoh dua jam), dan memadankan jumlah temu janji dalam setiap blok masa dengan kapasiti penyedia perkhidmatan. Ini adalah untuk mengurangkan amalan kebiasaan sekarang, iaitu ramai pesakit tiba di hospital antara jam 7 hingga 9 pagi, mengakibatkan kesesakan di tempat letak kereta, kesesakan di klinik pakar, dan masa menunggu yang lama kepada pesakit dan juga penjaga.

Dengan amalan terbaik yang telah dipelajari dan diperoleh, kumpulan PSDT KWP telah meraih inspirasi untuk meneruskan kedua-dua projek transformasi ini pada tahun 2017. Projek Transformasi Lif PPR/PA akan diteruskan kepada 40 buah PPR/PA di bawah DBKL, melibatkan jadual penyenggaraan

untuk lebih 500 buah lif. Projek Transformasi Penyenggaraan Jalan juga dijangka merangkumi keseluruhan Kawasan Pusat Bandar (CBD) KL, yang terdiri daripada lima buah zon semuanya. Pada ketika ini, kumpulan tersebut perlu berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk kemungkinan perubahan tampuk kepemimpinan dan ahli, dengan mengambil kira pengurangan terhadap belanjawan perbelanjaan operasi, dan memastikan penambahbaikan proses dan kualiti ini terus diaplikasikan dan diamalkan, dan bukannya berpatah balik kepada rutin terdahulu yang kurang efisien.

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI



DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN

Menteri Perdagangan
Dalam Negeri, Koperasi
dan Kepenggunaan

Pelaksanaan Akta Persaingan 2010 merupakan salah satu daripada Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang dikenal pasti di bawah NTP, bertujuan memupuk persaingan yang sihat dan agar ekonomi Malaysi berkembang maju.

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berhasrat agar dengan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 ia dapat mewujudkan ekonomi yang berinovasi dengan memastikan persaingan yang adil, bebas daripada aktiviti antipersaingan di kalangan perusahaan tempatan.

Pasaran yang lebih sihat dan lebih berdaya saing ini akan menghasilkan barang berkualiti tinggi yang lebih pelbagai kepada rakyat pada harga yang kompetitif, manakala perusahaan Malaysia yang inovatif pula akan dapat membawa produk dan perkhidmatan mereka ke persada antarabangsa.



DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU

Menteri Sains, Teknologi
dan Inovasi

Dengan tema "Standards Build Trust" bagi sambutan Hari Standard Sedunia Tahun 2016, Standards Malaysia terus memainkan peranan yang penting dalam menerapkan nilai standard kepada pihak-pihak berkepentingan. Penggunaan standard oleh syarikat-syarikat Malaysia bukan sahaja membantu meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan, malah turut menambah baik kecekapan sumber yang digunakan, meraih keyakinan rakyat dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Di samping itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa standard telah menjadi bahasa perdagangan antarabangsa. Penerimaan umum standard adalah asas kepada kejayaan perdagangan yang bebas, kukuh dan adil.



DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED

Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

Senario ekonomi global pada masa ini amatlah mencabar. Untuk menangani cabaran ini, Kerajaan telah mewujudkan beberapa platform yang bertanggungjawab dalam merangka strategi yang akan mempercepatkan pertumbuhan sektor perkhidmatan, iaitu sektor penggerak utama ekonomi.

Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) akan terus menggalas peranan yang aktif dalam memantau dan menilai pelaksanaan rangka tindakan dan pelan induk yang berkaitan untuk memastikan pendekatan yang koheren dan kohesif ke arah pembangunan sektor perkhidmatan.

Majlis Eksport Negara (NEC), iaitu satu lagi inisiatif Kerajaan untuk menangani isu yang berkaitan dengan ekosistem eksport, akan bekerjasama dengan sektor swasta bagi mencadangkan strategi berimpak tinggi untuk memacu pertumbuhan eksport, termasuk eksport perkhidmatan.

Majlis e-Dagang Kebangsaan (NeCC) diwujudkan pada bulan Disember 2015 di bawah naungan MITI, sebahagian daripada usaha negara untuk membangunkan persekitaran e-dagang yang lebih meluas, bernilai tinggi dan aktif, yang bersepadan dalam ekonomi digital global. NeCC akan memantau pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik E-Dagang Kebangsaan yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 13 Oktober 2016.

GAMBARAN KESELURUHAN

Inisiatif Pembaharuan Strategik Persaingan, Standard dan Liberalisasi (CSL SRI) menetapkan sasaran untuk mempertingkatkan daya penarik Malaysia kepada perniagaan, perdagangan dan industri global dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan. Secara keseluruhannya SRI CSL mencapai 103% KPI yang ditetapkan pada tahun 2016.

Tahun 2016 mendekan tahun keenam Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) beroperasi dan tahun kelima penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (CA 2010). Pada tahun 2016, MyCC berjaya mencapai kemajuan dalam penguatkuasaan, sokongan, kajian semula pasaran, pembinaan keupayaan, dan perkongsian pengetahuan. Memandangkan usaha mendidik adalah penting dalam menyampaikan kepentingan CA 2010 kepada pihak berkepentingan dalam sektor swasta dan juga sektor awam, MyCC terus menjalankan program sokongan yang menyasarkan dewan perniagaan, persatuan pengguna, peserta industri, universiti dan badan kerajaan.

MyCC turut mengambil tindakan konstruktif dengan mengeluarkan dua keputusan terhadap syarikat-syarikat yang telah memperlihatkan amalan antipersaingan yang berpotensi membawa kesan yang besar kepada pengguna. Selain itu, sebagai salah satu daripada aktiviti wajibnya di bawah Akta Persaingan 2010, MyCC telah menjalankan kajian terhadap sektor farmaseutikal. Kajian semula pasaran seperti ini kekal penting untuk mengenal pasti elemen antipersaingan dalam pasaran tertentu.

Sementara itu, Standards Malaysia terus memperjuangkan pematuhan terhadap standard dan kawalan kualiti di seluruh negara, meskipun terdapat kekangan belanjawan. Pada tahun 2016, Standards Malaysia menganjurkan dua program kesedaran utama yang melibatkan orang ramai untuk mewujudkan permintaan terhadap produk berkualiti. Seminar yang dianjurkan secara bersama mengenai standard yang berkaitan turut diadakan untuk membantu industri dalam mematuhi standard.

Sehingga kini, Malaysia telah meliberalisasikan 45 subsektor perkhidmatan. Sejak liberalisasi subsektor tersebut, Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC), yang memantau proses liberalisasi, telah menambah baik persekitaran pengawalseliaan dengan mengurangkan atau menghapuskan beban pengawalseliaan yang rumit dan tidak diperlukan, yang boleh membantutkan pelaburan domestik dan pelaburan asing di Malaysia. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga telah melibatkan diri secara berterusan dalam membangunkan keupayaan industri domestik agar lebih berdaya saing.

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

Mengorak Langkah ke arah Daya Saing yang Lebih Tinggi

Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan, yang diterajui MyCC, telah dibentuk pada tahun 2011. Jawatankuasa ini terdiri daripada beberapa pengawal selia sektor berperanan untuk meneliti isu mengenai undang-undang dan dasar persaingan, serta memastikan ketekalan dalam penggunaan CA 2010 dan undang-undang lain yang berkaitan. Jawatankuasa tersebut mengadakan mesyuarat pada 10 Mei 2016 untuk membincangkan pelbagai isu persaingan yang melibatkan seluruh pengawal selia sektor.

Pada 10 Oktober 2016, satu forum mengenai undang-undang persaingan dalam sektor farmaseutikal telah diadakan di Kuala Lumpur. Objektif forum tersebut adalah untuk membincangkan isu undang-undang persaingan dalam sektor farmaseutikal. Forum itu dihadiri oleh 85 peserta daripada sektor awam dan sektor swasta dari seluruh dunia dan termasuk penceramah utama dari MyCC, Kementerian Kesihatan, Suruhanjaya Eropah, Pihak Berkuasa Negara Sepanyol untuk Pasaran dan Persaingan, Organisasi

**Jawatankuasa Khas mengenai Persaingan, yang diterajui MyCC, telah dibentuk pada tahun 2011.
Jawatankuasa ini terdiri daripada beberapa pengawal selia sektor untuk membincangkan isu mengenai undang-undang dan dasar persaingan, serta memastikan ketekalan dalam penggunaan CA 2010**

Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi serta CUTS Centre for Competition, Investment and Economic Regulation, India.

MyCC terus memberikan tumpuan pada sokongan dan pendidikan tentang kepentingan CA 2010 melalui interaksi



Para pelajar yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Moot Court yang pertama diadakan pada 17 Oktober 2016 di Kuala Lumpur.

dengan pihak berkepentingan daripada sektor awam dan juga sektor swasta. Satu seminar mengenai pembanterasan tipuan bida dan penyalahgunaan kedudukan dominan dalam perolehan awam telah diadakan pada 26 September 2016 di Kuala Lumpur. Seminar itu merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan oleh MyCC untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pegawai perolehan Kerajaan mengenai peranan MyCC dan pelaksanaan CA 2010. Seminar itu dihadiri 160 peserta daripada pelbagai Kementerian dan agensi di seluruh negara. Penyampaian ucaptama seminar merangkum wakil daripada MyCC, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Pertandingan Mahkamah Moot mengenai undang-undang persaingan telah diadakan buat julung-julung kalinya pada 17 Oktober 2016 di Kuala Lumpur. Acara tersebut merupakan yang pertama seumpamanya yang diadakan oleh MyCC sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempromosikan CA 2010 di kalangan pelajar universiti yang berhasrat untuk mewujudkan kumpulan pakar persaingan di Malaysia. Pertandingan Mahkamah Moot itu menarik penyertaan enam pasukan daripada lima universiti, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Pertandingan Mahkamah Moot itu dijuarai pasukan daripada UM.

Selain aktiviti sokongan dan pendidikan, MyCC turut meneruskan aktiviti penguatkuasaannya terhadap amalan antipersaingan, menjalankan kajian semula pasaran secara proaktif terhadap pelbagai sektor ekonomi, serta menyiasat dakwaan amalan dan kelakuan antipersaingan dan mengambil tindakan yang wajar apabila diperlukan.

Pada tahun 2016, MyCC menjalankan kajian semula pasaran terhadap sektor farmaseutikal selaras dengan seksyen 11 dalam CA 2010. Objektif utama kajian semula pasaran ini adalah untuk memahami struktur pasaran dan



Para peserta di Forum MyCC mengenai undang-undang Persaingan dalam Sektor Farmaseutikal yang diadakan pada 10 Oktober 2016 di Kuala Lumpur.

rantaian bekalan sektor farmaseutikal, mengenal pasti sebarang amalan antipersaingan dalam kalangan peserta industri dan menggalakkan persaingan dalam sektor tersebut. Kajian semula itu masih dijalankan dan dijangka siap menjelang bulan Mac 2017.

Dari segi penyiasatan antipersaingan, MyCC mengeluarkan dua keputusan utama menurut Seksyen 40 dalam CA 2010:

- Keputusan terhadap Containerchain (M) Sdn. Bhd. (Containerchain), bersama-sama dengan empat pengendali depot kontena, iaitu Ayza Industries Sdn Bhd/Ayza Logistics Sdn Bhd; ICS Depot Services Sdn Bhd; E.A.E. Depot & Freight Forwarding Sdn Bhd; dan Prompt Dynamics Sdn Bhd kerana terlibat dalam aktiviti kartel harga. Melalui aktiviti ini, pengendali depot kontena menaikkan caj pintu depot yang dikenakan kepada pelanggan mereka daripada RM5 kepada RM25 dan menetapkan rebat sebanyak RM5 kepada kontraktor pengangkutan.

- Keputusan terhadap My E.G. Services Berhad (MyEG) dan My E.G. Commerce Sdn Bhd (MyEG Commerce), selepas siasatan dijalankan berdasarkan beberapa aduan yang diterima bahawa MyEG telah menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam penyediaan dan pengurusan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dalam talian. MyCC mendapati kedua-dua syarikat tersebut telah melanggar seksyen 10(2)(d)(iii) CA 2010 dengan menyalahgunakan kedudukan dominannya dan menjelaskan persaingan dalam pasaran hilir, apabila MyEG Commerce mengambil bahagian sebagai ejen insurans untuk permohonan pembaharuan PLKS dalam talian.

Butiran mengenai kedua-dua keputusan tersebut boleh didapati di laman sesawang rasmi MyCC di www.mycc.gov.my.

MyCC terus memberikan tumpuan pada sokongan dan pendidikan tentang kepentingan CA 2010 melalui interaksi dengan pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta.

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

Standards Malaysia terus memperjuangkan pematuhan terhadap standard dan kawalan kualiti di seluruh negara, menyokong penggunaan standard untuk membolehkan PKS meraih kelebihan daya saing.

Menerajui Penggunaan Standard

Standards Malaysia terus memperjuangkan pematuhan terhadap standard dan kawalan kualiti di seluruh negara, menyokong penggunaan standard kebangsaan dan antarabangsa untuk membolehkan PKS meraih kelebihan daya saing, terutamanya di peringkat global dan untuk meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kepentingan standard dan kualiti.

Pada tahun 2016, Standards Malaysia menjalankan kajian mengenai kesan ekonomi daripada penggunaan standard dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), makanan dan minuman (F&B) serta pertanian. Hasil kajian ini menunjukkan

hubung kait yang kukuh antara standard dengan prestasi ekonomi, dengan menunjukkan bahawa peningkatan 1% dalam penggunaan standard akan meningkatkan KDNK sebanyak 0.02% (bagi E&E), 0.26% (bagi F&B) dan 0.06% (bagi Pertanian).

Kajian itu turut menunjukkan bahawa standard menyumbang kepada pertumbuhan KDNK sebanyak 1.3% (bagi E&E), 4.6% (bagi F&B) dan 1.5% (bagi Pertanian). Dapatkan kajian akan menjadi panduan kepada Standards Malaysia untuk merangka cara terbaik dalam mempromosikan penerimagaunaan standard di kalangan entiti perniagaan, terutamanya PKS; dan dijadikan nasihat dasar berdasarkan bukti kepada agensi Kerajaan dan pengawal selia yang lain. Ini bertujuan menambah baik kualiti produk sejajar dengan keperluan pelanggan untuk meningkatkan jualan

ZAHID ISMAIL,

PENGARAH, PENGEMBANGAN DAYA SAING DAN PRODUKTIVITI PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Semenjak lima tahun kebelakangan, kami telah berganding bahu dengan Kerajaan, melalui SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi, bagi mengurangkan kerenah birokrasi dalam bidang perniagaan.

Sepanjang tahun lalu, di antara projek yang telah dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia dalam sektor industri ialah projek mengurangkan kerenah birokrasi yang tidak perlu (RURB) bagi syarikat peralatan perkhidmatan minyak dan gas (OGSE) dari aspek Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) dalam usaha mengurangkan kos operasi syarikat.

Banyak syarikat berminat membuka perniagaan di Malaysia, khususnya pengusaha dari Singapura kerana kos perniagaan di negara jiran di selatan negara kita semakin meningkat, dan pihak pengurusan mahu membuka hab serantau masing-masing di Malaysia. Minat untuk membuka hab serantau ini adalah kerana keunikan perkhidmatan yang boleh disediakan oleh firma-firma perkhidmatan Malaysia. Namun, sesetengah pengangkutan dan penghantaran barang keluar masuk Malaysia adalah sangat rumit dan menjadi beban kerana wujud peraturan dan kawalan yang berbeza-beza dalam tiga peringkat Kerajaan: badan berkuasa Tempatan, kerajaan Negeri dan kerajaan Pusat.

Justeru, kami telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat ini dari segi mengenalpasti halangan yang menghambat perniagaan dan cuba mengurang atau

mengatasi halangan berkaitan. Projek RURB penting bagi memastikan Malaysia kekal menjadi pilihan utama dalam sektor Minyak dan Gas (O & G).

Ekoran projek ini, kami mendapat bahawa syarikat-syarikat O & G menghadapi halangan utama dari segi mendapat permit berkaitan kod tarif. Maka, kami sedang bekerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi mengatasi halangan ini.

Usaha mengatasi halangan permit berkaitan kod tarif sangat penting kerana kami mahu menggalakkan pelaburan daripada syarikat O & G dari Singapura. Jika terlalu sukar atau banyak sangat peraturan dan syarat yang rumit atau ketat, syarikat-syarikat ini mungkin memilih untuk mengembangkan atau membawa perniagaan masing-masing ke negara lain di rantau ini. Tambahan lagi, satu sifat industri MRO ialah faktor kepentasan. Masa amat penting. Jika kami dapat mempercepatkan proses mendapat permit atau kelulusan, kita pasti tidak akan kehilangan pelabur baharu.

Di samping itu, dari segi aspek mempermudahkan suasana menjalankan perniagaan oleh syarikat asing di negara ini, satu faktor ialah memenuhi peraturan, syarat-syarat dan keperluan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Jika Kerajaan kita tidak dapat membantu syarikat asing memperbaiki keefisienan, besar kemungkinan syarikat asing akan mencari negara lain. Melalui projek ini, kami berharap akan dapat melancarkan kemasukan syarikat asing ke Malaysia, yang akan dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara kita.

dan mempertingkatkan daya saing entiti perniagaan tersebut.

Meskipun berhadapan dengan banyak cabaran, tahun 2016 mencatat satu lagi pencapaian penting mengenai penerimaugrahan standard dalam kalangan industri. Lebih 1,070 syarikat telah dianugerahi pensijilan dalam pelbagai standard, iaitu peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan tahun sebelumnya, yang menandakan bahawa industri telah menyedari kesan ketara yang terhasil daripada penerimaugrahan standard. Untuk terus meningkatkan penerimaugrahan standard, Standards Malaysia turut menjalankan projek rintis untuk mewujudkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan berkualiti melalui perolehan Kerajaan.

Selain berinteraksi dengan entiti perniagaan, Standards Malaysia turut menjalankan program jangkauan awam untuk meningkatkan kesedaran dan permintaan dalam kalangan orang ramai terhadap produk berkualiti. Program ini termasuklah Program Kesedaran Standard di Melaka pada 28 Ogos 2016, yang dihadiri oleh 1,000 orang ramai daripada pelbagai peringkat umur. Selain itu, melalui kerjasama dengan beberapa agensi seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (MLGH Sabah) serta semua Agensi Pembangunan Standard (SDA); 76 seminar yang dianjurkan bersama mengenai standard telah diadakan untuk membantu industri mematuhi standard. Seminar tersebut telah dihadiri oleh 7,920 peserta.

Menambah Nilai kepada Produk Pertanian

Sejak pengenalamannya pada tahun 2011, standard Amalan Pertanian Baik



Program Kesedaran Standards yang dilancarkan oleh Timbalan Menteri MOSTI, YB Datuk Wira Diah, pada 28 Ogos 2016 di Melaka.

versi Malaysia, iaitu myGAP, yang diselia oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menunjukkan CAGR sebanyak 40% dan 45% masing-masing dalam bilangan pensijilan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran serta akuakultur. Pencapaian ini boleh dikaitkan dengan peningkatan kesedaran, akses pasaran dan insentif pendanaan kepada peladang untuk menaik taraf kemudahan untuk pensijilan myGAP.

myGAP telah diseragamkan dengan ASEAN GAP dan kini diiktiraf dalam pelbagai pasaran, termasuk Singapura yang menyediakan akses laluan hijau untuk hasil tani myGAP. Permintaan untuk pensijilan juga telah meningkat, terutamanya daripada ladang burung walet disebabkan syarat yang ditetapkan oleh China bahawa semua import sarang burung yang boleh dimakan dari Malaysia hendaklah diperoleh daripada ladang yang diperakukur myGAP. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap hasil tani yang diperakukur masih lagi rendah dalam pasaran tempatan, justeru ia memerlukan kerjasama dengan pasar raya besar dan kedai-kedai runcit untuk menggalakkan permintaan terhadap hasil tani yang diperakukur, mempergiat penguatkuasaan dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna.

Pada masa ini, MOA memfokuskan

ladang yang menyertai audit myGAP secara sukarela memandangkan pensijilan myGAP adalah berdasarkan kepada permohonan peladang. Ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang diperakukur DOA terdiri daripada ladang kecil yang keluasannya hanya meliputi 3.4%, atau 21,041 hektar, daripada keseluruhan tanah ladang di Malaysia. Justeru, wujud keperluan untuk ladang-ladang yang lebih besar untuk memohon pensijilan myGAP.

Dalam usaha untuk terus mempertingkatkan standard hasil tani, MOA turut memperuntukkan dana untuk membantu peladang menaik taraf kemudahan penyimpanan, kumbahan, pengumpulan, dan kemudahan lain. Lebih 2,000 peladang telah meraih manfaat daripada bantuan ini, yang melibatkan 1,996 ladang di bawah Jabatan Pertanian (DOA), 11 ladang di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan 26 ladang diselia oleh Jabatan Perikanan (DOF). Selain pemberian dana, jabatan-jabatan itu turut menyokong usaha MOA melalui program penglibatan, termasuk 24 program bina upaya oleh DOA, program kesedaran dan promosi oleh DOF di zon utara, selatan, tengah dan timur Semenanjung Malaysia serta di Sabah dan Sarawak, dan juga inisiatif bina upaya dan kesedaran yang diadakan oleh DVS di 13

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI



Ladang Saikap dalam sangkar milik Mohd Zain bin Daud dari Kelantan yang telah disahkan MyGAP.

MOA telah memperuntukkan dana untuk meningkatkan lagi standard keluaran pertanian. Lebih 2,000 petani mendapat manfaat daripada bantuan ini.

negeri.

Satu kebakaran yang berlaku di Look Buton, Semporna, Sabah telah memusnahkan platform pengeringan dan menjelaskan 25 ladang yang telah dikenal pasti untuk pensijilan baharu. Walau bagaimanapun, DOF telahpun membaki platform tersebut, dan ini membolehkan pensijilan ladang ditutup menjelang awal bulan Disember 2016. Selain itu, DOF telah mengambil pendekatan berkelompok untuk pensijilan dan mempergiat usaha untuk mengenal pasti dan memperakarkan ladang di negeri-negeri lain.

Antara cabaran lain yang disaksikan pada tahun 2016 ialah peningkatan pematuhan ladang terhadap myOrganic. Pada tahun 2016, hanya 15 ladang baharu menerima pensijilan, sebahagian

besarnya disebabkan oleh syarat yang ketat. Banyak ladang merasakan sukar untuk memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah myOrganic, yang mencakup tempoh pengubahsuaian dua tahun sebelum ladang dapat dipertimbangkan untuk pensijilan. DOA akan menyediakan program bina upaya dan panduan mengenai pematuhan terhadap standard kepada ladang yang dikenal pasti untuk pensijilan myOrganic.

Kerajaan Memacu Penerimangunaan Standard Alam Sekitar

Malaysia telah melancarkan strategi pembangunan mampan yang akan memangkinkan pertumbuhan ekonomi tanpa menyebabkan kerosakan besar-besaran kepada alam sekitar, seperti mana yang digariskan oleh NTP dan dalam Rancangan Malaysia ke-11. Negara kita turut menyatakan hasrat yang jelas untuk menjadi peneraju dalam ekonomi hijau. Sejajar dengan hasrat ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah menyatakan komitmen untuk menyokong transformasi industri ke arah usaha mesra alam melalui teknologi hijau. Inisiatif utamanya termasuklah Projek Utama Perolehan Hijau (Green Procurement Flagship) GreenTech Malaysia yang memfokuskan pemangkinan penggunaan serta penghasilan produk dan perkhidmatan teknologi hijau yang mampan dalam kalangan sektor awam dan swasta. Projek Utama tersebut mengurus pemerolehan awam bagi teknologi hijau melalui dasar dan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) serta pelaksanaan Program MyHIJAU, termasuk pengiktirafan Tanda MyHIJAU untuk produk dan perkhidmatan hijau yang diperakurkan atau yang mempunyai ekolabel, Direktori MyHIJAU dan Program Pembangunan PKS & Usahawan MyHIJAU.

Di bawah belanjawan pembangunan bagi tahun 2016-2017, sebanyak RM4.88 juta telah diperuntukkan untuk mewujudkan kesedaran dan membina keupayaan dalam kalangan industri dan PKS melalui pembangunan program industri teknologi hijau dan pelaksanaan GGP di Malaysia. Tahun 2016 menyaksikan 12 Kementerian dipilih untuk melaksanakan GGP, manakala semua Kementerian dijangka melaksanakan GGP menjelang tahun 2017.

Inisiatif GGP disasarkan untuk meningkatkan kualiti hidup orang ramai dengan menggalakkan penggunaan yang mampan, pada masa yang sama mewujudkan saluran pertumbuhan baharu untuk entiti perniagaan Malaysia. Inisiatif ini turut dilihat sebagai menambah

nilai kepada produk dan perkhidmatan tempatan, sekali gus meningkatkan keupayaan entiti perniagaan untuk menembusi pasaran global yang mengenakan standard alam sekitar yang ketat.

Dengan GGP, Malaysia menyertai sekurang-kurangnya 43 negara lain yang kini mempunyai institusi awam yang menerima guna dasar atau langkah-langkah dasar Perolehan Awam Mampan/Perolehan Awam Kerajaan/GGP.

Inisiatif ekopelabelan menjadi pelengkap kepada GGP, yang membantu pelaksana GGP membuat keputusan tentang produk mana yang 'lebih hijau'. Ekolabel mengenal pasti barang dan perkhidmatan yang lebih mesra alam sepanjang kitaran hayatnya dari awal hingga akhir. Pada masa ini, terdapat beberapa ekolabel yang telah diperkenalkan di seluruh dunia. Misalnya, Kesatuan Eropah mempunyai EU Ecolabel, Hong Kong mempunyai Green Label, dan Australia mempunyai Good Environmental Choice Australia. Ekolabel Malaysia tergolong dalam Program MyHIJAU, yang disasarkan untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan penerimangunaan lebih banyak amalan mesra alam dalam kalangan entiti perniagaan.

Badan pensijilan berikut telah diiktiraf di bawah Tanda MyHIJAU di Malaysia untuk menyediakan skim pensijilan mesra alam:

- Skim Ekopelabelan SIRIM (Jenis 1) oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd untuk memperakarkan ciri-ciri mesra alam pada produk dan perkhidmatan hijau;
- Skim Penarafan & Pelabelan Kecekapan Tenaga oleh Suruhanjaya Tenaga untuk pelabelan kecekapan tenaga terhadap perkakas elektrik; dan
- Skim Pelabelan Produk Cekap Air oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN.

Sepertimana halnya dengan negara-negara lain di dunia, inisiatif hijau menghadapi kesukaran dalam meraih

sokongan industri untuk menghasilkan barang mesra alam. Justeru, peluasan GGP kepada semua Kementerian mulai tahun 2017 hingga tahun 2020 disasarkan akan mewujudkan lebih banyak permintaan dan memperluas kumpulan produk, selain meningkatkan penglibatan lebih banyak agensi pelaksana. Pengenalan Elaun Cukai Pendapatan Hijau (Green Income Tax Allowance, GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (Green Income Tax Exemption, GITE) dalam bajet 2014 sepatutnya menggalakkan lagi permintaan terhadap produk dan perkhidmatan yang diperakarkan Tanda MyHIJAU. GITA dan GITE diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013.

GITA diberikan kepada syarikat-syarikat

mengikut projek, sebagai insentif bagi pelaburan dalam teknologi hijau untuk perbelanjaan modal yang ditanggung dan pelaburan yang dijangka membawa hasil yang mesra alam. Pemberian ini disasarkan untuk menggalakkan syarikat-syarikat mendapatkan aset (produk, peralatan dan sistem) yang telah disahkan sebagai aset teknologi hijau. GITE diberikan kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menyediakan perkhidmatan dan sistem teknologi hijau yang telah disahkan oleh GreenTech Malaysia. Inisiatif lain termasuklah interaksi dengan agensi yang dikenal pasti menyediakan Skim Pensijilan Alam Sekitar di bawah Program MyHIJAU serta pelaksanaan dan penguatkuasaan Standard Prestasi Tenaga Minimum (Minimum Energy Performance

Malaysia telah melancarkan strategi pembangunan mampan yang akan memangkinkan pertumbuhan ekonomi tanpa menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar, sepertimana yang digariskan oleh NTP dan dalam Rancangan Malaysia ke - 11.



Ladang cendawan tiram di Semenyih, Selangor yang telah disahkan MYOrganic.

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

Pada tahun 2016, sebanyak 1,958 produk tempatan telah diiktiraf sebagai produk hijau di bawah Program MyHijau, termasuk penyaman udara, televisyen, peti sejuk dan produk pengguna seperti detergen biodegradasi, peningkatan 519 produk dari tahun 2015.

KeTTHA, melalui GreenTech Malaysia, telah membangunkan program PKS dan Keusahawanan MyHijau untuk memudahkan dan menggalakkan lebih banyak pengeluar, pengilang, pembekal dan penyedia perkhidmatan dalam menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih hijau. Sehingga Oktober 2016, sebanyak 145 syarikat dan entiti perniagaan telah mengambil bahagian dalam klinik perniagaan dan aktiviti sesi sokongan, dan 92 syarikat dan entiti perniagaan telah diiktiraf di bawah inisiatif Transformasi Hijau.

Menerajui Keselamatan Makanan

Pada tahun 2012, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), iaitu program pensijilan jaminan keselamatan makanan yang matlamatnya adalah untuk memastikan premis pengeluaran

makanan, terutamanya yang dimiliki oleh PKS, serta melaksanakan dan mengekalkan program jaminan keselamatan makanan Food Safety Assurance Programme, (FSAP), termasuk kebersihan makanan dan kawalan proses. Pensijilan MeSTI pada masa ini dijalankan secara sukarela dan tidak dikenakan bayaran. Sejak tahun 2014, KKM telah bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M); Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) untuk kilang pembungkus semula minyak dan kilang penapis minyak, serta Jabatan Penjara untuk meningkatkan bilangan premis yang mendapat pensijilan MeSTI.

Hasilnya, sebanyak 98% daripada premis pembekal KR1M, 71% daripada kilang pembungkus semula minyak dan kilang penapis minyak yang berdaftar dengan MPIC serta 14 daripada 18 premis pemprosesan makanan di penjara seluruh Malaysia telah diperakurkan menurut FSAP. KKM turut mempergiat kempen kesedaran yang dianjurkan secara bersama dengan agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Perikanan (DOF), Jabatan Pertanian (DOA) dan NGO

mengenai kepentingan FSAP untuk memastikan keselamatan makanan dan akses pasaran.

KKM turut memperakurkan 40% daripada premis pengeluaran makanan yang berdaftar di bawah Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia untuk Domestik Food Safety Information System of Malaysia, (FOSIM Domestik), di samping mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan pengawalseliaannya untuk meningkatkan bilangan premis pengeluaran makanan yang melaksanakan FSAP seperti MeSTI. Bilangan premis pengeluaran makanan yang mempunyai pensijilan MeSTI telah meningkat setiap tahun, menjadikan jumlahnya 3,133 premis sejak tahun 2012, manakala pensijilan untuk syarikat produk makanan telah menunjukkan pertambahan 40% dalam tempoh yang sama.

Untuk meningkatkan bilangan premis pengeluaran makanan yang melaksanakan FSAP, KKM turut bekerjasama dengan lima pasar raya besar utama di Malaysia, seperti Aeon Co, Aeon Big, Giant, Mydin dan Tesco dalam Program Pembangunan Pembekal Mampan (Sustainable Supplier Development Programme, SSDP), yang menyaksikan penyertaan 11 pembekal makanan dan 11 pelajar daripada Universiti Putra Malaysia (UPM). Inisiatif tersebut menyasarkan peningkatan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan melalui perkongsian awam-swasta, pengukuhan akses pasaran tempatan dan antarabangsa serta pembinaan keupayaan.

Sebagai hasil inisiatif ini, semua PKS telah mengorak langkah menuju pematuhan FSAP, seperti MeSTI, Good Manufacturing Practices (GMP) atau Hazard Analysis Critical Control Points (HACCP). Sementara itu, pelajar-pelajar yang menerima latihan berdasarkan Modul SSDP telah diberi panduan

KKM telah bekerjasama dengan KPDKKK untuk Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M); MPIC untuk kilang pembungkus semula minyak dan kilang penapis minyak, serta Jabatan Penjara untuk meningkatkan bilangan premis yang mendapat pensijilan MeSTI.

untuk membangunkan FSAP dalam premis pembekal makanan menerusi program latihan selama enam bulan. Mereka turut menerima bimbingan mentor daripada peruncit, dengan 67% daripada pelajar tersebut ditawari pekerjaan setelah tamat menjalani program.

Selain SSDP, KKM turut bekerjasama dengan UPM di bawah Program Perkongsian Pintar, yang menyediakan latihan kepada pelajar pelatih mengenai modul MeSTI oleh KKM. Pelajar-pelajar turut membantu premis pengeluaran makanan untuk membangunkan FSAP bagi pensijilan MeSTI. Sebanyak 14 premis pengeluaran makanan terlibat dalam program selama enam bulan tersebut, yang menyaksikan 42% daripada premis menerima pensijilan MeSTI. Premis-premis yang lain sedang menjalankan tindakan pembetulan dan penaiktarafan.

MeSTI kini diiktiraf oleh Singapura dan akses laluan hijau diberikan untuk produk yang diperakukan MeSTI, iaitu makanan sedia dimakan ready to eat, (RTE) seperti nasi lemak, sandwic dan kuih bulan. Di samping itu, KKM telah mengenakan syarat agar pengekspor mempunyai FSAP seperti MeSTI sebelum Sijil Kesihatan dan Sijil Jualan Percuma dikeluarkan.

Untuk meningkatkan bilangan premis makanan yang menyertai skim ini, kerjasama perlu dijalin dengan pihak berkuasa tempatan untuk menetapkan pensijilan MeSTI sebagai syarat pengeluaran lesen perniagaan kepada premis pengeluaran makanan. Pensijilan MeSTI juga hendaklah dijadikan prasyarat dalam pembekalan makanan dan minuman di bawah kontrak Kerajaan.

Meskipun kejayaan diraih oleh MeSTI, masih wujud beberapa cabaran dalam mengekalkan premis yang diperakukan MeSTI disebabkan sumber KKM yang terhad dari segi belanjawan dan tenaga manusia untuk menjalankan

aktiviti pengesahan. Tambahan pula, pengesahan premis pengeluaran makanan bagi pematuhan MeSTI bukan sekadar terbatas pada pemohon baharu, tetapi juga kepada pembaharuan, dan pemantauan pematuhan secara berkala. Sejak MeSTI diperkenalkan pada tahun 2012, hanya 43.2% daripada premis pengeluaran makanan telah membaharui pensijilan mereka.

MeSTI kini diiktiraf oleh Singapura dan akses laluan hijau diberikan untuk produk yang diperakukan MeSTI, iaitu makanan sedia dimakan ready to eat, (RTE) seperti nasi lemak, sandwic dan kuih bulan.



Ladang nanas di Taman Kekal Pengeluaran Malaysia di Lepau, Johor yang disahkan myGAP.

PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

MPC sebuah agensi di bawah MITI, telah ditugaskan untuk menilai semua peraturan dalam negara dan memastikan peraturan tersebut menyokong pembukaan pasaran dan penyediaan persekitaran perniagaan yang kondusif

Memastikan Malaysia Sentiasa Terbuka untuk Perniagaan

Malaysia telah meliberalisasikan 45 subsektor perkhidmatan. Daripada jumlah ini, 27 subsektor diumumkan pada tahun 2009 manakala 18 subsektor lagi diumumkan pada tahun 2012. Pindaan terhadap Akta yang berkaitan bagi liberalisasi 15 subsektor telah selesai pada tahun 2013, dengan baki tiga subsektor, iaitu khidmat seni bina (Akta Arkitek 1967), khidmat kejuruteraan (Akta Jurutera 1967) dan khidmat pengukuran bahan (Akta Juruukur Bahan 1967) diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 2014.

Untuk mencapai manfaat penuh liberalisasi, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), sebuah agensi di bawah MITI, telah ditugaskan untuk menilai semula peraturan dalam negara dan memastikan peraturan tersebut menyokong pembukaan pasaran dan penyediaan persekitaran perniagaan yang kondusif. Sejak tahun 2014, MPC telah mengkaji semula dan mengesyorkan penghapusan pelbagai peraturan bagi sektor pendidikan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan profesional, industri

pembangunan dan ICT.

MITI juga telah terlibat secara berterusan dalam membina daya saing industri domestik. Pada 10 Jun 2016, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri melancarkan Pelan Hala Tuju Strategik E-Dagang Kebangsaan, dengan dua daripada enam terasnya melibatkan pemansuhan halangan bukan tarif dan promosi jenama nasional untuk melonjakkan e-dagang rentas sempadan. Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) seterusnya mengadakan Bengkel E-Dagang Rentas Sempadan pada bulan September 2016, yang menarik kira-kira 50 peserta e-pasaran seperti e-Lelong, Lazada, mudah.my dan 11Street. Daripada jumlah ini, 20 peserta merupakan peserta e-pasaran dan penyedia logistik tempatan, manakala 30 peserta datang dari ASEAN, China, Hong Kong, Korea, Sri Lanka dan Bangladesh. Bengkel itu bertujuan membantu peniaga menjual pada peringkat rantau, selain membantu peserta e-pasaran tempatan dan asing untuk menyelaraskan bantuan kepada peniaga masing-masing untuk meningkatkan jualan serantau.

Sementara itu, Outsourcing Malaysia(OM)telah menghimpunkan pembeli dari Singapura dan

penjual dari Malaysia di Singapura untuk satu Sesi Perangkaian B2B Berstruktur pada bulan Disember 2016. Objektif sesi ini adalah untuk mewujudkan platform kepada peserta tempatan untuk meraih jangkauan pasaran yang lebih luas dan mengembangkan pangkalan data pelanggan, meningkatkan kesedaran mengenai jenama dan perkhidmatan, serta membuka peluang dalam pasaran baharu dan menilai pulangan pelaburannya return on investment, (ROI) dalam masa nyata. Sesi perangkaian tersebut telah menarik 20 syarikat pembeli bertauliah dari Singapura dan 15-20 syarikat yang merupakan ahli OM.

OM turut mengadakan Sidang Kemuncak Pencarian Sumber Pintar (Smart Sourcing Summit) 2016, yang merupakan satu sesi niaga-ke-niaga business-to-business, (B2B). Sidang Kemuncak ini bermatlamat memajukan dan membimbing peserta pencarian sumber domestik, sejajar dengan NKEA Perkhidmatan Perniagaan, dengan membantu perkembangan mereka melalui pelbagai program dan inisiatif, termasuklah akses pasaran. Semasa Sidang Kemuncak tersebut, OM menganjurkan beberapa mesyuarat B2B berstruktur agar peserta industri tempatan dapat bertemu dengan pelanggan prospektif serantau dan antarabangsa.

Penerima manfaat langsung bagi dua inisiatif ini ialah penyedia perkhidmatan Malaysia di bawah naungan Keahlian OM, yang diberi platform untuk menjangkau pasaran yang lebih luas untuk menambah bilangan pelanggan mereka dan meningkatkan kesedaran kepada perkhidmatan jenama mereka.



TINJAUAN HADAPAN

MASA

MyCC akan terus memfokuskan usaha untuk meningkatkan kesedaran kepada pihak berkepentingan dalam sektor awam dan juga swasta, serta mendidik mereka tentang implikasi tipuan bida dan menguatkuasakan CA 2010, terutamanya dalam kes yang melibatkan perusahaan yang mempunyai kesan besar terhadap pengguna. MyCC juga perlu membina keupayaan tambahan serta mendalami pengetahuan dan kepakaran dalam undang-undang persaingan melalui kerjasama dengan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Dari segi promosi dan pematuhan standard, Standards Malaysia akan bekerjasama dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk memastikan pensijilan dan pematuhan standard diwajibkan kepada syarikat-syarikat sebagai kelayakan menyertai skim dan menerima insentif daripada Kementerian atau agensi. GPP juga akan diperluas kepada lebih banyak produk untuk meningkatkan permintaan terhadap pematuhan standard. Standards Malaysia akan terus memastikan bilangan kemudahan pengujian (bagi industri yang dikenal pasti seperti automotif, E&E, pembinaan dan barang pengguna) dan Badan Pensijilan ditingkatkan.

KeTTHA akan meneruskan usahanya untuk menyepadukan kemampuan dan pertumbuhan sosioekonomi bagi mencapai matlamat Malaysia untuk menjadi negara membangun menjelang tahun 2020, tanpa menjejaskan komitmen Malaysia untuk

mengurangkan keamatkan karbonnya sehingga 45% menjelang tahun 2030 daripada paras keamatkan karbon tahun 2005, sejajar dengan ikrar negara kita semasa Persidangan Penandatangan yang ke-21 21st Conference of the Parties, (COP 21).

Di bawah program MeSTI, KKM dan myGAP, MOA akan terus meningkatkan kesedaran dalam pasaran domestik untuk makanan yang dipersijilkan. Usaha akan dipergiat untuk memastikan semua produk pembekal bagi pasar raya besar menerima pensijilan MeSTI.

Dari segi liberalisasi sektor, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan menjalankan kajian kes untuk mengenal pasti penyelesaian terbaik untuk mengurangkan beban pengawalseliaan yang tidak perlu terhadap syarikat-syarikat Penyelenggaran, Pembaikan dan Pembaikpulihan Maintenance, Repair and Overhaul, (MRO) Peralatan Perkhidmatan Minyak dan Gas Oil and Gas Services Equipment, (OGSE) untuk mengurangkan kos operasi mereka. Disebabkan oleh keadaan ekonomi semasa, syarikat-syarikat besar seperti Schlumberger, Kencana Petroleum dan Baker Hughes berhadapan dengan cabaran kenaikan harga MRO, yang kemudiannya memberikan kesan kepada kontraktor PKS mereka. Hasil kajian kes ini akan digunakan oleh MPC untuk menghasilkan semula model bagi MRO dalam industri kapal terbang dan automotif, sejajar dengan aspirasi untuk menuju hab MRO di Malaysia.

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

PERJALANAN MENUJU KETERANGKUMAN



**DATUK SERI ABDUL
RAHMAN DAHLAN**

Menteri di Jabatan Perdana
Menteri

Kejayaan sesebuah negara akan mampan apabilakekayaan dapat dikongsi oleh semua: maka, Inisiatif Pembaharuan Strategik Merapatkan Jurang Ketaksamaan (SRI ND) dilahirkan untuk merapatkan jurang pendapatan, terutamanya antara golongan Bumiputera dengan kumpulan-kumpulan etnik lain di negara ini. SRI ini adalah berteraskan keyakinan bahawa pemerkasaan komuniti Bumiputera memainkan peranan yang penting dalam agenda nasional demi memastikan kekayaan dan kejayaan yang menyeluruh. Oleh itu, pelbagai agensi Kerajaan telah menyediakan kemudahan yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah kemudahan kewangan, pembangunan kapasiti dan kapabiliti, kemudahan infrastruktur, pembangunan sosial dan sebagainya.

Kita masih dalam perjuangan untuk mengurangkan jurang perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Banyak wang ringgit telah dilaburkan kerajaan ke arah usaha ini. Usaha ke arah memperkasakan ekonomi Bumiputera seharusnya dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan bukan hanya terletak pada bahu agensi-agensi kerajaan sahaja. Saya berharap agar beneficiari-beneficiari daripada program-program kerajaan yang telah meraih kejayaan turut serta memainkan peranan untuk membantu kaum Bumiputera yang masih memerlukan bantuan. Peranan yang dimainkan termasuklah menyediakan peluang pekerjaan, peluang perniagaan, membangun rantaian nilai (*supply chain*), pembangunan bakat, latihan dan bimbingan, sumbangan kewangan menerusi tajaan dan biasiswa pendidikan serta berkongsi pengalaman dan nasihat.

Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera adalah fokus utama Kerajaan, dan Kerajaan akan terus komited memikul tanggungjawab ini. Namun, tanggungjawab yang lebih besar kepada setiap agensi kerajaan yang menyokong usaha ini ialah supaya setiap program dan inisiatif yang dijalankan akan melahirkan usahawan Bumiputera yang boleh terus kekal bersaing dan berjaya di dalam pasaran tempatan dan luar negara, dan seterusnya usahawan-usahawan ini dapat menyumbang kembali kepada bangsa dan negara.



YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak mempengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera.

GAMBARAN KESELURUHAN

SRI ND dicetuskan untuk menambah baik kedudukan golongan Bumiputera dalam ekuiti pasaran, peluang pekerjaan, pekerjaan berkemahiran tinggi (*value added*) dan jawatan di peringkat pengurusan. Kerajaan menyasarkan agar SRI ini dapat membantu syarikat Bumiputera untuk terus maju, berdaya saing dan mengurangkan kebergantungan kepada kontrak-kontrak Kerajaan.

Pelbagai dasar dicadangkan untuk program transformasi ekonomi Bumiputera agar menjadi lebih mesra-pasaran dan telus. Lima cabang perubahan kemajuan ekonomi Bumiputera diberikan penekanan iaitu pendidikan, pekerjaan, tahap pendapatan, penjanaan hasil (*wealth creation*), dan prestasi keseluruhan syarikat-syarikat Bumiputera.

Inisiatif-inisiatif di bawah SRI ini diterajui oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), sebuah unit yang ditubuhkan pada tahun 2011 untuk mengetuai, menyelaras dan

memacu penglibatan ekonomi Bumiputera selari dengan Program Transformasi Negara. TERAJU komited dalam memastikan usahawan-usahawan Bumiputera kekal relevan dan berdaya saing, seiring dengan saranan Perdana Menteri.

TERAJU adalah tulang belakang kepada Agenda Pemerksaan Ekonomi Bumiputera dan bertanggungjawab untuk menyelaras semua usaha berkaitan dengan penglibatan 25 Unit Pemerksaan Ekonomi Bumiputera di kesemua Kementerian. Sokongan daripada Jawatankuasa Pemerksaan Ekonomi Bumiputera membolehkan penguatkuasaan 94 KPI Bumiputera terlaksana, sekaligus memperkuuhkan teras keusahawanan dan perniagaan Bumiputera di negara ini.

Pada tahun 2016, TERAJU telah berjaya membuka peluang pekerjaan, menyediakan bantuan kewangan, mengembangkan bakat, menarik pelaburan swasta dan penghasilan nilai (*value*) berjumlah RM94.31 bilion. Pencapaian-pencapaian ini adalah hasil

kerjasama pelbagai Kementerian, agensi-agensi kerajaan serta swasta dan pihak berkuasa koridor ekonomi.

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

KEAZAMAN USAHAWAN UNTUK BERJAYA WATERBAY SDN BHD



**Mohd Azhan Ahmad
Pulau Pinang
41**

Minat yang mendalam terhadap dunia keusahawanan mendorong En Mohd Azhan Ahmad, 25, yang berasal dari Pulau Pinang, untuk berkecimpung dalam industri ini pada usia yang muda. Dia mencuba pelbagai jenis perniagaan sebelum memulakan syarikat membekalkan bahan dan peralatan pergigian, iaitu Waterbay Sdn. Bhd.

Selepas 16 tahun berada dalam perniagaan ini, En Mohd Azhan kini dapat menuai hasil usahanya apabila produk yang dibekalkan oleh syarikatnya mendapat kepercayaan dari pelbagai pelanggan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (Bahagian Pergigian).

Para pekerja En Mohd Azhan kagum dengan semangat dan keazamannya dalam menjalankan perniagaan. "Minat saya bermula ketika saya bekerja dengan sebuah syarikat swasta yang menjual pelbagai jenis produk pergigian termasuklah kerusi rawatan mudah alih yang banyak digunakan di klinik dan sekolah luar bandar. Saya mendapat idea untuk mencipta atau mereka bentuk sebuah kerusi rawatan automatik atau 'Stuhl' selepas menyaksikan kesukaran untuk memasang kerusi rawatan mudah alih yang

memerlukan kudrat dua orang. Saya mengambil masa yang agak lama untuk mencipta kerusi ini", ujar En Mohd Azhan.

"Saya telah mencurahkan segala tenaga dan jiwa raga saya kepada projek penciptaan 'Stuhl' sehingga saya hilang fokus pada perniagaan saya. Malah saya telah menggunakan keuntungan syarikat untuk membina kerusi yang diingini. Mujur saya cepat sedar dan berazam memajukan perniagaan dengan cara meningkatkan jualan syarikat dan seterusnya meletakkan sedikit peruntukan untuk kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D)," jelas En Mohd Azhan panjang lebar.

Kejayaannya mendapatkan geran SUPERB telah membolehkan En Mohd Azhan membesarakan pasukan R&D serta mengembangkan bahagian kejuruteraan dengan cara menggaji jurutera dan pereka bentuk yang berkelayakan, berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang masing-masing.

"Dengan bantuan geran SUPERB, pasukan kami akhirnya berjaya mencipta 'Stuhl' 2.0, kerusi rawatan mudah alih automatik yang pertama di Malaysia. Kami mencipta 'Stuhl' dengan reka bentuk ergonomik, kompak, bermutu tinggi dan mesra pengguna, dan

"TERAJU bukan saja membantu kami dari segi pembiayaan kewangan tetapi juga banyak memberi bimbingan dan sokongan dari segi kemahiran dan peluang meluaskan hubungan syarikat kami dengan badan-badan agensi yang lain."

ciri-ciri ini memberi keyakinan kepada kami untuk cuba menembusi pasaran antarabangsa," kata En Mohd Azhan.

"TERAJU bukan saja membantu kami dari segi pembiayaan kewangan tetapi juga banyak memberi bimbingan dan sokongan dari segi kemahiran dan peluang meluaskan hubungan syarikat kami dengan badan-badan agensi yang lain."

"Peluang untuk memenangi geran SUPERB sebenarnya bukan mudah. Saya telah mencuba sebanyak empat kali untuk meyakinkan panel TERAJU mengenai minat saya ini. Alhamdulillah, berkat usaha yang tidak putus, akhirnya syarikat saya terpilih ke peringkat akhir dan memenangi geran SUPERB selepas percubaan kali kelima," jelas beliau lagi.

En Mohd Azhan berasa bangga kerana minatnya telah membawa kepada penciptaan kerusi rawatan mudah alih automatik yang pertama. Penggunaan kerusi ini juga membolehkan program-program menderma darah dan rawatan pergigian di luar klinik gigi atau hospital dapat dijalankan dengan lebih mudah lagi selesa.

"Kami mahu menjadi penggerak inovasi yang membekalkan produk pergigian atau perubatan yang berteknologi tinggi bukan saja di pasaran tempatan malah di pasaran antarabangsa," tambahnya lagi.

Menurut En Mohd Azhan, untuk menjadi usahawan yang berjaya, seseorang itu mestilah mempunyai rasa belas kasihan, keazaman, kegigihan dan kerajinan serta keberanian menghadapi segala cabaran dalam dunia perniagaan.

MEMIMPIN BELIA KE ARAH MASA HADAPAN YANG LEBIH CERAH



**Auni Wadzhiah Azahar
Kuala Terengganu
15**

Auni Wadzhiah Azahar berusia 15 tahun dan berasal dari Kuala Terengganu, Terengganu. Ibu bapanya telah bercerai dan kini Auni tinggal bersama-sama ibunya yang bekerja sebagai tukang jahit pakaian, dengan pendapatan bulanan sebanyak RM700. Auni merupakan anak bongsu daripada tiga beradik yang kesemuanya masih belajar. Meskipun menghadapi cabaran kekeluargaan dan kesempitan wang, Auni berjaya mendapat gred A dalam semua mata pelajaran dalam peperiksaan UPSR. Berikutan kecemerlangan akademiknya, Auni terpilih untuk menjadi pelajar tajaan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) di bawah program Peneraju Tunas Geliga dan meneruskan persekolahannya di SMKA Dato' Haji Abbas di Kuala Terengganu. Suasana pembelajaran yang kondusif, serta bimbingan dan sokongan dari segi perkembangan sahsiah diri dan bantuan kewangan daripada Yayasan Peneraju, membolehkan Auni memperhebatkan pencapaian akademiknya. Pada tahun 2016, Auni berjaya memperoleh 11A dalam peperiksaan PT3. Kini Auni belajar di Tingkatan Empat.



**Winnie Kariza Bakri
Tawau, Sabah
25**

Winnie Kariza Bakri berusia 25 tahun dan berasal dari Tawau, Sabah. Beliau merupakan anak sulung daripada lima orang adik-beradik. Bapanya seorang pesara dengan pendapatan sebanyak RM1,000 sebulan manakala ibunya pula seorang suri rumah. Winnie asalnya bercita-cita mahu menjadi seorang doktor, namun keputusannya yang sederhana dalam peperiksaan SPM memaksa Winnie mengambil peperiksaan STPM agar dapat memasuki institusi pengajian tinggi awam. Winnie belajar sungguh-sungguh dan bijak menguruskan masa belajar dan masa untuk terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum. Kejayaannya memperoleh keputusan CGPA 4.0 dalam peperiksaan STPM telah membolehkan Winnie menjadi pelajar tajaan Peneraju Tunas Potensi, dan melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2012. Berkat bantuan dan sokongan Yayasan Peneraju, Winnie terus cemerlang dalam bidang akademik. Pada tahun 2016, Winnie dengan jayanya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Geografi) (Kepujian) Kelas Pertama (CGPA 3.77). Winnie melanjutkan pelajarannya ke peringkat Sarjana dalam bidang Pengurusan Alam Sekitar dan tamat pada Februari 2017. Kini Winnie berkhidmat di Kementerian Perkembangan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai pegawai Gred 41.



**Fikri Izzan Kip
Kuching, Sarawak
19**

Fikri Izzan Kip berusia 19 tahun dan merupakan anak jati Kuching, Sarawak. Fikri anak yang keempat daripada lima beradik. Bapanya seorang pembantu penyelidikan di MARDI sementara ibunya pula seorang suri rumah. Sejak kecil lagi, Fikri menyimpan impian untuk menjadi jurutera aeroangkasa. Beliau diserap masuk menjadi pelajar tajaan Yayasan Peneraju di bawah program Peneraju Juruteknik Pesawat Berlesen pada Jun 2016. Berbekal keazaman, prestasi yang memberangsangkan dan minat yang mendalam, Fikri telah dipilih menyertai program Peneraju Jurutera Pesawat Berlesen pada Januari 2017. Kini azam Fikri lebih membara untuk mengejar cita-cita menjadi jurutera pesawat yang berlesen.

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

Memangkin Pertumbuhan

**399 syarikat
Bumiputera
mendapat manfaat
daripada Dana
Mudahcara**

Dengan matlamat untuk membantu Bumiputera dalam pembinaan keupayaan dan untuk menyokong pengembangan ke luar negara, TERAJU telah memperkenalkan Dana Mudahcara. Dana ini diwujudkan sebagai pemangkin kepada inisiatif pelaburan swasta. Antara objektif utama Dana Mudahcara adalah merapatkan jurang daya maju pelaburan sektor swasta untuk Bumiputera yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan masyarakat selain berperanan sebagai insentif oleh Kerajaan bagi syarikat Bumiputera untuk melaksanakan projek-projek atau program-program bagi meningkatkan pelaburan mereka dalam projek-projek pengembangan kapasiti, terutama dalam sektor NKEA yang berimpak tinggi.

Sejak pelancaran Dana Mudahcara

pada Ogos 2011, semangat TERAJU untuk terus memantapkan pelaburan swasta Bumiputera dapat dilihat apabila dana yang berjumlah RM2 billion menyaksikan 447 projek terlaksana dengan nilai pelaburan keseluruhan RM12.8 billion. Sehingga kini, 399 syarikat Bumiputera mendapat manfaat daripada Dana Mudahcara.

Sejak penubuhannya, TERAJU terus membuka pelbagai peluang perniagaan bagi syarikat-syarikat Bumiputera dengan pengenalan insentif-insentif bagi semua jenis syarikat, bermula dari perniagaan permulaan (*start-up*) hingga ke peringkat SME dan seterusnya bagi syarikat yang berpotensi untuk disenaraikan dalam Bursa Malaysia.

TERAJU telah memperkenalkan program "Carve Out and Compete" sebagai satu inisiatif khas bagi meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam projek-projek mega kerajaan, GLC dan swasta. Langkah ini sejarah dengan peranan TERAJU dalam membantu



Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dengan pelajar tajaan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera



Peserta INSKEN

syarikat Bumiputera mengembangkan perniagaan mereka. Inisiatif ini diterajui enam prinsip rancangan Transformasi Ekonomi Bumiputera iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berdasarkan merit, ketelusan, pro pertumbuhan dan mampan.

Nilai kontrak keseluruhan projek-projek di dalam program ini berjumlah RM45.54 bilion. Antara projek-projek di bawah program ini termasuk MRT Jajaran 1 dan 2 oleh MRT Corp, Menara Warisan Merdeka oleh PNB, Asia Aerospace City oleh MARA, dan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak oleh Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd.

TERAJU juga telah memperkenalkan skim-skim pembiayaan perniagaan bagi menyokong syarikat-syarikat Bumiputera termasuklah Dana Teras, Program Pembiayaan Ekuiti SME Bumiputera, Dana Teknologi Bumiputera, Dana Koperasi (*High Performing and Enhancement Cooperatives Programme, HiPER*), Dana Pembiayaan Mudahcara bagi Lonjakan Perniagaan Bumiputera dalam Peruncitan, Pembiayaan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB), Program Perniagaan Eksport Bumiputera, Pembiayaan Tunas Usahawan Belia Bumiputera, Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera

(Sabah, Sarawak, ECER, IRDA, NCIA), Dana Pembangunan Usahawan Bersama NGO dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) berjaya menghasilkan ramai usahawan baru yang berjaya. Sejak dilancarkan pada tahun 2014, seramai 101 usahawan baharu yang kreatif dan inovatif telah menerima geran sehingga RM500,000 di bawah SUPERB. Dana berjumlah RM100 juta telah diguna pakai bagi menyokong usahawan-usahawan ini dalam bidang-bidang strategik yang mempunyai potensi masa hadapan yang besar.

Pembinaan Modal Insan

Seiring dengan hala tuju RMK-11 yang menyasarkan untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja profesional berdaftar dan berkemahiran dalam kalangan Bumiputera agar mampu bersaing dalam merebut peluang pekerjaan selain menambah pekerja berpendapatan tinggi, TERAJU menyediakan pelbagai platform bagi membuka peluang kepada golongan Bumiputera untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehan.

Antara inisiatif utama yang dijalankan bagi mengukuhkan pembinaan keupayaan Bumiputera secara sejagat dan berterusan, adalah pelancaran Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB). Melalui YPPB, program-program intervensi berbentuk jangka pendek dan jangka panjang akan dirangka bagi memastikan aspirasi YPPB dalam usahanya menyokong langkah kerajaan ke arah membentuk negara berpendapatan tinggi akan terlaksana. Antara mandat yang diamanahkan kepada yayasan ini termasuk meningkatkan kualiti, kuantiti dan keberkesanan bakat-bakat Bumiputera sejarah dengan usaha Kerajaan dalam menaik taraf Malaysia ke arah negara berpendidikan tinggi melalui pendidikan akademik dan pensijilan professional dan vokasional.

Program-program yang ditawarkan di bawah YPPB termasuk Peneraju Tunas, Peneraju Skil, Peneraju Profesional dan Skim Latihan Pendidikan 1Malaysia (SPP1M). Sehingga September 2016, seramai 10,325 individu dianugerahkan tajaan YPPB sejak Yayasan ini dilancarkan pada tahun 2011. Di bawah program Peneraju Tunas, 2,356 pelajar sekolah menengah dan rendah dari keluarga berpendapatan rendah dan

MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN



Peserta SUPERB

**Seramai 101 usahawan
baharu yang kreatif dan
inovatif telah menerima
geran sehingga
RM500,000 di bawah
SUPERB**

persekitaran mencabar mendapat tajaan YPPB. Manakala 5,965 inividu menerima latihan pembangunan kemahiran ke peringkat pengiktirafan industri dan antarabangsa di bawah naungan program Peneraju Skil. Baki penerima tajaan YPPB adalah 2004 individu yang menerima tajaan bagi memperolehi pensijilan professional dalam bidang perakaunan dan kewangan.

Ekoran perkembangan ekonomi Bumiputera yang pesat dan kehadiran semakin ramai usahawan Bumiputera yang baru, pengurusan program dan aktiviti berkaitan pembangunan dan latihan usahawan harus dilakukan dengan teratur dan efisien. Maka, Institut Keusahawanan Negara (INKSEN) ditubuhkan dan setakat ini, sejumlah RM15 juta dibelanjakan untuk program di bawah pentadbiran INSKEN.

Fungsi utama INSKEN adalah untuk mengkaji keberkesanannya dasar dan melaksanakan inisiatif bagi memperkuatkan daya usaha usahawan Bumiputera menerusi jalinan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan serta institusi dan organisasi dalam dan luar negara yang relevan.

INKSEN turut menyediakan perancangan pembangunan keupayaan dan pembangunan

kapasiti usahawan Bumiputera bagi memastikan agar segala inisiatif yang dijalankan lebih berkualiti, berkesan dan berjaya mencapai objektif penubuhannya.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►

Pada tahun 2017, TERAJU akan melancarkan Pelan Hala Tuju Ekonomi Bumiputera 2.0, dengan tinjauan lengkap usaha-usaha transformasi sejak lima tahun yang lalu, termasuklah langkah untuk maju ke hadapan dalam usaha-usaha mentransformasi ekonomi Bumiputera. TERAJU, dengan kerjasama dan sokongan semua Kementerian dan agensi, akan terus menjalankan amanahnya untuk mempromosikan sosioekonomi yang lebih menyeluruh, selari dengan aspirasi NTP.

SRI: PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM



MEMBINA KETAHANAN DAN KEMAMPANAN MELALUI PEMBAHARUAN FISKAL



**DATUK SERI JOHARI BIN
ABDUL GHANI**

Menteri Kewangan II

Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) bagi Pembaharuan Kewangan Awam telah direka pada awal tahun 2011 untuk melaksanakan dasar-dasar berkaitan kewangan awam seperti yang disarankan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) di dalam Model Baru Ekonomi (NEM). Objektif utamanya adalah untuk mengukuhkan kedudukan fiskal Malaysia yang telah merosot berikutan Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998.

Sekjak tujuh tahun lalu, Kerajaan telah mengurangkan defisit fiskalnya secara berperingkat daripada peratusan KDNK sebanyak 6.7% pada tahun 2009 ke 3.1% pada tahun 2016. Berdasarkan trajektori ini, Kerajaan yakin akan dapat mencapai sasaran bajet yang hampir seimbang pada tahun 2020.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini, termasuklah mengukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai oleh agensi-agensi percukaian dari Kementerian Kewangan, iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dengan LHDN yang menumpukan kepada hasil cukai langsung dan JKDM memfokus kepada cukai tidak langsung, kedua-dua agensi ini tidak pernah gagal untuk mencapai keputusan yang diingini dalam meningkatkan pentadbiran dan pematuhan cukai.

Mengikut purata tahunan, LHDN berjaya mengutip RM2 bilion, manakala JKDM mengutip lebih RM150 juta melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang direka oleh agensi-agensi ini dalam makmal SRI Pembaharuan Kewangan Awam. Angka-angka ini adalah tambahan kepada sasaran kutipan biasa mereka.


Selain itu, sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah SRI ini dan usaha kami untuk memastikan kemampunan dan kestabilan jangka panjang bagi ekonomi Malaysia, Kerajaan telah mengambil keputusan yang sukar untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), sejenis cukai berasas luas yang menggantikan dua cukai penggunaan lain, iaitu Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST). GST telah diperkenalkan pada tahun 2015 susulan perbincangan menyeluruh yang dijalankan di kalangan penggubal dasar sejak pertengahan tahun 1980-an.

Walaupun GST dilaksanakan ke atas rangkaian barang dan perkhidmatan yang lebih luas berbanding SST, iaitu pada kadar 6%, ia diperkenalkan pada kuantum yang lebih rendah berbanding Cukai Jualan (10%) dan Cukai Perkhidmatan (6%). Ia juga kekal sebagai kadar yang paling rendah di kalangan lapan negara ASEAN yang telah melaksanakan GST.

Selain daripada mengukuhkan tahap fiskal kita, GST juga telah membolehkan kami menangani kelemahan pada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan serta memperkenalkan jaringan keselamatan kepada orang ramai yang tidak ada di dalam regim cukai sebelum ini, melalui pengecualian GST bagi pelbagai barang dan perkhidmatan asas. Ini termasuklah penjagaan kesihatan, pendidikan dan penjagaan kanak-kanak. Beberapa barang dan perkhidmatan seperti barang keperluan asas rumah, walaupun tidak dikecualikan daripada GST, tertakluk kepada kadar 0% untuk GST. Oleh itu, pengguna tidak perlu membayar GST bagi barang dan perkhidmatan berkadar sifar ini.

Peningkatan dalam pentadbiran dan pematuhan cukai serta pengenalan GST telah membolehkan kami mengurangkan kesan penurunan harga minyak yang telah menjaskan ekonomi global dan pengumpulan hasil Kerajaan. Pada masa yang sama, inisiatif-inisiatif ini membolehkan Kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berdasarkan minyak dari 41.3% pada tahun 2009 kepada anggaran sebanyak 14.6% pada tahun 2016. Ini membuktikan sistem pengumpulan hasil yang kini lebih teratur dengan pelbagai cukai yang lebih cekap dan sumber hasil yang lebih luas dan pelbagai.

Dari segi perbelanjaan, Kerajaan terus komited dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesaan perbelanjaan melalui langkah-langkah pengoptimuman dan pengutamaan semula. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah merasionalkan subsidi seperti menguruskan mekanisme harga minyak terapung dan membatakan subsidi gula dan tepung. Satu kesan langsung daripada langkah-langkah ini adalah Kerajaan dapat memperkenalkan bantuan kewangan bertumpu secara langsung melalui program-program seperti BR1M, yang menyalurkan bantuan kepada mereka yang benar-



Barangan dan perkhidmatan asas adalah dikecualikan daripada GST sebagai langkah jaringan keselamatan.

Inisiatif-inisiatif ini membolehkan Kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berdasarkan minyak dari 41.3% pada tahun 2009 kepada anggaran sebanyak 14.6% pada tahun 2016.

benar memerlukan seperti golongan yang lemah dan berpendapatan rendah.

Satu lagi inisiatif dasar yang dicadangkan melalui NEM adalah pengukuhan kawalan perbelanjaan. Kerajaan menangani perkara ini melalui pelaksanaan Belanjawan Berdasarkan Prestasi (OBB) yang menggantikan Sistem Belanjawan Diubahsuai. Sistem yang baharu ini membolehkan kami mengoptimumkan hasil perbelanjaan dan bergerak seiring dengan usaha Kerajaan merasionalkan inisiatif-inisiatif dasar fiskal melalui pengurusan perbelanjaan yang lebih baik, terutamanya dalam memastikan hasil dan nilai untuk wang yang lebih baik melalui

pelaksanaan program bertumpu dan pengurangan kelebihan program.

Melangkah ke hadapan, untuk pembaharuan fiskal, SRI ini akan berada di bawah pemantauan penuh Kementerian Kewangan, seiring dengan pemindahan inisiatif-inisiatif NTP daripada PEMANDU kepada perkhidmatan awam. Dengan pencapaian-pencapaian SRI setakat ini dan perancangan yang jelas untuk langkah seterusnya, yang telah membolehkan Kerajaan dan ekonomi bertahan dengan perubahan ekonomi global, kami yakin bahawa negara ini berada pada landasan yang betul untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi seperti yang disasarkan oleh NEAC di dalam NEM.

PERBELANJAAN 2016

PERBELANJAAN 2016

Bagi mendukung atas ketelusan dan akauntabiliti, berikut adalah rumusan prestasi perbelanjaan peruntukan NKRA dan SRI. Sementara itu, perbelanjaan tidak dilaporkan untuk inisiatif NKEA memandangkan program-program tersebut dipacu oleh pihak swasta dan mengandungi data pasaran sensitif.

PERBELANJAAN MENGURUS (OE)* NKRA DAN SRI 2016

PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA (NTP)						
NKRA	PENCAPAIAN (%)		JUMLAH PERUNTUKAN DE 2016 (RM)	JUMLAH DIBELANJAKAN (RM)	% DIBELANJAKAN	
Memanteras Rasuah	79		942,740	658,028	70	
Memastikan Pendidikan Berkualiti	90		18,000,000	17,987,751	100	
Mempertingkat Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	122		68,588,500	57,469,350	84	
Jumlah			87,531,240	76,115,129		
SRI	PENCAPAIAN (%)		JUMLAH PERUNTUKAN DE 2016 (RM)	JUMLAH DIBELANJAKAN (RM)	% DIBELANJAKAN	
Persaingan, Standard dan Liberalisasi	103		1,000,000	717,379	70	
Jumlah			1,000,000	717,379		

*OE merujuk kepada Perbelanjaan Mengurus

Nota: Tiada peruntukan OE 2016 untuk NKRA Menangani Kos Sarana Hidup Rakyat, NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, NKRA Mengurangkan Jenayah dan NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (DE)* NKRA DAN SRI 2016

PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA (NTP)						
NKRA	PENCAPAIAN (%)		JUMLAH PERUNTUKAN DE 2016 (RM)	JUMLAH DIBELANJAKAN (RM)	% DIBELANJAKAN	
Mengurangkan Jenayah	118		45,000,000	44,350,000	99	
Mempertingkat Pengangkutan Awam Bandar	84		60,422,600	42,384,863	70	
Mempertingkat Pembangunan Luar Bandar	114		2,552,460,300	2,378,930,886	93	
Jumlah			2,657,882,900	2,465,665,749		
SRI	PENCAPAIAN (%)		JUMLAH PERUNTUKAN DE 2016 (RM)	JUMLAH DIBELANJAKAN (RM)	% DIBELANJAKAN	
Pembaharuan Kewangan Awam	56		10,514,370	10,514,370	100	
Jumlah			10,514,370	10,514,370		

*DE merujuk kepada Perbelanjaan Pembangunan

Nota: Tiada peruntukan DE 2016 untuk NKRA Menangani Kos Sarana Hidup Rakyat, NKRA Memanteras Rasuah, NKRA Mempertingkat Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah dan NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti

TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PwC

Salah satu prinsip teras Program Transformasi Negara (NTP) ialah ketelusan dan akauntabiliti. Dalam Laporan Tahunan ini, penunjuk prestasi utama 2016 bagi setiap Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) diterbitkan sepenuhnya, dengan pencapaian dibandingkan terhadap sasaran yang disenaraikan*. PEMANDU berusaha untuk memastikan sistem pemarkahan adalah telus dan tegas. Usaha yang rapi telah dilaksanakan untuk mengesahkan bahawa pengumpulan data, penjadualan statistik, dan keputusan adalah tepat. Pengesahan oleh pihak ketiga juga penting untuk menilai secara efektif keberkesanan NTP. Untuk mencapai tujuan ini, PEMANDU telah melantik PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), iaitu sebuah firma perkhidmatan profesional, untuk mengendalikan penilaian secara Tatacara Disetujui (Agreed-Upon-Procedures, AUP) dalam bentuk ujian dan tatacara tertentu untuk

menilai keputusan yang dilaporkan bagi KPI dan projek-projek yang telah diumumkan. AUP digunakan terhadap suatu sampel yang diambil daripada setiap KPI. Hasil penilaian ini kemudian disemak berdasarkan kepada garis panduan dan formula yang dibangunkan dalam sesi makmal PEMANDU awal, dan ditetapkan oleh PEMANDU. Sepanjang pelaksanaan usaha ini, PwC mendapati beberapa pengecualian terhadap sampel yang dipilih, yang kemudian ditangani dan dilaporkan dalam Laporan Tahunan. PwC mengesahkan bahawa keputusan yang dilaporkan bagi sampel terpilih dalam Laporan Tahunan ini telah disahkan berdasarkan Tatacara Disetujui (AUP). PwC juga mengenal pasti peluang untuk menambah baik proses dan kualiti maklumat. PEMANDU, bersama-sama dengan kementerian dan agensi kerajaan serta pihak berkepentingan sektor swasta yang relevan akan mengambil tindakan preskriptif yang positif untuk melaksanakan penambahan sepanjang 12 bulan yang berikutnya.

* Pengecualian dibuat bila sasaran mempunyai data sensitif pasaran. Dalam situasi sebegini, maklumat dikekalkan sebagai sulit mengikuti permintaan pihak berkepentingan.

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

PRESTASI NTP 2016

Ketiga-tiga kaedah telah dirumuskan untuk menyediakan sebuah gambaran pragmatik nombor KPI sebenar dalam peratusan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKRA/ NKEA/ SRI adalah purata bagi semua markah.

KAEDAH PEMARKAHAN	HURAIAN
Kaedah 1	Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan mudah dengan sasaran 2015 yang ditetapkan.
Kaedah 2	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2015 yang ditetapkan, dengan peraturan tambahan: <ul style="list-style-type: none"> Jika markah kurang 100%, skor #2 diambil sebagai peratusan sebenar Jika markah sama atau lebih 100%, markah #2 diambil sebagai 100%
Kaedah 3	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2015 yang ditetapkan, dengan peraturan tambahan: <ul style="list-style-type: none"> Jika markah adalah sama atau kurang 50%, markah #3 ditunjukkan sebagai 0 Jika markah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, skor #3 akan dinyatakan sebagai 0.5 Jika markah sama atau lebih 100%, markah #3 dinyatakan sebagai 1

KAEDAH 1 DAN 2	
Pencapaian	Kod Warna
90% dan ke atas	●
51%-89%	○
50% dan kurang	■

KAEDAH 3		
Pencapaian	Pemarkahan	
100% dan ke atas	1	●
51%-99%	0.5	○
50% dan kurang	0	■

NKRA – MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT					
KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Bantuan terus kepada Rakyat menerusi BRIM	100%	100%	100%	100%	100%
JUMLAH			100%	100%	100%

NKRA – MEMBANTERAS RASUAH					
KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Transparency International (TI) - skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI)	55	49	89%	89%	0.5
Peratus pendakwaan terhadap kes rasuah dalam tempoh 1 tahun selepas pendaftaran	85%	74.4%	88%	88%	0.5
Peratus kadar sabitan kes-kes rasuah	85%	79%	93%	93%	0.5
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dalam setiap Sesi Parlimen	2	2	100%	100%	1.0
Peratus kes-kes yang berjaya diselesaikan dalam Laporan KAN Siri 1-3 2014 1 tahun selepas dibentangkan di Parlimen	85%	96.6%	114%	100%	1.0
Peratus penyempurnaan kemasukan peruntukan liabiliti korporat dalam Akta SPRM	80%	40%	50%	50%	0.0
Bilangan syarikat yang menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) 1 tahun selepas dibentangkan di Parlimen	60	23	38%	38%	0.0
Peratus projek Perkongsian Awam Swasta (PPP) yang disasarkan untuk menandatangani Pakatan Integriti	100%	100%	100%	100%	1.0
Rangka Kerja Pembiayaan Politik i. Bentang ke Kabinet - 33% (pada 2016) ii. AGC menyediakan Akta - 66% iii. Bentang ke Parlimen - 100%	100%	100%	100%	100%	1.0
Transparency International (TI) - Global Corruption Barometer (GCB) skor	60	0% (Tinjauan tidak dijalankan)	0%	0%	0%
Peratus keputusan kontrak rundingan terus yang disiarkan secara dalam talian, tidak termasuk kontrak Strategik dan Keselamatan	100%	100%	100%	100%	1.0
JUMLAH			79%	78%	59%

* N/A - tidak berkenaan

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

NKRA – MENGURANGKAN JENAYAH					
KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Mengurangkan Jenayah Indeks Keseluruhan yang dilaporkan	5%	2.8%	56%	56%	0.5
Peratus peningkatan Penunjuk Persepsi Jenayah	10%	23.8%	238%	100%	1.0
Melaksanakan Fasa 1 projek Kepolisian Moden ke seluruh IPK KL	100%	117%	117%	100%	1.0
Peratus pembangunan Indeks Penglibatan Komuniti	100%	125%	125%	100%	1.0
Bilangan kereta peronda PDRM lama yang digantikan	500	0	0%	0%	0%
Peratus Orang Kena Pengawasan yang menghadiri program rawatan dalam komuniti untuk mengekalkan pemulihara sekurang-kurangnya setahun	40%	60.2%	151%	100%	1.0
Peningkatan kemahiran banduan:	100%	138%	138%	100%	1.0
i) Bilangan banduan yang menjalani latihan kemahiran yang diperakui					
ii) Peratus persiapan kemudahan latihan untuk membina kemahiran baru banduan					
Peratus bayaran saman yang dikeluarkan PDRM pada tahun 2016 di bawah kategori POL 257	30%	39.7%	132%	100%	1.0
JUMLAH			118%	79%	79%

NKRA – MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI

KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Enrolmen prasekolah seluruh negara, termasuk NGO (4+ dan 5+ tahun sahaja)	90%	85.6%	95%	95%	0.5
Kadar literasi bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Tahun 3	95%	94.8%	100%	100%	1.0
Peratus sekolah Band 1 & 2 daripada jumlah sekolah	37%	39.9%	108%	100%	1.0
Peratus sekolah Band 6 & 7 daripada jumlah sekolah	0.8%	2.0%	40%	40%	0.0
Peratus guru yang meningkat kepada sekurang-kurangnya tahap kecekapan minimum melalui CPD	85%	85.8%	101%	100%	1.0
Peratus pengetua yang meningkat kepada sekurang-kurangnya tahap kecekapan minimum melalui CPD	85%	94.4%	111%	100%	1.0
Kadar numerasi	100%	100%	99%	99%	0.5
Kadar literasi bahasa Melayu	100%	98.6%	99%	99%	0.5
Peratus guru yang dilatih dalam program Pro-ELT yang telah meningkat sekurang-kurangnya satu band kemahiran dalam CEFR	100%	92.3%	92%	92%	0.5
Guru bahasa Inggeris baharu daripada IPG yang mencapai C1 berdasarkan CEFR sebelum ditempatkan ke sekolah	80%	64%	80%	80%	0.5
Peratus penyempurnaan inisiatif di bawah Fasa 1 Pelan Pelaksanaan Hala Tuju Transformasi IPG 2016-2017	35%	34.6%	99%	99%	0.5
Penyempurnaan tinjauan mengenai peratusan sekolah menengah yang mempunyai makmal sains yang berfungsi	100%	100%	100%	100%	1.0
Peratus kesediaan pelan operasi penstrukturkan semula kementerian yang baharu	100%	30%	30%	30%	0.0
Bilangan pelajar menggunakan VLE sekurang-kurangnya 1 sesi pelajaran setiap minggu	1,000,000	1,517,371	152%	100%	1.0
Kadar enrolmen penjagaan kanak-kanak (0-4) kebangsaan	15%	6.8%	45%	45%	0.0
JUMLAH			90%	85%	60%

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

NKRA - MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH					
KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Bilangan peserta baharu dalam program 1AZAM yang dipantau sekurang-kurangnya 6 bulan selepas pelaksanaan	7,225	7,898	109%	100%	1.0
Bilangan peserta 1AZAM baharu dan sedia ada yang berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 bagi mana-mana 3 bulan	8,600	10,225	119%	100%	1.0
Bilangan peserta 1AZAM dalam Program Literasi Kewangan dan Pengurusan Hutang	7,225	9,731	135%	100%	1.0
Bilangan projek 1AZAM yang bekerjasama dengan NGO dan Sektor Korporat	3	4	133%	100%	1.0
Bilangan komuniti 1AZAM / program berdasarkan kumpulan	16	16	100%	100%	1.0
Peserta Beyond 1AZAM yang memperoleh peningkatan minimum 50% dalam pendapatan daripada projek AZAM sedia ada	700	2,329	333%	100%	1.0
Memastikan pengemaskinian 100% dalam sistem eKasih	100%	100%	100%	100%	1.0
Membangunkan Usahawan B40 daripada segmen Mikro kepada Perusahaan Kecil (kategori PKS)	50	50	100%	100%	1.0
Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi melalui pendaftaran dalam kalangan peserta B40 melalui platform e-Orang	16,000	16,849	102%	100%	1.0
Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi melalui pendaftaran dalam kalangan peserta B40 melalui platform eRezeki	2,050	2,222	108%	100%	1.0
JUMLAH			122%	91%	91%

NKRA – MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR					
KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Pembangunan Luar Bandar : Infrastruktur Luar Bandar					
Pembinaan Jalan Raya (panjang km)	601.5	755.42	126%	100%	1.0
Penyampaian Bekalan Air: Bilangan Isi Rumah	3,000	4,429	148%	100%	1.0
Penyampaian Bekalan Elektrik: Bilangan Isi Rumah	9,875	9,922	100%	100%	1.0
Perumahan: Bilangan Rumah	11,223	12,133	108%	100%	1.0
Pembangunan Luar Bandar: Kampung Abad ke-21					
Program Desa Lestari Programme: Bilangan Kampung yang berjaya memulakan perniagaan economic projects sekurang-kurangnya satu (1) daripada projek ekonomi diluluskan yang telah disempurnakan	20	20	100%	100%	1.0
Cabaran Perniagaan Luar Bandar: (b3) Peratus pemenang Pertandingan Perniagaan Luar Bandar (RBC) tahun 2014 telah mencapai peningkatan pendapatan sebanyak 30%	80.0%	82.6%	103%	100%	1.0
JUMLAH			114%	100%	100%

NKRA — MEMPERTINGKAT PENGANGKUTAN AWAM BANDAR					
No KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Bilangan Teksi Bajet KL - setanding dengan standard ASEAN	2,000	2,264	113%	100%	1.0
Projek Peluasan KL Monorail: Pengeluaran LOA kepada kontraktor baharu dan penyempurnaan penilaian reka bentuk awal	100%	70%	70%	70%	0.5
Projek Bas Aliran Rapid Deras (BRT) Koridor 1 (KL-Klang) : Penyempurnaan penilaian tender oleh JTAS	100%	85%	85%	85%	0.5
Tahap kepuasan pelanggan pengangkutan awam bandar (GKL/KV)	85%	84%	99%	99%	0.5
Bilangan penumpang pengangkutan awam bandar pada waktu puncak pagi (GKL/KV)	500,000	435,439	87%	87%	0.5
Ketepatan masa KTM Komuter pada waktu puncak pagi (dalam masa 10 minit)	90%	96.9%	108%	100%	1.0
Kelulusan MOT terhadap konsep CTSS baharu / Dis 2016	100%	92%	92%	92%	0.5
Pelancaran App Perancang Perjalanan Dis 2016	100%	80%	80%	80%	0.5
Penggunaan bas henti-henti PRASARANA di GKL /KV	80%	82%	103%	100%	1.0
Jumlah keseluruhan Kapten Bas Henti-henti PRASARANA di GKL	2,090	2,182	104%	100%	1.0
Penyempurnaan Sistem Pembayaran Tanpa Tunai Bersepadu (ICPS)	60%	56%	93%	93%	0.5
Bilangan Panel Info Bas dipasang di GKL/KV	3,000	1,300	43%	43%	0.0
Bilangan tempat letak kereta tambahan di Rangkaian Rel di Lembah Klang	1,530	1,547	101%	100%	1.0
Peratus kemajuan pembinaan Kemudahan Parkway Dropzone: a) Dato' Harun b) Serdang c) Batu Tiga	100%	71.7%	72%	72%	0.5
Peratus penyempurnaan Sistem Tiket KTMB (AFC)	100%	99.6%	100%	100%	1.0
Projek ITT Gombak: Pengambilan tapak	100%	72.9%	73%	73%	0.5
JUMLAH			84%	82%	62%

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

NKEA — PERTANIAN						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
AGRI EPPI: Membuka nilai daripada biodiversiti Malaysia melalui produk-produk herba	Jumlah ujian klinikal yang akan dijalankan untuk nutraseutikal dan kosmeseutikal	10	10	100%	100%	1.0
	Jumlah jualan produk herba (RM Juta)	4.5	4.47	99%	99%	0.5
AGRI EPP2: Penambahan pengeluaran sarang burung	Jumlah eksport produk Sarang Burung Walit Boleh Dimakan (MT)	200	381	191%	100%	1.0
AGRI EPP3: Meneroka pertanian rumpai laut berskala komersial di Sabah	Jumlah pengeluaran Rumpai Laut di bawah Kluster dan Estet Pertanian Mini (MT)	2,000	1,742.20	87%	87%	0.5
AGRI EPP4: Pernakanan melalui sistem sangkar akuakultur bersepudu	Jumlah pengeluaran ikan ternakan oleh syarikat peneraju (MT)	9,000	10,991.31	122%	100%	1.0
AGRI EPP5: Pernakanan lembu di ladang kelapa sawit	Jumlah keseluruhan lembu di ladang kelapa sawit (ekor)	56,500	41,536	74%	74%	0.5
AGRI EPP 6: Mereplikasi model perternakan akuakultur bersepudu (IZAQs)	Jumlah pengeluaran udang ternakan (MT)	27,000	24,846.77	92%	92%	0.5
AGRI EPP7: Menaik taraf keupayaan menghasilkan buah-buahan dan sayur-sayuran premium	Jumlah pengeluaran daripada Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan syarikat peneraju (MT)	60,000	63,347.06	106%	100%	1.0
AGRI EPP8: Mengukuhkan keupayaan eksport industri makanan proses	Jumlah jualan syarikat peneraju dan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) (RM juta)	285	297.87	105%	100%	1.0
	Bilangan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) di bawah Syarikat Peneraju (AC)	15	22	147%	100%	1.0
AGRI EPP9: Beras wangi di kawasan bukan jelapang padi	Jumlah beras wangi yang dikeluarkan (MT)	3,000	2,340.62	78%	78%	0.5
	Jumlah kawasan penanaman (Hektar)	1,000	563.02	56%	56%	0.5
AGRI EPPI0: Memperkuuh dan menambah baik produktiviti penanaman padi di kawasan Muda	Jumlah pengeluaran daripada tanah yang digabungkan (MT)	320,000	320,228.50	100%	100%	1.0
	Jumlah kawasan tanah yang digabungkan (Hektar)	5,000	5,296.86	106%	100%	1.0
	Jumlah pengambilan tanah (bilangan lot)	8,790	9,038	103%	100%	1.0
AGRI EPPI1: Memperkuuh dan menambah baik produktiviti penanaman padi di kawasan pengairan yang lain	Jumlah pengeluaran daripada tanah yang digabungkan (MT)	140,000	178,110.28	127%	100%	1.0
AGRI EPPI3: Membangunkan kluster tenusu di Malaysia	Jumlah susu segar yang dihasilkan (juta liter)	23.5	14.96	64%	64%	0.5
AGRI EPP14: Pembangunan Industri Benih	Jumlah benih dihasilkan (MT)	105	50	48%	48%	0.0
AGRI EPP17: Pasar Komuniti	Jumlah jualan daripada PAKAR (RM juta)	77	83.57	109%	100%	1.0
JUMLAH				101% 	89% 	76%

NKEA — PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
BS EPP1: Mengembangkan perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat	Pendapatan daripada perkhidmatan MRO (RM Juta)	4,000	5,600	140%	100%	1.0
BS EPP2: Membina pihak penyedia perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa	Pendapatan hasil jualan luar negara (RM juta)	3,007	2,641.3	88%	88%	0.5
	Anggaran Nilai Pelaburan (RM juta)	635	765.97	121%	100%	1.0
BS EPP3: Menempatkan Malaysia sebagai hab pusat data bertaraf dunia	Pendapatan perkhidmatan Pusat Data keseluruhan (RM juta)	1,100	1,001	91%	91%	0.5
	Peratus siap kerja persediaan tapak bagi Pelaksanaan Hab Data Sedenak Iskandar (SIDH)	100%	101.7%	102%	100%	1.0
BS EPP4: Melonjakkan industri teknologi hijau yang dinamik	Hasil yang dijana daripada subsektor teknologi hijau cth. Tenaga/Bangunan/Pengangkutan/Sisa/Air/Perkhidmatan (RM juta)	4,000	4,969	124%	100%	1.0
	Pelaburan baru dalam teknologi hijau direalisasikan (RM juta)	2,900	3,545	122%	100%	1.0
BS EPP 5: Membangunkan perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi	Pendapatan daripada syarikat perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi (RM juta)	100	87.82	88%	88%	0.5
BS EPP7: Menjadikan Malaysia sebuah Hab OEM Aeroangkasa di Asia Tenggara dengan memanfaatkan ‘Bandar Aeroangkasa Asia’	Pelaburan yang dibuat daripada OEM, syarikat Tier 1 dan Tier 2 (RM juta)	1,000	1,600	160%	100%	1.0
	Bilangan PKS yang diperakurakan (i.e. AS9100 atau NADCAP)	10	8	80%	80%	0.5
JUMLAH				112%	95%	80%

NKEA — KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
CCI EPP1: Kandungan Kreatif Malaysia	Hasil eksport kandungan kreatif (RM juta)	670	1,217.84	182%	100%	1.0
	Anggaran jumlah yang dibelanjakan untuk penerbitan di bawah “Incentif Perfileman di Malaysia” (RM juta)	100	86.8	87%	87%	0.5
CCI EPP5: e-Penjagaan Kesihatan	Bilangan Kemudahan Penjagaan Kesihatan sasaran yang dilaksanakan dengan aplikasi e-Penjagaan Kesihatan	500	515	103%	100%	1.0
CCI EPP6: e-Kerajaan	Bilangan agensi yang mengamalkan Sistem Pengurusan Dokumen Secara Digital 2.0 (DDMS 2.0)	10	33	330%	100%	1.0
	Peratus peningkatan dalam bilangan transaksi dalam talian di Kementerian	10%	11.6%	116%	100%	1.0
CCI EPP7: Jalur Lebar untuk Semua	Bilangan port yang menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kelajuan hingga 100Mbps di ibu negeri dan bandar utama	150,000	168,664	112%	100%	1.0
	Bilangan port yang menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar (SUBB)	133,000	127,546	96%	96%	0.5
	Peratus akses (liputan) kepada jalur lebar wayarles LTE (% populasi yang dihubungkan dengan LTE)	65%	63.9%	91%	91%	0.5

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

NKEA – KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI (sambungan)

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
CCI EPP8: Memperluas Jangkauan	Jumlah tapak program baru yang telah dikomisenkan	350	380	109%	100%	1.0
CCI EPP10: Rangkaian Serantau	Peratus pelaksanaan bagi pemasangan kabel dasar laut (menghubungkan Sabah, Sarawak, dan Semenanjung Malaysia)	30%	35%	117%	100%	1.0
	Peratus penyiapan pelaksanaan kabel dasar laut antarabangsa baru	50%	50%	100%	100%	1.0
JUMLAH				131% 	98% 	86%

NKEA – ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
E&E EPP1: Pelaksanaan Strategi Pengguna Pintar untuk Kilang Fabrikasi Semikonduktor Teknologi Matang	Bilangan perkhidmatan analisis lanjutan yang disediakan kepada industri	700	708	101%	100%	1.0
	Bilangan jurutera dan pelajar dilatih dalam Analisis Kegagalan (FA), Analisis Bahan (MA) dan Pengujian Wafer	100	135	135%	100%	1.0
	Bilangan perkhidmatan pengujian wafer yang disediakan kepada syarikat tempatan E&E	5	5	100%	100%	1.0
	Bilangan projek yang menggunakan Makmal Metrologi	30	31	103%	100%	1.0
E&E EPP2: Membangunkan pemasangan dan pengujian menggunakan teknologi pembungkusan lanjutan	Bilangan syarikat pembungkusan moden beroperasi yang menyediakan perkhidmatan nilai tambah kepada syarikat pembungkusan moden	1	0	0%	0%	0.0
E&E EPP3: Membangunkan Firma Reka Bentuk Litar Bersepadu	Bilangan penciptaan pekerjaan daripada firma reka bentuk litar Bersepadu baru (IC)	50	0	0%	0%	0.0
	Bilangan syarikat menggunakan produk Green Motion Controller (GMC)	2	2	100%	100%	1.0
E&E EPP4: Menyokong pertumbuhan pengilang substrat dan industri berkaitan	Bilangan syarikat industri sokongan bagi pengilang substrate	1	0	0%	0%	0.0
E&E EPP 5: Pengeluaran silikon	Bilangan pengeluar silikon baru dalam pengeluaran	1	0	0%	0%	0.0
E&E EPP6: Membangunkan pengeluar wafer dan cell	Tambahan pengeluaran wafer dan cell solar di Malaysia (MW)	500	1,525	305%	100%	1.0
E&E EPP7: Meningkatkan pengeluar modul solar	Tambahan pengeluaran modul solar di Malaysia (MW)	500	1,420	284%	100%	1.0
E&E EPP8: Membangunkan operasi bahagian hadapan LED	Bilangan projek berkualiti yang diluluskan bagi pengilang epitaxy	1	1	100%	100%	1.0
E&E EPP10: Mewujudkan peneraju Solid State Lighting (SSL) tempatan	Jumlah jualan tahunan syarikat LED tempatan di bawah program pembinaan kapasiti SMECorp (RM juta)	115	125.2	109%	100%	1.0
	Jumlah produk LED baru yang diperakurakan pada peringkat antarabangsa	30	38	127%	100%	1.0

NKEA – ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK (sambungan)

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
E&E EPP11: Membina hab ujian dan pengukuran	Bilangan produk baru untuk meningkatkan ekosistem tempatan Ujian & Pengukuran	4	4	100%	100%	1.0
	Jumlah produk yang diujui menggunakan pusat pengujian QAV (Pulau Pinang & Selangor)	48	48	100%	100%	1.0
E&E EPP13: Membangunkan pembuatan peralatan automasi	Bilangan projek berimpak tinggi yang beroperasi bagi Peralatan Automasi	1	1	100%	100%	1.0
	Jumlah projek automasi baru yang dilaksanakan oleh syarikat tempatan, agensi dan institut dalam reka bentuk sistem, pempro-totaipan, bukti konsep dan sistem pengubahaan di National Instruments Academy and Innovation Nucleus (NI-AIN)	25	15	60%	60%	0.5
E&E EPP16: Perkembangan <i>Balance of Systems</i> untuk Photovoltaic	Bilangan syarikat <i>Balance of Systems</i> beroperasi untuk industri PV Solar	1	0	0%	0%	0.0
E&E EPP17: Membangunkan Industri <i>Embedded Systems</i>	Bilangan projek <i>Embedded Systems</i> baru yang diluluskan di bawah Program pembiayaan <i>Digital Malaysia Embedded Systems</i>	4	3	75%	75%	0.5
	Bilangan projek baru <i>Embedded Systems</i> / IOT yang disahkan	2	2	100%	100%	1.0
E&E EPP18: Memangkin pembuatan komponen kendaraan elektrik	Peratus penyiapan ujian penghomologan bateri Li-ion litium (untuk kenderaan elektrik dan hidrid) sedia untuk pengeluaran komersial	100%	81%	81%	81%	0.5
	Peratus penyiapan ujian penghomologan bagi bas EV untuk bersedia bagi pengeluaran komersial	100%	88%	88%	88%	0.5
E&E EPP20: Memangkin Industri (E&E) melalui Nanoteknologi	Bilangan syarikat menggunakan produk graphene dan nanoteknologi komersial untuk aplikasi E&E	2	2	100%	100%	1.0
	Jumlah projek NKEA E&E baru berkualiti yang diluluskan oleh MIDA	10	10	100%	100%	1.0
E&E EPP1-20: Pemangkin potongan silang	Peratus pelaburan projek sektor E&E yang direalisasi sejak tahun 2011 hingga 2014 (RM bil)	80%	75%	94%	94%	0.5
	Jumlah pelaburan yang diluluskan untuk sektor E&E (RM bil)	6.0	9.2	153%	100%	1.0
	Bilangan projek R&D yang dianugerahkan oleh CREST	12	11	92%	92%	0.5
	Bilangan projek R&D yang dikomersialkan atau dilaksanakan	3	3	100%	100%	1.0
	Bilangan aplikasi reka bentuk eko yang dilaksanakan syarikat/ organisasi menggunakan kemudahan bersama Pusat Reka Bentuk Eko Perindustrian (EIDC)	20	20	100%	100%	1.0
	JUMLAH			97%	75%	70%

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

NKEA – PENDIDIKAN						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
EDU EPP1: Peluasan pusat penjagaan dan pendidikan kanak-kanak	Pendaftaran pelajar di prasekolah swasta (termasuk NGO) (umur 4+ dan 5+ sahaja)	473,397	439,543	93%	93%	0.5
EDU EPP5: Penambahbaikan penyediaan latihan kemahiran swasta	Bilangan pelajar berkelayakan SKM daripada pusat berakreditasi swasta	38,000	35,804	94%	94%	0.5
	Jumlah pelajar yang dilatih melalui pendekatan berdasarkan industri	6,000	9,367	156%	100%	1.0
	Mempertingkatkan pengetahuan dan kepakaran tenaga pengajar TVET	10,000	13,923	139%	100%	1.0
EDU EPP7: Membangunkan kluster disiplin pendidikan kewangan dan perniagaan Islam	Jumlah enrolmen pelajar di IPTS dalam program kewangan dan perniagaan Islam	17,000	15,606	92%	92%	0.5
	Jumlah pensyarah antarabangsa yang merupakan anggota ICIFE	150	145	97%	97%	0.5
EDU EPP10: Membangunkan kluster disiplin hospitaliti dan pelancongan	Jumlah pendaftaran pelajar di IPTS dalam perhubungan kluster hospitaliti dan pelancongan	1,800	6,447	358%	100%	1.0
	Jumlah pendaftaran pelajar di IPTS dalam program hospitaliti dan pelancongan	26,000	18,982	73%	73%	0.5
EDU EPP11: Melancarkan EduCity@ Iskandar	Jumlah pendaftaran pelajar di EduCity @ Iskandar	5,000	4,478	90%	90%	0.5
EDU EPP12: Menerajui pendidikan Malaysia sebagai jenama antarabangsa	Jumlah pendaftaran pelajar antarabangsa	160,000	172,886	108%	100%	1.0
	Jumlah pendaftaran pelajar pascasiswazah di IPT	35,000	30,598	87%	87%	0.5
EDU EPP14: Membangunkan kluster pembangunan permainan video	Bilangan pendaftaran pelajar di IPTS dengan perhubungan kluster permainan video	500	344	69%	69%	0.5
EDU EPP17: Membangunkan kluster perakaunan	Bilangan pendaftaran pelajar dalam program kerjasama Sunway TES dengan program IPT awam	1,020	850	83%	83%	0.5
JUMLAH				117% 	91% 	64%

NKEA – PERKHIDMATAN KEWANGAN						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
FS EPP1: Mencergaskan Semula Pasaran Ekuiti Malaysia	Meningkatkan kepentasan dalam pasaran Nilai Harian Purata (Average Daily Value,ADV) - (RM bilion)	1.9	1.812	95%	95%	0.5
	Peningkatan dalam terbitan baru daripada IPO dan juga pasaran sekunder (terbitan saham baru daripada terbitan hak, terbitan khas dll) (RM bilion)	11	15.33	139%	100%	1.0
	Mempertingkatkan keluasan dan kedalaman penawaran produk Bilangan produk dan penawaran baru	5	7	140%	100%	1.0
FS EPP2: Pendalam dan Peluasan Pasaran Bond	Pendaftaran pengendali platform P2P	100%	100%	100%	100%	1.0
FS EPP5: Melindungi hampir semua, jika pun tidak semua, penduduk Malaysia	Penukaran lesen insurans komposit dan takaful di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) [Fasa 2]	100%	100%	100%	100%	1.0

NKEA — PERKHIDMATAN KEWANGAN (sambungan)						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
FS EPP10: Menjadi Hab Global Kewangan Islam yang tidak dipertikaikan	Pelancaran Pelan Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam menjelang 2H FY2016	100%	99%	99%	99%	0.5
	Penerbitan Standard Profesional oleh Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF), sebagai badan profesional bagi golongan profesional kewangan Islam	100%	100%	100%	100%	1.0
JUMLAH				110%	99%	86%

NKEA — GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
GKL EPP1: Menarik 100 syarikat paling dinamik di dunia dalam sektor keutamaan	Jumlah Surat Tunjuk Minat disiapkan untuk MNC melaksanakan aktiviti Ibu Pejabat Serantau/Hab Serantau di GKL	13	13	100%	100%	1.0
	Jumlah pekerjaan kemahiran tinggi baru diperuntukkan / diluluskan	600	1,862	310%	100%	1.0
	Jumlah perbelanjaan MNC dalam tahun 2016 (RM juta)	550	1,130	205%	100%	1.0
	Pekerjaan tahunan yang direalisasikan (pekerjaan berkemahiran tinggi dalam senarai gaji) berdasarkan pekerjaan yang diberikan komitmen/diluluskan bagi tahun 2016	350	540	154%	100%	1.0
GKL EPP2: Menarik gabungan bakat terbaik dari dalam negeri dan luar negara	Bilangan permohonan diluluskan di bawah <i>Returning Expert Program</i>	800	398	50%	50%	0.0
	Peratus pengeluaran Proses Pas Pekerjaan dalam masa 5 hari bekerja	80%	82%	103%	100%	1.0
	Pemegang biasiswa JPA baru di bawah Program STAR	1,200	1,217	101%	100%	1.0
	Bilangan permohonan diluluskan di bawah <i>Program Residence Pass-talent</i>	1,200	1,234	103%	100%	1.0
GKL EPP3: Menghubungkan KL dengan Singapura melalui sistem Kereta Api Berkelajuan Tinggi	Pembentukan Jawatankuasa Dua Hala TOR – dinilai dan dimuktamadkan oleh SPAD	100%	100%	100%	100%	1.0
	Rangka Kerja Pengawalseliaan – dinilai & dimuktamadkan oleh SPAD	100%	100%	100%	100%	1.0
	Peratus penyempurnaan kerja-kerja pemasangan trek	100%	100%	100%	100%	1.0
	Bilangan tren diantar dan diuji di Depot Sungai Buloh	50	52	104%	100%	1.0
GKL EPP4: Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi	Peratus penyiapan operasi percubaan Fasa 1	100%	100%	100%	100%	1.0
	Nisbah kadar kekerapan kemalangan	1.5	1.0	100%	100%	1.0
	11 Paket dianugerahkan mengikut perancangan menjelang akhir tahun 2016	100%	127.3%	127%	100%	1.0

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

NKEA – GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY (sambungan)

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
GKL EPP5: Memulihkan Sungai Klang dan Sungai Gombak untuk dijadikan Kawasan Warisan dan Pusat Komersial untuk Greater KL/KV	Peratus penyiapan Loji Rawatan Pembentungan di Bunus	60%	66%	111%	100%	1.0
	Peratus penyiapan Loji Rawatan Sisa di Jinjang Kepong	11%	11.1%	101%	100%	1.0
	Keputusan kualiti air daripada 2 stesen pemantauan kualiti air terpilih memenuhi WQI ≥ 60 (Kelas III) i) Sungai Gombak (IK17 - Stn. Tun Razak) ii) Sungai Klang (IK25 - Stn. Abdullah Hukum)	100%	100%	100%	100%	1.0
	Penyiapan peringkat perancangan bagi pelaksanaan Program Jangkauan Awam (POP) sehingga pelantikan perunding bagi fasa 3, 4 dan 5	100%	100%	100%	100%	1.0
	Peratus kemajuan pembinaan bagi kerja-kerja Pengindahan Sungai dan sistem pemintas	20%	17.4%	87%	87%	0.5
	Pemantauan kualiti pelepasan air sisa dari semua Loji Rawatan Air Sisa (WWTP) kepada Indeks Kualiti Air (WQI) ≥ 76.5 i) Pasar Harian Selayang ii) Pasar Jalan Kelang Lama iii) Pasar Air Panas iv) Pasar Sentul Pasar v) Pasar Borong Kuala Lumpur	100%	100%	100%	100%	1.0
	Peluaran efluen dari semua 98 perangkap gris komunal dipasang untuk mematuhi Garis Panduan Industri Pembentungan Malaysia (FOG= ≤ 50 mg/l)	100%	100%	100%	100%	1.0
GKL EPP6: Penghijauan Greater KL untuk memastikan penduduknya menikmati kawasan hijau yang mencukupi	Jumlah pokok ditag menggunakan Koordinat GPS	40,000	43,325	108%	100%	1.0
	Jumlah pokok disumbangkan	2,500	7,298	292%	100%	1.0
	Jumlah taman diambil/ditaja	4	4	100%	100%	1.0
GKL EPP7: Mewujudkan tempat dan tarikan ikonik	Jejak Warisan 5 : Peratus penyiapan pembangunan projek Fasa 1	50%	50.7%	101%	100%	1.0
	Jejak Warisan 5 : Peratus penyiapan reka bentuk projek Fasa 2	100%	65%	65%	65%	0.5
	Peratus penyiapan laporan penilaian hasil bagi keberkesanan Jejak Warisan 1-3	100%	100%	100%	100%	1.0
GKL EPP8: Mewujudkan rangkaian pejalan kaki yang menyeluruh	Peratus penyiapan Kajian Senario Asas untuk membuat pengiraan tapak kaki (footfall) (penggunaan) bagi Rangkaian Pejalan Kaki NKEA dan bukan NKEA di KL	100%	100%	100%	100%	1.0
	Peratus penyiapan kajian kebolehlaksanaan untuk membangunkan suatu siri penaittarafan atau pembangunan rangkaian pejalan kaki baru di KL bagi tahun 2017 dan seterusnya	100%	100%	100%	100%	1.0
GKL EPP9: Pengurusan Sisa Pepejal	Peratus penyiapan sistem pra-rawatan dan penaittarafan Sistem Rawatan Leachate di Taman Beringin	100%	100%	100%	100%	1.0

NKEA — GREATER KUALA LUMPUR/KLANG VALLEY (sambungan)						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
GKL BO#3: Pembentangan (Non-River)	Loji rawatan kumbahan dan rangkaian Langat	24%	26.3%	110%	100%	1.0
	Peratus penyediaan pembinaan Rangkaian Paip di Petaling Jaya Utara (Pakej D47)	99%	93.6%	84%	84%	0.5
	Peratus kemajuan kerja pembinaan Rangkaian Paip di Kajang 1 & 3 (Pakej D49)	40%	43.5%	113%	100%	1.0
	Peratus kemajuan kerja pembinaan Rangkaian Paipi Lot 130 Klang (Pakej D55)	99%	99%	100%	100%	1.0
JUMLAH				114%	97%	93%

NKEA — PENJAGAAN KESIHATAN						
No KPI	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
HEALTH EPP2: Mewujudkan ekosistem yang menyokong pembangunan penyelidikan klinikal	Jumlah ujian klinikal baru	155	162	105%	100%	1.0
	Jumlah ujian klinikal baru yang dijalankan di fasiliti KKM	99	101	102%	100%	1.0
HEALTH EPP3: Meneroka peluang untuk eksport barang farmaseutikal	Peratus cadangan offtake yang siap diproses dalam tempoh 87 hari bekerja seperti yang tertara dalam SOP yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan (diproses bererti Lembaga Perolehan A telah memutuskan cadangan tersebut dan permohonan dilanjutkan kepada Perbadanan)	100%	100%	100%	100%	1.0
	Peratus pengilang (Racun Berjadual) farmaseutikal yang dilesenkan yang memenuhi keperluan GMP	100%	100%	100%	100%	1.0
	Pertumbuhan eksport produk farmaseutikal (RM juta)	678	737.31	109%	100%	1.0
	Hasil yang dijana daripada Healthcare Travellers (RM juta)	1,000	1,123.03	112%	100%	1.0
HEALTH EPP4: Mencergaskan semula pelancongan kesihatan melalui pengalaman pelanggan yang lebih mesra, kerjasama proaktif dan pemasaran kbeitaraan	Hasil yang dijana daripada Healthcare Tourists (RM juta)	660	687.72	104%	100%	1.0
	Peratus masa yang diambil untuk memproses penyerahan yang lengkap yang diterima pada tahun 2016 bagi memproses lesen penubuhan dalam tempoh 30 hari bekerja	90%	100%	111%	100%	1.0
	Bilangan makmal GLP bagi ujian praklinikal peranti perubatan	1	1	100%	100%	1.0
HEALTH EPP7-14: Peranti perubatan	Bilangan peranti perubatan yang akan didaftarkan	70,000	82,306	118%	100%	1.0
	Eksport peranti perubatan (RM bilion)	10.6	9.69	91%	91%	0.5
	Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta bagi Warga Emas akan dibentangkan dan dikemukakan di Parlimen menjelang akhir tahun 2016	100%	50%	50%	50%	0.0
	JUMLAH			100%	95%	88%

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

NKEA – MINYAK, GAS DAN TENAGA						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
OGE EPP2: Membangunkan telaga kecil	Jumlah pengeluaran dari Kawasan Pinggiran (minyak dan gas) (kboe/d) Pengeluaran dari Kawasan pinggiran (Minyak) - Ribu Tong sehari (kbd) Pengeluaran dari Kawasan Pinggiran (Gas) h - Juta Standard Kaki Kubik Sehari (MMscfd)					*Maklumat adalah sulit atas permintaan pihak-pihak yang berkenaan
OGE EPP3: Memperhebat Aktiviti Cari Gali	Bilangan telaga minyak yang telah diteroka					
OGE EPP5: Membuka permintaan gas premium di Semenanjung Malaysia	Pelaksanaan Akses Pihak Ketiga (Pindaan Akta Pembekalan Gas) 2013 : 90% 2014 : 90% 2015 : 90% (telah diubah kepada pencapaian dengan sasaran 100%, dan mencapai 70% pada tahun 2015. Sasaran yang belum dicapai dipantau pada tahun 2016 dengan sasaran 100%) Pelaksanaan Akses Pihak Ketiga (Penyiapan instrumen relevan bagi pelan pelaksanaan akses pihak ketiga) Penetapan Harga Gas & Pemasaran – RAPID & Pengerang COGEN Power GSA @ market price	100%	100%	100%	100%	1.0
OGE EPP6: Menarik minat MNC untuk membawa operasi perkhidmatan medan minyak dan peralatan mereka ke Malaysia	Jumlah pelaburan yang dibuat oleh Pembekal serta syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (RM juta)	650	683.7	105%	100%	1.0
OGE EPP7: Syarikat tempatan berjaya di arena antarabangsa	Bilangan pembida kali pertama (syarikat) untuk projek antarabangsa di segmen pasaran baru (termasuk negara baru atau segmen pasaran baru dalam negara yang sama)	10	10	100%	100%	1.0
OGE EPP 8: Menarik minat MNC untuk menubuhkan operasi di Malaysia dan bekerjasama dengan syarikat tempatan	Bilangan MNC yang membawa operasi global mereka ke Malaysia atau pengabungan/usaha sama antara syarikat OGSE tempatan dan MNC global	6	6	100%	100%	1.0
OGE EPP9: Mempertingkatkan kecekapan tenaga	Bilangan bangunan yang akan telah diaudit Pengurangan Tarif Industri Khas (Special Industrial Tariff,SIT) sebanyak 2% bagi tahun 2016	10	10	100%	100%	1.0
OGE EPP10: Membangunkan kapasiti tenaga boleh baru	Jumlah kapasiti RE yang dipasang melalui Mekanisme FIT Garis Panduan Solar Skala Besar (Large Scale Solar,LSS) pada tahun 2016 Menggunakan 50 MW di bawah Meter Tenaga Bersih	400	412	103%	100%	1.0
OGE EPP 11: Menggunakan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Kuasa	Memuktamadkan draf Akta Tenaga Atom	100%	90%	90%	90%	0.5

NKEA — MINYAK, GAS DAN TENAGA (sambungan)						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
OGE EPP13: Meningkatkan output petrokimia	Pewujudan taman industri di PIPC untuk melengkapkan pelaburan sedia ada oleh DIALOG-Vopak dan PETRONAS	100%	25%	25%	25%	0.0
	JPDC mendapatkan pelabur hilir berpotensi kepada PIPC melalui LOIs	6	7	117%	100%	1.0
	Semakan semula Rancangan Induk PIPC untuk memastikan rancangan tersebut terus relevan, tepat dan realistik bersandarkan perkembangan semasa industri hilir minyak dan gas	100%	50%	50%	50%	0.0
	Pembangunan projek infrastruktur PIPC kritikal yang dirancang bagi tahun 2016 untuk menyokong DIALOG-Vopak dan PETRONAS	100%	85%	85%	85%	0.5
JUMLAH				96%	89%	73%

NKEA — MINYAK SAWIT DAN GETAH						
EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
POR EPP1: Mempercepat Penanaman Semula dan Penanaman Baharu Kelapa Sawit serta Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Bebas	Kawasan penanaman semula dan penanaman baru yang diluluskan bagi pekebun-pekebun kecil (hektar)	7,000	11,475	164%	100%	1.0
	Kawasan penanaman semula dan penanaman baru oleh pekebun-pekebun kecil (hektar)	15,000	17,663	118%	100%	1.0
	Penyepadan hasil tanaman telah dilaksanakan (hektar)	500	508	102%	100%	1.0
	Bilangan projek individu di bawah skim integrasi ternakan (kambing dan lembu)	85	27	32%	32%	0.0
POR EPP2: Meningkatkan Hasil Buah Tandan Segar (BTS)	Jumlah BTS yang dijual kepada kilang oleh semua koperasi pada akhir tahun (MT)	40,000	47,766.32	119%	100%	1.0
	Bilangan koperasi baru yang mula menjual BTS kepada kilang dengan minimum 500 MT/tahun	5	5	100%	100%	1.0
	Kawasan baru ladang/pekebun kecil yang patuh kepada MSPO/RSPO/CoGAP (hektar): (i) MSPO	50,000	122,521	245%	100%	1.0
	Kawasan baru ladang/pekebun kecil yang patuh kepada MSPO/RSPO/CoGAP (hektar): (ii) RSPO	50,000	22,442.05	45%	45%	0.0
POR EPP3: Meningkatkan Produktiviti Pekerja di Ladang	Hasil Purata Nasional (MT/hektar/tahun)	20.50	15.91	78%	78%	0.5
	Pengeluaran BTS Nasional (juta MT)	103	86.33	84%	84%	0.5
	Bilangan ahli baru kelab 30 tan	100	116	116%	100%	1.0
	Kit Suresawit untuk membantu pensijilan tapak semaihan kelapa sawit seperti yang berikut: Bilangan sampel yang diuji	150,000	171,067	114%	100%	1.0
POR EPP4: Meningkatkan Kadar Pengekstrakan Minyak	Kadar pemanfaatan geran penjenteraan (RM750,000 bagi 20% diskaun bagi tujuan pembelian mesin)	100%	84.5%	85%	85%	0.5
	Jumlah Kilang Minyak Sawit yang diperakurkan oleh Kod Amalan Baik MPOB dan pensijilan antarabangsa lain:(i) CoPM/MSPO	10	9	90%	90%	0.5
	Kadar Pengekstrakan Minyak (%)	21.50%	20.2%	94%	94%	0.5

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

NKEA – MINYAK SAWIT DAN GETAH (sambungan)

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
POR EPP5: Membangunkan Kemudahan Biogas di Kilang Minyak Sawit	Kemajuan pembinaan loji biogas bagi 8 buah kilang baru (%)	100%	150%	150%	100%	1.0
	Kemajuan pembinaan 2 kilang biogas baru yang disambungkan ke grid (%)	100%	350%	350%	100%	1.0
POR EPP6: Membangunkan Derivatif Oleo Kimia	Kadar pemanfaatan dana prapengkomersialan dan pemerolehan teknologi (%)	100%	144.8%	145%	100%	1.0
POR EPP8: Mempercepatkan pertumbuhan segmen hiliran berdasarkan makanan dan kesihatan	Kadar pemanfaatan dana untuk produk makanan dan kesihatan (%)	100%	80.5%	80%	80%	0.5
POR EPP9: Memastikan Kemampunan Industri Huluan Getah	Kawasan penanaman semula dan penanaman baru oleh pekebun kecil getah (hektar)	6,802	6,802	100%	100%	1.0
POR EPP10: Meningkatkan Ekuiti dalam Pasaran Sarung Tangan Getah Dunia	Eksport getah asli dan getah kompaun Malaysia (juta MT)	1	1	100%	100%	1.0
	Pendapatan daripada Eksport Produk Getah Malaysia (RM bil)	13	14	108%	100%	1.0
	Jumlah piawaian yang dipatuhi getah dan produk getah menggunakan peralatan yang baru dikomersyenkan	5	4	80%	80%	0.5
POR EPP11: Mengkomersialkan Ekoprena dan Pureprena	Jualan Ekoprena and Pureprena (MT)	700	409	58%	58%	0.5
	Produk ujian kolaborasi komersial yang dihasilkan (jumlah perjanjian yang ditandatangani)	6	7	117%	100%	1.0
JUMLAH				115%	89%	76%

NKEA – PELANCONGAN

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
TOUR EPP1: Meletakkan Malaysia sebagai destinasi beli-belah yang dinamik	Jumlah perbelanjaan pelancong untuk beli-belah (RM bil)	31	26	84%	84%	0.5
	Jumlah orang (footfalls) di Pasar Raya di BBKLCC	100	131.49	131%	100%	1.0
TOUR EPP4: Meletakkan Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan terunggu	Jumlah pengunjung ke Hab Biodiversiti Mega Malaysia (MMBH)	625,000	859,409	138%	100%	1.0
	Peratus penyiaran penaiktarafan Sepang Environmental Interactive Centre (EIC)	100%	100%	100%	100%	1.0
TOUR EPP5: Memperluas penawaran pelancongan dalam bidang-bidang kbeitaraan	Hasil yang dijana daripada pelancongan golf (RM juta)	330	335	102%	100%	1.0
TOUR EPP6: Membangunkan Pelancongan Pelayaran Persiaran	Jumlah penumpang kapal pelayaran persiaran di pelabuhan Malaysia	550,000	682,063	124%	100%	1.0
TOUR EPP7: Meletakkan Malaysia sebagai destinasi acara & hiburan yang meriah	Bilangan persinggahan kapal pelayaran persiaran antarabangsa di pelabuhan Malaysia	394	435	110%	100%	1.0
	Jumlah pelancong antarabangsa di Acara Antarabangsa yang disokong oleh MYCEB	78,000	98,813	127%	100%	1.0
TOUR EPP9: Memartabatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perniagaan yang unggul	Jumlah zon hiburan & gaya hidup terpilih yang diluluskan	1	0.7	70%	70%	0.5
	Jumlah kehadiran delegasi bagi acara yang dianjurkan (delegate days)	300,000	378,412	126%	100%	1.0

NKEA — PELANCONGAN (sambungan)

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
TOUR EPP11: Mempertingkatkan kesalinghubungan udara ke Malaysia dari pasaran keutamaan	Jumlah tempat duduk mingguan ke negara keutamaan yang dikenal pasti oleh semua syarikat penerbangan Malaysia	120,500	142,088	118%	100%	1.0
TOUR EPP12: Menambah baik jenis & kualiti hotel & resort bersepadu	Jumlah bilik hotel 4 bintang & 5 bintang baru	2,500	2,924	117%	100%	1.0
JUMLAH				104% 	91% 	87%

NKEA — PERUNCITAN DAN PEMBORONGAN

EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
WR EPP1: Meningkatkan bilangan kedai format besar	Jumlah pasar raya hyper baru	6	7	117%	100%	1.0
	Jumlah pasar raya besar baru	5	12	240%	100%	1.0
WR EPP2: Pemodenan melalui Program Transformasi Kedai Runcit Kecil (TUKAR)	Jumlah kedai runcit yang dimodenkan di bawah program TUKAR	150	151	101%	100%	1.0
WR EPP4: Transformasi bengkel automotif (ATOM)	Jumlah bengkel yang dimodenkan di bawah program ATOM	100	100	100%	100%	1.0
WR EPP5: Membangunkan bazar makan	Mengenal pasti tapak Bazar Makan baru	1	1	100%	100%	1.0
WR EPP7: Gedung Maya	Bilangan penjual di amaxMALL	500	646	129%	100%	1.0
WR EPP11: Menganjurkan jualan bersepadu Malaysia	Jumlah subsektor yang terlibat dalam Jualan Bersepadu 1Malaysia	60	60	100%	100%	1.0
JUMLAH				127% 	100% 	100%

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

SRI – MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN					
KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Jumlah nilai peluang perniagaan yang dicipta untuk syarikat Bumiputera (RM bilion)	10.0	11.54	115%	100%	1.0
Mencapai kelulusan kewangan bagi syarikat Bumiputera pada minimum 3.0 kali daripada dana kerajaan diterima masing-masing	3.0	3.20	107%	100%	1.0
Peningkatan dalam G.E.T (Pertumbuhan, Penciptaan Pekerjaan dan Perolehan/Hasil) bagi 60% syarikat mikro dan kecil yang menyertai program-program INSKEN500	10%	9.1%	91%	91%	0.5
JUMLAH			104% 	97% 	83%

SRI – PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI					
KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Bilangan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang diiktiraf (baru/diperbaharui) di bawah myGAP	750	829	111%	100%	1.0
Bilangan ladang akuakultur yang diiktiraf (baru/diperbaharui) di bawah myGAP	158	159	101%	100%	1.0
Bilangan ladang/premis ternakan yang diiktiraf (baru/diperbaharui) di bawah myGAP	200	210	105%	100%	1.0
Bilangan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran baru yang diiktiraf di bawah MyOrganik	20	15	75%	75%	0.5
Bilangan syarikat yang dianugerahi pensijilan baru oleh Badan Pensijilan yang Bertauliah	1,070	1,225	114%	100%	1.0
Bilangan syarikat pengeluaran makanan baru yang dianugerahi pensijilan 'Makanan Selamat Tanggungjawab Industri' (MeSTI)	710	744	105%	100%	1.0
Bilangan produk baru di bawah Program MyHIJAU	1,800	1,958	109%	100%	1.0
JUMLAH			103% 	96% 	93%

SRI – PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Peratusan wanita dalam peringkat Lembaga Pengarah (Syarikat Senaraian Awam sahaja daripada SSM)	20%	16.6%	83%	83%	0.5
Peratusan wanita dalam lembaga syarikat senaraian awam (BURSA)	12%	12%	100%	100%	1.0
Bilangan pusat asuhan kanak-kanak baru > Di tempat kerja > Institusi > Kerajaan > Rumah berdaftar > Pemberitahuan untuk penjagaan di rumah bagi kanak-kanak di bawah 4 orang	100%	131%	131%	100%	1.0
Bilangan tambahan wanita yang memegang jawatan daripada Program Pengarah Wanita dan Kelab 30%	25	14	56%	56%	0.5
Bilangan syarikat yang menyediakan kemudahan atau manfaat penjagaan kanak-kanak kepada pekerja	50	32	64%	64%	0.5
Bilangan pengasuh kanak-kanak yang terlatih melalui Kursus Asuhan PERMATA atau Kursus Asas Asuhan	1,200	1,637	136%	100%	1.0
Sistem pengumpulan data akan diperluas kepada semua pusat asuhan kanak-kanak yang berdaftar	100%	95.3%	95%	95%	0.5
Untuk menyiapkan Kajian Maklumat Tenaga Buruh	100%	80%	80%	80%	0.5
Program Peningkatan Keupayaan HR untuk SME	25,000	33,735	135%	100%	1.0
Kajian Kepuasan Pusat Panggilan Pelanggan PSMB	80%	83%	104%	100%	1.0
Number of Employers Registered with National Human Resource Centre (NHRC) Bilangan Majikan yang Berdaftar di bawah Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (NHRC)	6,000	11,605	193%	100%	1.0
Pemeriksaan Perintah Gaji Minimum (termasuk)	30,000	38,245	127%	100%	1.0
Draf kajian semula EA, IRA dan Kesatuan Perdagangan telah tersedia dan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) (Jika TPPA ditandatangani)	100%	70%	70%	70%	0.5
Bilangan penempatan pekerja wanita	150	168	112%	100%	1.0
Keberkesanan Skim Pengurusan Pekerjaan Siswazah (GEMS) dan Peningkatan Kemahiran (i) Bilangan pelatih di bawah GEMS dan program Peningkatan Kemahiran (ii) 80% daripada mereka yang dilatih pada tahun 2015 telah mendapat pekerjaan	100%	99.5%	100%	100%	1.0
Peratusan penyediaan laporan pengenalpastian jurang kemahiran kritikal	100%	100%	100%	100%	1.0
Bilangan syarikat baru yang menawarkan sistem kerja fleksibel, fasiliti atau manfaat yang mesra keluarga	30	32	107%	100%	1.0
Bilangan penempatan latihan industri	15,000	16,452	110%	100%	1.0
JUMLAH			100% 	87% 	78%

PENUNJUK PRESTASI UTAMA 2016

SRI – TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1 %	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Melaksanakan Penjagaan Kesihatan LEAN di hospital KKM	15	36	240%	100%	1.0
Purata masa beroperasi lif di 5 PPR di bawah DBKL	90%	0%	0	0	0
Melaksanakan penyenggaraan jalan raya protokol dan utama di bawah DBKL	43%	107%	119%	100%	1.0
Melaksanakan Penjagaan kesihatan LEAN di hospital universiti di bawah KPT	1	1	100%	100%	1.0
JUMLAH			140% 	100% 	100%

SRI – PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM

KPI	Sasaran	Sebenar (FY)	Kaedah 1 (YTD)	Kaedah 2 %	Kaedah 3 %
Peratusan Pelaksanaan Aktiviti bagi Perakaunan Akruan untuk tahun 2016	100%	55.7%	56%	56%	0.5
JUMLAH			56% 	56% 	50%

Pejabat Penasihat kepada Perdana Menteri, Program Transformasi Negara

Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 3, Blok Timur,
Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya.

Tel : +603 8872 7237

Faks: +603 8888 7107

www.pemandu.gov.my